



RHB BANK BERHAD



# MAJU KE HADAPAN *bersama* AGILE@SCALE

**EKOSISTEM  
PEMILIK  
RUMAH  
INOVATIF RHB  
TERUS MAJU**

**APLIKASI RAKAN RHB**

**No. 1** Aplikasi Rujukan Gadai Janji Pertama dalam Industri

- Kolaborasi dengan pemaju perumahan, agen hartanah dan penyedia khidmat atas talian untuk rujukan gadai janji

**APLIKASI MYHOME RHB**

**No. 1** Inovasi pertama seumpamanya di ASEAN

- Memudahkan permohonan permohonan pinjaman perumahan
- Memberikan kelulusan segera secara prinsip

**LAMAN SESAWANG RHB MYHOME**

**No. 1** Laman sesawang pertama seumpamanya di dalam industri

- Platform semua-dalam-satu direka bentuk untuk mentransformasi perjalanan pasca pembelian

**RHB TERUS MEMBERI IMPAK POSITIF KEPADA PERNIAGAAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA**

Lebih daripada **100,000** perniagaan diperkasakan secara positif menerusi Ekosistem PKS, menjana permintaan pinjaman sebanyak RM5 bilion pada tahun 2019

**Ekosistem PKS RHB**

meliputi titik jualan ("POS"), penggajian, perakaunan dan pengurusan tunai

Diiktiraf sebagai **PEMINJAM UTAMA** di

bawah skim jaminan PKS Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan ("SJPP")

**SEGALANYA MAMPU DIKECAPI DENGAN CARA KERJA YANG LEBIH BAIK**

Lebih daripada **2,000 kakitangan** bekerja secara Agile pada 2019 berbanding 130 pada 2018

Melahirkan kakitangan yang lebih terhubung dan **meningkatkan produktiviti** sebanyak **15%**

Mendorong kepada:

- Penghasilan nilai Net Promoter ("NP") sebanyak 9 mata di Malaysia
- Skor Kajian Keterlibatan Pekerja ("EES") sebanyak 90% (melebihi purata Industri Perkhidmatan Kewangan Malaysia)

**MENGHASILKAN PENGIKTIRAFAN JENAMA**

**Anugerah Jenama Putra: Perak pada 2019**

Gangsa pada 2018

**NILAI JENAMA** meningkat sebanyak **45%** pada 2019 kepada **USD956 juta** didorong oleh peningkatan kesedaran pelanggan dan RHB sebagai pilihan utama

**SOROTAN KEWANGAN**

Jumlah Aset  
**RM257.6 bilion**

Keuntungan Sebelum Cukai  
**RM3.4 bilion**

Jumlah Pendapatan  
**RM7.1 bilion**

Nisbah Kos kepada Pendapatan  
**48.9%**

Ekuiti Pemegang Saham  
**RM25.8 bilion**

Keuntungan Bersih  
**RM2.5 bilion**

**Kandungan Laporan Ini**

**TENTANG LAPORAN INI**

**KAMI ADALAH RHB BANK**

- 03 Siapa Kami
- 04 Struktur Korporat Kumpulan Perbankan RHB
- 06 Apa Yang Kami Lakukan
- 08 Di Mana Kami Beroperasi
- 10 Perihal Pelaburan Kami

**PENYATA KEPIMPINAN KAMI**

- 12 Catatan Daripada Pengerusi Kami
- 14 Kenyataan Pengarah Urusan Kumpulan
- 19 Ulasan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

**KAJIAN STRATEGIK KAMI**

- 31 Landskap Pasaran Serantau
- 38 Keterlibatan dengan Pemegang Berkepentingan
- 42 Menilai Perkara-perkara Material Kami
- 46 Model Perniagaan yang Mencipta Nilai
- 48 Hala tuju Strategik Kami - FIT22
- 50 Agile@Scale
- 52 Risiko dan Peluang

**TINJAUAN PRESTASI KAMI**

- 60 Gambaran Operasi
  - Analisis Segmen
  - Perbankan Runcit Kumpulan
  - Perbankan Perniagaan & Transaksi Kumpulan
  - Perbankan Borong Kumpulan
  - Perniagaan Syariah Kumpulan
  - Insurans Kumpulan
  - RHB Singapura
  - Perniagaan Antarabangsa
- 92 Pendekatan Kami Terhadap Kemampunan

**TADBIR URUS KAMI**

- 94 Lembaga Pengarah Kami, Sekilas Pandang
- 96 Profil Lembaga Pengarah
- 101 Profil Pengerusi Syarikat Operasi Utama
- 102 Profil Jawatankuasa Syariah
- 104 Pengurusan Kanan Kumpulan Perbankan RHB
- 104 Profil Pengurusan Kanan Kumpulan Perbankan RHB
- 106 Tadbir Urus bagi Kemampunan Perniagaan
  - Amalan Tadbir Urus Kami Sepanjang Tahun
  - Kemajuan dan Pencapaian Penting Tadbir Urus
  - Rangka kerja Tadbir Urus
  - Akauntabiliti
  - Pematuhan Kumpulan
  - Integriti Korporat & Tatasusila Perniagaan Beretika
  - Komunikasi Pemegang Berkepentingan
- 123 Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah
- 128 Laporan Jawatankuasa Syariah
- 130 Pendedahan Maklumat Pematuhan Tambahan
- 132 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

**MAKLUMAT PEMEGANG BERKEPENTINGAN**

- 141 Analisis Pemegang Saham
- 142 Klasifikasi Pemegang Saham
- 143 Perubahan Modal Saham
- 144 Senarai Tiga Puluh (30) Pemegang Saham Utama
- 146 Senarai Sepuluh (10) Hartanah Utama
- 147 Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kelima Puluh Empat (Ke-54)
- 152 Penyata Mengiringi Notis MAT ke-54 Syarikat

**Muka hadapan kami**

RHB kekal komited untuk menjadikan perbankan mudah, cepat dan lancar.

Para pelanggan adalah keutamaan kami dalam apa jua yang kami lakukan – kami terus berusaha untuk memperkasakan dan menambah baik perjalanan perbankan mereka dengan memanfaatkan teknologi digital. Bagi menyokong usaha ini, dan selaras dengan strategi FIT22 kami, kami akan terus mengintegrasikan Agile@Scale ke dalam DNA kami untuk membangunkan model operasi yang berjaya. Kakitangan kami kini lebih efektif dan kami akan terus meningkatkan keupayaan, kecekapan dan kreativiti kami untuk menghasilkan nilai mampan kepada pemegang berkepentingan kami.

Ini adalah janji kami, sambil kami maju ke hadapan dengan Agile@Scale.

# Tentang Laporan Ini

## RANGKA KERJA PELAPORAN

Pada tahun 2019, **KUMPULAN PERBANKAN RHB** telah mula mengambil langkah peralihan pelaporan tahunan kepada Laporan Tahunan Bersepadu sepenuhnya. Meliputi tempoh antara 1 Januari 2019 dan 31 Disember 2019, laporan ini adalah seimbang dan telus kerana ia berperanan untuk memaklumkan pemegang saham mengenai kemajuan dan prestasi kami terhadap pelan strategik untuk mencipta nilai yang berpanjangan. Kumpulan Perbankan RHB berhasrat untuk meneruskan evolusi dalam perjalanan kami, dan kami akan dipandu oleh garis-garis panduan dan rangka kerja tempatan dan antarabangsa di sepanjang perjalanan ini. Laporan ini juga memperincikan butiran mengenai prestasi kewangan dan bukan kewangan kami pada 2019 serta prospek untuk jangka masa pendek, sederhana dan panjang sebagai panduan untuk membolehkan pemegang berkepentingan membuat keputusan pelaburan yang lebih baik.

## BATAS DAN SKOP

RHB Bank Berhad adalah sebuah syarikat tersenarai awam di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Laporan ini merangkumi RHB Bank Berhad dan anak-anak syarikatnya merentasi Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara ("ASEAN"). Rujukan kepada 'Kumpulan Perbankan RHB', 'Organisasi', 'RHB' dan 'kami' merujuk kepada RHB Bank Berhad dan/atau anak-anak syarikatnya.

Skop laporan ini hanya merangkumi strategi, inisiatif dan aktiviti Kumpulan Perbankan merentasi ASEAN. Memandangkan kami masih di dalam proses pengumpulan data untuk memastikan pelaporan dan pendedahan yang lebih baik pada masa hadapan, sesetengah maklumat adalah terbatas kepada sektor-sektor geografi. Data yang spesifik kepada lokasi dinyatakan di mana terpakai.

Sepanjang penyediaan laporan ini, kami dipandu oleh amalan terbaik sepertimana ditetapkan oleh rangka kerja laporan integrasi antarabangsa. Secara tempatan, kami telah mematuhi Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("MCCG"), Syarat Penyenaraian Pasaran Utama ("MMLR") Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia"), Panduan Pelaporan Kemampanan Bursa Malaysia (edisi kedua), Panduan Urus Tadbir Korporat Bursa Malaysia, Akta Syarikat 2016, Garis panduan dan Dokumen Polisi Bank Negara Malaysia ("BNM"), Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan keperluan kawal selia lain di mana terpakai.

Semua maklumat yang dibentangkan adalah setakat 31 Disember 2019, kecuali dinyatakan sebaliknya.

*Sekiranya terdapat percanggahan, versi Bahasa Inggeris laporan ini akan terpakai.*

## IKON PELAYARAN

Laporan ini akan merujuk dan membincangkan enam modal penciptaan nilai Kumpulan Perbankan RHB. Setiap modal diwakili oleh ikon pelayaran, sebagaimana dilihat di sini, bagi memudahkan rujukan para pembaca.

## ENAM MODAL

<b>FC</b>	Modul Kewangan	<b>HC</b>	Modul Insan
<b>IC</b>	Modul Intelektual	<b>MC</b>	Modul Buatan
<b>SRC</b>	Modul Sosial dan Hubungan	<b>NC</b>	Modul Semulajadi

## RANGKUMAN LAPORAN KAMI



### Laporan Tahunan Bersepadu

Laporan utama kami ialah untuk menyampaikan strategi penciptaan nilai, prestasi dan tinjauan kepada pemegang berkepentingan kami

### Laporan Kewangan

Butiran penyata kewangan dan analisis keputusan kewangan Kumpulan Perbankan RHB, yang disokong selanjutnya oleh laporan juruaudit bebas

### Laporan Kemampanan

Laporan yang menyampaikan pendekatan Kumpulan Perbankan RHB terhadap kemampanan dan usaha ke arah mencipta nilai mampan

## PENYATA PERANCANGAN HADAPAN

Laporan ini mengandungi beberapa penyata perancangan hadapan berkaitan dengan prestasi perniagaan dan kewangan Kumpulan Perbankan RHB yang melibatkan risiko dan ketidakpastian disebabkan kebergantungan dengan peristiwa dan juga keadaan yang mungkin atau mungkin tidak akan berlaku di masa hadapan. Faktor-faktor yang boleh menyebabkan hasil sebenar menjadi berbeza secara ketara berbanding penyata perancangan hadapan termasuk keadaan ekonomi global, tempatan dan serantau; kadar faedah; kadar pertukaran asing; dan kredit atau perkara-perkara yang belum dikaji semula atau dilaporkan oleh juruaudit Kumpulan Perbankan RHB.

# Siapa Kami



RM  
**257.6**  
bilion

Jumlah Aset

RM  
**7.1**  
bilion

Jumlah Pendapatan

**14,345**


Kakitangan merentasi  
10 negara

**KUMPULAN PERBANKAN RHB** adalah sebuah penyedia perkhidmatan kewangan serantau multinasional yang beriltizam untuk menawarkan penyelesaian serba lengkap kepada para pelanggan melalui pelbagai tawaran segmen dan ekosistem yang memberi pengalaman mudah, cepat dan lancar kepada pelanggan, didorong oleh sokongan tenaga kerja padu yang berinspirasi serta hubungan yang dibina dengan pihak berkepentingan.

Sebagai salah sebuah bank yang terkemuka di Malaysia dengan kehadiran yang signifikan di ASEAN, RHB mempunyai penguasaan pasaran yang kukuh di Malaysia merentas produk dan segmen yang disasarkan. Dengan kekuatan tenaga pekerja seramai 14,345 orang secara keseluruhan, operasi Kumpulan Perbankan RHB merangkumi 10\* negara di rantau ASEAN.

\* Kami akan menamatkan perniagaan kami di Hong Kong, berkuatkuasa Suku Kedua 2020.

Imbas kod QR untuk melayari laman sesawang kami  
[www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com)



## Maklumat Korporat

**SETIAUSAHA SYARIKAT**  
Azman Shah Md Yaman  
(LS 0006901)

**Lai Su Ming**  
(MAICSA No. 7046164)

**PEJABAT BERDAFTAR**  
Tingkat 10, Tower Satu  
RHB Centre, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Tel : 603 9287 8888  
Faks : 603 9281 9314  
Laman sesawang : [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com)

**NO. PENDAFTARAN SYARIKAT**  
196501000373 (6171-M)

**PENDAFTAR SAHAM**  
Boardroom Share Registrars Sdn Bhd  
Tingkat 11, Menara Symphony  
No. 5, Jalan Professor Khoo Kay Kim  
Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor

**Shamsul Kamal Abdul Manaf**  
**Hastini Hassim**

Untuk pertanyaan pemegang saham  
No. Meja Bantuan : 603 7890 4700  
Faks : 603 7890 4670  
Emel : [BSR.Helpdesk@boardroomlimited.com](mailto:BSR.Helpdesk@boardroomlimited.com)


**JURUAUDIT**  
PricewaterhouseCoopers PLT  
Chartered Accountants  
Level 10, 1 Sentral  
Jalan Rakyat, Kuala Lumpur Sentral  
P.O.Box 10192  
50706 Kuala Lumpur  
Tel : 603 2173 1188  
Faks : 603 2173 1288

## PUSAT KHIDMAT PELANGGAN

**Malaysia**  
Tel : 603 9206 8118  
Emel : [customer.service@rhbgroup.com](mailto:customer.service@rhbgroup.com)

# Struktur Korporat Kumpulan Perbankan RHB

setakat 28 Februari 2020



# Apa Yang Kami Lakukan




Kumpulan Perbankan RHB adalah salah satu kumpulan perkhidmatan kewangan berintegrasi sepenuhnya yang terbesar di Malaysia. Teras perniagaan kami distrukturkan ke dalam beberapa tonggak perniagaan, iaitu Perbankan Runcit Kumpulan, Perbankan Perniagaan & Transaksi Kumpulan, Perbankan Borong Kumpulan, RHB Singapura, Perniagaan Syariah Kumpulan, Perniagaan Antarabangsa Kumpulan dan Insurans Kumpulan.

## PERBANKAN RUNCIT KUMPULAN

Perbankan Runcit Kumpulan ("GRB") menyediakan penyelesaian perbankan pengguna konvensional dan patuh Syariah.

Produk dan perkhidmatan runcit kami termasuk Pengurusan Aset, Bankasurans, Gadai Janji, Pembiayaan Auto, Pembiayaan ASB, Pembiayaan Peribadi, Kad Kredit, Pembayaran dan Deposit yang ditawarkan di seluruh cawangan dan platform digital kami.


Tonggak Pengurusan Aset kami menguruskan set perkhidmatan dan penawaran pelaburan yang penuh termasuk pengurusan dana amanah saham, khidmat penasihat pengurusan pelaburan, mandat persendirian, pembangunan produk dan perkhidmatan perkhidmatan pemegang amanah.

 Untuk maklumat lanjut, sila rujuk muka surat 61 hingga 66.

## PERBANKAN PERNIAGAAN DAN TRANSAKSI KUMPULAN

Perbankan Perniagaan dan Transaksi Kumpulan ("GBTB") menawarkan pelbagai penyelesaian perniagaan termasuk pinjaman dan pembiayaan, deposit, penyelesaian pengurusan tunai, perkhidmatan dan pembiayaan perdagangan, termasuk penyelesaian kewangan rantaian bekalan, FX, pengiriman wang dan perniagaan antara bank.


Perbankan Perniagaan Kumpulan menyediakan penyelesaian pembiayaan perusahaan kecil dan sederhana ("PKS") dan perusahaan milik keluarga, manakala, Perbankan Transaksi memenuhi penyelesaian pengurusan tunai dan perdagangan bagi PKS dan syarikat korporat yang besar.

 Untuk maklumat lanjut, sila rujuk muka surat 67 hingga 69.

## PERBANKAN BORONG KUMPULAN


Perbankan Borong Kumpulan mempunyai tiga elemen utama, iaitu, Perbankan Pelaburan Kumpulan, Perbankan Korporat Kumpulan dan Perbendaharaan Kumpulan dan Pasaran Global yang diwujudkan untuk menyediakan perkhidmatan yang komprehensif dan terselaraskan untuk pelanggan kami.

Ia menyediakan penyelesaian untuk pertumbuhan perniagaan termasuk khidmat nasihat penggabungan dan pengambilalihan ("M&A"), pengumpulan dana pasaran modal serta penstrukturan kewangan dan pembiayaan. Perkhidmatan mengoptimalkan kecekapan pelanggan termasuk pengurusan tunai, amanah dan sekuriti, penyelesaian perniagaan dan transaksi silang sempadan. Produk penyelidikan dan platform perdagangan kami membantu para pelanggan kami membuat pilihan pelaburan yang terbaik.

 Untuk maklumat lanjut, sila rujuk muka surat 70 hingga 79.


## PERNIAGAAN SYARIAH KUMPULAN

RHB Islamic adalah cabang perbankan Islam Kumpulan RHB. RHB Islamic menyediakan perkhidmatan perbankan dan kewangan patuh Syariah menerusi empat unit perniagaan: Perbankan Runcit, Perbankan Korporat & Pelaburan, Perbankan Perniagaan & Transaksi dan Perbendaharaan Islam. Ia kekal menjadi antara institusi kewangan pilihan bagi PKS dengan memenuhi permintaan yang sering berubah dan menambah nilai merentasi rantaian bekalan PKS dengan produk rantaian bekalan kewangan kami yang inovatif.

 Untuk maklumat lanjut, sila rujuk muka surat 80 hingga 83.


## INSURANS KUMPULAN

RHB Insurance, sebuah subsidiari RHB Bank Berhad, menyediakan perkhidmatan insurans am bagi pelanggan runcit dan korporat. Ia merupakan penginsurans ke-12 terbesar di Malaysia dengan bahagian pasaran sebanyak 3.9%, dan berkedudukan di kalangan 10 Penginsurans Terbaik bagi kebakaran.

 Untuk maklumat lanjut, sila rujuk muka surat 84 hingga 85.


## RHB SINGAPURA

RHB Singapura telah beroperasi selama lebih daripada lima dekad dan ia mempamerkan kecemerlangan dalam sektor kewangan. Sebagai penyumbang serantau utama bagi Kumpulan Perbankan RHB, ia meneruskan usaha mengukuhkan kedudukan dalam segmen pemodal sederhana dengan menyasarkan untuk menjadi bank pemangkin bagi PKS, menasihati kedua-dua keperluan perniagaan dan kewangan peribadi. Perniagaan teras bank diselaraskan kepada tujuh tonggak iaitu Perbankan Runcit, Perbankan Komersial, Perbankan Pelaburan dan Koprporat, serta Modal Pasaran, Pembrokeran dan Pengurusan Aset.

 Untuk maklumat lanjut, sila rujuk muka surat 86 hingga 88.

## PERNIAGAAN ANTARABANGSA

Perniagaan Antarabangsa RHB terdiri daripada portfolio perbankan komersial kami di luar negara. Kami memiliki rangkaian cawangan yang kukuh di Kemboja, Thailand, Lao PDR dan Brunei menawarkan pelbagai perkhidmatan merangkumi pinjaman, deposit, kewangan perdagangan dan kiriman wang bagi memenuhi keperluan pelanggan daripada semua segmen. Kami juga mengekalkan pejabat perwakilan di Vietnam dan Myanmar yang menawarkan perkhidmatan nasihat bagi syarikat-syarikat Malaysia yang berhasrat untuk menjalankan perniagaan di negara-negara tersebut.

 Untuk maklumat lanjut, sila rujuk muka surat 89 hingga 91.

Imbas kod QR untuk butiran lanjut mengenai perniagaan teras kami



## KEHADIRAN SERANTAU

### Singapura

- Perkhidmatan Perbankan Komersial, Pasaran Modal dan Sekuriti
- Pengurusan Aset
- Ditubuhkan pada 1961

### Indonesia

- Perkhidmatan Pasaran Modal dan Sekuriti
- Pengurusan Aset
- Ditubuhkan pada 1990

### Thailand

- Perkhidmatan Perbankan Komersial, Pasaran Modal dan Sekuriti
- Ditubuhkan pada 1964

### Kemboja

- Perkhidmatan Perbankan Komersial, Pasaran Modal dan Sekuriti
- Ditubuhkan pada 2008

### Lao PDR

- Perkhidmatan Perbankan Komersial
- Ditubuhkan pada 2014

### Brunei

- Perkhidmatan Perbankan Komersial
- Ditubuhkan pada 1965

### Vietnam

- Pejabat Perwakilan
- Perkhidmatan Pasaran Modal dan Sekuriti
- Ditubuhkan pada 2008

### Myanmar

- Pejabat Perwakilan
- Ditubuhkan pada 2014

### Hong Kong\*

- Perkhidmatan Pasaran Modal dan Sekuriti
- Ditubuhkan pada 2004

\* Kami akan menamatkan perniagaan kami di Hong Kong, berkuatkuasa Suku Kedua 2020.

# Di Mana Kami Beroperasi

## KEHADIRAN SERANTAU UTAMA

14,345 kakitangan  
348 cawangan/pejabat




Imbas kod QR untuk butiran lanjut mengenai RANGKAIAN CAWANGAN kami

### OUR REGIONAL PRESENCE AND PERFORMANCE



<b>Kakitangan</b>	<b>Jumlah Pendapatan</b>
2019 12,638	2019 RM6,302.6 juta
2018 12,719	
<b>Cawangan/Pejabat</b>	2018 RM6,056.0 juta
2019 289	
2018 303	



<b>Kakitangan</b>	<b>Jumlah Pendapatan</b>
2019 718	2019 SGD156.8 juta
2018 703	
<b>Cawangan/Pejabat</b>	2018 SGD145.5 juta
2019 9	
2018 9	



<b>Kakitangan</b>	<b>Jumlah Pendapatan</b>
2019 349	2019 IDR172.7 bil
2018 364	
<b>Cawangan/Pejabat</b>	2018 IDR234.2 bil
2019 16	
2018 16	



<b>Kakitangan</b>	<b>Jumlah Pendapatan</b>
2019 209	2019 THB766.9 juta
2018 227	
<b>Cawangan/Pejabat</b>	2018 THB821.0 juta
2019 12	
2018 14	



<b>Kakitangan</b>	<b>Jumlah Pendapatan</b>
2019 256	2019 USD26.7 juta
2018 234	
<b>Cawangan/Pejabat</b>	2018 USD24.0 juta
2019 13	
2018 13	



<b>Kakitangan</b>	<b>Jumlah Pendapatan</b>
2019 65	2019 LAK39.6 bil
2018 64	
<b>Cawangan/Pejabat</b>	2018 LAK36.1 bil
2019 3	
2018 3	



<b>Kakitangan</b>	<b>Jumlah Pendapatan</b>
2019 27	2019 BND3.8 juta
2018 26	
<b>Cawangan/Pejabat</b>	2018 BND3.7 juta
2019 1	
2018 1	



<b>Kakitangan</b>	<b>Jumlah Pendapatan</b>
2019 22	2019 VND11.6 bil
2018 1	
<b>Cawangan/Pejabat</b>	2018 VND5.9 bil
2019 2	
2018 1	



<b>Pejabat Perwakilan</b>	
---------------------------	--




<b>Kakitangan</b>	<b>Jumlah Pendapatan</b>
2019 61	2019 HKD28.2 juta
2018 87	
<b>Cawangan/Pejabat</b>	2018 HKD49.7 juta
2019 2	
2018 4	

\* Pada 31 Disember 2018, Vietnam Securities Corporation merupakan sebuah syarikat bersekutu RHB Investment Bank ("GIB") (49%).

\* Kami akan menamatkan perniagaan kami di Hong Kong, berkuatkuasa Suku Kedua 2020.

# Perihal Pelaburan Kami



# Catatan Daripada Pengerusi Kami

FC SRC HC NC

## MENGEMUDI PERSEKITARAN YANG MENCABAR

Industri perbankan Malaysia mengalami pertumbuhan yang sederhana pada 2019, berikutan permintaan pinjaman yang berkurangan merentasi kebanyakan segmen ekoran kelembapan pertumbuhan global dan ketidakpastian perdagangan disebabkan oleh ketegangan perdagangan Amerika Syarikat-China. Meskipun ekonomi Malaysia disokong oleh penggunaan swasta yang mantap, ianya juga turut terjejas disebabkan pengurangan pelaburan ekoran ketidakpastian persekitaran perdagangan global dan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang berkurangan menyebabkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") yang lebih perlahan pada kadar 4.3% pada 2019 berbanding 4.7% pada 2018.

Penurunan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") pada Mei 2019 dan Januari 2020 bertujuan untuk merangsang ekonomi domestik memandangkan faktor luaran telah melemahkan sentimen pengguna. Penurunan ketiga dan terkini pada Mac 2020 di mana OPR dikurangkan kepada 2.50%, adalah untuk memberikan persekitaran monetari yang lebih akomodatif memandangkan penularan global COVID-19. Aktiviti perniagaan telah terjejas oleh sentimen pasaran yang perlahan, dan ini turut mempengaruhi permintaan pinjaman. Bagi bank-bank, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi mengekalkan kekukuhan kualiti aset.

Walau bagaimanapun, langkah BNM dalam melonggarkan garis panduan pinjaman bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana ("PKS") melalui program penjadualan dan penstrukturan semula dianggarkan dapat memberi sedikit kelegaan. Langkah ini dapat menyokong pertumbuhan dalam sektor PKS yang telah mengatasi pertumbuhan KDNK Malaysia secara konsisten sepanjang beberapa tahun yang lepas. Ianya penting memandangkan PKS merangkumi 98% daripada keseluruhan institusi perniagaan dan menyumbang kepada 66% pekerjaan.

Bagi RHB khususnya, antara cabaran-cabaran yang dihadapi termasuklah menangani pasaran hartanah yang lembap dan keyakinan pelabur dan pengguna yang terjejas di samping aktiviti yang pasaran modal yang semakin menurun. FIT22, pelan hala tuju strategik lima tahun kami - *Fund Our Journey, Invest To Win and Transform The Organisation* - dilancarkan pada 2018 untuk mengharungi cabaran ini. FIT22 kini berada dalam tahun kedua dan telah menunjukkan kemajuan yang baik dengan peningkatan keuntungan sebelum cukai sebanyak 30.9% sejak pelancarannya. Pelan strategik lima tahun ini dirangka untuk membolehkan Kumpulan Perbankan RHB menjadi antara tiga bank utama di Malaysia dari segi prestasi. Kami akan melakukannya dengan memberi fokus

**TAN SRI AZLAN ZAINOL**  
Pengerusi

*Para Pemegang Saham yang dihormati, Ia merupakan tahun yang secara relatifnya baik bagi RHB kerana kami dapat mencapai objektif strategik kami secara berterusan dan sekali gus dapat membantu memperkukuhkan kedudukan kami di dalam pasaran serta meningkatkan keupayaan untuk pertumbuhan di masa akan datang. Oleh yang demikian, saya, dengan berbesar hati membentangkan kepada anda buat julung kalinya, Laporan Tahunan Bersepadu Kumpulan Perbankan RHB yang memberi gambaran keseluruhan mengenai usaha-usaha kami untuk mencipta nilai yang mampan bagi pihak berkepentingan kami.*

kepada segmen teras, memanfaatkan teknologi digital dan membangunkan model operasi yang baik melalui pelaksanaan model operasi Agile@Scale.

Pelancaran Agile@Scale pada 2018 telah mentransformasi budaya kerja kami dengan menggabungkan sumber tenaga utama daripada pelbagai bidang untuk mencapai matlamat bersama yang mendahulukan pelanggan. Dengan memperkasakan warga kerja kami, kami dapat melihat kolaborasi yang lebih hebat dan tahap produktiviti yang lebih tinggi, membolehkan perkhidmatan dan produk berada di pasaran dengan lebih pantas. Usaha yang berterusan ini mencetuskan inovasi yang membawa kepada peningkatan di seluruh RHB dan pada masa yang sama, memacu inisiatif strategik kami untuk memberikan penciptaan nilai yang berkekalan. Kumpulan Perbankan RHB telah membuktikan daya ketahanannya dan menunjukkan prestasi kewangan yang membanggakan pada 2019.

## LAKARAN SEJARAH DIVIDEN TERTINGGI

Berlatarbelakangkan prestasi yang kukuh, kami telah mengesyorkan dividen akhir sebanyak 18.5 sen sesaham kepada pemegang saham kami. Bersama dengan dividen interim sebanyak 12.5 sen sesaham yang dibayar pada Oktober 2019, jumlah nisbah dividen sebanyak 50.1% atau 31.0 sen sesaham merupakan dividen tertinggi dalam sejarah Kumpulan Perbankan RHB.

## PENDEKATAN BAHARU KEPADA PELAPORAN

Meskipun Kumpulan Perbankan RHB telah membuat pelaburan yang besar dalam mencipta nilai jangka panjang, ianya juga penting untuk kami melaporkan secara konsisten dan telus. Justeru, ia merupakan satu keputusan kolektif dan penting untuk menghasilkan Laporan Tahunan Bersepadu kami yang sulung bagi tahun kewangan ini, sejajar dengan garis panduan dan rangka kerja tempatan sebagai panduan penanda aras dan turut dipandu oleh rangka kerja pelaporan bersepadu antarabangsa.

Melalui laporan ini, kami bukan sahaja meneliti bagaimana Kumpulan Perbankan RHB mewujudkan nilai yang mampan sepanjang masa, tetapi juga memberikan pemegang berkepentingan gambaran disebalik keputusan Pengurusan yang material kepada perniagaan. Ia merupakan perjalanan yang menarik bagi Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dan warga kerja kami sambil kami meneruskan usaha untuk membangunkan inisiatif penting bagi tahun-tahun yang akan datang.

## MEMBANGUNKAN MASA HADAPAN YANG MAMPAN

Kami memulakan perjalanan ke arah kemampuan pada 2018 dan pada tahun 2019, kami mula menginstitusikan amalan kemampuan di dalam perniagaan dan operasi kami selaras dengan Rangka Kerja Kemampuan kami. Terdapat tiga tonggak utama yang memacu Rangka Kerja ini - Perbankan Bertanggungjawab dan Mampan, Menerapkan Amalan Baik serta Memperkayakan

dan Memperkasakan Komuniti. Rangka kerja ini menggariskan bagaimana Kumpulan kami dapat memberi respons yang lebih baik dalam jangkaan pemegang berkepentingan yang berubah dan mempertimbangkan perluasan konteks Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") bagi aktiviti kami. Melangkaui parkara ini, rangka kerja ini membolehkan kami untuk menjadi lebih strategik dan mengukur impak atau nilai yang dicipta melalui sembilan bidang fokus utama.


Rangka kerja Kemampuan Kumpulan Perbankan RHB turut melengkapi perjalanan RHB Islamic ke arah menjadi sebuah bank Pengantaraan Berasaskan Nilai ("VBI").

Kumpulan Perbankan RHB telah cuba untuk memastikan kemampuan diterap di seluruh perniagaan dan operasi. Melalui tonggak Perbankan Bertanggungjawab dan Mampan, kami berusaha untuk memainkan peranan sebagai penyedia perkhidmatan kewangan yang bertanggungjawab dengan menggabungkan segala pertimbangan ESG ke dalam proses membuat keputusan dan pengurusan risiko. RHB juga menerapkan pertimbangan ESG apabila mengenal pasti peluang-peluang untuk mewujudkan impak yang positif dan struktur masyarakat yang terbilang. Oleh itu, kami meneruskan langkah mengenal pasti peluang-peluang yang akan menyumbang ke arah pembangunan mampan, dan kekal komited untuk memperuntukkan RM5.0 bilion menjelang 2025 dalam menyokong aktiviti kemampuan melalui peminjaman, khidmat nasihat dan/atau pelaburan.

Kami terus menerapkan Amalan Baik di dalam Kumpulan Perbankan RHB dengan menambahkan polisi dan proses kami serta menerima pakai tadbir urus korporat yang tinggi dalam mengendalikan perniagaan dan operasi kami. Kami juga menyedari kepentingan pelaburan dalam pembangunan kepimpinan dan bakat kami. Bagi tujuan ini, kami telah membuat pelaburan lebih daripada RM40 juta dalam pembangunan dan pembelajaran yang merangkumi pelaburan dalam program pembangunan kepimpinan yang berstruktur.


Tunggak ketiga kami adalah Memperkayakan dan Memperkasakan Masyarakat di mana kami beroperasi. Kami telah meluaskan pencapaian kami kepada lebih daripada 11,500 pelajar sekolah menengah melalui Program RHB Money Ma\$ter, sebuah program celik kewangan berstruktur dan kepada lebih daripada 800 pelajar melalui Program RHB X-Cel Academic Excellence, sebuah program pendidikan holistik untuk membantu para pelajar yang kurang bernaib baik dalam mencapai kecemerlangan dan melanjutkan pelajaran mereka.

Dalam meneruskan usaha kami mencapai kemajuan, kami akan mempertingkatkan amalan kemampuan dan selanjutnya menggalakkan penglibatan pemegang berkepentingan dalam usaha kemampuan kami.

 Sila rujuk kepada Laporan Kemampuan 2019 untuk butiran lanjut mengenai inisiatif kemampuan kami.

## MEMPERKUKUKKAN TADBIR URUS

Sepanjang tahun, pihak Lembaga Pengarah kekal komited dalam mengekalkan pencapaian tahap piawaian tadbir urus tertinggi. Kami telah melantik dua orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, pada Mac 2019 dan Januari 2020, menjadikan komposisi Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Lembaga Pengarah sebanyak 55%. Kami meneruskan usaha padu untuk memberi panduan dan pengawalseliaan merentasi perniagaan dan bidang-bidang kefungisian termasuk pelaksanaan pelan strategik Kumpulan Perbankan RHB, FIT22. Bagi meningkatkan komitmen kami untuk memartabatkan tadbir urus yang paling tinggi dalam Kumpulan Perbankan RHB, Lembaga Pengarah telah meluluskan penubuhan Bahagian Tadbir Urus dan Integriti ("IGD") pada Januari 2020. Fungsi baharu ini telah diberi kuasa untuk memperkukuhkan kawalan dalaman dengan tujuan utama mencegah rasuah, suap, penipuan dan salah laku lain merentasi semua peringkat warga kerja, serta dalam kalangan pembekal dan pihak ketiga yang lain.

 Sila rujuk kepada Penyata Tadbir Urus Korporat dalam Laporan Tahunan Bersepadu 2019 pada muka surat 106 hingga 122 untuk butiran lanjut.

## PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Para Pemegang Saham, Para Pelanggan dan Rakan Niaga terhadap sokongan padu dan keyakinan disepanjang perjalanan kami dalam memacu penciptaan nilai RHB.

Kepada semua warga kerja kami, terima kasih di atas dedikasi dan usaha gigih yang telah diberikan. Begitu juga penghargaan kepada pasukan Pengurusan Kanan Kumpulan Perbankan RHB, di atas komitmen anda semua dalam memupuk budaya prestasi tinggi di RHB. Kepada ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Perbankan RHB, kebijaksanaan dan wawasan rakan-rakan seperjuangan saya telah memimpin Kumpulan ini kepada kedudukan kami sekarang dan membantu memastikan kepentingan terbaik Kumpulan Perbankan RHB dijaga pada setiap masa.

Penghargaan khas juga ditujukan kepada Kementerian Kewangan, BNM, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia dan semua penguatkuasa kawal selia yang lain di negara-negara di mana kami beroperasi atas panduan berterusan dan sokongan sepanjang tahun-tahun yang lalu.



**AZLAN ZAINOL**  
Pengerusi  
3 Mac 2020



# Kenyataan Pengarah Urusan Kumpulan

FC IC SRC HC MC NC

**Para Pemegang Saham Yang Dihormati,**  
5 Mei 2020 ini menandakan genapnya 5 tahun saya berada di pucuk pimpinan RHB sebagai Pengarah Urusan Kumpulan. Sepanjang tempoh ini, pelbagai cabaran telah dilalui dan kami muncul lebih kukuh secara asasnya melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif strategi dan transformasi. Kami mengenal pasti dan memanfaatkan kekuatan kami, dan merancang apa yang perlu dilakukan agar kekal kompetitif dan berjaya mewujudkan kemampuan nilai bagi pemegang saham dan semua pemegang berkepentingan yang lain.

**DATO' KHAIRUSSALEH RAMLI**  
Pengarah Urusan Kumpulan



## Bersama-sama Menempa Kemajuan

Pada tahun 2015, kami merekodkan keuntungan bersih sebanyak RM1.7 bilion, Nisbah Kos kepada Pendapatan ("CIR") adalah tinggi sebanyak 53.8% (tidak termasuk kos Skim Peralihan Kerjaya ("CTS")), dan Nisbah Liputan Kerugian Pinjaman pada 83.9%, yang menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pelabur kami. Nisbah Modal Tahap Ekuiti Biasa 1 ("CET 1") adalah 10.3%.

Kami juga telah melalui tempoh sukar pada 2016 dan 2017 semasa sektor minyak dan gas terjejas akibat kejatuhan harga minyak. Bagaimanapun, kami kekal fokus kepada usaha menangani isu-isu yang dihadapi dan bekerja keras dalam melaksanakan pelbagai strategi yang telah dirangka. Melangkah ke 2019, petunjuk yang saya sebut di atas telah meningkat dengan ketara. Kami telah mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM2.5 bilion, CIR adalah 48.9%, CET 1 sebanyak 16.3% dan Nisbah Liputan Kerugian Pinjaman berada pada tahap selesa sebanyak 107.9%. Pulangan ke atas Ekuiti ("ROE") kami juga meningkat kepada 10.3%.

Selain daripada prestasi kewangan, usaha kami dalam bidang lain turut mendapat perhatian. Pada 2019, kami telah meningkatkan penarafan dalam Anugerah Jenama Putra dengan pengiktirafan daripada Gangsa kepada Perak, dan meningkatkan nilai jenama kami sebanyak 45% kepada USD956 juta. Untuk itu, saya berterima kasih kepada semua RHBians atas segala komitmen dan sokongan yang berterusan.

Pelbagai inisiatif dan aktiviti turun padang telah dilaksanakan bagi meningkatkan pencapaian perniagaan. Malah, ia memerlukan satu anjakan minda dan kami telah berbalik kepada perkara asas. Apa yang kami mahu capai? Dalam istilah mudah - pertumbuhan yang mampan, fokus kepada pelanggan tanpa mengenal penat lelah dan membangunkan bakat yang kami ada.

Menyedari hakikat, ini hanyalah sebahagian daripada langkah pertama Kumpulan Perbankan RHB dalam menghadapi pelbagai cabaran berterusan seperti pematuhan kawal selia, spekulasi dan gangguan berterusan berkaitan cadangan penggabungan, dan gangguan daripada perkhidmatan teknologi kewangan ("FinTech"). Namun, kami berusaha gigih untuk memperkukuhkan dan membangunkan perniagaan sedia ada. Saya teringat kembali sewaktu memberikan kata kata semangat yang berterusan kepada rakan-rakan sepasukan untuk kekal fokus kepada perkara

utama dan melaksanakan mandat yang telah diberikan kepada kami. Saya percaya kami telah melakukannya dengan baik sehingga mencapai ke kemuncak dari segi keupayaan kami dalam meningkatkan pembayaran dividen kepada pemegang saham dan dari aspek yang lain, menambah Nisbah Modal CET 1 kami kepada 16.3%, tahap tertinggi dalam negara.

Meskipun pertumbuhan ekonomi yang perlahan menyebabkan kesukaran untuk mengekalkan pertumbuhan yang mampan, ini telah memberikan peluang kepada kami untuk merealisasikan kekuatan teras kami. Kami turut mengkaji beberapa pilihan yang ada dan kaedah yang perlu dilakukan untuk mencapai lonjakan pertumbuhan ke peringkat seterusnya. Kami membuat keputusan untuk menetapkan semula objektif strategik tiga-tahun IGNITE yang telah dijalankan sejak 2014.

Pada 2018, kami memperkenalkan strategi FIT22 (*Fund Our Journey, Invest To Win and Transform The Organisation*). Kami membuat keputusan untuk mengukuhkan kedudukan di Malaysia dan menawan segmen sasaran iaitu Mewah, Perusahaan Kecil dan Sederhana ("PKS") dan permodalan sederhana dan besar. Dari segi organisasi, kami telah membangunkan model operasi yang melibatkan pengenalan cara kerja lebih pantas, membolehkan kami untuk memasarkan produk dan perkhidmatan ke pasaran dengan lebih cepat, penumpuan terhadap pelanggan, peningkatan kolaborasi dan produktiviti kakitangan di samping program digital yang memberi tumpuan kepada perjalanan pelanggan dan membangunkan tempat kerja untuk masa depan. Kami melancarkan Agile@Scale pada 2018, bank pertama di Asia Tenggara yang berbuat demikian. Agile@Scale memperkasakan kakitangan bertanggungjawab untuk memperkenalkan proposisi nilai digital dengan fokus utama terhadap pelanggan dan mewujudkan keinginan tinggi untuk mencapai kejayaan di kalangan kakitangan.

Untuk butiran lanjut mengenai kemajuan yang telah kami capai berkaitan dengan Agile@Scale, sila rujuk pada muka surat 50 hingga 51.

Kami terus melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah Proposisi Nilai Kakitangan ("EVP") untuk menawarkan tempat kerja yang kondusif. Saya percaya EVP yang baik amat berguna dalam memastikan kami mampu mengekalkan bakat dalam organisasi kami. Skor EES kami telah meningkat sejak 2016 daripada 76 kepada 90 pada 2019 yang merupakan antara skor tertinggi dalam industri.

Untuk butiran lanjut mengenai EVP, sila rujuk kepada seksyen People & Workplace di dalam Laporan Kemampuan 2019.


Strategi kami secara jelasnya telah membuahkan hasil. Kami melihat trend positif dalam metrik utama kami terutamanya seperti yang ditunjukkan dalam nilai yang telah dicipta bagi pemegang saham. Terima kasih kepada semua warga RHB, atau RHBians, tanpa komitmen dan kegigihan mereka, hasil yang mengagumkan ini tidak mungkin tercapai.

Strategi FIT22 telah membantu meningkatkan keuntungan sebelum cukai Kumpulan Perbankan RHB sebanyak **30.9%** sejak ia dilancarkan pada 2018. RHB Bank menyaksikan peningkatan dalam Jumlah Pulangan Pemegang Saham ("TSR") 1-tahun kepada 14.2% pada 2019, di mana RHB muncul sebagai antara bank tempatan yang berada pada kedudukan teratas. TSR 5-tahun berada pada 18.6%.

Sejarah peningkatan nisbah pembayaran dividen secara berturut-turut.

**50.1%** pada 2019

Pembayaran Dividen: **31.0 sen pada 2019 berbanding 16.3 sen pada 2015**



Pertumbuhan Pulangan ke atas Ekuiti

**10.3%** pada 2019 berbanding 10.0% pada 2015

Prestasi Nisbah Kos Kepada Pendapatan yang lebih baik

**48.9%** pada 2019 berbanding 53.8% pada 2015 (tidak termasuk CTS)

Nisbah Liputan Kerugian Pinjaman

**107.9%** pada 2019 berbanding 83.9% pada 2015

Peningkatan Keuntungan Bersih

**RM2.5 bilion pada 2019** berbanding RM1.7 bilion pada 2015

Banyak yang telah kami capai sepanjang 5 tahun yang lalu, namun saya boleh memberi jaminan bahawa perjalanan penciptaan nilai kami masih berterusan. Inisiatif FIT22 berterusan dengan kesungguhan kakitangan kami, dan pelanggan kini memperoleh manfaat daripada produk, perkhidmatan yang lebih komprehensif dan dengan ekosistem yang lebih holistik. Ini telah dipacu oleh pelaburan berterusan untuk digitalisasi dalam menghasilkan penggunaan digital yang lebih meluas oleh pelanggan kami.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Perjalanan Rancangan Strategik - FIT22, sila rujuk pada muka surat 48 hingga 49.

# Kenyataan Pengarah Urusan Kumpulan

## DIGITALISASI

Pelanggan kami menjadi teras kepada semua perkara yang kami lakukan. Memacu tumpuan pelanggan memerlukan lebih daripada peralihan minda dan budaya kerja. Kami perlu membayangkan semula perjalanan pelanggan kami untuk memberikan pengalaman yang tiadaandingannya. Ini telah mendorong pembangunan Program Transformasi Digital ("DTP") kami yang menjadi sebahagian daripada pelan hala tuju strategik, FIT22 yang dilancarkan pada 2017.


Kami meneruskan usaha untuk meningkatkan akses pelanggan kepada kewangan melalui digitalisasi produk dan perkhidmatan kami, dan bagi tujuan itu, kami telah membuat pelaburan yang signifikan dalam menambah baik dan membangunkan keupayaan digital kami termasuk pembangunan bakat. Pada 2019, lebih daripada 400 RHBians telah menerima latihan untuk menjadi Pemimpin Digital agar kakitangan kami menjadi kalis masa hadapan.

Setakat ini, kami telah mencapai kemajuan yang amat baik dalam perjalanan digital kami dan telah memperkenalkan ekosistem yang holistik untuk menyediakan sokongan dari hujung ke hujung untuk memenuhi keperluan pelanggan kami. Ekosistem PKS kami dapat dimanfaatkan oleh lebih 100,000 PKS pada tahun 2019, manakala Ekosistem Pemilik Rumah kami melalui aplikasi MyHome telah menghasilkan 19.5% capaian baru gadai janji dan ianya telah membantu kami untuk meningkatkan perkembangan pinjaman perumahan sebanyak 9.6% pada tahun 2019.

## PENGUNAAN DIGITAL

Dari perspektif pelanggan, transaksi digital adalah lebih digemari berbanding transaksi di cawangan selaras dengan agenda transformasi digital kami. Setakat akhir tahun 2019, bilangan pengguna aktif Perbankan Internet dan Mudah Alih meningkat kepada 46.9% dan 16.6% masing-masing daripada 29.7% dan 5.4% pada penghujung 2015.

Untuk maklumat lanjut mengenai perjalanan transformasi digital kami, sila rujuk kepada bahagian Digitalisasi dalam Laporan Kemampunan 2019.



## SAMPINGAN

**Dato' Khairussaleh berkongsi pandangan mengenai cabaran melancarkan strategi Kumpulan Perbankan RHB FIT22 serta pendapat beliau mengenai pengurusan bakat dalam industri perbankan yang sering berdepan dengan persaingan sengit.**

### Q1 Adakah perubahan telah dibuat kepada pelan hala tuju strategik RHB, FIT22 sejak ia dilancarkan pada 2018?

Kami mengkaji semula kemajuan strategi FIT22 bersama dengan Lembaga Pengarah pada November 2019. Kami telah memaklumkan Lembaga Pengarah mengenai apa yang telah kami laksanakan dengan baik dan apa penambahbaikan yang perlu dilaksanakan. Kami jujur kepada diri sendiri. Ya, kami menerima maklumbalas membina tetapi Lembaga Pengarah turut menerima baik penambahbaikan yang telah dilakukan. Kami telah menyusun kembali 5 daripada 22 inisiatif. Seperkara penting yang perlu diberi tumpuan lebih ialah perbankan digital kerana kami tahu bahawa kami perlu memberikan respon segera kepada pembangunan dalam ruang digital dan menjadikannya sebagai keutamaan.

### Q2 Apakah cabaran dalam pelaksanaannya?


Cabaran yang pertama sekali ialah memastikan Lembaga Pengarah menyokong objektif kami melaksanakan strategi hala tuju komprehensif 5-tahun FIT22. Langkah seterusnya adalah berkomunikasi dengan jelas bersama tenaga kerja kami dan memastikan mereka memahami mengapa ianya dilaksanakan. Kini, ia adalah lebih kepada memastikan kakitangan kami menghargai bahawa, inisiatif-inisiatif ini adalah mengenai penciptaan nilai dan perkara asas bagi Kumpulan Perbankan RHB. Kami tidak mahu kakitangan berpandangan bahawa ia hanyalah strategi Pengarah Urusan Kumpulan dan sebab itu mereka mesti melaksanakan pelan hala tuju strategik ini. Kami mahu kakitangan kami memahami perubahan ini dan sama-sama memilikinya.

Ia juga mengenai membuat keputusan yang sukar. Seperti kata-kata Albert Einstein yang sering kali dipetik, "Ketidakarwasan ialah melakukan perkara yang sama berulang-ulang, tetapi mengharapkan hasil yang berbeza" (definisi untuk "Insanity is doing

Kumpulan Perbankan RHB telah menyaksikan pertumbuhan yang bermakna merentasi saluran digital kami selama tiga tahun yang lalu. Pertumbuhan yang paling ketara adalah lima kali ganda peningkatan dalam pinjaman PKS yang berasal daripada saluran digital, terutamanya disebabkan oleh Ekosistem PKS yang komprehensif dan perkhidmatan yang disediakan. Pada 2019, hampir satu per lima daripada gadai janji baharu berasal daripada saluran digital.


## Urusniaga Saluran Digital

### Pembahagian Saluran Digital \*




\* IBK, MBK, Reflex, ATM (Non-CWD), Kredit dan Debit Kad.

### Digital dengan pengeluaran ATM



## Pelanggan Aktif Digital

### Perbankan Internet




### Perbankan Mudah Alih



## Pemula Produk Digital


### Pemula Gadai janji

(Dilancarkan pada akhir 2017 dan pengesanan sebenar bermula pada 2018)



### Pemula Pinjaman PKS


(Dilancarkan pada Jun 2018)



### Refleks



### E-Pembrokeran



the same thing over and over again, but expecting different results"); kami perlu kakitangan menghargai bahawa kami perlu melakukan perkara secara berbeza dan berulang-ulang kali untuk mengharapkan hasil yang berbeza.

### Q3 Adakah ini sebabnya RHB membuat keputusan untuk memperkenalkan Agile? Apakah disebalik pemikiran ini? Adakah ia telah dilaksanakan dengan baik?

Jika anda sedari, strategi kami mempunyai tiga teras. Saya berpandangan bahawa kami tidak boleh mencapai dua teras yang pertama tanpa memperbaiki teras yang ketiga iaitu, model operasi. Kami mahukan tenaga kerja kami sentiasa bersemangat untuk melakukan kerja dengan cara yang berbeza, lebih pantas dan lebih baik. Ini adalah untuk memperkasakan kakitangan supaya melihat perkara berdasarkan apa yang pelanggan inginkan pada setiap masa.

Teras ketiga adalah berkaitan dengan menangani model operasi agar ia menjadi budaya RHB, DNAny. Itulah sebabnya kami

melaksanakan Agile agar ia diinstitusikan dan penambahbaikannya adalah mampan dan seterusnya menjadi mantap. Sekiranya pendekatan selain daripada Agile, konsep asasnya akan tetap sama – untuk mewujudkan model operasi yang lebih baik dan tangkas.

Secara keseluruhan, terdapat peningkatan dalam perubahan ini, bahkan maklumbalas yang diberikan oleh kakitangan ialah mereka menggemari Agile.

### Q4 Kumpulan Perbankan RHB telah mempunyai satu program EVP yang komprehensif; apa lagi yang perlu dipertingkatkan?

Kepada kakitangan kami, duit di dalam saku adalah penting tetapi saya percaya ia bukanlah segala-galanya. Melangkai ganjaran adalah memastikan kakitangan kami turut gembira dan komited kepada kerja.

Kami mahu lebih banyak mendengar pandangan mereka. Sebagai seorang yang berusia 53 tahun,

saya boleh mengesyorkan pelbagai inisiatif tetapi ianya mungkin tidak relevan kepada kakitangan yang berusia 20an. Salah satu daripada perkara yang kami lakukan dengan mendengar suara mereka telah mendorong kepada acara FITCycle.

Mengapa? Sebab itulah yang mereka inginkan. Jika anda tanya saya, saya lebih berminat kepada perkara lain. Golongan muda dalam kalangan kakitangan kami berjumpa dengan pihak Pengurusan; kami memberi sokongan kepada mereka dengan bajet yang kecil dan mereka menganjurkannya sendiri. Saya gembira ia merupakan satu kejayaan.

Oleh itu, saya berfikir bahawa kami perlu mendengar lebih banyak pandangan daripada kakitangan tentang apa yang mereka mahukan, dan kami akan lakukan apa yang boleh untuk menyokong mereka; dan jika tidak, kami akan menerangkan dengan jelas mengapa tidak.

## Kenyataan Pengarah Urusan Kumpulan

### PERBANKAN BERTANGGUNGJAWAB & MAMPAN

Kumpulan Perbankan RHB telah mula mengintegrasikan pelbagai pertimbangan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") ke dalam proses membuat keputusan. Sementara kami menangani hal-hal penting berkaitan dengan perniagaan dan pemegang pihak berkepentingan, kami percaya bahawa perubahan yang kami mahu bawakan haruslah praktikal dan boleh dicapai. Komitmen kami digariskan melalui tiga tonggak bertema khusus di bawah Rangka kerja Kemampuan Kumpulan Perbankan RHB - Perbankan Bertanggungjawab dan Mampam, Menerapkan Amalan Baik dan Memperkayakan dan Memperkasakan Komuniti - dengan bidang fokus yang akan membantu kami untuk memacu kemajuan dalam amalan kemampuan kami.

Tonggak Perbankan Bertanggungjawab dan Mampam merangkumi bidang fokus yang direka bentuk untuk memaksimumkan usaha-usaha kemampuan kami dalam konteks perniagaan teras kami. Ia juga memastikan kami memikul peranan sebagai penyedia perkhidmatan kewangan dengan mengintegrasikan pertimbangan ESG ke dalam strategi perniagaan dan proses membuat keputusan. Kami telah mengenalpasti peluang-peluang dengan impak positif dan memberi penyelesaian yang menyumbang ke arah pembangunan mampam.

Kami memulakan integrasi ESG di bahagian-bahagian yang paling penting dan kami komited ke arah mempromosikan kewangan mampam. Antara pencapaian signifikan kami adalah:

- Menjalpasti aktiviti ESG berkaitan dengan risiko dan memasukkan aktiviti-aktiviti tersebut ke dalam senarai Kredit Larangan.
- Memperkenalkan Penilaian Risiko ESG Am bagi Sektor Sensitif ESG yang telah dikenalpasti dan membangunkan Penilaian Risiko Industri Khusus ESG untuk ketiga-tiga sektor-sektor tersebut setakat ini.


Kami akan mengambil pendekatan progresif melangkah ke hadapan dan akan menintegrasikan pertimbangan-pertimbangan ESG ke dalam perniagaan dan operasi kami selaras dengan pembangunan piawai tempatan dan serantau. Kumpulan Perbankan RHB komited untuk menyokong aktiviti mampam yang boleh memudahkan peralihan kepada ekonomi rendah karbon sama ada melalui pinjaman, khidmat nasihat dan/atau pelaburan, dengan jumlah komitmen sebanyak RM5.0 bilion menjelang 2025. Pada Disember 2019, kami telah menyediakan RM246.2 juta pinjaman bagi projek tenaga yang boleh

diperbaharui. Kami akan menyokong Skim Pembiayaan Teknologi Hijau ("GTFS") Malaysia sebagai sebuah institusi kewangan yang mengambil bahagian untuk mempermudah pembiayaan kepada syarikat-syarikat teknologi.

Menyampaikan pengalaman pelanggan yang unggul dan memastikan layanan adil kepada pelanggan adalah komponen utama bagi strategi penting FIT22. Pada 2019, kami melancarkan RHB Way Service Culture di seluruh negara, menyumbang kepada kecemerlangan operasi dan perkhidmatan, serta peningkatan dalam Skor Net Promoter ("NPS") sebanyak 9 mata bagi Malaysia dan sebanyak 20 mata bagi RHB Singapura.

Kumpulan Perbankan RHB juga telah mencatat kemajuan yang ketara dalam dua tonggak kemampuan kami: iaitu Menerapkan Amalan Baik serta Memperkayakan dan Memperkasakan Komuniti dalam Rangka kerja Kemampuan kami.

Sebagai bukti semasa tahun dalam kajian, Kumpulan Perbankan RHB telah memperoleh penarafan AA (berbanding penarafan A pada tahun sebelumnya) oleh Penarafan ESG Indeks Pasaran Sedang Pesat Membangun ("MSCI").

 Untuk butiran lanjut mengenai Pendekatan Kami terhadap Kemampuan, sila rujuk muka surat 92 dan 93.

### PROSPEK DAN TINJAUAN

Meskipun berdepan prospek persekitaran ekonomi yang mencabar melangkah ke hadapan, saya percaya bahawa industri perbankan akan sentiasa memainkan peranan penting dalam komuniti perniagaan kerana kami menyokong pembangunan dan mengumpul dana daripada pendeposit, pelabur dan perniagaan. Namun, bagaimana ia sedang dilakukan bergantung kepada keperluan pelanggan dan kaedah teknologi yang semakin diperlukan dalam menyampaikan produk dan perkhidmatan kami.

Peraturan juga akan terus diperketatkan berikutan pihak berkuasa yang menjalankan kawal selia berusaha untuk melindungi pengguna dan pelanggan. Kami melihat keperluan untuk proses "Kenali Pelanggan Anda", kawalan anti-pengubahan wang haram dan maklumat kerahsiaan, di mana kami perlu memastikan pematuhannya.

Satu lagi cabaran yang besar adalah kepakaran. Tatkala industri berkembang, kami memulakan agenda perbankan digital kami dengan mempertingkatkan kemahiran tenaga kerja kami

dan pada masa yang sama, memperkukuhkannya dengan kemahiran yang kami jarang dengari di dalam industri perbankan 10 tahun lalu. Kami telah mengambil jurutera, saintis data dan arkitek sistem ke dalam tenaga kerja kami.

Secara keseluruhannya, kami telah menggariskan hala tuju strategik 5-tahun yang mantap - FIT22 yang telah diperhalusi untuk lebih mencerminkan aspirasi strategik kami, pasaran yang membangun dan persekitaran yang kompetitif. Resolusi kami adalah untuk mengekalkan perjalanan kami.

Saya yakin bahawa strategi-strategi kami akan terus mencipta nilai untuk anda. Saya dan pasukan saya komited kepada peranan kami dalam mengemudi Kumpulan Perbankan RHB ke arah yang betul.

### PENGIKTIRAFAN

Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada para pemegang saham atas kepercayaan berterusan dan juga kepada pelanggan dan rakan niaga kami atas sokongan dan kesetiaan mereka.

Penghargaan ikhlas kepada Kementerian Kewangan, BNM, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia dan semua penguatkuasa kawal selia yang lain di negara-negara kami beroperasi atas panduan yang berterusan. Kami mengharapkan kerjasama yang lebih erat pada masa hadapan.

Setinggi-tinggi terima kasih kepada Pengerusi dan Lembaga Pengarah atas sokongan teguh, kebijaksanaan dan kepercayaan yang telah diberikan. Kami menghargai wawasan dan kepimpinan anda, dan kami mengharapkan panduan berterusan daripada anda.

Akhir sekali, penghargaan ikhlas saya kepada rakan-rakan sekerja saya di Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan, dan kepada kakitangan kami - RHBians, atas kesetiaan dan dedikasi yang menjadi kunci kepada kejayaan Kumpulan Perbankan RHB hari ini.

### Bersama-sama Menempa Kemajuan



**DATO' KHAIRUSSALEH RAMLI**  
Pengarah Urusan Kumpulan  
3 Mac 2020

## Ulasan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

FC

**Malaysia mencatat pertumbuhan KDNK sebanyak 4.3% pada 2019 berbanding 4.7% pada 2018. Pertumbuhan disokong terutamanya oleh penggunaan swasta sementara risiko penurunan terus menjejaskan ekonomi Malaysia akibat daripada ketegangan perdagangan global yang berlanjutan.**

Pinjaman industri kekal perlahan namun disokong oleh sektor isi rumah yang kukuh. Di sebalik trend ini, prestasi Kumpulan Perbankan RHB meningkat, menunjukkan daya tahan kepada tekanan meskipun dalam keadaan ekonomi yang mencabar.

RHB mencapai keuntungan bersih sebanyak RM2,482.4 juta pada 2019, meningkat sebanyak 7.7% daripada 2018 didorong oleh peningkatan jumlah pendapatan dan penurunan elauun bagi kerugian kredit. Kebanyakan segmen perniagaan merekodkan pertumbuhan pendapatan dan keuntungan tahun ke tahun.

Kumpulan Perbankan RHB juga telah berjaya menguruskan kos operasi sementara terus membuat pelaburan dalam penambahbaikan infrastruktur IT dan inisiatif pendigitalan. Berlatarbelakangkan persekitaran operasi, Kumpulan Perbankan RHB menetapkan tumpuan utama kepada kualiti aset, dan mengekalkan kedudukan kecairan dan modal yang mantap. Liputan kerugian pinjaman dipertahankan melebihi 100% sepanjang tahun. Dengan asas yang kukuh ini, Kumpulan Perbankan RHB berada di kedudukan yang baik untuk menghasilkan nilai yang mampan bagi para pemegang saham untuk jangka panjang.



**SYED AHMAD TAUFIK ALBAR**  
Ketua Pegawai Kewangan

### ANALISIS PENYATA KEWANGAN

- Kumpulan Perbankan RHB mencatat keuntungan bersih sebanyak RM2,482.4 juta, naik 7.7% tahun ke tahun terutamanya daripada peningkatan pendapatan bersih, penurunan elauun bagi kerugian kredit yang dijangka ("ECL") ke atas pinjaman dan peningkatan ECL dimasuk kira semula ke atas aset kewangan.
- Jumlah pendapatan bertambah sebanyak 4.3% kepada RM7,100.8 juta berikutan pendapatan berasaskan dana bersih sebanyak 0.4% dan pendapatan berasaskan bukan dana sebanyak 14.7%.
- Pengurusan berhemah kos pendanaan dan perbelanjaan operasi memberi sokongan selanjutnya dengan keuntungan operasi sebelum elauun meningkat kepada RM3,629.0 juta atau 5.3%.

### PENDAPATAN BERASASKAN DANA/FAEDAH BERSIH

- Pendapatan bersih berasaskan dana naik sebanyak 5.2% berikutan daripada 4.3% pertambahan dalam pinjaman dan pembiayaan bersih, sementara perbelanjaan faedah dan pembiayaan naik 9.2% tahun ke tahun disebabkan impak daripada kenaikan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") pada Januari 2018 dan asas deposit yang lebih tinggi. Sebagai hasilnya, pendapatan bersih berdasarkan dana mencatat peningkatan margin sebanyak 0.4% kepada RM4,964.4 juta berbanding setahun lalu manakala Margin Faedah Bersih ("NIM") bagi tahun kewangan sebanyak 2.12%.

### PENDAPATAN BERASASKAN BUKAN DANA/ PENDAPATAN OPERASI LAIN

- Pendapatan berasaskan bukan dana melonjak dengan ketara sebanyak 14.7% kepada RM2,136.4 juta, disumbang sebahagian besar oleh peningkatan pendapatan pelaburan dan perdagangan bersih, lebihan penaja jamin insurans dan pendapatan berkaitan yuran modal pasaran.

### JUMLAH ASET

- Jumlah aset bagi Kumpulan Perbankan RHB bertambah sebanyak 5.9% dari Disember 2018 kepada RM257.6 bilion pada 31 Disember 2019. Faktor utama ialah peningkatan portfolio pelaburan kewangan serta pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan.
- Pinjaman dan pembiayaan masih merupakan komponen terbesar daripada jumlah aset pada 67.3% (2018: 68.1%).
- Kumpulan Perbankan RHB terus memberi tumpuan kepada pertumbuhan yang bertanggungjawab, memperkukuhkan pengurusan risiko dan menguruskan kedudukan pendanaan dan kecairan kami.

### WANG TUNAI & DANA JANGKA PENDEK DAN DEPOSIT & PENEMPATAN DENGAN BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN LAIN

- Jumlah tunai & dana jangka pendek dan deposit & penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain Kumpulan Perbankan RHB menguncup sebanyak 5.4% kepada RM12.7 bilion pada 31 Disember 2019.

### PORTFOLIO PELABURAN KEWANGAN

- Portfolio pelaburan kewangan Kumpulan Perbankan RHB merangkumi aset kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian ("FVTPL"), aset kewangan pada nilai saksama menerusi pendapatan komprehensif lain ("FVOCI") dan pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan.
- Portfolio pelaburan kewangan Kumpulan Perbankan RHB meningkat sebanyak 16.3% kepada RM58.7 bilion.

# Ulasan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

## PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN

- Pinjaman dan pembiayaan bersih Kumpulan Perbankan RHB naik sebanyak 4.3% tahun ke tahun kepada RM176.2 bilion disokong oleh pertumbuhan dalam semua perniagaan, terutamanya dalam gadai janji dan PKS sementara pinjaman Singapura meningkat sebanyak 7.6% tahun ke tahun.
- Pinjaman dan pembiayaan domestik naik sebanyak 3.9% tahun ke tahun. Bahagian pasaran pinjaman domestik Kumpulan Perbankan RHB mencatat sebanyak 9.0% pada akhir Disember 2019.
- Pinjaman bersih luar negara meningkat sebanyak 8.1% terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan di Singapura, Thailand dan Kemboja.

## KUALITI ASET

- Nisbah rosot nilai pinjaman bersih bertambah baik kepada 1.97% daripada 2.06% setahun yang lepas dengan rosot nilai pinjaman pada kedudukan 107.9% pada akhir Disember 2019.
- Kami terus berhemat dalam peruntukan kerugian pinjaman dengan liputan kerugian pinjaman berada pada kedudukan 107.9% pada akhir Disember 2019.

## JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI

- Jumlah liabiliti meningkat sebanyak 5.5% kepada RM231.8 bilion pada 31 Disember 2019, terutamanya didorong oleh peningkatan deposit daripada pelanggan; dan deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain.
- Ekuiti pemegang saham naik sebanyak 10.3% kepada RM25.8 bilion, dengan pendapatan tertahan, dan keuntungan belum direalisasi daripada aset kewangan diukur pada FVOCI, sebahagiannya diimbangi oleh pembayaran dividen pada tahun kewangan. Aset bersih sesaham naik kepada RM6.43 daripada RM5.82.

## DEPOSIT DARIPADA PELANGGAN

- Deposit pelanggan meningkat sebanyak 6.5% tahun ke tahun kepada RM190.6 bilion pada 31 Disember 2019 sebahagian besarnya didorong oleh pertumbuhan dalam deposit tetap. Jumlah akaun semasa dan simpanan ("CASA") meningkat sebanyak 5.5%, dengan komposisi CASA pada 25.7%.
- Nisbah perlindungan kecairan ("LCR") kekal sihat pada 152.7%.
- Deposit bagi operasi domestik meningkat sebanyak 5.1%, sementara operasi luar negara mencatatkan peningkatan sebanyak 19.7% dengan pertumbuhan Singapura pada 21.2%.

## DEPOSIT DAN PENEMPATAN DENGAN BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN LAIN

- Deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain naik sebanyak 17.8% kepada RM21.5 bilion

terutamanya kerana peningkatan deposit daripada bank berlesen.

## SEKURITI HUTANG KANAN

- Sekuriti hutang kanan menurun sedikit pada kadar 0.8% kepada RM3.3 bilion.

## OBLIGASI SUBORDINAT

- Obligasi subordinat menurun sebanyak 27.3% kepada RM2.7 bilion sementara Kumpulan Perbankan RHB terus menguruskan keperluan modal dan kos pendanaan secara proaktif.

## KECUKUPAN MODAL

- Pada 31 Disember 2019, Nisbah modal ekuiti biasa tahap 1 ("CET 1") dan nisbah modal keseluruhan Kumpulan Perbankan RHB selepas dividen akhir yang dicadangkan, masing-masing kekal kukuh pada 16.3% dan 18.6%, tahap tertinggi dalam industri.

## TINJAUAN PRESTASI UNIT PERNIAGAAN UTAMA

- Perbankan Runcit Kumpulan**
  - Perbankan Runcit Kumpulan melaporkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1,056.6 juta, 2.2% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya disebabkan oleh pendapatan berasaskan dana bersih yang lebih tinggi.
  - Pinjaman dan pembiayaan runcit naik sebanyak 6.4% kepada RM90.1 bilion, dipacu oleh pertumbuhan dalam gadai janji.
  - Deposit runcit meningkat sebanyak 10.0% kepada RM57.7 bilion, disumbang sebahagian besarnya oleh pertumbuhan dalam deposit dan baki akaun semasa.
- Perbankan Perniagaan Kumpulan**
  - Perbankan perniagaan kumpulan merekodkan peningkatan sebanyak 25.8% dalam keuntungan sebelum cukai kepada RM477.7 juta, disebabkan terutamanya oleh pendapatan berasaskan dana bersih yang lebih tinggi dan elaun ECL ke atas pinjaman yang lebih rendah.
  - Pinjaman dan pembiayaan bersih meningkat sebanyak 2.7% kepada RM25.9 bilion, didorong terutamanya oleh portfolio PKS runcit pada 4.2%.
  - Deposit pelanggan merekodkan pertumbuhan yang mantap sebanyak 13.5% mencapai RM28.7 bilion pada 31 Disember 2019 disebabkan oleh pertumbuhan kukuh dalam deposit tetap dan akaun semasa.
- Perbankan Borong Kumpulan** merekodkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.830.3 juta, kenaikan sebanyak 3.4% daripada tahun sebelumnya.
  - Perbankan Pelaburan dan Korporat Kumpulan** mencatat kenaikan sebanyak 4.0% dalam keuntungan sebelum cukai

kepada RM574.9 juta. Ini disebabkan oleh elaun ECL daripada pinjaman yang lebih rendah, kerugian rosot dimasuk kira semula ke atas aset kewangan lain yang lebih tinggi, perbelanjaan operasi yang lebih rendah dan ketiadaan rosot nilai sekali sahaja (one-off) ke atas aset bukan kewangan pada 2018. Pinjaman dan pembiayaan bersih kekal stabil secara relatifnya pada RM43.4 bilion. Deposit meningkat sebanyak 1.7% dalam tempoh yang sama kepada RM51.9 bilion didorong terutamanya oleh pertumbuhan dalam deposit tetap.

- Perbendaharaan dan Pasaran Global Kumpulan** merekodkan pertumbuhan keuntungan sebelum cukai sebanyak 3.2% kepada RM1,255.5 juta, terutamanya disebabkan oleh pendapatan pelaburan dan perdagangan bersih yang lebih tinggi dan ECL yang dimasuk kira semula ke atas aset kewangan yang lebih tinggi. Jumlah deposit menurun sebanyak 3.8% kepada RM31.4 bilion berikutan penurunan deposit bertempoh pasaran wang.

- RHB Bank Singapura** merekodkan keuntungan sebelum cukai sebanyak SGD24.7 juta, 40.9% lebih rendah berbanding tahun sebelumnya.
  - Faktor utamanya ialah ECL yang dimasuk kira semula ke atas pinjaman yang lebih rendah dan perbelanjaan operasi yang lebih tinggi.
  - Pinjaman dan pendahuluan Singapura meningkat sebanyak 7.6% kepada SGD4.1 bilion, sementara deposit meningkat sebanyak 21.2% kepada SGD5.4 bilion.
- Perniagaan Antarabangsa** tidak termasuk Singapura melaporkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM96.1 juta, 7.3% lebih tinggi daripada tempoh yang sama pada tahun yang sebelumnya. Ini terutamanya disebabkan oleh keuntungan di Kemboja yang bertambah baik.
- Perniagaan Islam Kumpulan RHB** merekodkan pertumbuhan sebanyak 37.4% tahun ke tahun dalam keuntungan sebelum cukai kepada RM795.5 juta berikutan peningkatan pendapatan berasaskan dana dan bukan dana.
  - Pembiayaan bersih merekodkan pertumbuhan dua angka yang kukuh sebanyak 15.9% tahun ke tahun kepada RM60.6 bilion.
  - Perniagaan Islam menyumbang sebanyak 38.1% kepada pinjaman dan pembiayaan domestik bersih Kumpulan Perbankan RHB, kenaikan daripada 34.2% pada 31 Disember 2018.

## CADANGAN DIVIDEN AKHIR

Lembaga Pengarah percaya dalam mendapatkan keseimbangan yang betul antara mengekalkan modal Kumpulan Perbankan RHB dan mengagihkan pulangan kepada para pemegang saham.

Berikutan daripada prestasi 2019 yang mengagumkan, Lembaga Pengarah telah mengesyorkan dividen akhir sebanyak 18.5 sen sesaham bernilai RM741.9 juta. Bersama dengan dividen interim sebanyak 12.5 sen sesaham yang dibayar pada Oktober 2019, jumlah, keseluruhan dividen bagi 2019 ialah 31.0 sen sesaham, mewakili nisbah pembayaran

dividen sebanyak 50.1% daripada keuntungan bersih milik pemegang saham bernilai RM2,482.4 juta pada 2019.

## KESIMPULAN DAN MELANGKAH KE HADAPAN

Kumpulan Perbankan RHB mencapai prestasi baik dan memperolehi keputusan yang membanggakan meskipun dengan cabaran ekonomi dan ketidak tentuan global pada 2019. Sambil kami mengharungi persekitaran operasi yang mencabar, kami sentiasa mengambil langkah-langkah untuk memperkukuhkan kedudukan kami agar bertapak dengan kukuh demi menghadapi masa depan.

Pada 2020, kami akan meneruskan pelaksanaan strategi FIT22 di samping membuat pelaburan secara serentak dan membina keupayaan untuk masa hadapan.

Keutamaan adalah untuk meningkatkan prestasi perniagaan melalui teknologi digital dan mengamalkan cara bekerja secara Agile merentasi organisasi. Ini akan menjadikan kami lebih produktif dan cekap, malah membolehkan penyampaian holistik perjalanan pelanggan dan menambah nilai ekosistem kepada pelanggan kami.


## SOROTAN KEWANGAN KUMPULAN PERBANKAN RHB

	2018	2019
<b>KEUNTUNGAN (RM'juta)</b>		
Jumlah pendapatan	6,806	7,101
Keuntungan operasi sebelum elaun	3,448	3,629
Keuntungan sebelum cukai	3,119	3,350
Keuntungan boleh diagihkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	2,305	2,482
<b>KEDUDUKAN KEWANGAN (RM'juta)</b>		
Jumlah aset	243,166	257,592
Portfolio pelaburan kewangan	50,469	58,678
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan bersih	168,879	176,175
Jumlah liabiliti	219,770	231,782
Deposit daripada pelanggan-pelanggan	178,856	190,555
Ekuiti pemegang-pemegang saham	23,358	25,775
<b>NISBAH KEWANGAN (%)</b>		
Pulangan bersih ke atas purata ekuiti	10.3%	10.3%
Pulangan bersih ke atas purata jumlah aset	0.97%	0.99%
Nisbah pinjaman terjejas kasar	2.06%	1.97%
Pinjaman kasar kepada nisbah deposit	94.4%	92.5%
<b>NISBAH KECUKUPAN MODAL (%) <sup>N1</sup></b>		
Nisbah Modal Ekuiti biasa Tahap 1	15.5%	16.3%
Nisbah Modal Tahap 1	15.7%	16.3%
Jumlah Nisbah Modal	18.8%	18.6%

<sup>N1</sup> Nisbah adalah selepas dividen akhir yang dicadangkan.

# Ulasan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

## SOROTAN LIMA TAHUN KUMPULAN PERBANKAN RHB



<sup>N1</sup> Tahun 2015 menunjukkan dividen bersih yang diisytiharkan oleh RHB Bank kepada RHB Capital. Dividen bersih yang diisytiharkan oleh RHB Capital kepada pemegang sahamnya pada tahun 2015 adalah RM369 juta.

## RUMUSAN LIMA TAHUN KEWANGAN KUMPULAN PERBANKAN RHB



	2015	2016	2017	2018	2019
<b>KEPUTUSAN OPERASI (RM'Juta)</b>					
Keuntungan operasi sebelum elauan	2,545	3,095	3,200	3,448	3,629
Keuntungan sebelum cukai	2,251	2,232	2,558	3,119	3,350
Keuntungan bersih diagihkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	1,665	1,682	1,950	2,305	2,482
<b>DATA LEMBARAN IMBANGAN (RM'Juta)</b>					
Jumlah aset	227,938	236,679	228,713	243,166	257,592
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan bersih	151,386	154,469	160,026	168,879	176,175
Jumlah liabiliti	210,246	214,905	207,012	219,770	231,782
Deposit daripada pelanggan-pelanggan	158,158	165,636	166,865	178,856	190,555
Ekuiti pemegang-pemegang saham	17,668	21,745	21,667	23,358	25,775
Komitmen dan kontingensi	186,078	196,190	172,226	172,941	150,428
<b>MAKLUMAT SAHAM</b>					
Dividen kasar sesaham - (sen)	16.3	12.0	15.0	20.5	31.0
Aset bersih sesaham - (RM)	5.1	5.4	5.4	5.8	6.4
Aset ketara bersih sesaham - (RM)	4.2	4.7	4.6	5.0	5.6
Perolehan asas sesaham - (sen)	48.4	43.6	48.6	57.5	61.9
Harga saham - (RM)	4.35 <sup>N1</sup>	4.71	5.00	5.29	5.78
Permodalan pasaran (RM'juta)	17,444 <sup>N2</sup>	18,887	20,050	21,213	23,178
<b>NISBAH KEWANGAN (%)</b>					
<b>Nisbah Keuntungan</b>					
Pulangan bersih ke atas purata ekuiti	10.0	8.6	9.1	10.3	10.3
Pulangan bersih ke atas purata jumlah aset	0.7	0.7	0.8	1.0	1.0
Nisbah kos kepada pendapatan	58.8	50.0	49.9	49.3	48.9
<b>Kualiti Aset</b>					
Nisbah pinjaman kasar kepada deposit	95.7	93.3	96.0	94.4	92.5
Nisbah pinjaman terjejas kasar	1.88	2.43	2.23	2.06	1.97
<b>Saham Biasa</b>					
Hasil dividen	3.7 <sup>N1</sup>	2.5	3.0	3.9	5.4
Nisbah pembayaran dividen	33.9	28.6	30.8	35.7	50.1

<sup>N1</sup> Harga saham RHB Bank pada tahun 2015 adalah berdasarkan nisbah pertukaran saham 1: 1.3.

<sup>N2</sup> Berdasarkan asas saham RHB Bank yang diperluaskan selepas suntikan modal pada April 2016.

# Ulasan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

## RINGKASAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN KUMPULAN PERBANKAN RHB



## PRESTASI SUKU TAHUNAN KUMPULAN PERBANKAN RHB

	2018				Jumlah
	Suku Pertama	Suku Kedua	Suku Ketiga	Suku Keempat	
<b>Prestasi Kewangan (RM'juta)</b>					
Jumlah pendapatan	1,769	1,618	1,686	1,733	6,806
Pendapatan berasaskan dana bersih	1,237	1,245	1,219	1,242	4,943
Pendapatan berasaskan bukan dana	532	373	467	491	1,863
Keuntungan operasi sebelum peruntukan	907	818	861	862	3,448
Keuntungan sebelum cukai	792	773	779	775	3,119
Keuntungan bersih diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank	591	570	579	565	2,305
Pendapatan sesaham (sen)	14.7	14.2	14.4	14.1	57.5
Dividen sesaham (sen)	-	7.5	-	13.0	20.5

	2019				Jumlah
	Suku Pertama	Suku Kedua	Suku Ketiga	Suku Keempat	
<b>Prestasi Kewangan (RM'juta)</b>					
Jumlah pendapatan	1,742	1,777	1,741	1,841	7,101
Pendapatan berasaskan dana bersih	1,208	1,207	1,262	1,287	4,964
Pendapatan berasaskan bukan dana	534	570	479	554	2,136
Keuntungan operasi sebelum peruntukan	896	915	898	920	3,629
Keuntungan sebelum cukai	823	842	834	852	3,350
Keuntungan bersih diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank	630	615	616	621	2,482
Pendapatan sesaham (sen)	15.7	15.3	15.4	15.5	61.9
Dividen sesaham (sen)	-	12.5	-	18.5*	31.0

\* Dividen akhir dicadangkan.

# Ulasan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

## ASET DAN LIABILITI YANG MENGGALAS FAEDAH


2018	Jumlah (RM'juta)	Kadar faedah efektif (%)	Pendapatan/perbelanjaan faedah (RM'juta)
<b>Aset Pendapatan Faedah</b>			
Wang tunai dan dana jangka pendek & deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	13,451	2.69	302
Aset kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian	3,801	4.32	82
Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	32,578	3.73	1,071
Pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan	14,090	3.91	638
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	168,879	5.39	8,717
<b>Liabiliti Berfaedah</b>			
Deposit daripada pelanggan-pelanggan & Deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	197,147	2.79	5,320
Pinjaman/Obligasi subordinat/Sekuriti Modal Hibrid Tahap-1/Sekuriti hutang kanan	8,858	3.95	357

2019	Jumlah (RM'juta)	Kadar faedah efektif (%)	Pendapatan/perbelanjaan faedah (RM'juta)
<b>Aset Pendapatan Faedah</b>			
Wang tunai dan dana jangka pendek & Deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	12,724	2.71	277
Aset kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian	4,623	4.04	90
Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	39,805	3.83	1,347
Pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan	14,249	3.87	636
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	176,175	5.31	9,022
<b>Liabiliti Berfaedah</b>			
Deposit daripada pelanggan-pelanggan & Deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	212,095	2.86	5,794
Pinjaman/Obligasi subordinat/Sekuriti Modal Hibrid Tahap-1/Sekuriti hutang kanan	7,204	3.78	342

## PENYATA NILAI TAMBAH

	2018	2019
<b>Nilai Tambah (RM'juta)</b>		
Pendapatan faedah bersih	3,655	3,610
Pendapatan dari Perniagaan Islam	1,428	1,614
Pendapatan bukan faedah	1,722	1,877
Tolak: Overhead tidak termasuk kos kakitangan dan susut nilai & pelunasan & dihapus kira	(1,131)	(1,091)
Tolak: Elaun untuk kerugian kredit & rosotnilai	(329)	(279)
<b>Nilai tambah tersedia untuk pengagihan</b>	<b>5,346</b>	<b>5,731</b>

## PEMBAHAGIAN NILAI TAMBAH



# Ulasan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

## PENGURUSAN MODAL

### Tinjauan Keseluruhan

Pendekatan pengurusan modal Kumpulan Perbankan RHB memberi tumpuan kepada mengekalkan kedudukan modal yang sihat untuk menyokong pertumbuhan perniagaan sambil mengoptimalkan pulangan kepada pemegang saham kami. Rangka kerja dan struktur modal dibangunkan untuk memenuhi bukan sahaja keperluan kawal selia tetapi juga untuk memuassakan aspirasi pelbagai pihak berkepentingan yang termasuk pemegang saham, pelabur dan agensi penarafan. Bagi tujuan itu, Rangka Kerja Pengurusan Modal Kumpulan ("CMF") telah diwujudkan untuk menyediakan pengawasan bersepadu untuk aktiviti pengurusan modal. Pengawasan ini menjangkau fungsi risiko, kewangan dan perbendaharaan, menghasilkan nilai yang lebih kepada perniagaan.

### Prinsip-prinsip utama CMF Kumpulan disenaraikan seperti berikut:

- |  |  |  |
|--|--|--|
| <p><b>1</b></p> <p><b>PRINSIP 1: Tadbir Urus Pengurusan Modal</b></p> <p>Tadbir urus telah dilaksanakan untuk memantau aktiviti pengurusan modal dan ia mentakrif dengan jelas tugas dan tanggungjawab dalam organisasi.</p>   | <p><b>2</b></p> <p><b>PRINSIP 2: Aktiviti Pengurusan Modal - Strategi Modal</b></p> <p>Strategi modal adalah sejajar dengan strategi keseluruhan perniagaan, profil risiko dan keperluan kawalselia.</p>             | <p><b>3</b></p> <p><b>PRINSIP 3: Aktiviti Pengurusan Modal - Perancangan Modal</b></p> <p>Kumpulan Perbankan RHB telah merangka pelan berpandangan jauh dan komprehensif untuk memastikan kemampunan dan menyokong pertumbuhan perniagaan.</p> |
| <p><b>4</b></p> <p><b>PRINSIP 4: Aktiviti Pengurusan Modal Peruntukan/ Pengstruktur/ Pengoptimuman Modal</b></p> <p>Aktiviti pengurusan modal yang mantap membolehkan Kumpulan Perbankan RHB untuk menstruktur peruntukan modal dengan cekap merentasi perniagaan dan entitinya untuk memaksimumkan pulangan dan memastikan penggunaan modal secara optimum.</p> | <p><b>5</b></p> <p><b>PRINSIP 5: Analisis Modal</b></p> <p>Ini memberi pemahaman untuk merangka strategi pengurusan modal Kumpulan Perbankan RHB dan membantu menetapkan keperluan bekalan dan permintaan modal.</p> | <p><b>6</b></p> <p><b>PRINSIP 6: Pelaporan dan Pemantauan Modal</b></p> <p>Ini adalah penting untuk memastikan penghasilan maklumat modal adalah lengkap, betul dan tepat pada masanya bagi keputusan pengurusan.</p>                          |

## PEMANTAUAN DAN PERANCANGAN MODAL

Pengurusan modal yang berkesan adalah penting untuk mengekalkan kemampunan perniagaan. Kumpulan Perbankan RHB menguruskan kedudukan modalnya secara proaktif dalam usaha untuk memenuhi keperluan kawal selia, jangkaan daripada pelbagai pihak berkepentingan dan menyokong objektif perniagaannya yang strategik.

Kumpulan Perbankan RHB mencapai objektif ini melalui Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalam ("ICAAP") tahunan di mana kami secara aktif memantau dan menguruskan kedudukan modal selama tiga tahun, yang melibatkan aktiviti-aktiviti utama seperti berikut:

- Menetapkan sasaran modal di dalam kedua-dua keadaan biasa dan tertekan untuk semua anak-anak syarikat perbankan, di kedua-dua peringkat Kumpulan Perbankan RHB dan entiti, dengan mengambil kira jangkaan perubahan kawal selia dan jangkaan pihak berkepentingan;
- Meramalkan permintaan modal untuk risiko ketara berdasarkan kehendak risiko Kumpulan Perbankan RHB; dan
- Menetapkan keperluan untuk pengeluaran modal dan profil kematangan sekuriti modal.

Jawatankuasa Risiko Lembaga ("BRC") dan Jawatankuasa Modal dan Risiko Kumpulan ("GCRC") bertanggungjawab untuk menyelia perancangan modal dan proses penilaian dalam Kumpulan Perbankan RHB dan memastikan bahawa Kumpulan Perbankan RHB dan anak-anak syarikatnya mengekalkan tahap kualiti modal yang sesuai dan konsisten dengan profil risiko dan strategi perniagaan secara keseluruhan.

### INISIATIF MODAL SEPANJANG TAHUN

Inisiatif modal utama yang dilaksanakan pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

- Obligasi Subordinat mematuhi keperluan Basel III Tunggak 2 bagi RHB Bank berjumlah RM1.0 bilion telah ditebus pada Julai 2019;
- Sekuriti Modal Hibrid Tahap 1 RHB Bank bernilai RM370.0 juta dan RM230.0 juta telah ditebus pada Mac 2019 dan Disember 2019 masing-masing; dan
- Subordinat Sukuk Murabahah mematuhi keperluan Basel III Tunggak 2 bagi RHB Islamic Bank, berjumlah RM500.0 juta telah ditebus pada Mei 2019 dan ditambah dengan Subordinat Sukuk Murabahah mematuhi keperluan Basel III-Tahap 2 bernilai RM500.0 juta diterbitkan daripada RM5.0 bilion di bawah Program Subordinat Sukuk Murabahah.

## NISBAH KECUKUPAN MODAL

### Keperluan Modal Minimum

Di bawah Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) Bank Negara Malaysia dan Rangka kerja Kecukupan Modal Bank-bank Islam (Komponen Modal), semua institusi-institusi kewangan dikehendaki untuk mengekalkan kawal selia minimum Modal Ekuiti Biasa Tahap 1 ("CET1"), Modal Tahap 1 (Tahap 1) dan Jumlah Nisbah Modal 4.5%, 6.0% dan 8.0% masing-masing.

### Keperluan Penampungan Modal

Institusi kewangan dikehendaki untuk mengekalkan penampungan modal tambahan yang terdiri daripada Penampungan Pengekalan Modal ("CCB") dan Modal Penampungan Kitaranbalas ("CCyB") melangkaui nisbah modal minimum kawal selia. CCB ini bertujuan membolehkan sistem perbankan untuk bertahan daripada tekanan masa depan dan dilaksanakan secara berperingkat pada tahap 0.625% setiap tahun bermula dari 1 Januari 2016, untuk mencapai sebanyak 2.5% pada tahun 2019.

CCyB ditentukan sebagai purata wajaran kadar CCyB yang digunakan dalam bidang kuasa di mana sebuah institusi kewangan mempunyai pendedahan kredit. Penampungan ini bertujuan untuk melindungi sektor perbankan secara keseluruhan dari pengumpulan risiko sistemik semasa kenaikan

Jadual berikut menunjukkan nisbah modal relevan entiti-entiti perbankan utama di bawah Kumpulan Perbankan RHB yang dikawal selia, di mana ia jauh melebihi keperluan minimum pengawalseliaan:

Pada 31 Disember 2019	RHB Bank Group	RHB Bank	RHB Islamic Bank	RHB Investment Group	RHB Investment Bank	Nisbah Minimum Pengawalseliaan <sup>N1</sup>
<b>Sebelum cadangan dividen:</b>						
Nisbah CET 1	16.883%	15.145%	13.922%	43.964%	33.144%	7.000%
Nisbah Tahap 1	16.884%	15.145%	13.922%	44.021%	33.144%	8.500%
Jumlah Nisbah Modal	19.207%	17.331%	16.939%	55.449%	57.169%	10.500%
<b>Selepas cadangan dividen:</b>						
Nisbah CET 1	16.271%	14.319%	13.627%	40.117%	24.764%	7.000%
Nisbah Tahap 1	16.271%	14.319%	13.627%	40.174%	24.764%	8.500%
Jumlah Nisbah Modal	18.594%	16.505%	16.644%	51.602%	48.788%	10.500%

<sup>N1</sup> Termasuk Penampungan Pengumpulan Modal sebanyak 2.50%.

ekonomi dengan agregat penumbuhan kredit yang lebih cenderung untuk berlebihan. Penggunaan CCyB ke atas nisbah modal minimum adalah dalam julat 0% hingga 2.5%. CCyB masih belum dilaksanakan dan BNM akan mengumumkan keputusan mengenai kadar CCyB seawal 12 bulan sebelum tarikh kadar tersebut dikuatkuasakan.

Pada 5 Februari 2020, BNM telah menerbitkan dokumen polisi mengenai Rangka kerja Bank Domestik yang Penting dari segi Sistemik ("D-SIB") yang menetapkan kaedah penilaian untuk mengenal pasti D-SIBs di Malaysia dan keperluan pelaporan yang relevan.

Institusi kewangan yang ditetapkan sebagai D-SIB dikehendaki mengekalkan penampungan modal yang lebih tinggi bagi memenuhi keperluan modal pengawalseliaan yang termasuk keperluan untuk menampung kerugian yang lebih tinggi (Higher Loss Absorbency, HLA).

Selaras dengan rangka kerja ini, keperluan HLA yang terpakai untuk D-SIB adalah antara 0.5% hingga 1.0% daripada aset berlawanan risiko, pada tahap yang disatukan. Keperluan HLA untuk D-SIB yang ditetapkan akan mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2021. BNM akan mengemas kini senarai D-SIBs secara tahunan. RHB Bank tidak ditetapkan sebagai D-SIB dalam senarai sulung D-SIBs yang diterbitkan oleh BNM.



# Ulasan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

## PENGURUSAN KUNCI KIRA-KIRA

### Tinjauan Keseluruhan

Dalam persekitaran di mana pengawalseliaan ke atas keperluan modal dan kecairan adalah semakin ketat, bank-bank menerima lebih tekanan untuk mengoptimalkan pulangan kepada para pemegang saham melalui pengurusan kunci kira-kira. Namun demikian, cabaran masih kekal dalam mencetuskan keseimbangan antara pertumbuhan kunci kira-kira yang besar dan memaksimumkan pulangan kepada para pemegang saham.

Pengurusan kunci kira-kira adalah tanggungjawab bersama bagi semua perniagaan dan unit fungsi di seluruh Kumpulan Perbankan RHB. Ia memerlukan kerjasama yang erat, terutamanya daripada Perbendaharaan & Pasaran Global Kumpulan, Kewangan Kumpulan dan Pengurusan Risiko Kumpulan. Pemantauan yang kerap dan analisis yang menyeluruh terhadap kedudukan kunci kira-kira telah dilaksanakan bagi pengurusan pertukaran asing, kecairan dan kadar faedah serta pengurusan keuntungan. Jawatankuasa Aset & Liabiliti Kumpulan ("GALCO") RHB bertanggungjawab untuk mengkaji keseluruhan strategi dan komposisi lembaran imbalan apabila mempertimbangkan pertumbuhan aset & liabiliti, terutamanya pinjaman & deposit, sumber pembiayaan, risiko pertukaran asing, daya saing pasaran dan tinjauan ekonomi.

Persekitaran ekonomi yang dinamik adalah cabaran yang besar bagi bank-bank untuk mencari keseimbangan antara pengurusan kunci kira-kira secara holistik dalam persekitaran pengawalseliaan yang lebih ketat dan peningkatan dalam pulangan kepada pemegang saham. Oleh itu, ia adalah penting bagi bank-bank untuk menetapkan strategi perniagaan yang mantap dan koheren bagi menentukan suasana keseluruhan perniagaan.

### STRUKTUR KUNCI KIRA-KIRA

Lembaran imbalan RHB dibiayai terutamanya melalui ekuiti pemegang saham, hutang jangka panjang dan deposit teras pelanggan. Pemantauan berkala dilakukan pada komposisi lembaran imbalan dan sumber pendanaan kami, termasuk had tumpuan, had rakan niaga, pendedahan mata wang dan profil tenor. Strategi pembiayaan jangka panjang RHB bertujuan untuk mewujudkan asas pendanaan profil pendanaan yang pelbagai merentasi saluran runcit dan borong, di mana keutamaan diberikan kepada pendanaan deposit stabil yang menyediakan kelebihan pendanaan jangka panjang kepada Kumpulan Perbankan RHB.

Berikutan peningkatan kepelbagaian sumber pembiayaan, pengoptimuman struktur lembaran imbalan di samping menguruskan margin faedah bersih ("NIM") dan kos pematuan kawal selia tetap sukar. Struktur pembiayaan aset pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:



Pinjaman adalah komponen terbesar aset Kumpulan Perbankan RHB dan dibiayai oleh deposit pelanggan dan hutang jangka panjang. Jumlah pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan bersih Kumpulan Perbankan RHB telah meningkat sebanyak RM7.6 bilion kepada RM173.2 bilion pada akhir tahun 2019. Sementara itu, Nisbah pinjaman-kepada-deposit Kumpulan Perbankan RHB masih utuh dan berada di dalam lingkungan sasaran Kumpulan Perbankan RHB.

Selaras dengan rancangan strategik 5-tahun Kumpulan Perbankan RHB, FIT22, RHB akan memberi tumpuan kepada segmen utama di mana kami boleh berjaya secara domestik. Ini termasuk segmen Runcit dan PKS, di mana kami bercadang untuk memperluaskan bahagian portfolio pinjaman dan pembiayaan kami daripada segmen-segmen ini, dari 69% pada 2017 kepada 77% menjelang 2022. Pada tahun berakhir 2019, portfolio pinjaman dan pembiayaan kami daripada Runcit dan PKS mencatat pertumbuhan 73.4%. Selain daripada itu, kami berhasrat untuk meningkatkan kadar penembusan dan penguasaan wang saku masing-masing daripada modal pertengahan dan besar. Kami juga akan menumpukan kepada peningkatan kecekapan modal dengan melaksanakan peruntukan modal berdisiplin untuk perniagaan bagi meningkatkan pulangan terlaras risiko serta meningkatkan usaha pemulihan pinjaman.

# Landskap Pasaran Serantau

setakat 3 Mac 2020

## KAJIAN PERBANKAN

Selaras dengan kesederhanaan dalam pertumbuhan KDNK, pertumbuhan keseluruhan industri perbankan adalah perlahan pada 2019.

Pertumbuhan pinjaman bank di Malaysia, Singapura dan Thailand menurun. Pertumbuhan di Thailand adalah sederhana pada 2%, sementara pertumbuhan di Malaysia sederhana kepada 3.9% dan di Singapura, kepada 4.2%. Selain daripada rintangan ekonomi, keyakinan perniagaan dan sentimen pengguna dilemahkan lagi oleh ketegangan berpanjangan akibat perang perdagangan AS-China.

Pertumbuhan pendapatan operasi juga terjejas oleh tekanan margin faedah bersih ("NIM") berikutan polisi pemotongan kadar faedah bank-bank pusat merentasi rantau ini untuk meningkatkan pertumbuhan dalam ekonomi domestik masing-masing.

Meskipun, persekitaran ekonomi yang lebih perlahan, kualiti aset di rantau ini adalah berdaya tahan. Peningkatan Pinjaman Rosot Nilai Kasar tahun ke tahun ("GILs") adalah sederhana sementara penimbal peruntukan kekal tinggi.

## TINJAUAN PERBANKAN

Bank-bank melangkah ke arah 2020 dengan risiko-risiko utama berikut: permintaan pinjaman lebih lemah; tekanan NIM daripada kemungkinan berlaku lagi pemotongan kadar faedah; penurunan pendapatan tanpa faedah disebabkan oleh pasaran modal yang perlahan dan gangguan digital; dan kos kredit yang melambung daripada bahagian tekanan kualiti aset.

Meskipun Fasa 1 perjanjian perdagangan dimeterai antara AS dan China pada Januari 2020 memberi sedikit kelegaan, sebarang peningkatan dalam perdagangan dan pertumbuhan ekonomi kini adalah dijangka akan mengambil masa bilamana negara-negara bergelut dengan kesan wabak COVID-19.

# Landskap Pasaran Serantau

setakat 3 Mac 2020

## MALAYSIA

### KAJIAN EKONOMI

Pada 2019, Malaysia mencatat pertumbuhan ekonomi sederhana kepada 4.3% tahun ke tahun daripada 4.7% pada tahun sebelumnya. Penggunaan swasta kekal sebagai tulang belakang kepada pertumbuhan ekonomi sementara pelaburan menguncup. Penggunaan swasta membina kekuatan daripada keadaan pasaran buruh yang positif dan bantuan sosial kepada golongan berpendapatan rendah, B40.

Pertumbuhan pelaburan swasta menyaksikan penurunan, mencerminkan ketidakpastian perdagangan global, sementara pelaburan sektor awam menguncup berikutan perbelanjaan aset tetap lebih rendah oleh Kerajaan Persekutuan. Dari segi luaran, eksport pula terjejas di sebalik kesan penurunan dalam kitaran oleh sektor elektrik dan elektronik dan juga perang perdagangan AS-China. Dengan tekanan inflasi ringan (2019 CPI: 0.7% tahun ke tahun) dan prospek pertumbuhan yang perlahan, bank pusat memotong kadar dasar semalaman ("OPR") sebanyak tiga kali pada Mei 2019, Januari 2020 dan Mac 2020 menurunkan OPR kepada paras semasa 2.50%.




### TINJAUAN EKONOMI

Laporan Tinjauan Ekonomi Tabung Kewangan Antarabangsa pada Januari 2020 menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi global pada 2020 sebanyak 3.3% tahun ke tahun daripada 3.4% tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, unjuran pertumbuhan perdagangan dunia dikurangkan sebanyak 0.3% kepada 2.9% tahun ke tahun. Bahkan, sebagai respons kepada prospek global yang semakin lemah, bank-bank pusat telah mula melonggarkan polisi dalam usaha untuk merangsangkan ekonomi domestik.

Dari segi domestik, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan pakej rangsangan ekonomi RM20 bilion (1.3% daripada KDNK) di sebalik penularan wabak COVID-19. Meskipun usaha untuk merencanakan semula pertumbuhan amat ketara, pemulihan ekonomi masih tidak pasti disebabkan oleh pertumbuhan sederhana ekonomi AS dan China selain daripada ketidakpastian kesudahan daripada penularan COVID-19.

Secara keseluruhannya, kami menjangkakan ekonomi Malaysia akan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.0% tahun ke tahun pada 2020 menyusut daripada unjuran 4.3% pada 2019. Walaupun penggunaan swasta dijangka akan kekal kukuh sementara pelaburan kembali pulih, permintaan global akan terus memberi kesan kepada eksport Malaysia.

Berdasarkan sektor ekonomi, pertumbuhan dalam pembuatan, perkhidmatan dan dijangka akan terkesan oleh permintaan luaran yang lemah. Meskipun, ekonomi dijangka akan disokong oleh sektor pembinaan dan perlombongan dengan pelaksanaan projek-projek infrastruktur dan penyambungan kemudahan minyak dan gas selepas mengalami gangguan pada tahun 2018 dan 2019. Sementara itu, kadar inflasi dijangka akan naik, namun pada tahap terkawal dengan ganjaran risiko yang sederhana melangkah ke 2020.



### KAJIAN DAN TINJAUAN PERBANKAN

Sektor perbankan Malaysia berdepan dengan tahun yang mencabar dengan faktor luaran mempengaruhi pertumbuhan pendapatan dijangka pada tahap sederhana pada 2020. Prospek yang lebih baik akan bergantung kepada perkembangan rundingan perdagangan AS- China, daya ketahanan ekonomi AS dan sepiantas mana pandemik COVID-19 dapat dibendung. Secara domestik, sektor swasta dijangka akan mendahului pertumbuhan, didorong oleh pelaksanaan beberapa projek infrastruktur mega dan program rangsangan untuk menangani kesan COVID-19.

Kami menjangkakan pertumbuhan pinjaman akan menurun sedikit kepada 3.6% tahun ke tahun pada 2020, didorong terutamanya oleh sektor isi rumah melalui pinjaman hartanah-kediaman sementara permintaan pinjaman dijangka akan menyusut. Pinjaman sistem perbankan mencatat pertumbuhan sederhana kepada 3.9% pada 2019 (2018: +7.7% tahun ke tahun) disebabkan oleh permintaan yang lemah daripada perniagaan. Pinjaman kepada sektor isi rumah meningkat sedikit 4.7% (2018: +8.3% tahun ke tahun). Sementara itu, gadai janji kediaman menyaksikan pertumbuhan yang sihat pada 7.3%, manakala pertumbuhan pinjaman auto dan peribadi menyusut.


Margin Faedah Bersih ("NIM") akan dipengaruhi oleh tekanan berlanjutan sekiranya Bank Negara Malaysia ("BNM") menurunkan kadar faedah sekali lagi selepas pemotongan kadar sebanyak 25 mata asas pada Januari dan Mac 2020. Pada tahun ini, bank dijangka akan memberi tumpuan kepada meningkatkan produktiviti, kecekapan, penggunaan modal dan kualiti aset.

Nisbah pinjaman terjejas kasar ("GIL") 2019 meningkat kepada 1.51% (2018: 1.48%). Ini digambarkan oleh pinjaman terjejas yang lebih tinggi dalam sektor pembuatan, pertanian dan isi rumah. Liputan kerugian pinjaman pula berada pada tahap selesa pada 89.6% (2018: 99.1%). Pada 2020, GIL dijangka akan menyaksikan trend menaik, meskipun masih terkawal.

Ekonomi domestik yang dijangka stabil secara relatifnya tanpa risiko sistemik, kami percaya kualiti aset akan kekal kukuh. BNM juga telah memperkenalkan garis panduan mengenai penjadualan semula dan penstrukturan semula pinjaman PKS. Tambahan lagi, bank-bank proaktif dalam menawarkan bantuan khas untuk perniagaan dan individu untuk membantu mereka mengharungi kesukaran ekoran kelembapan ekonomi.

#### RESPONS KAMI KEPADA PROSPEK KADAR FAEDAH YANG LEMAH

RHB akan mengekalkan tumpuan terhadap meningkatkan jualan dan produktiviti operasi untuk menangani impak penguncupan NIM. Pelbagai langkah telah digariskan seperti pelaksanaan berterusan Agile merentasi Kumpulan Perbankan RHB, menggunakan analisis data dan



proses automasi robotik selain daripada merubah tujuan rangkaian cawangan dan menyusun semula struktur proses yang menghasilkan kecekapan yang lebih tinggi.

#### TREND UTAMA MENJEJASKAN INDUSTRI PERBANKAN

##### Pemacu Sosial

Pada akhir Februari 2020, kerajaan telah mengumumkan pakej rangsangan ekonomi untuk melindungi ekonomi daripada risiko berkaitan dengan penularan COVID-19. Pakej rangsangan terbabit memberi tumpuan kepada melindungi perniagaan dan sektor yang terjejas oleh penurunan jumlah ketibaan pelancong, dan membantu orang awam untuk menempuh tempoh yang mencabar ini. Bank-bank Malaysia telah mengumumkan tawaran enam bulan moratorium penangguhan bayaran balik pinjaman dan pinjaman korporat bagi pelanggan yang terjejas. Bank-bank juga telah memenuhi permohonan untuk penstrukturan atau penjadualan semula pinjaman untuk membantu aliran tunai mereka ketika tempoh yang sukar ini. Pakej rangsangan yang meningkatkan defisit fiskal kepada 3.4% daripada KDNK daripada 3.2% di bawah Bajet 2020, akan membantu menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia pada 2020.

Dalam Bajet 2020, langkah-langkah meningkatkan kebajikan sosial termasuk gaji minimum kepada RM1,200 daripada RM1,100 di kawasan bandar, pemberian tunai Bantuan Sara Hidup ("BSH") berjumlah RM5 bilion (sama seperti tahun sebelumnya) dan bayaran insentif bagi wanita dan graduan yang menganggur. Perlindungan dan bayaran di bawah skim insurans mySalam untuk segmen B40 juga telah diperluaskan.

Bagi tempoh jangka panjang, kertas kerja polisi Wawasan Kemakmuran Bersama Malaysia 2030 ("SPV 2030") menggariskan matlamat 10-tahun untuk membolehkan peralihan negara daripada kebergantungan negara kepada tenaga kerja tidak berkemahiran bergaji rendah kepada tenaga kerja yang berkemahiran tinggi bergaji tinggi. Ia bertujuan untuk mencapai pertumbuhan mampan di samping pengalihan yang adil dan saksama merentasi kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan.

Prinsip ESG telah diberi keutamaan sejak beberapa tahun yang lalu. Para pelabur telah memberi lebih perhatian kepada tahap pematuhan oleh syarikat-syarikat di mana mereka melabur. Bank-bank akan tertakluk kepada pendedahan sumber yang lebih

baik dan juga peningkatan dalam penelitian berkaitan dengan amalan pemijinan. Lebih banyak bon hijau akan ditambah untuk membiayai aktiviti ESG seperti tenaga boleh diperbaharui.

##### Pemacu Kompetitif

Dengan permintaan pinjaman dijangka hambar tahun ke tahun pada 2020, persaingan bagi pinjaman dijangka akan lebih sengit. Sehubungan dengan itu, kami percaya bank-bank akan sentiasa berjaga-jaga berhubung dengan kualiti aset dan berdisiplin dalam penetapan harga pinjaman.

##### Pemacu Teknologi

Pendigitalan terus menjadi keutamaan dalam kalangan bank-bank tatkala 2019 menyaksikan inisiatif digital revolusi oleh Kerajaan Malaysia dan pengawal selia.

Pada Disember 2019, BNM mengeluarkan draf dedahan rangka kerja pelesenan bank digital yang dinanti-nantikan, yang membolehkan sehingga lima lesen dikeluarkan kepada pemohon yang layak. Bank digital dijangkakan akan ditawarkan kepada segmen yang tidak mendapat liputan perkhidmatan dan kurang ditawarkan perkhidmatan, terutamanya melalui penggunaan teknologi. Ini kemungkinan akan mempercepatkan pelan transformasi digital bank sedia ada untuk menarik dan mengekalkan pelanggan mudah alih dan celik teknologi.

Bagi menggalakkan perluasan penggunaan pembayaran tanpa tunai di Malaysia, kerajaan telah memperkenalkan inisiatif e-Tunai dalam Bajet 2020, di mana pengguna e-wallet yang layak memperoleh insentif e-wallet sebanyak RM30 sekali sahaja. Wang terbabit mesti dibelanjakan dalam tempoh dua bulan dengan baki yang tidak dibelanjakan tamat tempoh pada 14 Mac 2020.

##### Pemacu Kawal Selia

BNM mengeluarkan dokumen polisi berkaitan Rangka kerja institusi perbankan domestik yang penting dari segi sistemik ("D-SIBs") pada Februari 2020. Rangka kerja ini bertujuan untuk menangani risiko yang dihadapi oleh D-SIBs, di mana kegagalan atau tekanan semasa tempoh sukar berpotensi menyebabkan gangguan ketara kepada sistem kewangan domestik dan ekonomi keseluruhannya. Penggunaan pengawalseliaan termasuk keperluan untuk menampung kerugian yang lebih tinggi ("HLA") bagi D-SIB dalam lingkungan dari 0.5% hingga 1.0% bagi aset berwujud risiko disatukan. Keperluan ini berkuat kuasa pada 31 Januari 2021.

# Landskap Pasaran Serantau

setakat 3 Mac 2020

## SINGAPURA

### KAJIAN EKONOMI

Ekonomi Singapura mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan secara ketara kepada 0.7% tahun ke tahun pada 2019 berbanding 3.5% pada 2018. Pertumbuhan menguncup berikutan eksport terjejas oleh sentimen perniagaan yang lemah dan perdagangan global yang sederhana.

Eksport memberi kesan kepada kemerosotan tersebut dengan eksport domestik mengayun kepada penguncupan 8.8% tahun ke tahun pada 2019 berbanding pertumbuhan sebanyak 4.4% pada 2018. Kesederhanaan ini menggambarkan secara ketara kesan perdagangan global yang perlahan dipengaruhi oleh perang perdagangan AS-China dan penurunan kitaran semikonduktor selain daripada kempen penyahleveraj negara China.

Pertumbuhan permintaan domestik berkembang sebanyak 1.5% tahun ke tahun (2018: 1.9%), didorong oleh pertumbuhan kukuh dalam penggunaan swasta ekoran langkah semasa kerajaan memberi tumpuan kepada penambahbaikan digital dalam bidang teknologi kecerdasan ("AI") dan komunikasi digital di dalam Bajet Tahun Fiskal 2019. Penumpuan ini telah menghasilkan pertumbuhan pekerjaan dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi, perkhidmatan perniagaan dan kewangan. Tambahan lagi, inisiatif kerajaan pemberian bonus sempena menyambut ulang tahun ke-200 atau bonus *bicentennial* bernilai SGD1.1 bilion menyokong perbelanjaan runcit.

Dari segi pelaburan, peningkatan peruntukan kerajaan menghasilkan perbelanjaan infrastruktur awam yang lebih tinggi sementara pemulihan dalam sektor hartanah kediaman turut menyokong pelaburan swasta. Berhubung dengan harga, inflasi kekal perlahan pada purata 0.6% tahun ke tahun pada 2019 berbanding 0.4% pada 2018. Sementara itu, pada Oktober 2019, Pihak Berkuasa Kewangan Singapura ("MAS") melonggarkan polisi dengan mengurangkan kadar Pertukaran Berkesan Nominal Dolar Singapura ("S\$NEER") selepas menghentikan kecenderungan menaikannya pada April 2019. Ia adalah langkah pencegahan di tengah-tengah jangkaan prospek inflasi dan pertumbuhan yang lebih rendah.

### TINJAUAN EKONOMI

Persekitaran ekonomi Singapura pada 2020 dijangka kekal suram dan sebarang potensi kenaikan akan berkait rapat dengan prospek ekonomi global, terutamanya berkaitan dengan rundingan perang perdagangan AS-China. Hasil yang positif akan melonjakkan perdagangan global dan merencanakan pelaburan perniagaan.




Risiko penurunan termasuk impak penularan COVID-19 terhadap sektor pengangkutan dan pelancongan negara dengan kesan limpahan ke atas industri berkaitan dalam keadaan pandemik yang meluas. Tambahan lagi, pemisahan lanjutan ekonomi China daripada AS selain daripada masalah nyahleveraj domestik negara kuasa besar itu akan mengekang lagi pertumbuhan China. Perkara ini akan memberi impak negatif terhadap permintaan global bagi barangan dan komoditi perantara, melemahkan lagi prospek perdagangan.

Secara domestik, kami menjangkakan penggunaan swasta yang agak sederhana setelah kesan bonus *bicentennial* yang diterima pada 2019 mereda. Pasaran buruh dijangka berkembang pada kadar tidak sekata, memberikan prospek yang sederhana bagi perbelanjaan penggunaan.

Bagi menangani cabaran langsung daripada COVID-19, kerajaan telah mengumumkan pakej khas bernilai SGD5.6 bilion (1.1% daripada KDNK) dalam Bajet 2020. Kerajaan juga telah memperuntukkan tambahan SGD800 juta untuk memberi sokongan kepada pemulihan ekonomi.

Pakej rangsangan Singapura yang besar menangani keseimbangan yang timbul daripada penularan virus, terutamanya bagi firma-firma dan pekerja-pekerja yang telah menempuh ketidaktentuan pasaran. Sektor-sektor yang paling teruk terjejas telah diberikan sokongan tambahan. Bagi isi rumah, kami percaya bahawa bantuan tunai akan memacu peningkatan penggunaan.

Berlatarbelakangkan situasi ini, kami berharap KDNK sebenar pada 2020 akan mencatat pertumbuhan sebanyak 0.6%. Sekiranya perang perdagangan secara baik, kami mungkin boleh menyaksikan pertambahan dalam aktiviti ekonomi dan unjuran pertumbuhan disemak semula ke arah menaik. Bagaimanapun, sekiranya ia berterusan untuk jangka masa panjang, unjuran pertumbuhan mungkin bertambah buruk apabila perniagaan menyesuaikan diri semula kepada dinamik rantaian bekalan global yang baharu.



### KAJIAN DAN TINJAUAN PERBANKAN

Pinjaman bank-bank Singapura bagi unit mata wang domestik dan Asian mencatat pertumbuhan sederhana kepada 4.2% tahun ke tahun pada 2019 (2018: 5.3%), disebabkan oleh 1.6% tahun ke tahun penguncupan dalam gadaai janji kediaman. Pertumbuhan dalam peminjaman perniagaan menyusut kepada 5.3% (2018: 6.1%). Kelembapan mendadak di Hong Kong dan China pada tahun ini mendorong kepada risiko pendapatan bagi bank-bank Singapura disebabkan pendedahan yang tinggi kepada kedua-dua pasaran ini.

Kebingungan yang lebih besar adalah pendedahan bank-bank Singapura kepada kekacauan politik Hong Kong dan kesan mendadak penularan COVID-19 yang boleh menjejaskan kualiti aset. Sistem kadar pinjaman tidak berbayar loan ("NPL") Singapura pada 2019 meningkat kepada 2.0% daripada 1.86% pada 2018. Ini disebabkan oleh pinjaman terjejas kepada sektor komunikasi dan penyimpanan, pengangkutan dan pembuatan.

Prospek Margin Faedah Bersih ("NIM") juga dijangka rendah kerana kami menjangkakan NIM akan menguncup pada 2020 selari dengan jangkaan pelonggaran bagi Kadar Faedah Antara Bank yang Ditawarkan ("SIBOR") dan Kadar Tawaran Swap ("SOR"). MAS dipandu oleh SGD yang lemah yang mendorong penurunan SIBOR dan SOR.

#### RESPONS KAMI KEPADA RISIKO PELONGGARAN POLISI

Meskipun persekitaran makro suram, RHB kekal komited untuk mengembangkan perniagaan Singapura sebagai hub serantau bagi Kumpulan Perbankan RHB. Kami akan meneruskan memanfaatkan keupayaan teras kami untuk memberi perkhidmatan kepada korporat tempatan dan serantau di samping memperhalusi nilai tawaran kami yang lebih baik bagi segmen-segmen PKS dan peruncitan.

#### TREND UTAMA MEMPUNYAI KESAN KE ATAS PERBANKAN INDUSTRI

##### Pemacu Politik & Makroekonomi

Singapura mempunyai persekitaran politik yang stabil. Kestabilan politik ini mendorong pelaburan asing dan memacu pertumbuhan ekonomi. Ekonomi Singapura, yang bergantung terutamanya kepada perdagangan luar, berkait rapat dengan trend pertumbuhan ekonomi global. Kami meramalkan bahawa KDNK Singapura bagi 2020 akan terjejas oleh penyederhanaan eksport, di tengah-tengah prospek pertumbuhan yang lebih rendah bagi AS dan China serta penularan COVID-19.

Bagi menangani kebimbangan jangka masa terdekat pihak industri dan rakyat Singapura yang terkesan oleh penularan virus ini, kerajaan telah memperuntukkan SGD800 juta untuk menyokong agensi di barisan depan bagi mengatasi penularan COVID-19. Selain daripada Kementerian Kesihatan, bantuan tambahan akan diberikan kepada sektor yang terkesan secara langsung oleh penularan virus – pelancongan, penerbangan, perkhidmatan makanan dan runcit, dan pengangkutan setempat-ke-setempat.

Secara keseluruhan, defisit fiskal yang lebih besar sebanyak 2.1% daripada KDNK dicadangkan dalam Bajet 2020 (2019: defisit sebanyak 0.3%) seharusnya memberi rangsangan kepada ekonomi dan membantu mengimbangi potensi kebimbangan kelembapan pertumbuhan dalam jangka masa pendek.

##### Pemacu Sosial

Aliran trend menyaksikan peningkatan penggunaan model pengedaran digital baharu bagi produk-produk perbankan bagi permintaan pelanggan yang kian berubah, dengan penumpuan kepada perbankan mudah alih yang semakin luas penggunaannya.

Penggunaan peranti mudah alih yang semakin meluas bagi khidmat perbankan telah menyebabkan bank-bank membelanjakan lebih banyak modal bagi menaiktarafkan platform perbankan mudah alih.

Justeru itu, bank-bank menekankan penciptaan nilai digital, dan mentransformasikan proses dan produk tradisional kepada platform digital. Kini semakin banyak bank telah mula mengautomatiskan urusan niaga perbankan mereka melalui penggunaan platform internet dan robotik.

##### Pemacu Kompetitif

Persaingan kekal sengit dalam industri perbankan Singapura. Tiga bank-bank terbesar Singapura menguasai bahagian pasaran yang signifikan dalam perniagaan peminjaman dan berusaha mengemukakan penguasaan dalam segmen pinjaman masing-masing.

Faktor rintangan dalam segmen ini timbul daripada bank maya yang bakal dibangunkan. MAS akan mengeluarkan lima lesen untuk bank maya menjelang Jun 2020 – dua lesen penuh yang membolehkan perbankan runcit dan dan tiga lesen bagi perbankan borong. Bank-bank maya baharu ini dijangka memulakan operasi menjelang pertengahan 2021. Prospek bank maya seharusnya menunjukkan laluan ke arah

keuntungan dan nilai tawaran untuk memenuhi keperluan yang tidak diliputi melalui penggunaan teknologi. Sebanyak 21 permohonan bank maya di mana 14 adalah untuk lesen borong dan tujuh lagi untuk lesen penuh telah dikemukakan kepada MAS.

Persaingan daripada bank-bank maya boleh mengecilkan bahagian pasaran ketiga-tiga bank terbesar ini. Kami percaya tiga bank terbesar akan meneruskan pelaburan dalam teknologi untuk menawarkan perkhidmatan yang sepadan dengan yang ditawarkan oleh bank maya akan datang.

##### Pemacu Teknologi

MAS menggalakkan inovasi. Sehubungan dengan ini, pada Jun 2019, MAS memperkenalkan skim Inovasi dan Teknologi Kewangan (Fintech) untuk memberi sokongan bagi mewujudkan ekosistem inovasi yang rancak. Sistem PayNow (diterajui oleh MAS), yang telah dimulakan pada pertengahan tahun 2017, ditawarkan secara percuma kepada pelanggan runcit dan tersedia 24 jam setiap hari sepanjang tahun. PayNow telah dilanjutkan melangkaui pelanggan runcit kepada perniagaan korporat, perniagaan, agensi kerajaan Singapura, pertumbuhan dan persatuan – secara kolektif "Entiti" – melalui Korporat PayNow. Dengan Korporat PayNow, pelanggan runcit bagi sembilan bank-bank yang mengambil bahagian kini boleh memindahkan dana kepada entiti dan sebaliknya. Opsyen imbasan kod QR untuk membuat bayaran juga tersedia. Entiti dan pelanggan kini boleh membuat pemindahan PayNow dengan mengimbas kod QR PayNow menggunakan aplikasi perbankan mudah alih sedia ada dengan bank-bank yang terlibat.

##### Pemacu Kawal Selia

Dengan fintech menjadi komponen penting bagi perbankan, MAS telah mewujudkan kawal selia untuk segmen ini. Rangka kerja Kawal Selia FinTech atau *sandbox* membolehkan institusi kewangan dan pemain fintech untuk menjalankan eksperimen dengan produk atau perkhidmatan kewangan yang inovatif dalam persekitaran siaran langsung tetapi tempoh masa dan ruang yang ditakrifkan dengan jelas.

Bergantung kepada eksperimen, MAS akan menyediakan kawal selia yang sewajarnya dengan memberi kelonggaran kepada keperluan kawal selia dan undang-undang yang khusus yang ditetapkan oleh MAS di mana entiti *sandbox* akan tertakluk hanya kepada tempoh masa *sandbox*. *Sandbox* merangkumi perlindungan yang sewajarnya untuk membendung akibat kegagalan dan mengekalkan keselamatan dan kewajaran sistem kewangan secara keseluruhan.

# Landskap Pasaran Serantau

setakat 3 Mac 2020

## KEMBOJA DAN THAILAND

### KAJIAN EKONOMI

**Kemboja** menyaksikan kelembapan pada 2019 kepada pertumbuhan dijangka sebanyak 6.6% daripada 7.3% direkodkan pada tahun sebelumnya, mencerminkan kelemahan dilihat dalam pasaran eksport di tengah-tengah perang perdagangan AS-China. Peningkatan pelaburan dalam projek infrastruktur dan aktiviti pembinaan telah membantu dalam melindungi ekonomi daripada kelembapan dalam sektor luaran. Pelaburan dalam sektor pembuatan juga merupakan aspek positif tahun lepas ketika para peniaga mempelbagaikan aktiviti daripada industri tekstil. Kini, industri tekstil menyumbang hampir 80% daripada jumlah eksport negara. Peningkatan dalam pelaburan langsung asing, impak daripada perang perdagangan AS-China, musim kemarau dan kelewatan dalam kelulusan bajet fiskal ke dalam negara, terutamanya daripada China, meletakkan asas bagi perkembangan

pembuatan di sektor lain tatkala para pengeluar memperluaskan loji mereka ke dalam pasaran negara-negara lain di tengah-tengah perang perdagangan AS-China.

Industri lain seperti pelancongan dan pertanian turut memperoleh manfaat daripada peningkatan permintaan serantau dan dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan mantap melangkah ke hadapan. Dari segi fiskal, ia mungkin kekal pada sekitar 2%, unjuran yang wajar memandangkan pertumbuhan ekonomi dijangka kukuh.

**Thailand** mencatat pertumbuhan ekonomi lebih perlahan kepada 2.4% tahun ke tahun pada 2019 daripada 4.1% pada tahun sebelumnya berikutan perang perdagangan AS-China, musim kemarau dan kelewatan dalam kelulusan bajet fiskal yang menjejaskan ekonomi. Eksport sebenar menyusut sebanyak 2.6% pada 2019, penurunan tahunan

pertama sejak 2009, sementara permintaan domestik lebih lemah sebanyak 3.4%. Dari segi bekalan, pertanian menyaksikan penurunan mendadak kepada 0.1% pada 2019 daripada 5.0% tahun sebelumnya sementara pembuatan tergelincir ke dalam penguncupan sebanyak 0.7% bagi tahun kewangan di tengah-tengah situasi permintaan global yang lemah.

Sebagai respons kepada kelembapan yang mendadak, kenaikan THB dan inflasi pada paras yang rendah, polisi bank pusat menurunkan kadar faedah sebanyak dua kali pada 2019 sebanyak 25 mata asas setiap kali, menterbalikkan polisi kenaikan faedah pada 2018. Kerajaan pula telah memperkenalkan beberapa pakej rangsangan untuk merangsangkan ekonomi yang membantu meredakan kelembapan dan mendorong pemulihan yang terkawal pada setengah tahun kedua 2019.

### TINJAUAN EKONOMI





Melangkah ke 2020, pandangan konsensus adalah ekonomi Kemboja berkemungkinan akan menyaksikan sedikit pemulihan kepada 6.7%, didorong oleh perbelanjaan infrastruktur dan pelaburan sektor swasta. Bagaimanapun, penularan COVID-19 mungkin akan menjejaskan pertumbuhan dua digit industri pelancongan. Risiko ini mencondong ke bawah memandangkan keberuntungan ekonomi negara kepada China. Selain daripada itu, keputusan Kesatuan Eropah untuk menarik balik keistimewaan perdagangan

kepada sesetengah negara eksport selepas kajian setahun berkaitan rekod hak kemanusiaan juga mungkin mengakibatkan nyahpecutan dalam eksport pada tahun ini. Inflasi, bagaimanapun, dijangka kekal stabil berikutan harga minyak mentah yang rendah.

Meninjau masa depan, kami menjangkakan Thailand akan menyaksikan kelembapan berlanjutan kepada 2.2% pada 2020, daripada 2.4% tahun lepas, sebagai pukulan hebat rintangan buat ketiga-tiga – penularan

COVID-19, musim kemarau berlanjutan dan bajet yang dilengah-lengahkan – berkemungkinan akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi Thailand.

Memandangkan perbelanjaan kerajaan direncanakan oleh kelewatan kelulusan bajet, bank pusat telah menurunkan kadar dasarnya ke paras terendah sebanyak 1.0% pada awal tahun ini untuk menyokong pertumbuhan. Kami menjangkakan kadar ini akan dikekalkan sepanjang 2020.



### KAJIAN DAN TINJAUAN PERBANKAN - THAILAND

Kelewatan dalam kelulusan parlimen bagi kerajaan TK2020, pengurangan ketibaan pelancong disebabkan oleh penularan COVID-19 dan kemarau berpanjangan di selatan telah memberi kesan kepada penghasilan pertanian dan selanjutnya, prospek sektor perbankan. Di sebalik situasi ini, kami percaya pertumbuhan sistem pinjaman akan perlahan, berikutan penurunan mendadak kepada 2.0% tahun ke tahun pada 2019 (2018: +6.0%).

Bank of Thailand ("BoT") telah menurunkan kadar dasar sebanyak 25 mata asas kepada rekod terendah 1.0% pada Februari 2020 (2019: -50 bps). Ini akan memaksa tekanan ke bawah terhadap NIM.

Satu lagi kelemahan bagi pihak bank kemungkinan kepada pendapatan bukan faedah yang dijangka akan menyusut ekoran kadar pembaharuan polisi insurans yang lebih rendah dan yuran urus niaga yang berkurangan selepas pelancaran PromptPay. PromptPay adalah perkhidmatan baharu untuk membolehkan pemindahan mudah dana melalui saluran elektronik menggunakan pengenalan diri ("ID") atau nombor telefon mudah alih bukannya nombor akaun bank.

Kualiti aset dijangka kekal terkawal meskipun terdapat sedikit peningkatan bagi NPL pada 2019 (2019: 2.98%; 2018: 2.94%). NPL boleh dikesan daripada pinjaman korporat yang besar dalam perniagaan hartanah dan peminjaman PKS. Bagaimanapun, liputan kerugian pinjaman bank seharusnya kekal tinggi pada 146.2%, disebabkan bahagiannya oleh tambahan peruntukan dibuat sebelum pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan Thai 9 ("TFRS 9") pada Januari 2020.

#### RESPONS KAMI KEPADA TEKANAN PENDAPATAN BUKAN FAEDAH

Thailand kekal negara utama bagi Kumpulan Perbankan RHB sebagai sebahagian daripada kehadiran serantau kami. Kami akan memberi tumpuan kepada segmen teras pelanggan Komersial dengan melaksanakan sistem pengurusan tunai RHB Reflex. Bank Pelaburan ini juga akan terus mengembangkan bahagian pasaran dengan memanfaatkan rangkaian serantau RHB bagi peningkatan aliran urus niaga.

#### TREND UTAMA YANG MEMBERI KESAN KE ATAS INDUSRTI PERBANKAN

##### Pemacu Politik

Thailand telah mengadakan pilihan raya pada 24 Mac 2019 buat pertama kali sejak rampasan kuasa pada 22 Mei 2014 yang menyaksikan pelantikan pihak tentera dikenali sebagai National Council for Peace and Order ("NCPO"). Gabungan kerajaan kini diterajui oleh Palang Pracharath yang memihak kepada pihak tentera, akan membenarkan kesinambungan polisi, terutamanya dalam pembangunan infrastruktur. Ia juga akan menyokong peningkatan kitaran dalam pelaburan swasta dan permintaan domestik.

Pada 11 Januari 2020, Parlimen meluluskan rang undang-undang melewati draf bajet bagi tahun fiskal 2020, dan ia dijangka berkuat kuasa pada April 2020. Cadangan bajet ini menyaksikan kenaikan 7% dalam keseluruhan perbelanjaan kepada THB3.2 trilion bagi tahun mulai 1 Oktober 2019. Kerajaan akan membelanjakan THB1.0 trilion untuk merangsangkan ekonomi Thailand dengan keseluruhan THB3.2 trilion dijangka akan dibelanjakan sepenuhnya menjelang September 2020.

##### Pemacu Sosial

Pada Januari 2020, BoT mengumumkan bahawa ia akan mengawal selia tiga jenis yuran dan caj yang dikenakan oleh institusi kewangan ke atas pelanggan. Bank pusat kini memerlukan institusi kewangan untuk meminda bayaran denda awal diguna pakai bagi PKS dan pinjaman peribadi, dan yuran kelewatan bayaran bagi PKS, pinjaman gadaai janji dan peribadi berdasarkan kos sebenar. Ia juga memerlukan yuran penggantian bagi kad ATM debit serta nombor PIN dikesualikan, namun institusi kewangan masih dibenarkan mengenakan yuran sekiranya kos yang ditanggung adalah ketara. Langkah-langkah tersebut bertujuan mewujudkan struktur yuran yang lebih adil serta mencerminkan kos sebenar, mengurangkan risiko kemampuan dan melegakan beban kewangan pengguna dan PKS.

Langkah-langkah terkini ini, di samping membangunkan PromptPay untuk mempromosikan e-bayaran yang menghasilkan pengecualian yuran bagi urusniaga atas talian atau digital pada akhirnya, akan terus memberikan tekanan ke atas pendapatan operasi bank-bank.

##### Pemacu Kompetitif

Industri perbankan menyaksikan beberapa usahasama pengambilalihan dan penggabungan ("M&A") yang besar pada 2019 – cadangan penggabungan TMB Bank dan Thanachart Bank; penjualan Siam Commercial Bank Life Assurance oleh Siam Commercial Bank kepada Kumpulan FWD yang berpangkalan di Hong Kong; dan cadangan pemerolehan PT Bank Permata oleh Bangkok Bank. Pada awal 2020, dilaporkan hasrat Kasikornbank dalam memperluaskan kedudukan di Myanmar melalui pemerolehan kepentingan sebanyak 35% dalam Bank Pembangunan Petani Ayeyarwaddy.

Penggabungan TMB Bank dan Thanachart Bank merupakan konsolidasi besar yang pertama dalam industri perbankan dalam enam tahun yang akan menyaksikan kemunculan bank keenam terbesar di Thailand. Entiti yang diperbesarkan dijangka akan membina pangkalan data pelanggan yang besar dan memperoleh manfaat mampu meningkatkan persaingan dalam kalangan bank bersaiz kecil dan sederhana.

##### Pemacu Teknologi

BoT sedang meletakkan asas bagi bank digital bersendirian. BoT telah mengenalpasti tiga tonggak yang diperlukan untuk membangunkan

bank maya: (i) data daripada sumber bukan kewangan; (ii) sistem pengenalan elektronik; dan (iii) rangka kerja kawal selia yang sesuai. Bank pusat mahukan bank maya untuk membentuk penyedia perkhidmatan kewangan yang boleh pelanggan yang kurang mendapat liputan.

BoT akan melihat kepada pelancaran peminjaman elektronik dan perkhidmatan kewangan yang lain pada 2020 menerusi kolaborasi dengan pelbagai pihak.

Pada Februari 2019, United Overseas Bank ("UOB") melancarkan bank maya pertama ASEAN di Thailand. TMRW adalah bank mudah alih sahaja dan direka bentuk bagi golongan milenial ASEAN yang lebih menggemari perbankan menggunakan telefon mudah alih. TMRW bertujuan untuk membangunkan pangkalan data pelanggan tiga hingga lima juta dalam lima tahun akan datang dan akan menyumbang ke arah strategi UOB untuk memperluaskan francais pelanggan merentasi Asia Tenggara.

##### Pemacu Kawal Selia

Langkah-langkah kawal selia BoT untuk mengawal spekulasi dalam pasaran hartanah berkuat kuasa pada April 2019. Menurut bank pusat, pengenalan nisbah pinjaman-kepada-nilai ("LTV") bagi pemilikan rumah kedua (80-90%), pemilikan rumah kedua ketiga (70%) dan hartanah perumahan berharga melebihi THB10 juta seunit (70-80%) berkesan dalam memastikan harga hartanah sederhana sementara menambah baik piawaian penaja jamin bank.

Penggunaan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa 9 ("IFRS 9") berkuatkuasa pada 1 Januari 2020 akan menyebabkan turun naik dalam elauan rosot nilai pada 2020 kerana bank menyelaraskan andaian menggunakan model peruntukan kerugian kredit. Memandangkan liputan kerugian pinjaman bank yang tinggi turun naik akan diserap.

Bank-bank di Thailand dikehendaki mematuhi Rangka Kerja Kecukupan Modal BoT bagi penentuan modal dan pengiraan nisbah kecukupan modal ("CAR"). Berkuat kuasa 1 Januari 2020, keperluan minimum bagi nisbah modal Ekuiti Biasa Tahap 1 ("CET1") bagi bank besar dinaikkan kepada 8.0% daripada 7.5% pada 2019 memandangkan penampakan D-SIB ditingkatkan daripada 0.5% pada 2019 kepada 1.0%. Nisbah minimum tahap-1 adalah 9.5% (daripada 9.0% pada 2019) dan jumlah nisbah modal minimum adalah 12.0% (daripada 11.5% pada 2019). Penampakan menentang kitaran sebanyak 0-2.5% adalah tertakluk kepada pertimbangan BoT. Gabungan Profesion Perakuaan ("FAP") telah menerima pakai TFRS 9, yang berdasarkan IFRS 9, berkuat kuasa pada 1 Januari 2020. Memandangkan rizab kerugian pinjaman bank yang tinggi, hari pertama impak terhadap pemeripakaian TFRS 9 akan diserap dengan baik.

# Keterlibatan dengan Pemegang Berkepentingan

SRC

RHB mentakrifkan pemegang berkepentingan sebagai kumpulan yang memberi kesan dan/atau boleh terkesan oleh aktiviti, produk atau perkhidmatan dan prestasi berkaitan.

Bagi tujuan laporan ini, Kumpulan Perbankan RHB merujuk Garispanduan Pelaporan Kemampanan Bursa Malaysia (edisi kedua) dan Piawaian Keterlibatan Pemegang Berkepentingan 2015 AA1000 untuk mengenal pasti dan menilai semula pihak berkepentingan utama yang telah dikenal pasti sebelum ini.

KUMPULAN PEMEGANG BERKEPENTINGAN	PLATFORM KETERLIBATAN
<p><b>PEMEGANG SAHAM DAN PELABUR</b> Kami menyediakan maklumat relevan kepada pemegang saham dan para pelabur untuk membuat keputusan yang bermaklumat mengenai RHB serta berkongsi dengan mereka prestasi kewangan dan hala tuju strategik Kumpulan Perbankan RHB.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mesyuarat Agung Tahunan dan Luar Biasa</li> <li>- Mesyuarat dan taklimat para penganalisis dan pengurus dana</li> <li>- Laporan Tahunan/Laporan Bersepadu</li> <li>- Laporan Kemampanan</li> <li>- Pengumuman Bursa Malaysia</li> <li>- Pengumuman prestasi kewangan suku tahunan dan tahunan</li> <li>- Komunikasi atas talian (emel, laman sesawang, media sosial)</li> <li>- Mesyuarat/perbincangan (atas permintaan)</li> <li>- Jerayawara dan persidangan</li> </ul>
<p><b>PELANGGAN</b> Formula kejayaan utama yang membezakan kami daripada pesaing kami adalah keupayaan dalam membina kepercayaan, menyampaikan kemudahan dan mencipta nilai untuk pelanggan kami. Kami berinteraksi dengan pelanggan untuk lebih memahami keperluan mereka agar kami dapat mengesyorkan penyelesaian kewangan yang betul untuk mereka.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Komunikasi atas talian (emel, laman sesawang, media sosial)</li> <li>- Mesyuarat Perseorangan</li> <li>- Mesyuarat Berkumpulan</li> <li>- Keterlibatan dengan Pengurus Perhubungan</li> <li>- Acara perangkaian pelanggan</li> <li>- Tinjauan dan kumpulan fokus</li> <li>- Seminar dan forum</li> <li>- Program Interaksi</li> <li>- Perbincangan Pengurusan Resolusi</li> <li>- Advokasi Pelanggan</li> <li>- Pusat panggilan</li> </ul>
<p><b>RAKAN NIAGA</b> Dalam memacu prestasi perniagaan dan menyampaikan produk dan perkhidmatan yang unggul untuk pelanggan, kami bekerjasama dengan rakan niaga kami dalam usaha sama strategik untuk memanfaatkan peluang perniagaan dalam pasaran yang saling menguntungkan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Lawatan syarikat</li> <li>- Keterlibatan formal &amp; tidak formal</li> <li>- Komunikasi atas talian (emel, laman sesawang, media sosial)</li> <li>- Proses tender dan mekanisma maklum balas pembekal</li> <li>- Bengkel Penyelesaian ciptaan bersama</li> <li>- Program pensijilan dan penumpuan bersama pemimpin dan pakar industri</li> </ul>

Penilaian semula tersebut menghasilkan kumpulan pemegang berkepentingan baharu, Rakan Industri Kewangan, ditambah dalam senarai kumpulan pemegang berkepentingan. Kumpulan Perbankan RHB mengambil pendekatan sistematik dan inklusif untuk melibatkan beberapa pemegang berkepentingan bagi lebih memahami dan memberi respons kepada keperluan dan kebimbangan mereka.

KEBIMBANGAN/HARAPAN PEMEGANG BERKEPENTINGAN	RESPONS RHB KEPADA KEBIMBANGAN/HARAPAN
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan kos dan pertumbuhan hasil yang berdaya tahan</li> <li>- Kualiti aset dan pengurusan risiko kredit</li> <li>- Integrasi perkara-perkara ESG ke dalam operasi dan perniagaan teras Kumpulan Perbankan RHB</li> <li>- Amalan perniagaan beretika dan bertanggungjawab</li> <li>- Tadbir urus korporat</li> <li>- Bayaran dividen</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memastikan pendedahan komprehensif dan tepat pada waktu</li> <li>- Memberi penekanan kepada pengurusan modal dan kecairan untuk menyokong pertumbuhan</li> <li>- Meletakkan polisi tadbir urus korporat yang kukuh dan memastikan kawal selia Lembaga yang mencukupi</li> <li>- Pelantikan lima orang Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan Lembaga Pengarah RHB Bank Berhad</li> <li>- Melaksanakan Rangka kerja Kemampanan yang mantap dengan pelan tindakan yang jelas untuk mengintegrasikan perkara-perkara ESG ke dalam operasi dan teras perniagaan Kumpulan Perbankan RHB</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tatalaku dan perlakuan urus niaga perniagaan yang adil</li> <li>- Nasihat dan penyelesaian kewangan peribadi dengan opsyen perbankan yang pantas dan mudah</li> <li>- Keselamatan siber dan mempunyai persekitaran yang selamat bagi menjalankan aktiviti perbankan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memastikan produk dan perkhidmatan disampaikan selaras dengan Polisi Layanan Adil terhadap Pengguna Kewangan("FTFC") BNM</li> <li>- Memperkukuhkan tawaran digital untuk menyampaikan pengalaman pelanggan dan akses kewangan yang dipertingkatkan</li> <li>- Memacu kecemerlangan perkhidmatan melalui inisiatif RHB Way Service Culture dan meningkatkan skor NPS daripada 0 pada 2018 kepada +9 pada 2019</li> <li>- Menyemak semula kontrak pelanggan dan dokumen undang-undang untuk memudahkan Bahasa dan mengurangkan istilah perundangan dan perbankan</li> <li>- Melaksanakan rangka kerja dan polisi berkaitan dengan ketahanan siber dan memperkukuhkan keselamatan IT secara berterusan</li> <li>- Kami juga melanggan perkhidmatan risikan ancaman dan menganjurkan latihan mandatori kesedaran keselamatan IT untuk kakitangan</li> <li>- Mencapai pensijilan semula Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/IES 27001 bagi sistem e-Perbankan kami</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sistem e-Perolehan yang mesra pengguna</li> <li>- Penilaian adil ke atas cadangan vendor</li> <li>- Polisi dan garis panduan baharu yang memberi kesan terhadap prestasi vendor</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengendalikan sesi keterlibatan meliputi topik mengenai garis panduan dan prosedur, cukai jualan dan perkhidmatan, prestasi pembekal, hal-hal berkaitan pembayaran dan pembaharuan kontrak Sesi keterlibatan ini mengesahkan komitmen kami terhadap perolehan yang telus dan mengekalkan amalan yang adil</li> <li>- Mengendalikan latihan tahunan sebagai sebahagian daripada infrastruktur sokongan ditawarkan untuk pembekal jaringan RHB</li> <li>- Mengendalikan lawatan ke premis pejabat atau tapak rakan niaga untuk memberi pemahaman yang baik bagi persekitaran dan budaya kerja rakan niaga, infrastruktur sistem dan pengurusan kesinambungan perniagaan</li> </ul>

# Keterlibatan dengan Pemegang Berkepentingan

KUMPULAN PEMEGANG BERKEPENTINGAN	PLATFORM KETERLIBATAN	KEBIMBANGAN/HARAPAN PEMEGANG BERKEPENTINGAN	RESPONS RHB KEPADA KEBIMBANGAN/HARAPAN
<p><b>PEKERJA</b> Kami komited ke arah menjadi majikan pilihan dengan tenaga kerja yang lebih produktif, pantas dan terlibat dalam menyampaikan perkhidmatan luar biasa kepada pelanggan. Keterlibatan pekerja menjadi pemacu kritikal bagi kejayaan perniagaan dalam pasaran kompetitif hari ini.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Intranet (My1Portal dan MyLink2HR) dan emel</li> <li>- Saluran media sosial dalaman RHB, Workplace oleh Facebook, dan pengedaran melalui ThanksBot</li> <li>- Aktiviti sosial, sukan dan rekreasi</li> <li>- Sesi keterlibatan semasa musim perayaan</li> <li>- Tinjauan keterlibatan pekerja dan tinjauan keberkesanan pelanggan dalaman tahunan</li> <li>- Saluran aduan secara formal dan tidak formal</li> <li>- Mesyuarat formal – Sesi bual bicara dengan GMD dan dialog awam (townhall) dianjurkan merentasi wilayah</li> <li>- Forum kepimpinan kanan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Matlamat dan objektif kakitangan</li> <li>- Ganjaran dan pengiktirafan</li> <li>- Keterlibatan mampan</li> <li>- Organisasi kerja</li> <li>- Pembangunan kerjaya</li> <li>- Pembangunan dan pembelajaran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengendalikan jerayawara untuk berkongsi hala tuju strategik Kumpulan Perbankan RHB dan pencapaian</li> <li>- Mengendalikan latihan menanda aras gaji untuk perbandingan dengan pasaran</li> <li>- Mengendalikan Forum Kepimpinan Kanan secara suku tahunan untuk berkongsi dengan pemimpin kanan prestasi dan pencapaian strategik Kumpulan Perbankan RHB dan memberi status kemas kini mengenai inisiatif penting</li> <li>- Mengendalikan program Tawaran Nilai Pekerja untuk menarik dan mengekalkan bakat</li> <li>- Mengendalikan Tinjauan Keterlibatan Pekerja ("EES") secara tahunan sebagai langkah untuk mengukur tahap kepuasan pekerja dan memperoleh maklum balas mengenai bidang yang memerlukan penambahbaikan. Pada 2019, skor EES meningkat daripada 84 kepada 90</li> <li>- Melaksanakan Agile@Scale dan proses automasi robotik ("RPA") untuk menyingkir halangan semasa bekerja dan meningkatkan produktiviti</li> </ul>
<p><b>BADAN KAWAL SELIA &amp; PEMBUAT DASAR</b> Kami mengadakan inisiatif usaha sama dengan para pengawal selia secara aktif mengenai perkara-perkara yang memberi kesan kepada perniagaan dan operasi kami.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengemaskinian dan pelaporan berkala kepada pengawal selia</li> <li>- Menyertai secara aktif dan menyumbang kepada kumpulan kerja, taklimat, forum, persidangan dan kertas rundingan industri dan pengawal selia</li> <li>- Keterlibatan dengan pengawal selia untuk berunding dan mendapatkan petunjuk mengenai pelaksanaan polisi, keputusan atau rangka kerja kawal selia baharu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan berkesan keseluruhan pematuhan risiko Kumpulan Perbankan RHB</li> <li>- Integrasi perkara-perkara ESG ke dalam teras operasi dan perniagaan Kumpulan Perbankan RHB</li> <li>- Kemajuan berbanding perantaraan berdasarkan nilai ("VBI")</li> <li>- Tadbir urus korporat yang baik</li> <li>- Amalan beretika dan bertanggungjawab perniagaan</li> <li>- Kualiti aset</li> <li>- Polisi dan pengawalseliaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengukuhkan pengawasan oleh Lembaga dan Pengurusan</li> <li>- Mengintegrasikan pertimbangan ESG ke dalam amalan pengurusan risiko</li> <li>- Membangunkan Penilaian Risiko ESG bagi sektor yang mudah rentan ESG</li> <li>- Menambahbaik dan mengukuhkan fungsi pematuhan secara berterusan, termasuk melaksanakan langkah-langkah baharu dan membangunkan sistem baharu untuk meningkatkan keseluruhan pematuhan risiko tadbir urus Kumpulan Perbankan RHB</li> </ul>
<p><b>KOMUNITI</b> Kami mengadakan inisiatif usaha sama dalam komuniti secara aktif terutamanya, kanak-kanak dan remaja daripada segmen yang kurang mendapat liputan dan yang kurang berkemampuan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kolaborasi dan usahasama dengan organisasi bukan kerajaan ("NGO"), pertubuhan, persatuan atau organisasi kerajaan melalui inisiatif keterlibatan RHB</li> <li>- Perbincangan kumpulan fokus dengan badan kerajaan dan NGO berkaitan</li> <li>- Komunikasi atas talian (emel, laman sesawang, media sosial)</li> <li>- Inisiatif keterlibatan turun padang dengan komuniti</li> <li>- Inovasi platform digital untuk mempromosi akses kewangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempromosikan celik kewangan</li> <li>- Akses kepada kewangan</li> <li>- Memperkasakan golongan kurang diliputi dan bernasib baik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Program Money Ma\$ter adalah program berstruktur celik kewangan, mencapai kepada lebih daripada 10,000 pelajar secara tahunan dan mendidik mereka mengenai bagaimana mengurus kewangan mereka</li> <li>- Mempromosi akses kepada pembiayaan melalui pendigitalan</li> <li>- Memupuk dan memperkasakan kanak-kanak dan remaja daripada segmen kurang bernasib baik melalui program-program RHB X-Cel Academic Excellence dan RHB X-Cel Star Scholarship</li> </ul>
<p><b>RAKAN INDUSTRI KEWANGAN</b> Dengan rakan industri kewangan, kami meneruskan penambahbaikan seluruh industri melalui perbincangan dan konsensus mengenai perkara-perkara industri kewangan.</p>	<p>Mesyuarat sesi bersama organisasi industri:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Persatuan Bank-bank di Malaysia</li> <li>- Persatuan Perbankan dan Institusi Kewangan Islam Malaysia</li> <li>- Persatuan Pelaburan Perbankan Malaysia</li> <li>- Persatuan Insurans Am Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Impak inisiatif pelaporan perubahan kawal selia dan perubahan iklim oleh Bank Negara Malaysia</li> <li>- Kemunculan bank maya</li> <li>- Integrasi perkara-perkara ESG ke dalam teras perniagaan dan operasi Kumpulan Perbankan RHB</li> <li>- Pengalaman pelanggan</li> <li>- Risiko penipuan</li> <li>- Perkara-perkara pematuhan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengintegrasikan perkara-perkara ESG ke dalam operasi dan perniagaan teras Kumpulan Perbankan RHB</li> <li>- Perbincangan berterusan dengan rakan setara kami mengenai impak polisi dan garis panduan baharu serta bagaimana memberantas risiko berkaitan dengan penipuan dan penggubahan wang haram</li> </ul>

# Menilai Perkara-perkara Material Kami

FC IC SRC HC MC NC

Perkara-perkara material adalah isu-isu ekonomi, persekitaran, sosial dan tadbir urus yang penting kepada kami dan pemegang berkepentingan kami, dan memberi impak kepada kupayaan kami untuk mencipta nilai jangka panjang. Mengetahui pasti perkara-perkara material kami adalah penting untuk menetapkan dan memahami isu-isu ESG yang perlu kami respons, urus dan laporkan.

Pada 2018, kami mengendalikan penilaian material yang mendorong kepada pengenalpastian, keutamaan dan pengesahan satu senarai perkara-perkara material. Bagi 2019, perkara-perkara material disemak semula mengambil kira faktor seperti landskap kemampunan yang berubah di Malaysia dan negara-negara di mana kami beroperasi, dan harapan yang lebih tinggi daripada pemegang berkepentingan. Apabila menyemak

semula perkara-perkara ini, kami mempertimbangkan sama ada isu-isu adalah selaras dengan Janji Jenama RHB, objektif strategik FIT22, Rangka kerja Kemampunan dan kehadiran geografi kami termasuk tahap di mana kami mengawal atau mempengaruhi perubahan.

Perkara-perkara material Kumpulan Perbankan RHB dibincangkan di bawah dan perbincangan menerangkan mengapa ia penting kepada kami serta apa respons kami untuk menangani atau mengurus kesannya.

Untuk butiran lanjut mengenai penilaian material kami, sila rujuk kepada Laporan Kemampunan 2019.


ISU MATERIAL	APA ERTINYA KEPADA RHB	KUMPULAN PEMEGANG BERKEPENTINGAN RELEVAN	RESPONS RHB KEPADA PERKARA-PERKARA	
<b>Pembiayaan Mampan</b> (dahulu Kewangan Bertanggungjawab)	Kami mengintegrasikan pertimbangan ESG ke dalam membuat keputusan bagi peminjaman, perundingan dan pelaburan untuk menguruskan dan meminimumkan impak negatif serta mempromosikan pembangunan kemampunan untuk mewujudkan impak positif melalui peluang yang telah dikenalpasti.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemegang saham &amp; Pelabur</li> <li>Pelanggan</li> <li>Rakan niaga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengawal selia &amp; Pembuat dasar</li> <li>Rakan industri kewangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>IR: Usahasama dengan Pemegang berkepentingan</li> <li>IR: Risiko &amp; Peluang-peluang</li> <li>SR: Kewangan Mampan</li> </ul>
<b>Pendidikan dan Penyertaan Kewangan</b> (dahulu Penyertaan Kewangan)	Kami menyediakan pelanggan akses kepada produk dan perkhidmatan yang sesuai, mampu milik, berkualiti memenuhi keperluan dan kehendak mereka. Ini termasuk mempromosikan celik kewangan dalam kalangan golongan komuniti di kawasan yang kurang mendapat liputan dan generasi muda.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemegang saham &amp; Pelabur</li> <li>Pelanggan</li> <li>Rakan niaga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengawal selia &amp; Pembuat dasar</li> <li>Rakan industri kewangan</li> <li>Komuniti</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>IR: Model Perniagaan Penciptaan Nilai Kami</li> <li>SR: Kewangan Mampan</li> <li>SR: Pendidikan Kewangan</li> </ul>
<b>Pengurusan Perhubungan Pelanggan</b>	Kami komited untuk menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan selaras dengan Piagam Perkhidmatan Pelanggan dan usaha untuk memperolehi keyakinan dan kepercayaan pelanggan kami, akhirnya membantu mencapai matlamat mereka. Kami menawarkan penyelesaian kewangan yang inovatif dan pengalaman pelanggan dengan memberi penumpuan kepada inovasi digital, membolehkan kami memberi pengalaman yang mudah, pantas dan lancar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelanggan</li> <li>Rakan niaga</li> <li>Pekerja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengawal selia &amp; Pembuat dasar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>IR: Usahasama dengan Pemegang berkepentingan</li> <li>SR: Perbankan Menumpukan Pelanggan</li> </ul>
<b>Perlindungan Data &amp; Keselamatan Siber</b>	Kami membangunkan infrastruktur digital yang mampan, kawalan dan polisi tadbir urus yang ketat untuk melindungi kerahsiaan data pelanggan sementara mempertingkatkan keupayaan keselamatan siber secara berterusan untuk memastikan persekitaran yang terjamin dan selamat bagi urus niaga dan urusan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelanggan</li> <li>Rakan niaga</li> <li>Pekerja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengawal selia &amp; Pembuat dasar</li> <li>Rakan industri kewangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>IR: Usahasama dengan Pemegang berkepentingan</li> <li>SR: Etika &amp; Tadbir Urus</li> </ul>
<b>Layanan Adil terhadap Pengguna Kewangan</b> (dahulu Urus niaga Saksama)	Kami komited kepada layanan adil bagi pelanggan dalam urus niaga perniagaan kami serta akses kepada maklumat yang betul dan mencukupi mengenai produk dan perkhidmatan yang mereka perolehi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelanggan</li> <li>Rakan niaga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pekerja</li> <li>Pengawal selia &amp; Pembuat dasar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>IR: Usahasama dengan Pemegang berkepentingan</li> <li>SR: Perbankan Menumpukan Pelanggan</li> </ul>
<b>Pelaburan dan Pendigitalan Teknologi</b>	Perjalanan transformasi digital kami bertujuan untuk menyampaikan kemudahan dan mencipta nilai bagi pelanggan kami. Kami mengenal pasti peluang-peluang dan menangani risiko dengan melabur dalam penambahbaikan saluran dan teknologi dan menyampaikan perkhidmatan dan produk yang inovatif di samping menggalakkan penggunaan digital dalam kalangan pelanggan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemegang saham &amp; Pelabur</li> <li>Pelanggan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Rakan niaga</li> <li>Pekerja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>IR: Kenyataan Pengarah Urusan Kumpulan</li> <li>IR: Model Perniagaan Penciptaan Nilai Kami</li> <li>SR: Pendigitalisasi</li> </ul>
<b>Tadbir Urus Perniagaan yang Baik</b>	Kumpulan Perbankan RHB komited dalam memastikan amalan dan tatalaku bertanggungjawab, kedua-dua komited dalam memastikan amalan dan tatalaku bertanggungjawab, di tempat kerja dan pasaran. Kami menerima pakai ketelusan melalui pendedahan dalam pendekatan kepada kemampunan, bagaimana kami mengurus risiko kemampunan yang timbul daripada perniagaan dan operasi serta peluang-peluang berkaitan kemampunan yang kami sokong.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Rakan niaga</li> <li>Pekerja</li> <li>Pengawal selia &amp; Pembuat dasar</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>SR: Etika &amp; Tadbir Urus</li> </ul>
<b>Pengurusan Risiko</b>	Pengurusan risiko berkesan merupakan asas dalam memacu pertumbuhan mampan dan penting dalam pengurusan risiko proaktif bagi persekitaran operasi kami. Rangka kerja Pengurusan Risiko Kumpulan menggariskan hala tuju strategik bagi pengurusan risiko dalam Kumpulan Perbankan RHB dan menetapkan aspirasi kami dalam mencapai objektif jangka panjang bagi pembangunan keupayaan dan infrastruktur pengurusan risiko.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Rakan niaga</li> <li>Pekerja</li> <li>Pengawal selia &amp; Pembuat dasar</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>IR: Risiko &amp; Peluang-peluang</li> <li>IR: Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman</li> <li>SR: Kewangan Mampan</li> </ul>
<b>Landskap Dinamik Kawal Selia</b>	Adalah penting bagi kami untuk berupaya bertindak balas dengan pantas dan berkesan kepada perkembangan baharu dalam pasaran dan perubahan landskap pengawal seliaan. Sebagai penyedia perkhidmatan kewangan, kami mencari cara untuk memperkukuhkan daya tahan secara konsisten dalam menghadapi peningkatan persaingan dan memerangi ancaman baru.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemegang saham &amp; Pelabur</li> <li>Pelanggan</li> <li>Rakan niaga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pekerja</li> <li>Pengawal selia &amp; Pembuat dasar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>IR: Kenyataan Pengarah Urusan Kumpulan</li> <li>IR: Landskap Pasaran Serantau</li> </ul>

# Menilai Perkara-perkara Material Kami

ISU MATERIAL	APA ERTINYA KEPADA RHB	KUMPULAN PEMEGANG BERKEPENTINGAN RELEVAN	RESPONS RHB KEPADA PERKARA-PERKARA
Perolehan Mampan	Kami berusaha untuk memastikan amalan perolehan kami adalah bertanggungjawab, beretika, saksama dan telus, mencerminkan komitmen Kumpulan Perbankan RHB dalam mempromosikan amalan kemampanan merentasi rantai bekalan. Sebagai pembeli perkhidmatan dan barangan yang besar, kami memberi impak signifikan melalui pemilihan pembekal tempatan dan mampan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Rakan Niaga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>IR: Keterlibatan dengan pemegang berkepentingan</li> <li>SR: Perolehan Mampan</li> </ul>
Pengurusan Bakat	Kami meneruskan usaha memupuk pembangunan bakat di samping menyemai amalan kemampanan dalam pengurusan modal insan. Bagi memastikan pertumbuhan jangka panjang bagi perniagaan, kami menguruskan tenaga kerja yang pelbagai dengan mengutamakan pengurusan bakat, pendidikan dan latihan pekerja, keselamatan dan kesihatan pekerja serta peluang yang pelbagai dan saksama.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pekerja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>IR: Kenyataan Pengarah Urusan Kumpulan</li> <li>SR: Sumber Manusia &amp; Tempat kerja</li> </ul>
Pendidikan & Latihan Pekerja	Matlamat kami adalah untuk membangunkan tenaga kerja yang kuat di masa depan, memberikan mereka keupayaan untuk kekal relevan dan pantas di samping menyempai keutamaan strategik FIT22 Kumpulan Perbankan RHB. Kami berbuat demikian dengan melengkapi pekerja dengan pembangunan kemahiran dan alat yang betul untuk mengembangkan kerjaya mereka dan memaksimumkan potensi mereka.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pekerja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>IR: Kenyataan Pengarah Urusan Kumpulan</li> <li>SR: Sumber Manusia &amp; Tempat kerja</li> </ul>
Keselamatan & Kesihatan Pekerja	Kami komited untuk menyediakan dan mengekalkan persekitaran tempat kerja yang sihat dan selamat bagi semua pekerja dengan kesihatan pekerja menjadi satu keutamaan. Kesihatan pekerja adalah penting untuk memastikan mereka bermotivasi dan pantas serta mewujudkan keseimbangan kerjaya dan kehidupan yang sihat untuk semua.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pekerja</li> <li>Pengawal Selia &amp; Pembuat dasar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>IR: Keterlibatan dengan pemegang berkepentingan</li> <li>SR: Sumber Manusia &amp; Tempat kerja</li> </ul>
Peluang yang Pelbagai & Saksama	Keupayaan kami untuk berhubung dengan pelanggan dan menghasilkan prestasi cemerlang adalah didorong oleh budaya dan tempat kerja yang pelbagai dan inklusif. Kami komited untuk mewujudkan peluang yang saksama dan inklusif merentasi jantina, umur, etnik, keupayaan dan kewarganegaraan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pekerja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>IR: Model Perniagaan Penciptaan Nilai Kami</li> <li>SR: Sumber Manusia &amp; Tempat kerja</li> </ul>
Pengawasan Persekitaran	Kami mendukung teguh penggunaan sumber semulajadi seperti tenaga dan air yang bertanggungjawab dan pengurangan bahan buangan dihasilkan melalui amalan kemampanan. Kami telah memainkan peranan dalam menggalakkan amalan kecekapan ekosistem dalam operasi dan perniagaan kami untuk meminimumkan impak kami terhadap persekitaran.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pekerja</li> <li>Pengawal Selia &amp; Pembuat dasar</li> <li>Komuniti</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>IR: Model Perniagaan Penciptaan Nilai Kami</li> <li>SR: Pengawasan Persekitaran</li> </ul>
Perubahan Iklim (dahulu Pengurusan Emisi)	Kumpulan Perbankan RHB mengakui kedudukan dan peranannya dalam menyokong peralihan kepada ekonomi karbon rendah selaras dengan komitmen negara dan global. Justeru itu, pendekatan kami adalah melalui pengurusan jejak operasi kami, menyokong pelanggan dalam peralihan ini dan merebut peluang-peluang yang diwujudkan berikutan perubahan iklim.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemegang Saham &amp; Pelabur</li> <li>Komuniti</li> <li>Pelanggan</li> <li>Rakan industri kewangan</li> <li>Pengawal Selia &amp; Pembuat dasar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>IR: Keterlibatan dengan pemegang berkepentingan</li> <li>SR: Pengawasan Persekitaran</li> </ul>
Memupuk Generasi Masa Depan	Kumpulan Perbankan RHB komited dalam usaha untuk memupuk dan memperkasakan kanak-kanak dan remaja ke arah mencapai potensi mereka yang sepenuhnya serta memelihara persekitaran bagi generasi masa depan. Pendekatan kami ditetapkan untuk membantu golongan kurang bernasib baik dan kami melaksanakannya melalui tiga tonggak - Pendidikan, Seni & Budaya dan Persekitaran.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Rakan Niaga</li> <li>Pekerja</li> <li>Komuniti</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>IR: Model Perniagaan Penciptaan Nilai Kami</li> <li>SR: Pengayaan Komuniti</li> </ul>
Prestasi Kewangan	Sebagai penyedia perkhidmatan kewangan, kami komited untuk mempromosikan kewangan mampan dengan memastikan proses pengurusan risiko mengintegrasikan pertimbangan ESG dan menyelaraskan amalan terbaik. Kami juga dipandu oleh pengagihan nilai tambah melalui model perniagaan untuk memacu kecekapan operasi, inovasi dan penciptaan nilai untuk pemegang berkepentingan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemegang Saham &amp; Pelabur</li> <li>Rakan Niaga</li> <li>Pelanggan</li> <li>Pekerja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>IR: Kes Pelaburan Kami</li> <li>IR: Kenyataan Pengarah Urusan Kumpulan</li> <li>IR: Ulasan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan</li> <li>SR: Sorotan Kewangan &amp; Bukan Kewangan</li> </ul>
Impak Ekonomi Tidak Langsung	Impak ekonomi tidak langsung adalah akibat daripada kesan urus niaga kewangan dan aliran tunai antara organisasi dan pemegang berkepentingan. Impak ini mungkin dalam bentuk inisiatif yang mempermudah perkembangan perniagaan dan infrastruktur, menyumbang kepada agenda nasional, menyediakan peluang-peluang pekerjaan atau menyokong pemain industri tempatan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelanggan</li> <li>Rakan Niaga</li> <li>Komuniti</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>IR: Ulasan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan</li> <li>SR: Sorotan Kewangan &amp; Bukan Kewangan</li> </ul>



# Model Perniagaan yang Mencipta Nilai



Sila baca keseluruhan laporan ini untuk mendapatkan hasil dan maklumat lebih lanjut.

# Model Perniagaan yang Mencipta Nilai



**Tukar-ganti:**

**Modal Kewangan** - Tukar-ganti yang ketara bagi Modal Kewangan kami dapat dilihat pada pelbagai pelaburan jangka panjang merentasi Kumpulan Perbankan RHB untuk memastikan kemampanan pertumbuhan perniagaan. Ianya ditangani oleh perolehan pengoptimum kos yang dilakukan dalam tempoh jangka pendek ke sederhana disebabkan pelaburan kami dalam pendigitalan dan inisiatif penambahan proses kami.

**Modal Intelektual** - Banyak yang telah dilaburkan di dalam Modal Insan dan Kewangan bagi menambahbaik Modal Intelektual dengan memacu transformasi dan bekerja secara Agile untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti Kumpulan Perbankan RHB. Kami bersedia untuk melakukan tukar-ganti ini kerana kami berharap ia akan memberi nilai positif kepada kesemua Modal kami untuk jangka panjang.

**Modal Insan** - Pelaburan dalam bentuk Modal Kewangan telah dibelanjakan bagi program pembangunan teknikal/fungsian dan kepimpinan. Ianya memberikan manfaat yang besar buat pekerja kami.

**Modal Ciptaan** - Kami telah mengarahkan sumber untuk memacu inisiatif Perbankan Komuniti kerana kami percaya dengan mengeratkan hubungan antara pelanggan dan RHB Bank akan memacu pertumbuhan perniagaan dan mempertingkatkan pengiktirafan jenama. Tukar-ganti ini akan membantu mempertingkatkan semua Modal kami dalam jangka panjang.

**Tukar-ganti:**

**Modal Semulajadi** - Bagi mempromosikan amalan kecekapan ekosistem dan menguruskan penggunaan sumber semulajadi, terdapat peningkatan kos dalam menerimapaikan teknologi moden dalam operasi kami.

**Modal Perhubungan & Sosial** - RHB menyokong komuniti di sekitar kami melalui Modal Kewangan dan masa diluangkan secara sukarela oleh pekerja kami. Kami berpandangan ini adalah tukar-ganti penting sebagai sumber dibelanjakan akan menghasilkan muhibah yang berkekalan, pengiktirafan jenama dan peluang untuk berkhidmat untuk golongan yang kurang dan tidak diliputi oleh perbankan.

# Hala tuju Strategik Kami - FIT22

FC IC HC MC

Kumpulan Perbankan RHB telah menyempurnakan tahun keduanya bagi inisiatif strategik lima tahun FIT22 dan ia terus mewujudkan nilai untuk pihak berkepentingan. Melalui tiga teras yang merumuskan aspirasi Kumpulan Perbankan RHB; iaitu untuk Mengusahakan Perjalanan Kami (F), Melabur untuk Kejayaan (I) dan Mentransformasikan Organisasi (T), kami terus berkembang kukuh. Ini telah ditunjukkan secara jelas dengan penambahbaikan operasi, dividen lebih tinggi kepada para pemegang saham, dan keterlibatan yang lebih tinggi dalam kalangan pekerja. Berikut, kami kongsi pencapaian Kumpulan Perbankan RHB di bawah FIT22 pada 2019 dan keutamaan kami pada 2020.

## OBJEKTIF STRATEGIK FIT22

## PENCAPAIAN 2019

## KEUTAMAAN 2020

### 1. MENGUSAHAKAN PERJALANAN KAMI

Meningkatkan hasil daripada segmen pelanggan utama serta mengoptimalkan penggunaan modal dengan memberi tumpuan kepada tiga segmen utama:

- Segmen Mewah dan Berjaya di mana pertumbuhan hasil adalah yang paling cepat
- Segmen PKS di mana kami merancang untuk bukan sahaja memperluaskan pinjaman tetapi menyediakan ekosistem perkhidmatan kewangan yang lengkap
- Syarikat permodalan sederhana dan besar di mana kami menyoar untuk meningkatkan penembusan dan bahagian dompet

Secara keseluruhan, kami menyaksikan pertumbuhan stabil merentasi tiga segmen utama. Segmen teras PKS dan runcit terus menjadi tumpuan kami dari segi membangunkan produk inovatif dan menyediakan akses yang lebih baik dan mudah untuk pelanggan. Usaha berkekal telah membuahkan hasil positif dalam bidang berikut:

- Pangkalan pelanggan mewah meningkat sebanyak 15.2%, pangkalan bagi aset di bawah pengurusan ("AUM") bagi pelanggan Premier meningkat 14.0% dan satu pertiga daripada pelanggan ini adalah pemilik perniagaan PKS.
- Deposit runcit terus mengatasi industri dengan pertumbuhan sebanyak 10.0% berbanding industri pada 5.5%.
- Pembiayaan Runcit dan PKD kini merangkumi tiga perempat daripada jumlah portfolio pembiayaan domestik.
- Kami berada di tangga teratas bagi yuran bahagian pasaran dompet pelanggan bagi segmen permodalan besar dengan nisbah meningkat daripada 6.2 kepada 2018 pada 7.5 pada 2019.

Kumpulan Perbankan RHB telah mendapat pengiktirafan bank pertama di Malaysia yang mewujudkan ekosistem PKS yang holistik dimana pelanggan boleh melakukan aktiviti perbankan dan bukan perbankan harian di atas satu platform digital. Dengan mendengar maklum balas pelanggan, kami turut menambah penyelesaian lain yang membantu proses perniagaan mereka termasuk perakaunan dan penggajian, sumber manusia dan penyelesaian pada titik jualan.

Keutamaan kami dalam memacu pertumbuhan adalah jelas. Usaha pendekatan kami adalah berdasarkan tiga segmen utama yang mampu menarik pelanggan ke dalam pelbagai ekosistem kami. Ini membantu kami mencapai pertumbuhan pendapatan yuran, deposit dan keseluruhan AUM. Strategi utama kami termasuk:

- Meningkatkan pertumbuhan pinjaman dengan memberi tumpuan kepada segmen-segmen dan memacu penyelesaian dari hujung-ke-hujung berbanding tawaran produk.
- Beralih daripada deposit tetap kepada pertumbuhan AUM boleh labur bagi segmen Mewah. PKS akan menjadi sumber pelanggan utama yang membolehkan meningkatkan penembusan kami ke dalam segmen lain seperti Komersial, Korporat dan Perunding.
- Meningkatkan pertumbuhan deposit runcit dengan menjadi akaun urus niaga utama bagi pelanggan, disokong oleh lebih banyak ciri-ciri dalam aplikasi perbankan mudah alih baharu RHB.
- Memperhebatkan usaha meningkatkan pertumbuhan di Singapura dengan memanfaatkannya sebagai hab serantau dan bagi Kemboja, meningkat pertumbuhan segmen PKS dan penyelesaian runcit digital.

Bagi melengkapi usaha-usaha tersebut, Kumpulan Perbankan RHB akan terus menambahbaik kecekapan operasi dan menurunkan kos di samping memanfaatkan teknologi dan analitis untuk memberikan kami cara terbaik untuk menarik dan mengekalkan pelanggan, sekaligus meningkatkan produktiviti kami.

### 2. MELABUR UNTUK KEJAYAAN

Melabur dalam inisiatif digital dan teknologi yang membezakan kami daripada rakan setara, mengubah hala tuju rangkaian cawangan kami serta memperluaskan kehadiran kami di pasaran luar negara secara strategik

Kami meneruskan pelaburan di dalam teknologi dan inisiatif digital yang akan mempertingkatkan perjalanan pelanggan di samping memberi tumpuan untuk mengoptimalkan operasi kami. Pada 2019, kami telah mencapai beberapa mercu tanda yang menjadi asas pertumbuhan yang mampan dalam jangka panjang:

- Membangunkan Ekosistem
  - Ekosistem Pemilik Rumah: Bank pertama di Malaysia menawarkan pemilik rumah penyelesaian bagi pasca pembelian dengan memberi tumpuan kepada perjalanan pelanggan yang berpindah rumah.
- Ekosistem PKS: Membolehkan pelanggan untuk melakukan urus niaga harian dengan lancar menggunakan sebuah platform yang mengintegrasikan penyelesaian berkaitan seperti sistem penggajian dan perakaunan melalui Reflex.
- Pelancaran aplikasi mudah alih baharu RHB telah menyaksikan pendaftaran lebih daripada 300,000 pelanggan baharu.
- Kami merupakan bank pertama di Malaysia yang melancarkan kad debit pelbagai mata wang dan kad kredit dengan kod CVV yang dinamik.
- Kami melancarkan program Perbankan Komuniti di seluruh negara untuk mengeratkan hubungan dengan pelanggan di seluruh rangkaian cawangan kami.

- Kami melaksanakan satu platform automasi pemasaran baharu yang memanfaatkan data raya untuk membantu usaha jualan silang dan meningkatkan jualan kepada pelanggan Runcit dan PKS.
- Kami juga melabur dalam analitis untuk membolehkan pelbagai bahagian perniagaan termasuk mengenalpasti akaun tumpang, justeru menambahbaik usaha kami untuk membanteras aktiviti penggubahan wang haram. Kami menyaksikan peningkatan secara beransur-ansur sebanyak RM50 juta daripada usaha analitis kami:
  - RM42 juta daripada peningkatan hasil
  - RM8 juta daripada pematuhan penghindaran kos.

Kami kekal komited untuk memperluaskan perjalanan digital kami dan melabur untuk memodenkan sistem IT kami. Ini akan memberi peluang untuk kami memacu lebih banyak penambahbaikan. Kemajuan dalam kecerdasan buatan, data raya dan automasi robotik akan mempercepatkan kemajuan kami dengan ketara.

Program Perbankan Komuniti kami akan menyaksikan lebih kemajuan selanjutnya, daripada perubahan tingkah laku kepada peningkatan jualan ketara dan penambahbaikan perkhidmatan. Sasaran kami adalah untuk menjadi rakan niaga yang efektif dengan memahami keperluan pelbagai segmen di dalam komuniti. Seiring dengan ini adalah proses penambahbaikan dan pengalihan hala tuju rangkaian cawangan untuk memacu produktiviti jualan.

Kami akan memberi tumpuan untuk memperkukuhkan usaha keseluruhan pengurusan risiko dan pematuhan dengan memanfaatkan teknologi serta memastikan kejelasan dan akauntabiliti dalam kawalan risiko dan pematuhan dalam struktur pelaporan.

### 3. MENTRANSFORMASI ORGANISASI

Membangunkan model operasi yang cemerlang dengan memberi keutamaan kepada perjalanan pelanggan, kepantasan, pengaktifan digital dan analitis serta pembangunan kelompok bakat. Kami akan melaksanakan pendekatan kerja Agile merentasi organisasi untuk memacu produktiviti dan mempertingkatkan ketepatan masa ke pasaran, sejurusnya mentransformasikan RHB menjadi sebuah organisasi yang pantas, tangkas dan berpusatkan pelanggan

Keputusan yang kami lakukan secara kolektif untuk menerimapakai cara kerja Agile telah membantu Kumpulan Perbankan RHB untuk mencipta nilai dan kepuasan bukan sahaja dalam kalangan pelanggan malahan juga pekerja. Kami percaya bahawa dengan adanya pencapaian terhadap dua golongan ini, ianya memberi gambaran yang jelas tentang transformasi yang dilaksanakan di RHB. Pada 2019, kami telah berjaya:

- Menyelaraskan perkhidmatan di Pusat Panggilan Pelanggan dan melaksanakan sistem Respons Suara Interaktif bagi mengimbangi pertanyaan bagi baki pertanyaan. Ini menyumbang kepada kadar panggilan terputus yang direkodkan jauh di bawah kadar industri pada 5% manakala 85% panggilan yang dijawab tertakluk di bawah lingkungan spesifikasi perjanjian tahap perkhidmatan pada 45 saat.
- Peningkatan skor Tinjauan Keterlibatan Pekerja kepada 90% pada 2019 berbanding 84% pada 2018.
- Memperluaskan Agile merentasi Kumpulan Perbankan RHB di mana lebih daripada 2,000 orang pekerja kami telah menerima pakai pendekatan kerja Agile.

- Peningkatan skor Kajian Keberkesanan Pelanggan Dalaman kami kepada 75% pada 2019 berbanding 70% pada 2018.
- Peningkatan kedudukan kepada No. 2 pada 2019 daripada No. 6 pada 2018 bagi kategori Perkhidmatan Perbankan dan Kewangan dan peningkatan kedudukan anak tangga secara keseluruhan kepada No. 13. daripada No. 40 dalam Malaysia's 100 Leading Graduate Employers
- Hasilnya, nilai jenama kami meningkat sebanyak 45% pada 2019 kepada USD956 juta yang didorong oleh peningkatan kesedaran dalam kalangan pelanggan dan RHB sebagai jenama pilihan.

Kami akan memperluaskan pendekatan kerja Agile merentasi Kumpulan Perbankan RHB dengan menyoar untuk melibatkan 2,000 lagi pekerja pada 2020. Kami optimis bahawa ia akan membuahkan hasil yang lebih baik untuk para pelanggan dan pekerja. Kami juga akan meneruskan usaha membangunkan bakat dan memacu budaya berprestasi tinggi yang menumpukan kepada menarik, mengekalkan, mobiliti, pengurusan prestasi dan fleksibiliti di tempat kerja. Ia adalah penting bagi kami untuk memastikan kesediaan tenaga kerja kami untuk masa hadapan.



Sila rujuk Model Perniagaan Penciptaan Nilai pada muka surat 46 dan 47 untuk melihat bagaimana Kumpulan Perbankan RHB mencipta nilai mampan.

# AGILE@SCALE

IC HC MC

Pada 2018, kami memulakan perjalanan untuk mengguna pakai model operasi yang membawa kejayaan dengan memperkenalkan pendekatan kerja Agile di seluruh organisasi. Ini menjadikan RHB bank pertama di Asia Tenggara untuk memperluaskan Agile merentasi organisasi. Agile merupakan penyelesaian Kumpulan Perbankan RHB untuk memperkasakan pekerja agar bekerja dengan fleksibiliti yang maksimum dan dengan halangan yang minimum di samping mengutamakan kepentingan pelanggan dalam apa jua yang kami laksanakan.

## Semua pemegang berkepentingan memperoleh manfaat daripada Agile

Pelanggan	Pekerja	Perniagaan
<p>Memupuk budaya berpusatkan pelanggan memastikan kami menambahbaik perjalanan pelanggan, mempertingkatkan pengalaman pelanggan dari hujung-ke-hujung dan menghasilkan penyelesaian digital unggul melalui aplikasi yang menggunakan pendekatan Reka Bentuk Penguasaan Pemikiran dan Produk Minimum Berdaya Maju ("MVP") untuk memastikan keperluan dipenuhi dengan segera dan sepenuhnya. Ia membantu memacu pengalaman pelanggan (mencapai skor 9 mata dalam Skor Promoter Bersih ("NPS")).</p>	<p>Penglibatan tenaga pekerja meningkat dengan pendekatan kerja baharu ini dan keputusan skor Kajian Keterlibatan Pekerja ("EES") meningkat merentasi organisasi dengan pemahaman yang lebih mendalam mengenai tujuan dan pemerkasaan, sejajar dengan usaha menambahbaik penglibatan pekerja. Kami meneruskan pelaburan buat pekerja untuk melengkapkan keupayaan mereka menghadapi era digital baharu melalui program penambahbaikan dan peningkatan kemahiran seperti kemahiran insaniah asas dan kemahiran digital serta siri pembelajaran Agile (skor EES meningkat daripada 84% kepada 90%).</p>	<p>Agile telah memberi manfaat yang bermakna kepada organisasi seperti kelajuan lebih pantas ke pasaran sebanyak hampir 30% bagi pelancaran produk dan empat kali (4x) bagi kempen pemasaran serta peningkatan produktiviti dengan lebih bermakna sebanyak 15%.</p>

Lebih daripada 2,000 pekerja telah melakukan lonjakan Agile sehingga Disember 2019. Dengan berlandaskan nilai Agile, kami telah mewujudkan model operasi yang berteraskan inovasi yang berpusatkan pelanggan dan peningkatan berterusan, memacu ke arah pencapaian matlamat akhir kami, FIT22.

## PENJELASAN DARIPADA AHLI SKUAD KAMI UNTUK MEMAHAMI AGILE DENGAN LEBIH LANJUT

**Usaha Berpusatkan Pelanggan dalam tugas harian**

Tumpuan kami telah berubah daripada menekankan P&L (keuntungan dan kerugian) jangka pendek kepada menyampaikan pengalaman pelanggan yang ditambah baik

Dengan pendekatan kerja baharu ini, kami kini menjadi sebahagian daripada revolusi di dalam dunia perbankan.  
Anuar Amin, Ketua Pasukan - Pemilikan Rumah

**Semua pandangan didengari**

Dengan pengenalan acara-acara Agile, setiap sumbangan yang dilakukan oleh rakan sepasukan saya, kecil atau besar dapat dilihat. Saya berasakan ianya amat memuaskan bagi mereka

Melangkah ke era digital yang amat kompetitif, pemusatan pelanggan akan membantu kami untuk memperkukuhkan kedudukan kami di pasaran dan membezakan kami dari yang lain. Melalui pendekatan kerja Agile, struktur pasukan akan dibentuk mengikut perjalanan pelanggan. Dengan menggunakan pendekatan Reka Bentuk RHB, semua aktiviti adalah berpusatkan keperluan pelanggan. Ianya membantu kami membina kepercayaan dan kesetiaan dalam kalangan pelanggan di samping memastikan penyampaian produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi yang benar-benar memenuhi keperluan mereka.

Penerimapaikan acara Agile dalam tugas harian kami telah membolehkan komunikasi yang lebih baik dan jelas. Daripada amalan hanya mengagihkan projek dan menantikan penyempurnaan, kini, setiap ahli Skwad dapat mengikuti sendiri setiap fasa perkembangan projek. Struktur hirarki sebelum ini memerlukan pendekatan aliran komunikasi secara atas-ke-bawah. Sebaliknya, Agile membantu mewujudkan platform untuk semua pekerja memberi pandangan dan menyumbang kepada penjaan idea yang memupuk semangat kekitan dalam kalangan pekerja.

**Kelajuan-ke-pasaran melalui MVP**

Melalui pengenalan MVP dan kitaran pecutan Agile, kami dapat mempercepatkan proses pelancaran produk kami secara ketara, seperti kad debit pelbagai mata wang

Dalam revolusi industri keempat, teknologi telah membolehkan syarikat menyampaikan nilai dengan lebih pantas. Dalam usaha mengikuti perkembangan semasa ini, kami juga perlu menyampaikan produk-produk yang mencapai pelanggan sasaran kami dengan pantas. Satu konsep yang diperkenalkan melalui Agile, pendekatan MVP, bertujuan membolehkan Skwad Agile untuk mengeluarkan produk-produk mengikut permintaan pelanggan dengan lebih pantas melalui satu pendekatan berulang-ulang. Melalui pendekatan ini, Skwad telah meningkatkan kelajuan-ke-pasaran bagi pengeluaran produk sebanyak hampir 30% dan meningkatkan pelancaran kempen pemasaran sebanyak empat kali (4x).

**Pemerkasaan pekerja**

Sebelum ini rakan pasukan saya tidak dapat tidur malam sebelum sesuatu pembentangan; kini dengan latihan harian; mereka lebih terbuka dan berkeyakinan dalam membuat pembentangan

Selaras dengan strategi kami, kami menasabah untuk beralih kepada struktur yang kurang berhirarki yang membolehkan pemerkasaan dan keterbukaan merentasi organisasi. Oleh yang demikian, pekerja akan lebih tertumpu kepada menyampaikan hasil dan mempunyai perasaan bertanggungjawab terhadap kerja mereka. Dari segi pembangunan peribadi, pendekatan kerja Agile telah mengukir satu laluan kerjaya baharu berkaitan penguasaan kemahiran berbanding laluan pengurusan biasa, mendorong pembangunan kemahiran secara ketat di dalam organisasi. Menyediakan ruang selamat untuk menjalankan eksperimen dan memupuk minda untuk menerima idea baharu juga disorkan oleh pendekatan kerja baharu ini, dan ia adalah perubahan dari segi mentaliti yang memperkasakan pekerja.

**Pemangkin kolaborasi**

Pasukan pemasaran bukan sahaja diterapkan dalam persekitaran bekerja kami tetapi ia turut disepadukan secara sosial ke dalam Skwad kami. Saya melihat ini sebagai sebahagian daripada kerjasama berpasukan dan persahabatan

Sementara banyak janji-janji yang telah dibuat untuk menggalakkan kerja berpasukan sebagai satu teras nilai, sejauh manakah kemajuannya? Dalam membuat lonjakan Agile, unit-unit telah menjalani transformasi kepada pasukan bersilang fungsi yang memanfaatkan kemahiran dan kepakaran merentasi organisasi. Dengan mewujudkan Skwad dengan pelbagai disiplin dan bersilang fungsi, kami telah menurunkan bilangan penyerahan tugas yang diperlukan di antara fungsi, membolehkan pasukan untuk mengendalikan operasi dengan lebih cekap. Dalam mempromosikan kolaborasi dalaman bank, kami telah mengubah budaya kerja dengan mewujudkan persekitaran yang membolehkan setiap bahagian di dalam organisasi menyumbang ke arah perjalanan pelanggan.

# AGILE@SCALE

IC HC MC

Pada 2018, kami memulakan perjalanan untuk mengguna pakai model operasi yang membawa kejayaan dengan memperkenalkan pendekatan kerja Agile di seluruh organisasi. Ini menjadikan RHB bank pertama di Asia Tenggara untuk memperluaskan Agile merentasi organisasi. Agile merupakan penyelesaian Kumpulan Perbankan RHB untuk memperkasakan pekerja agar bekerja dengan fleksibiliti yang maksimum dan dengan halangan yang minimum di samping mengutamakan kepentingan pelanggan dalam apa jua yang kami laksanakan.

## Semua pemegang berkepentingan memperoleh manfaat daripada Agile

Pelanggan	Pekerja	Perniagaan
Memupuk budaya berpusatkan pelanggan memastikan kami menambahbaik perjalanan pelanggan, mempertingkatkan pengalaman pelanggan dari hujung-ke-hujung dan menghasilkan penyelesaian digital unggul melalui aplikasi yang menggunakan pendekatan Reka Bentuk Penguasaan Pemikiran dan Produk Minimum Berdaya Maju (MVP) untuk memastikan keperluan dipenuhi dengan segera dan sepenuhnya. Ia membantu memacu pengalaman pelanggan (mencapai skor 9 mata dalam Skor Promoter Bersih ("NPS")).	Penglibatan tenaga pekerja meningkat dengan pendekatan kerja baharu ini dan keputusan skor Kajian Keterlibatan Pekerja ("EES") meningkat merentasi organisasi dengan pemahaman yang lebih mendalam mengenai tujuan dan pemerksaan, sejajar dengan usaha menambahbaik penglibatan pekerja. Kami meneruskan pelaburan buat pekerja untuk melengkapkan keupayaan mereka menghadapi era digital baharu melalui program penambahbaikan dan peningkatan kemahiran seperti kemahiran insaniah asas dan kemahiran digital serta siri pembelajaran Agile (skor EES meningkat daripada 84% kepada 90%).	Agile telah memberi manfaat yang bermakna kepada organisasi seperti kelajuan lebih pantas ke pasaran sebanyak hampir 30% bagi pelancaran produk dan empat kali (4x) bagi kempen pemasaran serta peningkatan produktiviti dengan lebih bermakna sebanyak 15%.


Lebih daripada 2,000 pekerja telah melakukan lonjakan Agile sehingga Disember 2019. Dengan berlandaskan nilai Agile, kami telah mewujudkan model operasi yang berteraskan inovasi yang berpusatkan pelanggan dan peningkatan berterusan, memacu ke arah pencapaian matlamat akhir kami, FIT22.

**Pemikiran Reka Bentuk sebagai pencetus kelainan**  
 Dalam landskap perbankan yang semakin kompleks dan kompetitif, pendekatan berpusatkan pelanggan adalah penting bagi membezakan kami dan memperoleh kemenangan di dalam pasaran. Sehubungan dengan itu, tumpuan kami bagi 2020 adalah untuk menyemai Pemikiran Reka Bentuk sebagai elemen penting dalam pendekatan kerja kami terutamanya dalam mereka bentuk dan membangunkan produk-produk.

Pemikiran Reka Bentuk adalah satu kaedah untuk memahami titik permasalahan pelanggan dan untuk mereka bentuk serta mengesahkan potensi tawaran nilai yang benar-benar memenuhi keperluan tersebut. Bertentangan dengan pembangunan produk tradisional yang lazimnya berasaskan andaian, Pemikiran Reka Bentuk adalah berdasarkan rasa empati terhadap pelanggan dan meletakkan diri kami di tempat mereka.



**Pendekatan kerja AGILE dengan Pemikiran Reka Bentuk**  
 Memperkenalkan Pemikiran Reka Bentuk sebagai kaedah untuk bekerja secara Agile adalah kombinasi berkuasa yang membantu Skwad menangani permasalahan pelanggan yang betul dengan lebih pantas serta menghalusi dan mengulangi penyelesaian berdasarkan data pelanggan sebenar.



2019 adalah tahun yang membanggakan dari segi mempergiatkan penyelesaian berpusatkan pelanggan dengan menunjukkan pelbagai pencapaian "pertama-di-pasaran" sepanjang tahun, seperti laman sesawang RHB MyHome yang meningkatkan trafik laman sesawang secara beransur-ansur sebanyak 60%, dan RHB Bank sebagai satu-satunya bank di Malaysia menawarkan Kad Debit Pelbagai Mata Wang yang menyediakan akses 13 mata wang asing kepada pelanggannya.

Walaupun kami berasa bangga dengan pencapaian setakat ini, kami nekad untuk melangkahi had dan melakukan lebih banyak usaha dalam segmen ini. Didorong oleh pasukan kepimpinan RHB dan disokong oleh Pusat Kepakaran Agile, 2020 akan memberi tumpuan sepenuhnya kepada pengupayaan semua Skwad di dalam organisasi untuk mereka bentuk dan menghasilkan penyelesaian yang mencipta nilai sebenar bagi pelanggan kami, yang pertama di pasaran dan menjana hasil bermakna bagi organisasi.

# Risiko dan Peluang

**Pengurusan risiko berkesan merupakan asas dalam memacu pertumbuhan mampan dan meningkatkan nilai pemegang saham sambil mengekalkan kelebihan kompetitif Kumpulan Perbankan RHB. Ianya penting untuk pengurusan risiko yang proaktif bagi persekitaran operasi Kumpulan Perbankan RHB.**

Rangka kerja Pengurusan Risiko Kumpulan mentadbir urus pengurusan risiko Kumpulan Perbankan RHB.

Ia memberikan gambaran keseluruhan tentang persekitaran risiko dan kawalan Kumpulan Perbankan RHB, menasjar untuk meminimumkan kerugian dan melindungi daripada kerugian yang mungkin terjadi, secara prinsipnya melalui kegagalan keberkesanan pemeriksaan kawalan di dalam organisasi.

Ia menetapkan kemajuan strategik pengurusan risiko ke arah menjadi perusahaan yang mencipta nilai. Ini direalisasikan dengan membangunkan keupayaan dan infrastruktur melalui kecanggihan pengurusan risiko dan penambahbaikan perhitungan risiko untuk mengoptimalkan pulangan risiko terlaras.

## RISIKO PENTING / RISIKO KETARA

Aktiviti-aktiviti pengurusan risiko Kumpulan Perbankan RHB bagi setiap bahagian risiko yang penting diperkukuhkan oleh rangka kerja dan disokong oleh polisi dan garis panduan. Risiko-risiko penting dan bagaimana Kumpulan Perbankan RHB menanganinya dibincang di bawah.

### 1 RISIKO KREDIT

#### PERKARA-PERKARA MATERIAL

Pengurusan Risiko, Prestasi Kewangan, Pembiayaan Mampan

#### Definisi & Impak Risiko Terhadap RHB

Risiko kerugian timbul daripada kegagalan para pelanggan atau rakan niaga untuk memenuhi kewajipan kontraktual dan kewangan berdasarkan terma perjanjian. Ia berpunca daripada aktiviti-aktiviti peminjaman/pembiayaan Kumpulan Perbankan RHB, kewangan dagangan dan pendanaannya, penaja jaminan, pelaburan dan dagangan daripada urus niaga dalam atau luar transaksi kunci kira-kira.


#### Sebagai contoh:

- Impak buruk ke atas keuntungan Kumpulan Perbankan RHB yang terjadi akibat kenaikan kerugian terjejas dan/atau kekurangan dalam nilai cagaran/sekuriti terkesan oleh kuasa makro seperti persekitaran pasaran yang teruk atau penyebab individu khusus seperti ketidakupayaan atau ketidaksediaan pelanggan untuk membuat bayaran semula.

#### Bagaimana kami mengurus atau menangani risiko

- Pengurusan risiko kredit Kumpulan Perbankan RHB disokong oleh satu set dokumentasi mantap yang mentakrifkan dengan jelas prinsip bagaimana Kumpulan Perbankan RHB menguruskan risiko kredit dan amalan serta proses yang menyokong dan menguatkuasakan polisi yang ditetapkan, dan memberi panduan dalam pelaksanaan polisi-polisi
- Model penarafan kredit dalaman yang merupakan bahagian penting dalam pengurusan kredit digunakan dalam proses membuat keputusan dan pengiraan modal kawal selia
- Had kredit diluluskan dalam lingkungan rangka kerja pihak berkuasa kelulusan kredit yang ditetapkan dari individu kepada jawatankuasa kredit
- Laporan risiko berkala dibentangkan kepada jawatankuasa risiko dan Lembaga yang membolehkan pengenalan trend kredit yang buruk dan mengambil langkah pemetulan dengan segera serta memastikan keputusan pelarasan risiko yang sewajarnya dilakukan

#### Sorotan 2019



- Secara keseluruhan, Kumpulan Perbankan RHB mencatatkan peningkatan dalam kualiti aset dengan nisbah pembiayaan/pinjaman terjejas kasar bertambah baik daripada 2.06% pada 2018 kepada 1.97% pada 2019
- Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan meningkat sebanyak 4.32% tahun ke tahun, didorong oleh gadai janji, PKS dan Singapura
- Purata Berat Risiko Kredit mencatat peningkatan bagi 2019

#### Perkembangan penting pada 2019

- Pemantauan lebih dekat sektor industri penting bagi risiko baru muncul termasuk kajian portfolio atau tematik bagi sektor penting. Sektor-sektor ini terus berpandukan kriteria penerimaan risiko relevan untuk memastikan pembiayaan mampan telah dilaksanakan
- Merangkumi pertimbangan risiko kemampuan dengan pengenalan Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus Am ("ESG") berkaitan penilaian risiko ESG bagi sektor sensitif dan penilaian risiko ESG bagi industri khusus bagi operasi Malaysia
- Penambahbaikan definisi "Kredit Larangan" untuk meliputi aktiviti-aktiviti berkaitan dengan risiko ESG
- Penambahbaikan pengawasan amaran awal bagi Syarikat Swasta untuk pengenalpastian dan pengurusan awal risiko yang baru muncul
- Penerimaan analitis lanjutan dan pembelajaran mesin untuk menambahbaik pengukuran risiko kredit dan kerugian kredit yang dijangka
- Sentiasa menambah baik kaedah pengujian tekanan termasuk analisis senario risiko operasi, dan menggabungkan ujian pemalangan tekanan dalam keseluruhan program ujian tekanan

#### Melangkah ke hadapan

- Melaksanakan pengawasan portfolio yang berpandangan jauh sebagai langkah terlebih dahulu melalui pewujudan indikator portfolio risiko yang relevan bagi sektor-sektor penting dengan tujuan pemantauan dan pengemaskinian secara berkala
- Penambahbaikan berterusan melalui menanda aras dimensi kredit utama berbanding amalan terbaik industri untuk menyelaras amalan pengurusan risiko kredit Kumpulan Perbankan RHB dengan industri
- Operasi luar negara seharusnya mengguna pakai pertimbangan risiko yang mampan dengan pembangunan Penilaian Risiko ESG Industri Khusus dan penambahbaikan definisi Kredit Larangan untuk meliputi aktiviti berkaitan risiko ESG

### 2 RISIKO PASARAN

#### PERKARA-PERKARA MATERIAL

Pengurusan Risiko, Prestasi Kewangan, Pembiayaan Mampan

#### Definisi & Impak Risiko terhadap RHB

Risiko kerugian ekoran daripada pergerakan bertentangan dalam faktor yang mempengaruhi pasaran seperti kadar faedah/keuntungan, agihan kredit, harga ekuiti, kadar pertukaran mata wang dan harga komoditi. Di bawah definisi ini, risiko pasaran meliputi:

- Risiko kadar faedah/keuntungan dan ekuiti berkaitan dengan instrumen kewangan dalam buku perdagangan
- Risiko-risiko pertukaran wang asing dan komoditi di dalam buku perdagangan dan buku perbankan


#### Sebagai contoh:

- Impak keuntungan daripada pergerakan negatif pasaran dan hakisan pendapatan perdagangan
- Pergerakan tidak menentu pasaran ekoran ketidakpastian ekonomi pasaran global menyebabkan ketidakcekapan lindung nilai

#### Bagaimana kami mengurus atau menangani risiko

- Ketersediaan rangka kerja merangkumi polisi-polisi risiko, dan kaedah-kaedah serta had-had pengukuran yang mengawal aktiviti pasaran kewangan Kumpulan Perbankan RHB dan mengenal pasti potensi risiko disebabkan oleh perubahan pasaran
- Pendedahan perdagangan dipantau secara harian untuk memastikan risiko adalah dalam lingkungan dalaman yang ditetapkan dan sebarang peristiwa ekstrim yang berlaku akan dicetuskan melalui mekanisme ini

#### Sorotan 2019



- Terdapat penurunan dalam pasaran RWA sebanyak RM7.7 juta, disebabkan oleh tiada komitmen untuk menaja jamin berbanding 2018

#### Perkembangan penting pada 2019

- Penyempurnaan pelaksanaan sistem Perbendaharaan di pejabat serantau

#### Melangkah ke hadapan

- Dengan bertumpukan kepada perkembangan dalam Kajian Dasar Buku Perdagangan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basal sebagai sebahagian daripada Basel III dan penggabungan perubahan pengawalseliaan

# Risiko dan Peluang

## 3 RISIKO KECAIRAN

### PERKARA-PERKARA MATERIAL

Pengurusan Risiko, Prestasi Kewangan, Pembiayaan Mampan

#### Definisi & Impak Risiko terhadap RHB

Risiko Kumpulan Perbankan RHB tidak mampu untuk mengekalkan kecairan yang cukup untuk memenuhi komitmen dan kewajipan apabila mungkir terhadap obligasi dan untuk membuat urus niaga pada kos yang munasabah. Risiko kecairan juga meningkat daripada ketidakupayaan untuk mengurus penurunan tidak dirancang atau perubahan dalam sumber pendanaan.

#### Sebagai contoh:

- Ketidacukupan aset cair apabila kecairan diperlukan untuk memenuhi aliran keluar liabiliti/deposit yang tinggi yang mungkir terhadap obligasi
- Aliran keluar tinggi ini berikutan daripada deposit tinggi dengan kadar meluncur yang tinggi

#### Bagaimana kami mengurus atau menangani risiko

- Pengurusan kecairan berhemat termasuk mewujudkan polisi-polisi dan had-had, pemantauan kerap, pengujian tekanan dan pembangunan pelan pendanaan kontingensi
- Pemantauan kerap dan pengurusan kedudukan risiko kecairan untuk memastikan kedudukan risiko adalah dalam lingkungan selera risiko dan memenuhi keperluan pengawalseliaan
- Kumpulan Perbankan RHB mengekalkan lebih kecairan yang mencukupi dengan pelbagai sumber aset yang boleh dicairkan sebagai penimbal bagi tempoh ketegangan

#### Perkembangan penting pada 2019


- Bank Negara Malaysia ("BNM") telah menerbitkan Dokumen Polisi muktamad mengenai Nisbah Pendanaan Stabil Bersih ("NSFR") pada 31 Julai 2019 yang akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2020. Polisi ini memerlukan institusi perbankan mematuhi NSFR sebanyak  $\geq 100\%$  pada tahap disatukan sekiranya pengurusan kedudukan kecairan adalah terpusat berasaskan kumpulan dan ia seharusnya dilaporkan secara suku tahunan
- Meskipun begitu, Kumpulan Perbankan RHB akan terus memantau NSFR bagi setiap entiti secara bulanan
- Kumpulan Perbankan RHB memulakan projek automasi laporan NSFR pada Jun 2019 dan ia dijangkakan selesai pada Jun 2020

#### Melangkah ke hadapan

Kumpulan Perbankan RHB akan terus memastikan:

- Tahap kecairan yang mencukupi dikekalkan mengatasi keperluan pematuhan BNM dan selera risiko yang diluluskan oleh Lembaga
- Struktur kunci kira-kira yang optimum bagi mematuhi LCR dan NSFR
- Diversifikasi dan peluasan sumber pendanaan untuk menyokong pertumbuhan aset

#### Sorotan 2019



- Kumpulan Perbankan RHB berjaya meningkatkan pertumbuhan deposit pelanggan, mengatasi pertumbuhan pinjaman yang menyebabkan peningkatan Nisbah Pinjaman kepada Deposit kepada 92.5% (Disember 2018: 94.4%)
- Kedudukan kecairan Kumpulan Perbankan RHB diperkukuh dengan peningkatan Aset Kecairan Berkualiti Tinggi ("HQLA") dan dengan itu, meningkatkan Nisbah Perlindungan Kecairan ("LCR")
- LCR Kumpulan Perbankan RHB adalah jauh lebih tinggi daripada keperluan pengawalseliaan BNM masing-masing sebanyak 100% dan 90% pada 2019 dan 2018

## 4 RISIKO OPERASI

### PERKARA-PERKARA MATERIAL

Pengurusan Risiko, Prestasi Kewangan, Tadbir Urus Perniagaan yang Baik, Perlindungan Data & Keselamatan Siber

#### Definisi & Impak Risiko terhadap RHB

Kerugian risiko disebabkan oleh ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, manusia, sistem dan/atau peristiwa, dan juga termasuk risiko teknologi maklumat ("IT"), perundangan dan ketidakpatuhan Syariah tetapi tidak termasuk risiko reputasi dan strategik.

#### Sebagai contoh:

- Pekerja tidak mematuhi prosedur, amalan dan/atau peraturan seperti kerugian operasi disebabkan oleh kesalahan manusia atau penipuan pekerja
- Kerosakan reka bentuk secara keseluruhan dan pemakaian proses perniagaan seperti ketidakcukupan pengasingan tugas atau ketiadaan kawalan dalaman

#### Bagaimana kami mengurus atau menangani risiko

- Pelaksanaan polisi risiko operasi, rangka kerja, dan kaedah yang mewujudkan kesedaran dan menyediakan panduan kepada unit perniagaan mengenai bahagian risiko operasi
- Latihan mengenai kesedaran budaya risiko secara berterusan bagi pekerja dalam Kumpulan Perbankan RHB untuk meningkatkan pemahaman mereka dalam mengurus dan menangani risiko secara proaktif dan berkesan

#### Perkembangan penting pada 2019


- Penambahbaikan tanggungjawab dari segi pemilihan pengurusan risiko operasi dan kesinambungan perniagaan di barisan hadapan melalui program Pegawai Pematuhan dan Risiko Perniagaan ("BRCO")

#### Melangkah ke hadapan

Selaras dengan strategi dan hala tuju RHB Bank:

- Meneruskan latihan kesedaran budaya risiko bagi pekerja dalam Kumpulan Perbankan RHB untuk meningkatkan pemahaman dalam mengurus dan menangani risiko secara proaktif dan berkesan
- Mengoptimalkan program BRCO untuk memupuk kesedaran risiko operasi dan pengurusan yang berkesan

#### Sorotan 2019



- Peningkatan dalam Aset Berwajaran Risiko operasi sebanyak 2.5% pada 2019 disebabkan oleh peningkatan dalam pendapatan kasar

## 5 RISIKO TEKNOLOGI & SIBER

### PERKARA-PERKARA MATERIAL

Pengurusan Risiko, Prestasi Kewangan, Tadbir Urus Perniagaan yang Baik, Perlindungan Data & Keselamatan Siber, Pendigitalan & Pelaburan dalam Teknologi

#### Definisi & Impak Risiko terhadap RHB

- Risiko teknologi adalah risiko perniagaan berkaitan penggunaan, pemilihan, operasi, penglibatan, pengaruh dan penerimapaikan IT dalam perusahaan
- Risiko siber merujuk kepada ancaman atau kerentanan berpunca daripada kesalinghubungan infrastruktur dalaman kepada rangkaian luar seperti Internet

#### Sebagai contoh:

- Gangguan perkhidmatan disebabkan kekurangan kapasiti sistem/sumber
- Sistem usang (perkakasan dan/atau perisian)
- Reka bentuk/integrasi sistem arkitek yang lemah
- Serangan Penafian Perkhidmatan Tereidar ("DDoS")
- Serangan kod berniat jahat Malware
- Pencerobohan Data
- Penipuan ekoran serangan siber yang menyasarkan sistem pembayaran dan terminal servis layan diri

# Risiko dan Peluang

## Bagaimana kami mengurus atau menangani risiko

- Mewujudkan sistem untuk memantau aktiviti rangkaian yang meragukan dan pencerobohan keselamatan serta peningkatan perhatian kepada kesediaan, kesesuaian, kapasiti, keselamatan dan daya tahan infrastruktur untuk menyokong projek digitalisasi
- Memastikan sumber mencukupi dengan set kemahiran yang bersesuaian untuk mengurus risiko
- Melanggan khidmat penyedia risikan ancaman siber untuk memperolehi maklumat terkini mengenai landskap siber untuk kegunaan menangani risiko
- Memastikan sistem aplikasi Internet menjalani ujian penilaian kerentanan/ujian penembusan di mana kelemahan yang dikesan boleh ditangani dengan pengesahan daripada perunding luar

## Perkembangan penting pada 2019

- Pelantikan Ketua Pegawai Keselamatan Maklumat ("CISO")
- Penandaan Operasi Keselamatan IT (barisan hadapan pertahanan) dan Tadbir Urus Keselamatan IT (barisan kedua pertahanan)
- Definisi peranan dan tanggungjawab barisan kedua pertahanan
- Memperakukan Rangka kerja Ketahanan Siber, Klasifikasi Sistem Kritikal dan Garis panduan Keusangan IT

## Melangkah ke hadapan

- Mewujudkan Papan Muka CISO untuk memastikan teknologi dan insiden siber lebih jelas
- Melaksanakan inisiatif untuk memastikan pematuan polisi BNM mengenai Pengurusan Risiko dalam Teknologi termasuk mewujudkan Pasukan Merah untuk mengendalikan ujian berterusan mengenai kawalan keselamatan dari segi keberkesanan
- Mempromosikan program pensijilan profesional yang relevan kepada ahli pasukan
- Bekerja dengan pasukan barisan hadapan pertahanan untuk memperkukuhkan keupayaan pengesanan dan menambahbaik kawalan untuk menangani risiko teknologi dan siber sepertimana ditetapkan oleh Polisi Kumpulan Perbankan RHB

## 6 RISIKO KETIDAKPATUHAN PENGAWALSALIA

### PERKARA-PERKARA MATERIAL

Pengurusan Risiko, Perlindungan Data & Keselamatan Siber, Tadbir Urus Perniagaan yang Baik, Landskap Pengawalsalialian Dinamik

### Definisi & Impak Risiko terhadap RHB


Kerugian yang timbul daripada sekatan pengawalsalialian, kerugian kewangan atau kerosakan reputasi yang mungkin di alami institusi kewangan ekoran ketidakpatuhan undang-undang, peraturan, piawaian dan keperluan pengawalsalialian (termasuk undang-undang di bawah Majlis Penasihat Syariah) yang berkaitan dengan aktiviti -aktiviti yang dijalankan oleh institusi kewangan dalam semua bidang atau sebarang cawangan atau anak syarikat.

## Bagaimana kami mengurus atau menangani risiko

- Pelaksanaan rangka kerja pemantauan pematuan komprehensif termasuk polisi, pekeliling dan garis panduan pematuan yang jelas di seluruh Kumpulan Perbankan RHB
- Kajian pematuan/penilaian risiko berkala untuk mengenal pasti fungsi perniagaan/bidang berisiko tinggi dan memperuntukkan sumber secara berkesan untuk menangani risiko sedemikian
- Usaha berterusan untuk meningkatkan tahap kesedaran pematuan kepada semua pekerja Kumpulan Perbankan RHB untuk memastikan pematuan menjadi komponen penting di dalam aktiviti harian mereka

## Melangkah ke hadapan

- Pematuan Kumpulan Perbankan RHB akan meneruskan usaha untuk memupuk budaya pematuan positif merentasi Kumpulan Perbankan RHB. Selain daripada memperkukuhkan tanggungjawab pengawasan, tumpuan juga akan diberikan untuk mempromosikan perilaku pematuan menerusi pelbagai program dan inisiatif kesedaran pematuan.

 Sila rujuk Pematuan Kumpulan Perbankan RHB pada muka surat 116 hingga 118 dalam Laporan Bersepadu ini untuk butiran lanjut

## 7 RISIKO KETIDAKPATUHAN SYARIAH

### PERKARA-PERKARA MATERIAL

Pengurusan Risiko, Prestasi Kewangan, Tadbir Urus Perniagaan yang Baik, Landskap Pengawalsalialian Dinamik

### Definisi & Impak Risiko terhadap RHB

Risiko kerugian yang timbul daripada kegagalan mematuhi peraturan Syariah dan prinsip serta prinsip operasi yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Syariah RHB Islamic Bank atau badan relevan yang lain seperti Majlis Penasihat Syariah BNM dan Majlis Penasihat Syariah SC.

### Sebagai contoh:

- Pemakaian konsep Syariah yang salah bagi produk baharu yang dibangunkan oleh RHB
- Salah laku berkaitan penjualan produk dan perkhidmatan berasaskan Syariah kepada pelanggan
- Ketidakupayaan untuk mematuhi pelbagai dokumen polisi yang diterbitkan oleh BNM berkaitan dengan pelbagai konsep Syariah seperti Tawarruq, Ijarah, Qard, Hibah, Mudharabah dan Musyarakah

## Bagaimana kami mengurus atau menangani risiko

- Meneruskan tumpuan kepada aktiviti melibatkan kajian Syariah dan penilaian kawalan sendiri dan latihan serta taklimat memupuk kesedaran dalam menangani risiko ketidakpatuhan Syariah

## Perkembangan penting pada 2019

- Pengurusan Risiko Syariah Kumpulan Perbankan RHB menubuhkan Kumpulan Kerja Fungsi Syariah yang menjadi platform formal pihak Pengurusan untuk menguruskan isu berkaitan Syariah dengan lebih berkesan setelah isu dikesan dan memastikan pematuan Polisi Dokumen Rangkaian Atas Talian Bersepadu Risiko Operasi ("ORION") BNM sepanjang masa
- Kajian penilaian di seluruh negara untuk mengukur tahap kesedaran dan pemahaman pengurusan risiko Syariah dalam kalangan pekerja di cawangan dijalankan pada Mei 2019 dan program latihan kesedaran risiko Syariah dijalankan pada Suku Keempat 2019

## Melangkah ke hadapan

- Bekerjasama rapat dengan pemegang berkepentingan relevan dan mempergiatkan usaha untuk memastikan semua polisi dan garis panduan BNM dipatuhi sepenuhnya
- Melaksanakan sepenuhnya program latihan kesedaran risiko Syariah bagi perniagaan Runcit Kumpulan Perbankan RHB pada 2020, melaksanakan di segmen perniagaan bukan Runcit dan unit fungsi berkaitan serta meneruskan menggunakan platform komunikasi untuk memupuk kesedaran mengenai pengurusan risiko Syariah



# Risiko dan Peluang

## RISIKO LAIN

### Risiko Kadar Faedah dalam Buku Perbankan/ Risiko Kadar Pulangan dalam Buku Perbankan

Risiko kadar faedah/ risiko kadar pulangan dalam buku bank merujuk kepada risiko kepada pendapatan Kumpulan Perbankan RHB dan nilai ekonomi ekuiti disebabkan oleh pergerakan teruk dalam penanda aras kadar faedah/ kadar. Risiko ini timbul daripada percanggahan ketika meletak semula harga aset dan liabiliti daripada kedudukan dalam dan luar kunci kira-kira dalam buku perbankan, perubahan dalam cerun dan bentuk keluk pendapatan, asas risiko dan opsyen risiko.

Perolehan Berisiko ("EaR") dan Nilai Ekonomi Ekuiti ("EVE") digunakan untuk menilai risiko kadar faedah/ risiko kadar pulangan dalam buku perbankan. Ia dihitung berdasarkan profil ruang peletakan semula harga bagi buku perbankan menggunakan templat piawaian BNM. Aset dan liabiliti dikumpulkan berdasarkan baki tempoh kematangan atau tarikh peletakan semula harga seterusnya. Pengiraan EaR dan EVE dijalankan secara bulanan. Jawatankuasa Aset dan Liabiliti Kumpulan menyokong Jawatankuasa Lembaga Pengarah dalam mewujudkan polisi, strategi dan had bagi pengurusan pendedahan risiko kunci kira-kira. Pengurusan Aset dan Liabiliti Kumpulan ("ALM") di bawah Pengurusan Risiko Kumpulan menyokong ALCO Kumpulan dalam memantau dan melaporkan profil risiko kadar faedah/ risiko kadar pulangan dalam buku perbankan secara bulanan.

Objektif utama menguruskan risiko kunci kira-kira adalah untuk menguruskan faedah/keuntungan bersih pendapatan dan nilai ekonomi ekuiti serta memastikan bahawa pendedahan risiko kadar faedah/ risiko kadar pulangan dikekalkan dalam lingkungan definisi toleransi risiko. Pencetus Tindakan Pengurusan dan prosedur peningkatan ditetapkan bagi mencapai keseimbangan antara keuntungan daripada aktiviti perbankan dan meminimumkan risiko kepada pendapatan dan modal daripada perubahan kadar faedah/kadar penanda aras. Pengujian tekanan juga dijalankan secara kerap untuk menentukan kecukupan modal dalam memenuhi impak pergerakan kadar faedah ekstrim/penanda aras dalam kunci kira-kira. Ujian sedemikian juga dijalankan untuk memberi amaran awal bagi potensi kerugian ekstrim, memudahkan pengurusan proaktif risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan dalam buku perbankan di dalam persekitaran pasaran kewangan yang berubah pantas.

### Risiko reputasi

Risiko reputasi ditakrifkan sebagai risiko publisiti negatif berhubung tatalaku Kumpulan Perbankan RHB atau mana-mana entiti dalam Kumpulan Perbankan RHB atau amalan perniagaannya atau kaitan sama ada benar atau tidak, akan memberi kesan buruk kepada hasil, operasi atau pangkalan pelanggan atau memerlukan litigasi yang merugikan atau langkah pertahanan yang lain. Ia juga menjejaskan keyakinan orang awam terhadap Kumpulan Perbankan RHB, serta harga saham.

Risiko reputasi Kumpulan Perbankan RHB diurus dan dikawal melalui kod tatalaku, amalan tadbir urus dan amalan pengurusan risiko, polisi, prosedur dan latihan. Kumpulan Perbankan RHB telah membangunkan dan melaksanakan polisi pengurusan risiko reputasi. Elemen utama dalam pengurusan risiko reputasi termasuk:

- Mengamalkan tadbir urus korporat dan budaya integriti yang baik untuk menggalakkan pelaksanaan dan pencapaian strategi tadbir urus korporat dan objektif perniagaan.
- Mengurus risiko reputasi dalam lingkungan selera risiko yang sangat rendah dengan toleransi sifar bagi insiden yang menjejaskan reputasi Kumpulan Perbankan RHB.
- Menggunakan pakai amalan pengurusan risiko yang mantap termasuk amalan membina "modal reputasi" dan nama baik pemegang berkepentingan utama.
- Mengekalkan mekanisme sewajarnya untuk memantau serta mengetengahkan penyelewengan/pelanggaran dalaman dan polisi/ garis panduan pengawalseliaan yang mungkin memberi risiko kepada reputasi Kumpulan Perbankan RHB.
- Mengekalkan saluran komunikasi yang bersesuaian dalam berurusan dengan pemegang berkepentingan dalaman dan luaran.

### Risiko Rasuah

Risiko rasuah adalah risiko yang dihadapi oleh Kumpulan Perbankan RHB dalam keadaan di mana pengarah, pegawai, pekerja, agen atau rakan niaga lain didakwa terbabit dalam tindakan rasuah atau penyelewengan sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan atau tanpa pengetahuan dan persetujuan/izin untuk menetapkan, mengekalkan atau mempengaruhi atau keputusan perniagaan yang tidak wajar atau menguntungkan. Tindakan bertentangan ini dilarang oleh Kumpulan Perbankan RHB kerana ia adalah pelanggaran undang-undang dan kod etika.

Risiko rasuah RHB ditangani melalui polisi dan prosedur sedia ada, terutamanya Kod Etika & Tatalaku Kumpulan Perbankan RHB, Polisi Anti-Sogokan & Polisi Rasuah, Polisi dan Garis panduan Pemberi Maklumat mengenai pemberian dan layanan baik Kumpulan Perbankan RHB. Untuk melengkapkan usaha Kumpulan Perbankan RHB untuk memastikan tatalaku perniagaan yang baik oleh pengarah, pekerja, vendor dan rakan niaga, Kumpulan Perbankan RHB telah menetapkan beberapa mekanisme kawalan, tidak terhad kepada berikut:

- Nilai Teras Kongsi ("P.R.I.D.E.")
- Komitmen Integriti Perolehan
- Kod Etika dan Tatalaku Perniagaan
- Polisi Patut & Betul Kumpulan Perbankan RHB
- Polisi Derma & Tajaan Korporat Kumpulan Perbankan RHB
- Polisi mengenai Urus Niaga Pihak Berkaitan
- Polisi Pengurusan Risiko Penipuan Kumpulan Perbankan RHB
- Saluran dan ruang Pemberi Maklumat atau "Speak Up"
- Portal Sumber Etika & Integriti
- Sesi Perkongsian Kesedaran & Pengetahuan
- Rangka kerja Kesediaan penilaian berbanding T.R.U.S.T.

Saluran pemberi maklumat yang diwujudkan oleh Kumpulan Perbankan RHB memastikan pekerja diberi peluang untuk melaporkan sebarang isu berkaitan dengan salah laku pekerja melalui saluran yang sewajarnya tanpa ancaman akibat.

### Risiko Persekitaran

Persekitaran risiko adalah risiko dalam bentuk kerugian kredit, kerugian hasil atau kerugian operasi RHB akibat daripada isu persekitaran termasuk risiko iklim (contohnya risiko fizikal atau peralihan) dan bencana buatan persekitaran (contohnya pencemaran). Risiko ini mungkin timbul daripada operasi kami serta secara tidak langsung melalui operasi pelanggan atau penerima pelaburan.

Rangka kerja relevan seperti Rangka kerja Kemampanan Kumpulan Perbankan RHB dan polisi dan garis panduan lain telah ditetapkan dan sedang dibangunkan untuk menguruskan isu di bawah risiko persekitaran, atau di bawah risiko kemampanan. Sekiranya tidak dikawal, risiko ini boleh mendorong kepada penjejakan imej reputasi institusi kewangan, tindakan undang-undang yang berkos tinggi atau kerugian hasil. Sesetengah potensi risiko mungkin tidak ketara atau relevan pada masa urus niaga diluluskan namun akan menjadi ketara semasa pelaksanaan, sebagai contoh, mengakibatkan piawaian pengawalseliaan yang lebih ketat dan peningkatan dalam penguatkuasaan. Dalam hal lain, risiko persekitaran seperti limpahan atau letupan, mungkin tidak berlaku tetapi sekiranya ia berlaku, potensi impak sosial dan persekitaran adalah amat tinggi.

Sehubungan dengan itu, Kumpulan Perbankan RHB menggunakan pakai pendekatan berjaga-jaga dan berusaha untuk meneruskan penambahbaikan yang berterusan. Penambahbaikan kepada rangka kerja dan polisi ESG sedia ada akan terus dilaksanakan dengan mengambil kira piawaian dan prinsip negara dan antarabangsa seperti Kemampanan Minyak Sawit Malaysia ("MSPO"), Meja Bulat bagi Kemampanan Minyak Sawit ("RSPO") dan Kemampanan Minyak Sawit Indonesia ("ISPO").

Melangkah ke hadapan, Kumpulan Perbankan RHB berhasrat untuk:

- Memperluaskan risiko persekitaran kepada risiko kemampanan (atau risiko berganti dinamakan risiko ESG) selaras dengan hala tuju Kumpulan Perbankan RHB dan agenda kemampanan
- Meningkatkan kesedaran terhadap kemampanan dan perubahan iklim merentasi Kumpulan Perbankan RHB untuk memahami impaknya merentasi operasi dan portfolio




Untuk butiran lanjut, sila rujuk kepada bahagian Pembiayaan Mampan dalam Laporan Kemampanan 2019 kami.

# Gambaran Operasi


FC IC SRC

## ANALISIS SEGMENT

2018 JUMLAH PENDAPATAN MENGIKUT SEGMENT PERNIAGAAN




2019 JUMLAH PENDAPATAN MENGIKUT SEGMENT PERNIAGAAN




- Perbankan Runcit Kumpulan
- Perbankan Perniagaan Kumpulan
- Perbankan Korporat Kumpulan
- Perbendaharaan & Pasaran Global Kumpulan
- Perniagaan Antarabangsa Kumpulan (tidak termasuk Singapura)
- Insurans Kumpulan
- Singapura
- Perbankan Pelaburan Kumpulan

2018 JUMLAH PENDAPATAN MENGIKUT LOKASI GEOGRAFI




2019 JUMLAH PENDAPATAN MENGIKUT LOKASI GEOGRAFI



- Malaysia
- Luar negara



### PRESTASI KESELURUHAN



## PERBANKAN RUNCIT KUMPULAN

Perbankan Runcit Kumpulan menawarkan penyelesaian perbankan pengguna konvensional dan patuh Syariah, menjadikan kami sebagai rakan perbankan pilihan pengguna runcit.

Kami menyediakan rangkaian produk dan perkhidmatan yang meluas daripada Pengurusan Harta, Insurans, Gadai Janji, Pembiayaan Auto dan Pembiayaan ASB ke Pembiayaan Peribadi, Kad Kredit, Pembayaran dan Deposit. Tonggak Pengurusan Aset kami menguruskan perkhidmatan dan penawaran pelaburan lengkap termasuk dana unit amanah, khidmat nasihat pengurusan pelaburan, mandat swasta, pembangunan produk dan khidmat amanah. Perbankan Runcit Kumpulan membawakan kelainan dalam pasaran dengan memanfaatkan teknologi dan pendekatan kerja Agile untuk menyampaikan perkhidmatan yang unggul kepada pelanggan.

Pada 2019, kami meneruskan usaha untuk memperkenalkan penyelesaian kewangan inovatif merentasi segmen pelanggan dan hasilnya, kami dapat melihat peningkatan ketara dalam pangkalan data pelanggan, pertumbuhan pinjaman dan dana pengurusan aset ("AUM").



### ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

#### Anugerah Kecemerlangan e-Pembayaran Malaysia 2019

- Pengeluar Bil Debit Langsung & Penerima FPX Bank Terbaik
- JomPAY Paling Inovatif & Bank Pengeluar Bil Terbaik

#### Malam Anugerah ASNB Starz 2019

- Penasihat Kewangan Paling Cemerlang 10 Teratas: Jualan Amanah Saham Nasional Tertinggi

#### Anugerah Perbankan Runcit Antarabangsa 2019

- Juara Kad Debit Tahunan (Kad Debit Pelbagai Mata Wang)
- Inisiatif Pemasaran Media Sosial-Paling Populer & Pelancaran Produk Baru Terbaik

#### Anugerah Kecemerlangan 2019 - CX Asia

- Anugerah Emas - Pasukan Pengalaman Pelanggan Terbaik

#### Anugerah Kecemerlangan dalam Pengalaman Pelanggan 2019 - Frost & Sullivan Malaysia - Industri Perbankan

- Pemenang - Pusat Panggilan
- Pemenang - Perbankan Atas Talian

#### Anugerah Pengalaman Pelanggan Generasi Akan Datang dalam Perkhidmatan Kewangan 2019

- Pengalaman Pelanggan Terbaik - Pusat Panggilan
- Inisiatif Maklumbalas dan Pandangan Pelanggan Terbaik (RHB Way)
- 5 Paling Terpuji

#### Anugerah Putra Brand 2019

- Perak dalam Perbankan, Pelaburan & Insurans

#### Anugerah Kecemerlangan Pemasaran 2019

- 3 Emas, 3 Perak dan 3 Gangsa

#### Anugerah Perbankan Runcit ABF 2019

- Inisiatif Kad Kredit—Kad Kredit Dwi RHB
- Inisiatif Tahunan Media Sosial

#### Anugerah Pengurusan Aset Asia Terbaik antara yang Terbaik 2019 - Asia Asset Management

- Pengurus Bon Terbaik
- Pengurus Ekuiti Terbaik

#### Anugerah Dana Lipper 2019 Refinitiv

- Dana Pecen Malaysia - Bon
- Dana Islamik Malaysia - Bon MYR (kategori 5-tahun dan 10-tahun)
- Dana Pecen Malaysia - Bon MYR (kategori 5-tahun)

#### Anugerah Dana Amanah Saham Bersama Terbaik 2019 - Investor Infovesta

- Dana Pasaran Wang Terbaik (AUM antara IDR10 bilion-100 bilion) - tempoh 5-tahun
- Dana Ekuiti Terbaik (AUM IDR100 bilion -500 bilion) - tempoh 5-tahun

#### Anugerah Pengurusan Aset Institusi 2019 - Insurance Asia News

- Insurance Fund House of the Year (Indonesia)
- Pengurus Ekuiti Pasaran Baru Muncul Terbaik
- Pengurus Ekuiti Islamik Terbaik
- Pengurus Bon Islam Terbaik

#### Anugerah Dana Islamik Lipper Global 2019 - Anugerah Dana Lipper

- Bon MYR (5-tahun)
- Bon MYR (10-tahun)

#### Anugerah Kewangan Antarabangsa (Anugerah Kewangan 2019) Anugerah Kewangan Antarabangsa

- Fund House of the Year (Pendapatan Tetap)

#### The Asian Local Currency Bond Benchmark Review—Pelabur Paling Bijak 2019 - The Asset Benchmark Review


- No. 1 di Malaysia
- Malaysia—Paling Dipuji

#### Top Investment Houses in Asian Local Currency Bonds 2019 - The Asset Benchmark Review

- No. 3, Pengurusan Aset RHB, Malaysia

# Perbankan Runcit Kumpulan

## BAGAIMANA KAMI MENCIPTA NILAI



SEGMENT PERUSAHAAN	INISIATIF-INISIATIF UTAMA	HASIL
<b>GAYA HIDUP PENGGUNA</b>	<p><b>KAD</b></p> <p>Melancarkan penyelesaian gaya hidup inovatif pertama dalam pasaran:</p> <p><b>Kad Kredit RHB Rewards Motion Code™/-i</b> Pertama di Asia Tenggara untuk menawarkan ciri keselamatan kad kredit dengan pengenalan kod keselamatan CVV dinamik yang menggantikan kod 3-digit statik tradisional. Kod 3-digit CVV dinamik muncul di atas skrin mini e-kertas di belakang kad dan memuat menaik semula kod baru secara automatik setiap empat jam, sekaligus melindungi pelanggan kami daripada penipuan kad kredit.</p> <p><b>Kad Debit Visa Pelbagai Mata Wang</b> Pertama seumpamanya di Malaysia, kad ini membolehkan pelanggan yang membuat perjalanan ke luar negara dan berurus niaga dengan mudah dalam 13 mata wang asing selain Ringgit Malaysia tanpa dikenakan yuran penukaran mata wang asing.</p>	<p>Kad Kredit RHB Rewards Motion Code™ menyumbang pertumbuhan sebanyak 20% kepada Kad dalam kumpulan Kad Ganjaran selepas lima bulan pelancaran, manakala perbelanjaan atas talian meningkat sebanyak 15%.</p> <p>Sebagai tambahan, ia melengkapkan dan menambah nilai proposisi Premier Visa Infinite, dengan melancarkan Kad Premier Visa Islamic, yang menyaksikan keseluruhan perbelanjaan segmen Premier meningkat sebanyak 49%.</p>
<b>PEMILIK RUMAH</b>	<p><b>KEWANGAN PERIBADI</b></p> <p>Menambahbaik kualiti aset keseluruhan dengan memberi tumpuan kepada pemerolehan segmen pelanggan sasaran dan memotong portfolio dari pangkalnya.</p>	<p>Justeru, ia berjaya memintas daripada portfolio di samping mengoptimumkan penaja jamin kredit dan proses membuat kutipan.</p>
	<p><b>EKOSISTEM PEMILIK RUMAH</b></p> <p>Sokongan berterusan bagi pemilihan rumah di kalangan rakyat Malaysia dengan menyediakan penyelesaian inovatif, meliputi keseluruhan perjalanan pemilihan rumah dari mula hingga ke tahap akhir.</p> <p>Bagi mencapai ini, kami menggunakan tiga platform:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Aplikasi RHB Partners yang membolehkan agen dan pemaju perumahan untuk merujuk para pembeli rumah secara digital kepada RHB Bank untuk memperoleh pinjaman mereka.</li> <li>- Pengenalan aplikasi RHB MyHome yang membawakan pengalaman membeli rumah di atas talian dan memberikan pelanggan kemudahan permohonan gadai janji hujung-ke-hujung melalui penggunaan peranti mudah alih.</li> <li>- Usaha ini turut disokong dengan laman sesawang RHB MyHome yang berfungsi sebagai platform kepada rakan penyedia perkhidmatan lain untuk menawarkan pengubahsuaian eksklusif dan reka bentuk dalaman untuk pelanggan kami.</li> </ul> <p>Kami merupakan salah satu daripada lima buah bank yang dilantik oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") untuk mengagihkan Dana Perumahan Mampu Milik BNM yang bertujuan untuk membantu pembeli rumah dikalangan kumpulan berpendapatan rendah memperoleh pembiayaan perumahan pertama mereka.</p>	<p>Aplikasi MyHome App memberikan kelulusan segera secara prinsip dan menyumbang kepada 20% pengalasan gadai janji baharu pada 2019.</p> <p>Pinjaman perumahan meningkat sebanyak 9.6%, mengatasi pertumbuhan industri sebanyak 7.3% pada 2019.</p> <p>Kami telah memenuhi peruntukan Dana Perumahan Mampu Milik BNM pada 2019.</p> <p>RHB membezakan dirinya melalui usaha memacu pertumbuhan antara industri yang paling hangat diperniagakan melalui Ekosistem Pemilik Rumah.</p>

# Perbankan Runcit Kumpulan

SEGMENT PERNIAGAAN	INISIATIF-INISIATIF UTAMA	HASIL
<b>MEWAH</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menambahbaik inovasi produk dan melancarkan penawaran baharu dengan set padanan pengurusan kewangan mewah holistik bagi pelanggan kami.</li> <li>ii. Melaksanakan pendigitalan untuk menambahbaik keseluruhan perjalanan pelanggan dengan mempertingkatkan cara khidmat nasihat bagi segmen mewah dan menyediakan penyelidikan pasaran serta analisis bagi peluang-peluang pelaburan.</li> <li>iii. Mengembangkan Pasukan Pakar Pelaburan sebanyak empat kali ganda dan melaksanakan penyelesaian digital yang dipertingkatkan bagi menyokong khidmat nasihat portfolio buat pelanggan kami.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memperkenalkan beberapa produk inovatif dalam usaha sama dengan pasukan Perbendaharaan - Pembiayaan Mewah, Pelaburan Berstruktur Berkaitan Dana, dan Nota Berkaitan Ekuiti.</li> <li>ii. Jualan unit dana amanah meningkat sebanyak 27% pada 2019.</li> </ul>
<b>PERBANKAN RHB PREMIER</b>	Meneruskan usaha menarik pemilik perniagaan bagi segmen perbankan Premier dengan memanfaatkan Ekosistem PKS kami yang kukuh.	Meningkatkan pertumbuhan keseluruhan pangkalan Premier sebanyak 15% dengan hampir 70,000 pelanggan perbankan Premier di mana sebahagian besarnya didorong oleh usaha sama kami bersama PKS.
<b>BANKASURANS</b>	<p>Kumpulan Perbankan RHB benar-benar percaya bahawa rakyat Malaysia harus bersedia untuk melindungi diri dan keluarga mereka sekiranya berdepan dengan masa yang sukar.</p> <p>Oleh yang demikian, kami akan meneruskan usaha sama dengan rakan bankasurans kami untuk menawarkan spektrum yang meluas bagi produk insurans konvensional dan Islamik. Pada tahun 2019, kami telah memperbaharui semua penawaran produk berkaitan pelaburan kami untuk menyesuaikan dengan keperluan kewangan individu dan menawarkan perlindungan yang lebih baik untuk para pelanggan.</p>	Pendapatan yuran bagi produk insurans hayat bukan kredit meningkat sebanyak 24% pada 2019.
<b>DEPOSIT</b>	Meneruskan usaha mengutamakan penyelesaian bertumpukan pelanggan bagi memudahkan pelanggan meningkatkan simpanan dengan pelbagai penawaran deposit. Kami juga membuat pembaharuan kepada penyelesaian penggajian kami, Joy@Work, bertujuan memberikan manfaat eksklusif kepada pekerja syarikat yang mengekalkan akaun gaji mereka dengan RHB. Program Joy@Work telah diperluaskan kepada individu yang ingin mengekalkan akaun gaji mereka dengan RHB.	Kenaikan pertumbuhan deposit sebanyak 10%, peningkatan sebanyak RM5.2 bilion pada 2019, mengatasi pertumbuhan industri sebanyak 5.5%. Sejumlah besar deposit disumbang oleh perniagaan penggajian yang meningkat sebanyak 13% pada 2019.
<b>PENGURUSAN ASET</b>	<p>Melancarkan produk baharu dengan ciri-ciri menarik dan unik untuk muncul sebagai peneraju pasaran.</p> <p>Menambah saluran pengagihan kami dan menguasai bahagian pasaran yang lebih tinggi melalui saluran agensi kami.</p> <p>Menggunakan digitalisasi sebagai pemboleh daya utama untuk menambahbaik proses-proses kami.</p>	<p>Kami telah melancarkan 19 produk baharu pada 2019 yang membantu meningkatkan pertumbuhan keseluruhan AUM pada 2019 sebanyak 8%.</p> <p>Saluran agensi kami meningkat sebanyak 40% pada 2019 dan bersama dengan saluran runcit, memberi sumbangan ketara kepada jualan dan pertumbuhan dalam AUM.</p> <p>Melaksanakan sistem pengurusan portfolio baharu yang membolehkan pemprosesan hujung-ke-hujung, termasuk pematuhan pemeriksaan sebelum perdagangan, penghalaan automatik bagi pesanan, pelaksanaan dan penyelesaian perdagangan. Ia juga mempunyai ciri-ciri yang telah dipertingkatkan bagi mengukuhkan kawalan dan prosedur dalaman dalam bahagian operasi pelaburan.</p>

INISIATIF FIT22

HASIL

KEMAJUAN KAMI BERDASARKAN FIT22				
<b>Meningkatkan pertumbuhan perniagaan Mewah dan Kaya, memanfaatkan pangkalan pelanggan PKS</b>	<b>Melonjakkan deposit runcit untuk mengurangkan ruang dengan aset runcit</b>	<b>Menambahbaik perkhidmatan dan jualan melalui Perbankan Komuniti dan pengalihan hala tuju rangkaian</b>	<b>Membangunkan ekosistem melalui peningkatan penumpuan pelanggan untuk mewujudkan kelainan sebagai sebahagian</b>	<b>Melaksanakan RHB Way untuk menyampaikan perkhidmatan pelanggan yang unggul</b>
<p>Menambah pangkalan data pelanggan Mewah daripada 134,000 kepada 149,000.</p> <p>Keseluruhan AUM daripada segmen ini meningkat hampir 12% pada 2019.</p>	<p>Meningkatkan deposit sebanyak 10% daripada RM52.5 bilion (2018) kepada RM57.7 bilion (2019), mengatasi pertumbuhan industri sebanyak 5.5%.</p> <p>Meneruskan usaha memperluaskan segmen penggajian melalui pembaharuan tawaran penggajian kami, RHB Joy@Work.</p> <p>Melalui cara bekerja secara Agile, kami mempercepatkan pusingan masa dan mencapai pelaksanaan lebih pantas bagi pelancaran produk dan kempen pemasaran.</p>	<p>Menginstitutionkan budaya Perbankan Komuniti dalam operasi perniagaan harian di cawangan melalui program berstruktur Perbankan Komuniti.</p> <p>Budaya perbankan komuniti menggalakkan pengetahuan yang lebih mendalam mengenai pelanggan dalam komuniti dengan Pengurus Cawangan menggalas tanggungjawab untuk membina perhubungan yang erat dan mentransformasi pengalaman pelanggan apabila berurusan dengan RHB Bank.</p>	<p>RHB Bank telah membangunkan ekosistem pemilik rumah yang menghubungkan pemaju, agen hartanah, penyedia perkhidmatan penambahbaikan rumah dan pemilik rumah, sebagai sebahagian daripada inisiatif transformasi. Pelbagai komponennya termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- RHB Partners, saluran digital yang membolehkan rujukan permohonan gadai janji dibuat dengan RHB dan status permohonan dapat dilihat sepenuhnya.</li> <li>- RHB MyHome, aplikasi gadai janji digital yang menyampaikan pengalaman permohonan gadai janji digital dari hujung-ke-hujung kepada pemilik rumah.</li> <li>- Laman sesawang RHB MyHome, platform semua-dalam-satu untuk menghubungkan pemilik rumah dengan rakan penyelesaian rumah untuk memberikan kemudahan berpindah atau perkhidmatan pengubahsuaian yang dibawakan bersama-sama dengan pakej kewangan.</li> </ul>	<p>Dengan RHB Way, NPS Kumpulan Perbankan RHB (Malaysia) meningkat sebanyak 9 mata manakala RHB Singapura sebanyak 20 mata.</p> <p>Ini telah dilengkapi dengan memanfaatkan pelbagai produk inovatif yang menerajui pasaran diiringi oleh ciri-ciri papan pemuka disuaikan di dalam aplikasi Perbankan Mudah alih RHB memberikan pengalaman pelanggan yang lebih peribadi.</p> <p>Penerima pelbagai Anugerah Cemerlang Pelanggan ("CX"), membuktikan usaha-usaha kami untuk menyampaikan perkhidmatan pelanggan yang unggul.</p>

Untuk butiran lanjut, sila rujuk bahagian Pembiayaan Mampun dalam Laporan Kemampunan 2019.

Untuk butiran lanjut, sila rujuk bahagian Pembiayaan Mampun dalam Laporan Kemampunan 2019.

# Perbankan Runcit Kumpulan

## CABARAN DIHADAPI DAN BAGAIMANA KAMI MENANGANINYA

Sepanjang tempoh setahun, Perbankan Runcit Kumpulan mengharungi pelbagai cabaran berlatar belakang ekonomi yang sederhana dan sentimen pasaran runcit yang lemah.

Bagi mengatasi cabaran tersebut, kami meninjau semula penawaran produk kami, merombak saluran pengagihan kami dan menambahbaik kecekapan operasi melalui inisiatif digital. Ini membolehkan kami mencapai pertumbuhan positif dalam jualan dan mencipta nilai mampan bagi pemegang berkepentingan kami.

Pasaran gadai janji kekal mencabar berikutan risiko yang lebih tinggi dan inventori hartanah tidak terjual yang mencapai rekod tertinggi. Bagaimanapun, kami berjaya menanganinya dan mencatat kadar pertumbuhan yang melepasi pertumbuhan industri dengan memberi tumpuan kepada segmen utama di samping bersandarkan kepada analitis untuk membantu proses penaja jamin kami.

Melalui amalan peminjaman yang berhemat dan proses kutipan yang cekap, prestasi nisbah pinjaman terjejas kasar kami bertambah baik sepanjang beberapa tahun dan pada 2019, menurun sebanyak 3 mata asas.

Penurunan berterusan yuran pertukaran kad kredit domestik menurunkan pendapatan yuran bagi bank secara umumnya.

Untuk mengatasi ini, RHB menggunakan data analitis untuk membantu kami dalam membuat keputusan mengenai produk dan perkhidmatan untuk ditawarkan kepada pelanggan sasaran. Ini telah mendorong kepada pertumbuhan positif dalam perbelanjaan dan baki-baki kad.

## TINJAUAN DAN PROSPEK

Walaupun persekitaran luar kian mencabar, pelbagai unit perniagaan dalam Perbankan Runcit Kumpulan bersedia untuk mengemudi rintangan bagi memperluaskan bahagian pasaran kami dan kekal relevan serta meningkatkan keupayaan kami untuk menambahbaik perkhidmatan pelanggan kami.

RHB Bank akan terus memanfaatkan teknologi untuk kekal kompetitif, dengan pendigitalisasi selain penggunaan data analitis untuk menentukan hala tuju ke hadapan. Untuk pelan jangka pendek, strategi kami akan membolehkan kami memperluaskan bahagian pasaran dengan ketara, di samping matlamat jangka panjang untuk menjadi peneraju pasaran, terutamanya dalam segmen-segmen pembiayaan peribadi, kad, gadai janji dan pengurusan harta.

Bagi pembiayaan peribadi dan gadai janji yang merupakan dua penyumbang terbesar kepada Perbankan Runcit Kumpulan, kami akan memperkukuhkan kedudukan kami dengan meningkatkan kualiti portfolio melalui penaja jaminan berhemat dan meminimumkan risiko dengan memberi tumpuan kepada segmen sasaran.

Dari segi polisi, kami menjangkakan gangguan kepada pasaran modal dengan jangkaan penarikan balik pengecualian cukai ke atas pendapatan daripada dana pasaran wang runcit. Meskipun ini bakal menimbulkan cabaran kepada industri pengurusan aset, kami akan terus memperluaskan jangkauan produk dan perkhidmatan untuk mengurangkan sebarang impak terhadap RHB Bank.




## PERBANKAN PERNIAGAAN & TRANSAKSI KUMPULAN

Perbankan Perniagaan & Transaksi Kumpulan ("GBTB") terdiri daripada segmen-segmen Perbankan Perniagaan Kumpulan dan Perbankan Transaksi Kumpulan. Perbankan Perniagaan Kumpulan menyediakan penyelesaian kewangan kepada PKS dan perusahaan yang dimiliki keluarga, sementara Perbankan Transaksi Kumpulan menawarkan penyelesaian pengurusan tunai dan perdagangan bagi PKS tempatan, korporat bersaiz besar dan institusi kewangan.

GBTB menawarkan penyelesaian perniagaan yang meluas termasuk pembiayaan, deposit, penyelesaian pengurusan tunai, kewangan perdagangan dan perkhidmatan termasuk penyelesaian kewangan rantaian bekalan, FX, pengiriman dan perniagaan antara bank.

Kami beraspirasi untuk menjadi Bank Pilihan Perniagaan & PKS di Malaysia.

## PRESTASI KESELURUHAN



### ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

**Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Bhd ("SJPP") 2019**

- Anugerah Prestasi Tertinggi

**Anugerah Perkhidmatan Pelanggan Generasi Akan Datang dalam Perkhidmatan Kewangan 2019**

- Kecemerlangan dalam Pengalaman Pelanggan Semua Saluran
- Pelaksanaan Teknologi Bahagian Belakang Terbaik

**Anugerah dan Sidang Kemuncak Pengurus Bank Runcit Antarabangsa Asia Tahunan Ke-10**

- Pelopop dalam Pengalaman Pelanggan dan Segmentasi: Kecemerlangan dalam Perbankan PKS (Pemenang)

**Anugerah Transaksi Jurubank Asia 2019**

- Pengurusan Tunai Terbaik di Malaysia


**Anugerah Perbankan Borong Perbankan Kewangan Asia ("ABF") 2019**

- Bank Terbaik Tahunan Perdagangan Kewangan Domestik, Malaysia
- Bank Terbaik Tahunan Pengurusan Tunai Domestik, Malaysia

**Anugerah Perbankan Runcit Perbankan Kewangan Asia ("ABF")**

- Anugerah Tahunan Inovasi Perkhidmatan

# Perbankan Perniagaan & Transaksi Kumpulan



## INISIATIF-INISIATIF UTAMA PERNIAGAAN

## HASIL

### MELUASKAN TUMPUAN KEPADA PERNIAGAAN KECIL UNTUK MEMACU PERTUMBUHAN

Pertumbuhan aset PKS terus mengatasi industri, didorong oleh segmen Runcit PKS yang mantap dan menyumbang lebih 80% daripada pertumbuhan Perbankan Perniagaan.

Bahagian pasaran PKS meningkat kepada 9.6% bagi 2019.

### MENERUSKAN USAHA MEMBANGUNKAN EKOSISTEM SALING TERHUBUNG SEBAGAI PENCIPTA KELAINAN UTAMA

Ekosistem yang saling terhubung terbukti menjadi kelebihan utama dalam keupayaan kami untuk menarik pelanggan baru. Pada 2019, kami telah mendaftar lebih daripada 15,000 PKS baru-kepada-bank menjadikan jumlah PKS yang berada di ekosistem saling terhubung ini kepada lebih 100,000.

Bank pertama untuk menawarkan integrasi langsung Antara Muka Pengaturcaraan Aplikasi ("API") dengan Rakan Penyelesaian Perniagaan pihak ketiga untuk membolehkan integrasi lancar antara alatan penyelesaian perniagaan pelanggan dan perkhidmatan perbankan.

### MEMANFAATKAN PENDIGITALISASI DAN PENDEKATAN CARA KERJA AGILE UNTUK MEMACU KEUNTUNGAN & KECEKAPAN KOS

Perjalanan Digital kami terus memperoleh momentum:

- Pembiayaan atas talian PKS - Menjana >150 penyerahan baru setiap bulan
- e-Penyelesaian bagi PKS - Menggandakan pangkalan pelanggan kami kepada hampir 6,000 dan melebihi RM300 juta CASA (pilihan untuk menerima pembayaran dari akaun Semasa/Simpanan) di bawah pengurusan kami
- Kenaikan lebih tiga kali ganda dalam hasil dicipta daripada analitis tahun ke tahun

Tablet pemboleh daya pengurusan perhubungan iSmart:

- Menawarkan khidmat nasihat menanda aras rakan setara bagi PKS
- Memberi kemudahan bagi permulaan CASA bagi PKS

### MENINGKATKAN PENGURUSAN KUALITI ASET DENGAN LIPUTAN HUJUNG-KE-HUJUNG YANG KOMPREHENSIF

Nisbah pinjaman terjejas kadar bertambah baik kepada 2.81% daripada 2.97% pada tahun sebelumnya dan nisbah bayaran kredit berkurangan tahun ke tahun.

## MELANGKAUI PERBANKAN BAGI PKS KAMI

### PKS - MEMACU EKONOMI MALAYSIA

PKS merangkumi 98.5% daripada keseluruhan entiti perniagaan di Malaysia dan menyumbang 38.3% kepada KDNK Malaysia pada 2018. PKS berada di atas landasan yang betul untuk mencapai 41% sumbangan kepada KDNK menjelang 2020

Pada 2019, RHB meluluskan pinjaman berjumlah RM5 bilion kepada lebih daripada 3,000 PKS; kini penguasaan bahagian pasaran pinjaman PKS RHB berada pada kadar 9.6%

### SOKONGAN RHB BAGI PKS MELANGKAUI PEMINJAMAN

RHB telah mewujudkan Ekosistem PKS menyeluruh yang menyepadukan setiap keperluan perbankan pelanggan PKS kami

Hampir separuh daripada pelanggan PKS kami kini dihubungkan dengan ekosistem ini yang memanfaatkan teknologi digital

Matlamat RHB adalah untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan, namun apa yang lebih penting adalah mempertingkatkan celik kewangan dalam kalangan PKS

### PENGIKTIRAFAN BAGI USAHA-USAHA KAMI


Memenangi Anugerah "Excellence in SME Banking" di "Anugerah Pengurus Bank Runcit Antarabangsa Asia 2019"

Anugerah Prestasi Tertinggi daripada Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Bhd ("SJPP")

### Ekosistem PKS RHB

Sepanjang empat tahun yang lepas, GBTB telah memberi tumpuan untuk menambahbaik landskap kewangan PKS, dari segi akses, penawaran jenis produk dan penyelesaian kewangan, kecekapan dan kemudahan. Ianya telah menghasilkan penciptaan Ekosistem PKS RHB.

Kami telah membawakan pelbagai inovasi penyelesaian digital pertama-di-pasaran dan akan meneruskan usaha untuk menambah nilai kepada perjalanan perbankan pelanggan PKS.




Ekosistem PKS RHB menjadikan segala-galanya lebih mudah bagi pelanggan PKS kami, dengan ciri-ciri nilai tambah atas platform tunggal yang meliputi integrasi aktiviti-aktiviti perbankan yang lancar.

Ekosistem saling terhubung PKS kami merangkumi empat penyelesaian integrasi termasuk:



Pada Mei 2019, kami melancarkan e-Penyelesaian PKS yang telah ditambah baik, menjadikan RHB bank pertama di Malaysia yang menawarkan hubungan langsung API kepada penyedia penyelesaian pihak ketiga bagi pengalaman pengguna yang lancar. Sebagai komponen utama Ekosistem PKS, e-Penyelesaian PKS menawarkan ciri-ciri tambah nilai kepada pelanggan PKS kami, dengan kesemuanya di atas satu platform. Melalui kolaborasi dengan rakan teknologi berasaskan awan, kini kami menawarkan penyelesaian termasuk:



Setakat hari ini, lebih daripada **6,000** pelanggan PKS berada di atas platform e-Penyelesaian kami

Selain itu, kami turut melancarkan RHB Direct, perkhidmatan yang buat julung kalinya, menawarkan PKS perkhidmatan saling terhubung dengan integrasi penyelesaian pengurusan invoice dan pembayaran. Sementara itu, peralatan RHB iSmart membantu PKS memahami produk kami dan memanfaatkan penawaran produk kami untuk mengembangkan perniagaan mereka.

**MENINGKATKAN AKSES KEPADA PEMBIAYAAN, MEMBINA KEUPAYAAN CELIK KEWANGAN**

- RHB menjalinkan usaha sama dengan SJPP, syarikat di bawah Kementerian Kewangan Malaysia yang menawarkan skim jaminan kerajaan untuk PKS
- RHB membelanjakan RM1.1 bilion pada 2019 melalui SJPP
- RHB menganjurkan majlis perbincangan bersiri bertajuk "Memahami Pembiayaan PKS dan Ekosistem Saling Terhubung" (Getting To Know SME Financing and the Connected Ecosystem) bagi pelanggan PKS di 36 cawangan di seluruh negara sepanjang Oktober dan Disember 2019

**PERJALANAN EKOSISTEM PKS**



**EKOSISTEM PKS**

**KEMAJUAN KAMI BERDASARKAN INISIATIF STRATEGIK FIT22**

INISIATIF FIT22

Terus menjuarai Ruang PKS

Meningkatkan sumbangan kepada 20% daripada jumlah pinjaman domestik Kumpulan Perbankan RHB menjelang 2022

HASIL

Terus meningkatkan penguasaan bahagian pasaran PKS, mencapai 9.6% pada 2019 daripada 8.9% pada 2018 didorong oleh pengelakan tumpuan untuk mengembangkan segmen ini. Melalui pelbagai strategi dan Ekosistem PKS kami, kami telah menarik sebahagian besar pelanggan PKS baru, dan ia terus menjadi penyumbang penting kepada pertumbuhan keseluruhan GBTB.

2019 sumbangan kepada pinjaman domestik Kumpulan Perbankan RHB – 16.3%.

**CABARAN DIHADAPI DAN BAGAIMANA KAMI MENANGANINYA**

GBTB telah menangani dua cabaran utama sepanjang 2019, iaitu penurunan permintaan pinjaman berikutan pertumbuhan ekonomi yang sederhana dan peningkatan kadar tunggakan bayaran hutang dalam industri. Kami bertindak balas menangani cabaran ini dengan pelbagai cara. Bagi meningkatkan permintaan pembiayaan, kami mengoptimumkan rangkaian pengagihan dan memperluaskan penggunaan analitis untk menyasar segmen PKS dengan lebih baik. Ia menghasilkan peningkatan produktiviti jualan sebanyak 8.4% tahun ke tahun. Dengan sokongan penyelesaian dalam Ekosistem PKS yang holistik, keseluruhan pertumbuhan pinjaman dalam segmen Runcit PKS yang menyumbang lebih 80% daripada keseluruhan pertumbuhan, terus mengatasi kadar pertumbuhan industri.

Kami telah menggandakan usaha untuk menguruskan akaun tertunggak dan telah memantapkan mekanisme peringatan awal bagi akaun yang berpotensi mempunyai risiko tinggi. Ini termasuk pengesanan awal kemerosotan dalam kualiti aset dan pemantauan dan pengawalan aset sedemikian. Usaha mempergiatkan pemantauan kualiti aset dan pelaksanaan mekanisme kawalan serta perluasan pengurusan aktif akaun tertunggak telah membantu GBTB untuk meningkatkan nisbah pinjaman terjejas kasar dan menurunkan nisbah caj kredit tahun ke tahun.

Kami merupakan satu-satunya Kumpulan perbankan di Malaysia yang menyediakan ekosistem hujung-ke-hujung yang menyokong keperluan PKS dan seterusnya membolehkan mereka memberi tumpuan kepada mengembangkan perniagaan mereka.

**TINJAUAN DAN PROSPEK**

Melangkah ke hadapan, kami kekal optimistik namun berwaspada ekoran situasi ekonomi negara yang sederhana dan ketidakpastian ekonomi global. Bagaimanapun, kami mengharapkan pertumbuhan KDNK. PKS akan kekal mengatasi prestasi KDNK Nasional, justeru, kami akan meneruskan usaha untuk menyelaraskan perniagaan kami kepada trend berterusan ini dengan memanfaatkan kelebihan kompetitif tersendiri kami.

Kelebihan-kelebihan ini lahir daripada memberi keutamaan kepada perjalanan pelanggan dan menggarap digitalisasi kami, membangunkan Ekosistem PKS yang saling terhubung dan menyampaikan pengalaman pelanggan yang unggul melalui cara kerja RHB.

Meninjau ke hadapan, Kumpulan Perbankan RHB akan terus memberi tumpuan kepada PKS untuk memacu pertumbuhan selain meningkatkan kecekapan operasi dan kualiti aset.

GBTB berhasrat untuk memperkenalkan platform pengenalan digital baharu bagi segmen perniagaan kecil yang akan memudahkan proses pengenalan melalui keupayaan pemprosesan automasi dan pengurusan risiko pada setengah tahun pertama 2020. Para pelanggan boleh memperoleh akses kepada pengalaman pengenalan yang lancar dan berbeza dengan perkhidmatan baharu ini.

Ini adalah seiring dengan perluasan ekosistem digital PKS yang memberi tumpuan untuk meningkatkan bahagian domet dan memperluaskan penyertaan melalui usaha sama baru. Bagi memenuhi keperluan pelanggan kami, kami akan memperhebatkan pelaksanaan program pembiayaan mengikut kesesuaian bagi komuniti dan industri yang disasarkan.

## PERBANKAN BORONG KUMPULAN

Perbankan Borong kami adalah berasaskan kepada tiga segmen perniagaan teras – Perbankan Pelaburan Kumpulan, Perbankan Korporat Kumpulan dan Perbendaharaan dan Pasaran Global Kumpulan – yakni dibangunkan untuk menawarkan perkhidmatan yang teratur dan komprehensif kepada pelanggan kami.

Penyelesaiannya kepada pertumbuhan perniagaan termasuk nasihat penggabungan & pengambilalihan ("M&A"), pencarian dana untuk pasaran modal, penstrukturan kewangan dan kewangan. Perkhidmatan mengoptimalkan prestasi pelanggan termasuk pengurusan tunai, sekuriti dan amanah, penyelesaian perniagaan dan urus niaga silang sempadan. Akhir sekali, platform perdagangan dan analisis penyelidikannya membolehkan pelanggan kami membuat pilihan pelaburan yang mantap.

### PRESTASI KESELURUHAN



#### PERBANKAN KORPORAT KUMPULAN

RM  
**933.2**  
juta

**Jumlah Pendapatan**

RM  
**731.1**  
juta

**Keuntungan Sebelum Cukai**

RM  
**53.4**  
billion

**Jumlah Aset & Pinjaman Kasar**

RM  
**55.5**  
billion

**Deposit Pelanggan**



#### PERBENDAHARAAN KUMPULAN DAN PASARAN GLOBAL

RM  
**1,400.5**  
juta

**Jumlah Pendapatan**

RM  
**1,255.5**  
juta

**Keuntungan Sebelum Cukai**

MENINGKAT  
**62.6**  
%

**Portfolio Pendapatan Bukan Berasaskan Dana**

MENINGKAT  
**15.8**  
%

**Portfolio Sekuriti**



#### PERBANKAN PELABURAN KUMPULAN

RM  
**501.0**  
juta

**Jumlah Pendapatan**

MENINGKAT  
**0.8**  
%

**Portfolio Pendapatan Bukan Berasaskan Dana**

MENURUN  
**3.3**  
%

**Perbelanjaan Operasi**

## PERBANKAN KORPORAT KUMPULAN

Perbankan Korporat Kumpulan menawarkan penyelesaian pembiayaan konvensional dan patuh Syariah yang komprehensif kepada pelanggan korporat yang memiliki saham tersenarai di bursa-bursa saham tempatan dan/atau luar, syarikat multinasional, kerajaan, agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan. Penyelesaian kewangan yang disediakan termasuk pendanaan modal kerja, pembiayaan perdagangan, lindung nilai mata wang asing, pembiayaan projek dan pensindiketan, serta pembiayaan pelaksanaan korporat.

Jangkauan kami merentasi Asia Tenggara untuk menyokong perkembangan serantau pelanggan kami. Dengan mengoptimalkan kehadiran serantau kami, kami merebut peluang-peluang secara selektif untuk berkembang di negara-negara seperti Singapura, Indonesia dan Thailand atau menjalin kerjasama dengan pelanggan di mana-mana negara yang mempunyai kehadiran mereka.

Kami berhasrat untuk berkembang dengan penuh tanggungjawab dan mengekalkan kedudukan kami di tiga tangga teratas dari segi penguasaan bahagian pasaran pembiayaan korporat kami di Malaysia, memanfaatkan pangkalan pelanggan semasa kami serta memperolehi pelanggan baru.

Kami juga beriltizam untuk memacu perniagaan sampingan yang lain secara berterusan merentasi Kumpulan Perbankan RHB untuk meningkatkan perkongsian dompet, melindungi kualiti aset dan memperkukuhkan budaya risiko dan pematuhan.

Perniagaan ini menyediakan pembiayaan berstruktur rapi dan tawaran nilai menang-menang untuk memenuhi keperluan pelanggan dan menempa kemajuan bersama-sama, digerakkan oleh pasukan profesional mantap yang dipercayai dan menyampaikan perkhidmatan pelanggan yang cemerlang berlandaskan hubungan profesional jangka panjang.

Kami mencatat pertumbuhan Pinjaman & Aset Kasar sebanyak 4.9% didorong oleh keutamaan strategik utama. Pengurangan hasil sebanyak 3.1% akibat dari penurunan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") pada 2019 di dalam negara. Kami akan terus memacu inisiatif strategik utama untuk mencapai matlamat kami dalam menyokong objektif keseluruhan Kumpulan Perbankan RHB.







### ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

**Anugerah Perbankan Korporat Islam Paling Cemerlang**  
Anugerah Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur ke-15 ("KLIF") 2019

**Bank Korporat Terbaik**  
Anugerah Kewangan dan Perniagaan Islam Asia Tenggara 2018

### BAGAIMANA KAMI MENCIPTA NILAI





# Perbankan Borong Kumpulan

INISIATIF-INISIATIF UTAMA PERNIAGAAN	HASIL
<b>MENGGUNAKAN STRATEGI TERPILIH BAGI PERTUMBUHAN DAN PEMEROLEHAN PERNIAGAAN BARU</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pertumbuhan aset 38% dan peningkatan pendapatan bagi segmen pemodal sederhana.</li> <li>Pertumbuhan pendapatan bukan berasaskan dana sebanyak 8.8% tahun ke tahun.</li> </ul>
<b>MENGGIATKAN KOLABORASI DENGAN RAKAN DAN PERNIAGAAN PRODUK DALAMAN UNTUK MENAWARKAN PENYELESAIAN KEWANGAN HOLISTIK</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perluasan jangkauan kepada sektor awam dengan menggunakan produk dan perkhidmatan pengurusan tunai untuk memberikan penyelesaian kewangan yang holistik kepada pelanggan.</li> <li>Meningkatkan kapasiti dalam menggunakan produk dan perkhidmatan pengurusan tunai untuk menjangkau pangkalan pelanggan yang lebih luas.</li> </ul>
<b>PENGURUSAN PROAKTIF BAGI AKAUN SENARAI PANTAU DAN PENGLIBATAN BERTERUSAN DENGAN PELANGGAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nisbah pinjaman terjejas kasar meningkat kepada 1.74% tahun ke tahun dengan mencatat penurunan dalam kerugian kredit.</li> </ul>

**KEMAJUAN KAMI BERDASARKAN INISIATIF STRATEGIK FIT22**

**INISIATIF FIT22**  
 Untuk meningkatkan sumbangan pendapatan daripada segmen pemodal besar dan meluaskan penembusan ke dalam syarikat-syarikat pemodal sederhana. Ini dilaksanakan melalui pengukuhan usaha kolaborasi secara dalaman dengan rakan produk dan menggunakan pendekatan masuk ke pasaran untuk menggabungkan rangkaian komprehensif produk dan perkhidmatan.

**HASIL**  
 Kami mencatatkan peningkatan pertumbuhan hasil kasar dua kali ganda tahun ke tahun bagi segmen pemodal sederhana dan kecil.

**CABARAN DIHADAPI DAN BAGAIMANA KAMI MENANGANNYA**


Ketidakpastian ekonomi domestik dan global, serta persaingan sengit, menjadikannya tahun yang mencabar bagi Perbankan Korporat Kumpulan. Bagaimanapun, kami berkemampuan untuk mengatasi cabaran ini dengan menggunakan strategi penembusan selektif bagi pelanggan pemodal sederhana baru kepada bank dan meningkatkan kolaborasi dengan rakan produk untuk memperluaskan bahagian pasaran perkongsian dompet. Hasilnya, kami menyaksikan pertumbuhan pendapatan bukan faedah sementara pertumbuhan aset dan pinjaman kekal meskipun sentimen pasaran lemah. Nisbah GIL yang rendah juga direkodkan.

Kami memupuk budaya toleransi sifar bagi ketidakpatuhan di keseluruhan bank. Kami mengambil langkah proaktif untuk membendung risiko pematuhan pengawal seliaan melalui perkongsian pengetahuan dan menganjurkan sesi kesedaran pematuhan secara berkala dengan memanfaatkan module e-pembelajaran Pematuhan dan Risiko.

**TINJAUAN DAN PROSPEK**

Dengan jangkauan pasaran yang mencabar di masa hadapan, kami akan memanfaatkan perhubungan yang terjalin dengan pelanggan kami untuk memperluaskan jangkauan kami ke dalam ekosistem perniagaan yang lebih menyeluruh sementara menyasar untuk menembusi dan memperoleh syarikat-syarikat pemodal sederhana yang baru kepada bank untuk meningkatkan pangkalan pembiayaan serta pulangan modal risiko terlaras.

Secara operasi, kami akan terus menambahbaik kecekapan dan memperkukuhkan keupayaan pihak yang memastikan pematuhan risiko (*middle office*) dengan memanfaatkan strategi pendigitalisasi merentasi Kumpulan Perbankan RHB. Ia akan menyelaraskan fungsi pentadbiran dan proses kredit untuk meningkatkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan pelanggan di samping budaya pematuhan dan risiko yang kukuh.



# Perbankan Borong Kumpulan

## PERBENDAHARAAN KUMPULAN DAN PASARAN GLOBAL

Perbendaharaan Kumpulan dan Pasaran Global ("GTGM") menawarkan produk dan penyelesaian perbendaharaan yang komprehensif termasuk pertukaran mata wang asing ("FX"), derivatif, pasaran modal, produk berstruktur, pelaburan pasaran wang dan produk Perbendaharaan Islamik bagi memenuhi keperluan lindung nilai dan pelaburan para pelanggan kami di Malaysia, Singapura dan Thailand.

Kami juga bertanggungjawab terhadap keseluruhan pengurusan keperluan pendanaan dan kecairan Kumpulan Perbankan RHB serta pelaburan lebih modal dan dana untuk meningkatkan pulangan buat Kumpulan Perbankan RHB. Kami berusaha untuk mencapai kecekapan penggunaan modal dengan mengoptimalkan kos pendanaan dan meningkatkan pulangan pelaburan dan perdagangan kami.



### ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

#### Anugerah Perbankan Asian dan Perbankan Borong Kewangan 2019

- Bank Pertukaran Asing Domestik Tahunan Terbaik (kemenangan buat kali ke-7 berturut-turut)

#### Anugerah Penyelidikan Penanda Aras Aset 2019—Bon Mata Wang Tempatan Asian



- No. 2 Firma Penjual Tertinggi Bon Korporat dalam Pasaran Sekunder Malaysia
- No. 2 Individu-individu Terbaik dalam Penyelidikan, Malaysia
- No. 3 Pengaturan Terbaik, Malaysia
- No. 3 Firma Penjual Tertinggi dalam Penyelidikan, Malaysia
- No. 4 Individu-individu Terbaik dalam Jualan, Malaysia

### PRESTASI KESELURAHAN

Pendapatan keseluruhan GTGM bertambah sebanyak 1.7% tahun ke tahun kepada RM1,400.5 juta, didorong oleh pertumbuhan kukuh sebanyak 62.6% tahun ke tahun dalam pendapatan daripada pelaburan bukan berasaskan dana dan aktiviti perdagangan dan diimbangi oleh penurunan pendapatan berasaskan dana bersih sebanyak 17.9%.

Keuntungan sebelum cukai meningkat 3.2% tahun ke tahun kepada RM1,255.5 juta, hasil daripada pertumbuhan dalam jumlah pendapatan dan peningkatan kerugian kredit yang dijangkakan bagi pelaburan kewangan dimasuk kira semula sebanyak 311.4% tahun ke tahun.

### BAGAIMANA KAMI MENCIPTA NILAI



### INISIATIF UTAMA PERNIAGAAN

### HASIL

**MEWUJUDKAN PLATFORM PERBENDAHARAAN INTEGRASI TUNGGAL MERENTASI SEMUA PEJABAT SERANTAU MELIPUTI FUNGSI HUJUNG-KE-HUJUNG DARIPADA PEJABAT HADAPAN, RISIKO DAN OPERASI KEPADA PERAKAUNAN DAN PELAPORAN YANG DILAKSANAKAN SEPENUHNYA SEPANJANG TAHUN**

Tempahan perdagangan dan proses lain serta data diseragamkan supaya ianya konsisten merentasi Kumpulan Perbankan RHB yang meningkatkan kecekapan operasi dan ketepatan pelaporan. Fungsi dan keupayaan sistem juga diperluaskan untuk menambah penawaran produk dengan enam produk dilancarkan sepanjang tahun untuk pelanggan kami. Ia membantu kami untuk menguruskan risiko dan meneruskan usaha meningkatkan hasil dan keuntungan sebelum cukai tahun ke tahun.

**MEMACU KECEKAPAN DAN PRODUKTIVITI, DENGAN PENYUMBERAN LUAR BEBERAPA FUNGSI OPERASI DI PEJABAT SERANTAU KEPADA IBU PEJABAT DIBOLEHKAN MELALUI PLATFORM PERBENDAHARAAN INTEGRASI TUNGGAL**

Penggabungan fungsi atau dikenali sebagai pengehaban (*hubbing*), membolehkan kami untuk mengoptimalkan model operasi serantau dengan memanfaatkan keupayaan ibu pejabat. Ia meningkatkan kecekapan operasi dan menurunkan perbelanjaan operasi, selaras dengan hala tuju strategik Kumpulan Perbankan RHB.

**MENGIMBANGI SEMULA DAN MEMBINA PORTFOLIO PELABURAN DI TENGAH-TENGAH PERSEKITARAN HASIL YANG MENURUN DAN PERTUMBUHAN PINJAMAN YANG RENDAH**

Pelaburan dalam aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI") meningkat sebanyak 24% tahun ke tahun. Modal pinjaman yang kurang digunakan dialihkan semula kepada pelaburan untuk meningkatkan pulangan kepada Kumpulan Perbankan RHB. Ia meningkatkan pendapatan berasaskan dana dan mewujudkan peluang-peluang untuk merealisasikan keuntungan modal dan seterusnya pendapatan berasaskan bukan dana daripada peningkatan dalam pelaburan.

**PENGURUSAN AKTIF KOS DANA**

Peningkatan pendapatan faedah bersih dengan penurunan kos pendanaan melalui pelbagai inisiatif dan peralatan seperti penselidikan aset bagi kos dana yang lebih murah, profil pendanaan dioptimumkan dan membina pangkalan deposit yang lebih murah.

# Perbankan Borong Kumpulan

## CABARAN DIHADAPI DAN BAGAIMANA KAMI MENANGANINYA

Pertambahan risiko ekonomi global pada 2019 menjejaskan industri dan keseluruhan persekitaran perniagaan, mengakibatkan penurunan jumlah FX sebanyak 22% tahun ke tahun. Sebagai respons, Kumpulan Perbankan RHB mempertingkatkan tumpuan pelanggan dan menawarkan lebih banyak produk dan penyelesaian lindung nilai yang bersesuaian seperti FX berstruktur serta kadar faedah, ekuiti dan derivatif komoditi.

Sementara itu, perang perdagangan AS-China mewujudkan keadaan yang mencabar bagi perdagangan berikutan polisi perdagangan yang tidak konsisten dalam keadaan ketidakpastian.

Sebagai respons, GTGM memantau secara dekat dan membuat perubahan dan melaraskan strategi perdagangan dan pelaburan melalui kepelbagaian dari segi aset dan geografi. Strategi ini membolehkan kami memanfaatkan peluang-peluang yang wujud ekoran pasaran yang tidak menentu dan meningkatkan pendapatan pelaburan dan perdagangan yang disokong oleh aktiviti lindung nilai pada harga dan keadaan yang bertepatan.

Pasaran FX terus digugat oleh fintech, terutamanya dalam aktiviti pembayaran dan pengiriman. RHB Bank membuat pelaburan dalam mendigitalisasikan saluran pengagihan produk FX untuk memastikan pelaksanaannya lancar dan mewujudkan perkhidmatan pelanggan yang baik untuk membina skalabiliti pelanggan.

## TINJAUAN DAN PROSPEK

Ekonomi Malaysia seharusnya memperoleh manfaat daripada langkah-langkah rancangan fiskal dan pemulihan projek infrastruktur mega pada 2020. RHB akan meneruskan pelaksanaan strategi mencipta kelainan yang berpusatkan pelanggan, untuk memenuhi pangkalan data pelanggan yang pelbagai. Pelanggan PKS dan korporat boleh mengharapkan penyelesaian lindung nilai yang bernilai tinggi untuk mengemudi peningkatan risiko pasaran sementara pelanggan Runcit dan Mewah akan ditawarkan dengan produk berstruktur dan inovatif untuk mengimbangi penurunan pulangan pelaburan berikutan penurunan kadar faedah.

Transformasi teknologi akan menjadi pamacu utama dalam usaha GTGM mengukuhkan lagi pemusatan pelanggan. Sejalan dengan inisiatif strategik Kumpulan Perbankan RHB, FIT22, GTGM mengambil langkah proaktif dalam revolusi perbankan.

Kami akan memanfaatkan kecekapan teknologi bagi melancarkan pengagihan FX dan pelaksanaan perdagangan melalui platform Reflex dan mengukuhkan amalan jualan beretika melalui peningkatan kemahiran bagi membina kepercayaan, menyampaikan kemudahan dan mencipta nilai bagi pelanggan kami.

Kami menjangkakan ketidakpastian yang tinggi akan berterusan pada 2020 berikutan daripada perang dagang AS-China, keputusan pilihanraya Presiden AS dan ketegangan geopolitik di Timur Tengah. Pertumbuhan ekonomi global yang tidak pasti dan inflasi yang sederhana akan memberikan kecairan yang mencukupi dalam sistem kewangan dan membuka peluang-peluang pelaburan dan perdagangan dalam pasaran modal hutang.

Kami turut menjangkakan bank akan mencari sumber deposit yang berkos rendah dan stabil menjelang pematuhan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih ("NSFR") berkuatkuasa pada 1 Julai 2020 yang akan mengakibatkan bank menawarkan kadar lebih tinggi bagi deposit. Justeru, ia akan meningkatkan kos pemerolehan deposit pelanggan. GTGM akan terus mengkaji keadaan pasaran dan meninjau opsyen pendanaan yang lebih murah termasuk mengoptimalkan aset yang wujud selain memastikan kecukupan dan kestabilan pendanaan.

## PERBANKAN PELABURAN KUMPULAN

RHB Investment Bank ("GIB") merupakan salah satu peneraju pasaran modal di Malaysia dengan kedudukan di 3 teratas dalam Panggilan Waran dan Sukuk dan di kedudukan 5 teratas dalam pasaran modal dan penggabungan dan pengambilalihan.

Disokong oleh pasukan penyelidikan yang telah merangkul pelbagai anugerah dan terdiri daripada pakar produk yang berpengalaman, GIB menawarkan produk dan perkhidmatan meliputi pasaran perdana seperti khidmat nasihat (korporat dan penstrukturan semula hutang, penggabungan dan pemerolehan, pengambilalihan), pengumpulan dana melalui instrumen ekuiti dan hutang, dan pasaran sekunder termasuk perdagangan sekuriti bagi pelanggan institusi dan runcit.

Pasukan GIB memanfaatkan platform serantau Kumpulan Perbankan RHB untuk memberikan perkhidmatan transaksi rentas sempadan kepada pelanggan merentasi ASEAN.



### ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

#### Anugerah Tahunan Tawaran dan Penyelesaian Terbaik di Asia Tenggara ke-13

- Tawaran Ekuiti Terbaik/Tawaran Awam Permulaan (IPO) di Malaysia
  - Leong Hup International RM1.19 bilion (USD286 juta) IPO
- Tawaran Sekunder Terbaik & Sekuriti Boleh Tukar Terbaik di Asia Tenggara
  - Sapura Energy RM3,978.8 juta (USD955 juta) Terbitan Hak dengan Waran
- Tawaran Kewangan Islamik Terbaik di Asia Tenggara
  - Sukuk Murabahah Digi Telecommunications' RM900 juta

#### Anugerah Tahunan Asset Triple A Negara

- IPO Terbaik di Malaysia
  - Leong Hup International RM1.19 bilion IPO
- Terbitan Hak Terbaik di Malaysia
  - Sapura Energy USD727.7 juta Terbitan Hak dengan Waran
- Bon FIG Terbaik di Malaysia
  - RHB Bank USD300 juta Nota Kanan
- IPO Terbaik di Indonesia
  - Kencana Energi Lestari IDR290.37 bilion IPO (RHB Sekuritas Indonesia)

#### Anugerah Tahunan Penyelidikan Penanda Aras Aset

- Perbankan Pelaburan Terbaik
  - No. 1 Malaysia

#### Anugerah Kewangan Islamik Aset Triple A 2019

- Kemudahan Sukuk Terlindung Berstruktur, Asia Pasifik
  - MBSB Bank RM2.295 bilion Kemudahan Sukuk Terlindung Berstruktur
- Transaksi Kewangan Projek Islamik Terbaik
  - DanaInfra Nasional RM2.5 bilion Sukuk
- Sukuk Baru Terbaik
  - Serba Dinamik Holdings RM800.0 juta Sukuk Dwi Tranche


#### Anugerah Infrastruktur Asset Triple A 2019

- Transaksi Pengangkutan Tahunan
  - DanaInfra Nasional RM2.5 bilion Sukuk Jaminan Kerajaan

## PRESTASI KESELURUHAN

GIB mencatat hasil sebanyak RM501.0 juta dalam berlatarkan pendapatan berasaskan bukan dana yang lebih tinggi bagi akaun beberapa transaksi korporat besar. Selain menyempurnakan transaksi bersejarah, GIB juga memperluaskan penawaran produknya, meningkatkan bahagian pasaran ekuiti runcit dan memperkukuhkan kecekapan operasinya.

# Perbankan Borong Kumpulan



INISIATIF UTAMA PERNIAGAAN	HASIL
<b>MEMPERLUASKAN PENAWARAN PRODUK</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melancarkan Pembiayaan Margin Saham Islamik di Malaysia pada September 2019</li> <li>Melancarkan Repo Berbalik baharu di Indonesia pada November 2019</li> <li>Satu-satunya penerbit waran pada 2019 yang tersenarai 10 Waran Panggilan di saham tersenarai Hong Kong di Bursa Malaysia. Juga menyenarai lima Waran Panggilan di iShares FTSE A50 Indeks China ETF</li> </ul>
<b>MEMACU TRANSAKSI BERSEJARAH</b>	<p>Menyempurnakan/mengumumkan transaksi bersejarah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>RM3.98 bilion Sapura Energy Berhad Terbitan Hak - Terbitan Hak terbesar di Malaysia pada 2019</li> <li>RM1.19 bilion IPO Leong Hup International Berhad - IPO terbesar di Malaysia pada 2019</li> <li>USD1.18 bilion pelupusan anak syarikat pajakan pesawat AirAsia Berhad, Asia Aviation Capital Ltd, kepada BBAM Limited Partnership</li> <li>RM1.0 bilion pelupusan F&amp;B Nutrition Sdn Bhd oleh Can-One Berhad to Asia Dairy Creations Sdn Bhd</li> <li>RM542.11 juta pemerolehan 25.35% kepentingan ekuiti dalam Caring Pharmacy Group Berhad oleh 7-Eleven Malaysia Holdings Berhad</li> <li>RM2.295 bilion Kemudahan Sukuk Perlindungan Berstruktur oleh MBSB Bank Berhad</li> <li>RM3.5 bilion program IMTN di bawah prinsip Syariah Wakalah Bi Al-Istithmar oleh DRB-HICOM Berhad</li> </ul> <p>Perancangan IPO kukuh di Pasaran Utama &amp; Pasaran ACE pada 2020</p>

INISIATIF UTAMA PERNIAGAAN	HASIL
<b>MEMPERTINGKATKAN CARTA KATEGORI KUALITI/PENARAFAN/KEDUDUKAN</b>	Peningkatan penarafan keseluruhan di Malaysia: ke-2 bagi waran panggilan, ke-3 bagi Sukuk, ke-4 bagi ECM dan ke-5 bagi M&A.
<b>MENINGKATKAN BAHAGIAN PASARAN EKUITI RUNCIT</b>	Peningkatan bahagian pasaran ekuiti runcit di Singapura dan Malaysia pada 2019 meskipun terdapat penurunan dalam nilai purata harian sekuriti ("SADV") diperdagangkan. Kami juga mencatat peningkatan bahagian pasaran di Thailand yang menyaksikan peningkatan SADV serta di Indonesia yang menyaksikan pertumbuhan dalam SADV.
<b>MENINGKATKAN KECEMERLANGAN OPERASI</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada kerugian kredit dicatat merentasi semua negara-negara bagi kredit pada 2019</li> <li>Memperkuatkan tadbir urus dan memantau had kredit merentasi operasi serantau</li> <li>Mewujudkan Pasukan Sokongan Operasi Serantau yang berdedikasi</li> <li>Mewujudkan Jawatankuasa Salah laku Perniagaan di semua operasi luar negara untuk menangani salah laku kakitangan jualan</li> <li>Memperluaskan keupayaan melalui pengambilan bakat dalam pelbagai pasukan produk</li> </ul>

KEMAJUAN KAMI BERDASARKAN FIT22	
<b>INISIATIF FIT22</b>	<p>Meneruskan usaha untuk mengekalkan bahagian dompet bagi pemodal besar daripada 93 korporat tersenarai untuk mencapai pemegangan produk minimum sebanyak 4.3</p> <p>Meningkatkan penembusan ke dalam pemodal sederhana dengan meliputi 11% daripada syarikat tersenarai di Bursa Malaysia</p>
<b>HASIL</b>	<p>Mempertahankan kedudukan #1 bagi pasaran yuran dompet, yang mencatat kenaikan daripada 23.4% pada 2018 kepada 25.2% pada 2019 dan peningkatan hasil.</p> <p>Pengenalan 19 pelanggan-pelanggan pemodal sederhana baharu pada 2018 dan 16 pelanggan-pelanggan yang lain pada 2019.</p>

### CABARAN DIHADAPI DAN BAGAIMANA KAMI MENANGANINYA

GIB berdepan dengan cabaran daripada pasaran ekuiti yang perlahan, pengurangan margin bagi kedua-dua perdagangan runcit dan institusi serta persaingan sengit dalam beberapa negara di mana wujudnya kehadiran kami.

Kami menangani kelembapan pasaran dengan memberi tumpuan kepada bidang perniagaan khusus terpilih di negara-negara tersebut. Singapura memanfaatkan kehadiran RHB Bank (Singapura) untuk membina perancangan modal pasaran manakala Thailand memperkenalkan pasukan Pasaran Modal pada akhir 2018 untuk meningkatkan pertumbuhan hasil daripada transaksi khidmat nasihat dan kewangan korporat. Sementara itu, Indonesia memberi tumpuan kepada ekuiti runcit selepas membuat pelaburan dalam platform atas talian dan beberapa kempen pemasaran untuk menyokong pertumbuhan perniagaan.

Pilihanraya telah diadakan di Indonesia dan Thailand pada pertengahan pertama 2019 dan ini menjejaskan kedua-dua pasaran. Transaksi pasaran modal ditunda atau dibatalkan tetapi kami menyaksikan sesetengahnya berbalik kepada keadaan normal pada pertengahan kedua 2019 dengan pertumbuhan urusniaga yang sedia ada.

### TINJAUAN DAN PROSPEK

Melangkah ke hadapan, kami menjangkakan persekitaran operasi yang mencabar, justeru, GIB akan meneruskan tumpuan kepada sumbernya kepada bidang pertumbuhan utama. Di Malaysia, segmen pemodal sederhana kekal sebagai strategi pertumbuhan yang penting dan kami telah mengatur semula pasukan Produk dan Liputan untuk menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan dalam segmen ini dan melakukan jualan silang di dalamnya. Kami merancang untuk memperluaskan penawaran produk di Indonesia dan menjangkakan pertumbuhan hasil di Thailand daripada pasukan Pasaran Modal yang baharu.



**KESELURUHAN PRESTASI**



**PERNIAGAAN SYARIAH KUMPULAN**

RHB Islamic Bank ("RHB Islamic") adalah cawangan Kumpulan Perbankan RHB, menyediakan perkhidmatan kewangan patuh Syariah di bawah empat unit perniagaan iaitu Perbankan Runcit, Perbankan Korporat, Perbankan Perniagaan & Transaksi dan Perbendaharaan.

Produk dan perkhidmatan disampaikan dengan pantas, cekap dan lancar di seluruh negara bagi memenuhi keperluan pelanggan, merentasi Perbankan Komersial (merangkumi segmen runcit, korporat dan perniagaan komersial) dan aliran perniagaan Perbankan Pelaburan. Rangkaian titik sentuhan pelanggan adalah yang terbesar di negara dengan perkhidmatan tersedia di semua cawangan RHB Islamic dan RHB Bank dengan bilangan 210 cawangan di seluruh negara di samping kemudahan tambahan bagi ATM, mudah alih dan perbankan internet.



**ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN**

**Anugerah Islamic Finance News ("IFN") KL 2018**  
- Impak Sosial Tahunan

**Anugerah IFN KL 2018**  
- Transaksi Malaysia Tahunan


**Anugerah Kewangan Islamik Aset Triple A 2019**  
- Transaksi Islamik Tahunan/Sukuk Terbaik/Transaksi Paling Inovatif

**Anugerah Kewangan Islamik Aset Triple A 2019**  
- Transaksi Islamik Terbaik

**Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur ("KLIF") Ke-15 2019**  
- Perbankan Korporat Islamik Paling Cemerlang

**Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur ("KLIF") Ke-15 2019**  
- Penasihat Syariah Paling Cemerlang

**BAGAIMANA KAMI MENCIPTA NILAI**



**INISIATIF UTAMA PERNIAGAAN**

**MENUTUP RUANG PRODUK DAN MENINGKATKAN INOVASI PRODUK UNTUK MEMASTIKAN PENAWARAN RHB ADALAH SETARA DENGAN PESAING-PESAING**

**HASIL**

9 produk telah dilancarkan pada tahun 2019:

Segmen Perniagaan	Trek Perniagaan	Nama Produk	
Runcit	Pengurusan Produk Pengguna	Akaun Semasa Perdana CM-i Akaun Pelbagai Mata Wang-i	
	Perniagaan Kad & Perniagaan Tak Bercagar	Pembiayaan Peribadi-i (Sektor Swasta)	
	Pelaburan	Pembiayaan Margin Pasaran-i	
Bukan Runcit	PKS Korporat/Komersial	Kad Kredit Korporat-i RHB Kad Caj Korporat-i RHB Kad Pembelian Korporat RHB-i	
		Perniagaan Perbankan	Akaun Pelaburan Terhad-i ("PKS")
		Perbendaharaan	Islamik Berstruktur Hadapan

# Perniagaan Syariah Kumpulan

INISIATIF UTAMA PERNIAGAAN	HASIL
<b>MENINGKATKAN PENGETAHUAN PRODUK DI KALANGAN STAF BARISAN HADAPAN UNTUK MENINGKATKAN JUALAN DI SAMPING MEMUPUK BUDAYA PEMATUHAN UNTUK MENGURUS INSIDEN KETIDAKPATUHAN SYARIAH</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan pengetahuan staf mengenai produk Islamik, isu Syariah dan kebimbangan operasi yang membantu meningkatkan kesedaran mengenai perkara-perkara berkaitan ketidakpatuhan dan tadbir urus.</li> <li>Tinjauan Perbankan Islam Malaysia Fitch Ratings 2019 menyatakan bahawa RHB Islamic Bank merupakan salah satu daripada bank Islamik dengan pertumbuhan paling pantas pada 2017 dan 2018.</li> <li>Peningkatan kedudukan jenama RHB Islamic. Di tempat ke-2 dalam persepsi terhadap pematuhan Syariah yang kukuh (sumber: Laporan Majlis Perbankan Keutamaan &amp; Runcit RFI).</li> </ul>
<b>MEMANFAAT HUBUNGAN KUKUH SEDIA ADA RHB ISLAMIC DENGAN KERAJAAN DAN KORPORAT</b>	<p><b>Perniagaan Kerajaan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan saluran pembayaran tanpa tunai bagi klinik kerajaan di Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan.</li> <li>Empat klinik kerajaan terpilih sedang mengikuti projek rintis yang dilaksanakan oleh RHB Islamic.</li> </ul> <p><b>Korporat</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Meneruskan kerjasama dengan kumpulan penjagaan kesihatan swasta tempatan terkemuka. RHB Islamic kini mentadbir pengajian bulanan bagi para profesional kesihatan dan staf pentadbiran di tiga buah hospital di Kuala Lumpur, Selangor dan Pahang.</li> </ul>
<b>PENGANTARAAN BERASASKAN NILAI ("VBI") DAN KEMAMPAHAN SEBAGAI PENDEKATAN UNTUK MEMPEROLEH LEBIH BANYAK PERNIAGAAN/PROJEK</b>	<p><b>Inisiatif Ocean Symphony</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>RHB Islamic Bank dan Universiti Malaysia Terengganu ("UMT") memeterai memorandum persefahaman pada 15 Julai 2019 yang melahirkan inisiatif Ocean Symphony, direka bentuk bagi meningkatkan kesedaran orang awam dalam pemuliharaan alam sekitar dan kemampuhan persekitaran ekosistem marin.</li> <li>Sebagai sebahagian daripada inisiatif Ocean Symphony, bank akan menyediakan e-platform bagi menyalurkan sumbangan daripada pelanggan RHB dan orang awam bagi tujuan penyelidikan UMT dalam pemuliharaan lautan.</li> </ul> <p><b>Program Pengagihan Semula Pembayaran Balik Zakat</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pada 2018, RHB Islamic merupakan salah satu daripada ejen (Wakeel) bagi Lembaga Zakat Selangor ("SZAs") dalam mengagihkan peruntukan pembayaran balik zakat yang diluluskan oleh SZAs. Pada 2019, RHB Islamic meneruskan usaha untuk mengagihkan pembayaran balik zakat kepada benefisiari yang layak daripada golongan berpendapatan rendah dan memerlukan bantuan kewangan.</li> </ul> <p><b>Pemboleh daya Digital bagi Kewangan Sosial melalui aplikasi SyuQR</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Seiring dengan pertumbuhan pembayaran elektronik dan e-wallet, aplikasi SyuQR mewakili inisiatif tanpa tunai yang menyediakan pilihan pantas, cekap, selamat dan mudah bagi pelanggan untuk membuat sumbangan kepada surau, masjid dan organisasi yang menyokong golongan yang kurang bernasib baik. Usaha membangunkannya lagi diteruskan untuk menambah ciri-ciri baru.</li> <li>SyuQR telah berkembang daripada meliputi hanya 10 surau, masjid dan organisasi pada 2018 kepada 141 setakat Disember 2019. Ia kini mempunyai tiga komponen, iaitu: <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Boost Wallet:</b> Membolehkan pengguna untuk menderma dengan mengimbas kod QR unik institusi menggunakan telefon pintar.</li> <li><b>JomPAY:</b> Membolehkan pengguna untuk menyumbang kepada institusi berdaftar dengan menggunakan kod khusus JomPAY diberikan oleh PayNet. Sumbangan tersebut boleh dilakukan secara perbankan atas talian dan aplikasi mudah alih.</li> <li><b>Tap &amp; Derma:</b> Komponen terkini dalam SyuQR. Bagi perkhidmatan ini, terminal Tap &amp; Derma akan ditempatkan di institusi terpilih. Sumbangan boleh dibuat hanya dengan menyentuh kad debit atau kredit pada terminal Tap &amp; Derma.</li> </ul> </li> </ul> <p><b>Waqf - Penyaluran wakaf demi pembangunan komuniti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Aliran Perniagaan Baru- Penyaluran sumbangan wakaf melalui bank Islamik kini telah mendorong RHB Islamic untuk mempergiatkan penglibatan secara aktif dengan Majlis-majlis Agama Islam Negeri ("SIRCS"), masjid dan universiti-universiti awam.</li> <li>RHB Islamic menandatangani perjanjian memorandum persefahaman dengan Sarawak SIRC pada Ogos 2018 dan menjalin kolaborasi dalam projek wakaf bagi memperkasakan Ummah di Sarawak melalui pendidikan. Dana Wakaf Al-Bait dilancarkan pada Februari 2019 dan ia kini disiarkan secara langsung di laman sesawang MyWakaf.</li> <li>Kini, RHB Islamic mengekalkan dana wakaf untuk memenuhi keperluan: <ul style="list-style-type: none"> <li>Pertubuhan Kebajikan Baiturrahmah, Kuching.</li> <li>Akademi Tahfiz Hidayatul Quran Annur, Sibul.</li> </ul> </li> </ul>

	KEMAJUAN KAMI BERDASARKAN FIT22			
<b>INISIATIF FIT22</b>	<b>Sasaran bagi mencapai 40% daripada sumbangan pembiayaan aset kepada Kumpulan Perbankan RHB</b>	<b>Sasaran bagi mencapai kedudukan 3 teratas dalam pembiayaan aset</b>	<b>Sasaran bagi mencapai ROE melebihi 12.5%</b>	<b>Sasaran bagi mencapai gabungan perniagaan sebanyak 60% Runcit, 30% Korporat and 10% Perniagaan Perbankan</b>
<b>HASIL</b>	<b>Di landasan betul</b> Merekodkan sumbangan aset pembiayaan yang menggalakkan sebanyak 38.1% pada 2019. Berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran pada 2022	<b>Pencapaian</b> Sasaran kedudukan 3 teratas dalam pembiayaan aset tercapai pada 2019	<b>Pencapaian</b> Mencatat ROE sebanyak 14.1%, berbanding 12.0% pada 2018	<b>Di landasan betul</b> Gabungan perniagaan merekodkan pencapaian sebanyak 56%, 37% dan 7% masing-masing bagi Perbankan Runcit, Korporat dan Perniagaan Perbankan. Berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran bagi penggabungan perniagaan pada 2022

## CABARAN DIHADAPI DAN BAGAIMANA KAMI MENANGANINYA

Sebagai salah satu bank Islamik yang terkemuka di dalam negara, RHB Islamic berusaha untuk menyediakan pelanggan dengan produk kewangan yang memenuhi keperluan dan kehendak mereka. Tahun 2019 menyaksikan pelancaran sembilan produk runcit dan bukan runcit yang baharu. Pada masa yang sama, kami terus menambahbaik produk sedia ada. Sebagai contoh, produk deposit kini mengguna pakai konsep Murabahah Komoditi, yang membenarkan kadar pemasaran dan pemberian hadiah. Ini mengatasi had yang ditetapkan bagi konsep Qard terdahulu yang melarang RHB Islamic daripada memberi sebarang bentuk manfaat kontraktual kepada para pendeposit.

Persekitaran ekonomi dijangka akan terus mencabar berlatarkan tekanan fiskal dan kelembapan pertumbuhan perniagaan secara keseluruhannya. Kerajaan dan sektor korporat lebih peka terhadap kos dalam pelaksanaan projek-projek baharu yang memberikan kesan pindahan kepada bank-bank termasuk RHB Islamic. Kami telah menanganinya melalui usaha penglibatan dan perbincangan berterusan untuk memahami lebih mendalam mengenai keperluan dan kehendak pelanggan. Sehubungan dengan itu, RHB Islamic meneruskan usaha penambahbaikan dan peningkatan perkhidmatan untuk menambah nilai dan memberi perkhidmatan terbaik untuk pelanggan kami.

## TINJAUAN DAN PROSPEK

Industri perbankan Islam di Malaysia mencatat pertumbuhan pembiayaan sebanyak 8.0% pada Disember 2019.


Melangkah ke hadapan, RHB Islamic merancang untuk meningkatkan kecekapan dan pengetahuan mengenai Syariah dalam kalangan staf barisan hadapan. Meningkatkan pengetahuan barisan hadapan kami akan sekali gus membantu dalam peningkatan jualan. Kami juga akan meneruskan usaha menambahbaik produk-produk sedia ada di samping memanfaatkan hubungan yang teguh dengan kerajaan dan syarikat-syarikat korporat dalam memacu pertumbuhan perniagaan.

Dalam usaha menjajarkan semula gabungan perniagaan kami kepada sasaran FIT22, kami akan memberi penekanan yang lebih kepada usaha memperluaskan portfolio PKS selaras dengan fokus utama untuk memacu pertumbuhan melalui PKS.

Dari segi amalan kemampuhan, RHB Islamic telah melakukan usaha penajajaran organisasi selaras dengan seruan Bank Negara Malaysia untuk menerima pakai prinsip-prinsip inisiatif pengantaraan berasaskan nilai. Setakat Mei 2019, RHB Islamic telah diakui sebagai anggota yang ke-10 bagi Komuniti Pengamal VBI. Penglibatan yang sedang dijalankan berkaitan Kad Skor Seimbang VBI yang mengukur elemen kuantitatif dan kualitatif diteruskan dengan pihak berkuasa pengawalseliaan.




PRESTASI KESELURUHAN



INSURANS KUMPULAN

RHB Insurance, anak syarikat RHB Bank Berhad, menyediakan perkhidmatan Insurans Am bagi pelanggan runcit dan korporat kami. Ia merupakan penginsurans ke-12 terbesar di Malaysia dengan bahagian pasaran Insurans Am sebanyak 3.9% dan berkedudukan dalam kalangan 10 penginsurans terbaik bagi kebakaran.

BAGAIMANA KAMI MENCIPTA NILAI



INISIATIF UTAMA PERNIAGAAN

HASIL

PERTUMBUHAN BERTERUSAN APLIKASI MUDAH ALIH RHB INSURANCE YANG DILANCARKAN PADA 2018

- Aplikasi mudah alih RHB Insurance adalah aplikasi hujung-ke-hujung yang menawarkan kaedah yang mudah, pantas dan lancar untuk membeli polisi insurans dan cukai jalan hanya dalam masa tiga minit. Kadar penggunaan dan memuat turun terus meningkat disebabkan aplikasi ini juga menyediakan notifikasi pembaharuan cukai jalan apabila tamatnya tempoh polisi dan papan muka berkaitan butiran polisi dan status.

MELAKSANAKAN PLATFORM ATAS TALIAN BAGI MENINGKATKAN PENGALAMAN PEMBELIAN PELANGGAN

- Platform atas talian ini menawarkan perjalanan pembelian insurans yang lancar kepada pelanggan, memenuhi kehendak pasaran dari segi kemudahan.

MEMULAKAN INISIATIF PROJEK TAPIS

- Inisiatif ini memberi fokus kepada meluaskan portfolio insurans kebakaran yang menguntungkan dan meningkatkan kadar pembaharuan dengan memperkasakan dan melengkapkan Saluran Perniagaan bagi meningkatkan kemahiran penaja nama untuk berdepan dengan persekitaran pasaran terbuka/penghapusan tarif.
- Portfolio ini telah berjaya mengekalkan prestasi semasa sesi pelaksanaan liberalisasi berfasa sedang giat dijalankan dan mencatat pertumbuhan mendatar berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas.

INISIATIF UTAMA PERNIAGAAN

HASIL

PENSTRUKTURAN SEMULA PORTFOLIO INSURANS PERUBATAN

- Nisbah kerugian bertambah baik dengan pengstruktur semula portfolio perubatan untuk memberi fokus kepada pelan Perubatan Individu dan bukannya pelan Perubatan Kumpulan.
- Produk individu MediSure Supreme merekodkan pertumbuhan dalam premium kasar ditulis sebanyak 85%.

PERNIAGAAN KEBAKARAN DAN MOTOR MENCATAT PERTUMBUHAN DALAM PERSEKITARAN PELAKSANAAN PENYAHTARIFAN

- Premium motor meningkat sebanyak 7%.
- Nisbah tanggungan tuntutan bagi Kebakaran dan Motor kekal memberangsangkan meskipun wujud persaingan pasaran yang sengit berikutan penyahtarifan.

KEMAJUAN KAMI BERDASARKAN FIT22

INISIATIF FIT22

Menjadi penginsurans 5 teratas dalam Insurans Am

Mengembangkan Banca Runcit dan pemerolehan perniagaan PKS dengan insurans menggunakan lebih ramai pakar insurans am ("GIS")

HASIL

Insurans Kumpulan mencatatkan premium kasar ditulis ("GWP") sebanyak RM697 juta, penurunan sebanyak 11% sepanjang tempoh yang sama pada 2018, berikutan penstruktur semula portfolio perubatan dan kesihatan. Bahagian pasaran kami mencatat 3.9% pada Disember 2019.

Penstruktur semula telah menunjukkan hasil positif dari segi keuntungan sebelum cukai dan meletakkan kami di kedudukan yang lebih teguh bagi tahun kewangan akan datang.

Jualan silang insurans am dilakukan melalui Perbankan Runcit dan diperluaskan kepada pangkalan pelanggan yang besar oleh kakitangan jualan Perbankan Peribadi Mewah. Kami menjangkakan pertumbuhan GWP mendatar memandangkan hanya 20% kakitangan jualan perbankan peribadi menjalankan jualan silang secara insurans am. Justeru, kami telah mewujudkan peranan pakar-pakar insurans am untuk membantu Perbankan Runcit dalam menjaga hasil yang lebih tinggi dan memacu pertumbuhan GWP. Untuk jangka panjang, pakar-pakar ini dijangka akan menyokong 80% daripada cawangan bank dan menyumbang premium yang lebih ketara kepada RHB Insurance dan hasil RHB Bank.

CABARAN DIHADAPI DAN BAGAIMANA KAMI MENANGANINYA

Berlatarkan persekitaran operasi yang mencabar, RHB Insurance akan terus memberi sokongan kepada Kumpulan Perbankan RHB dengan menawarkan produk dan perkhidmatan kepada saluran perniagaan Kumpulan Perbankan RHB. Pada 2019, RHB Insurance telah melaksanakan penstruktur semula portfolio perubatan dan kesihatan, menjejaskan bahagian pasaran buat sementara waktu. Bagaimanapun, selepas itu, kami telah memasarkan secara agresif produk yang telah diubah suai, menyebabkan kenaikan ketara dalam prestasi kewangan RHB Insurance.

Bagi perniagaan Motor, industri telah menghadapi pelbagai cabaran termasuk trend kenaikan nisbah kerugian dan peningkatan persaingan berikutan liberalisasi berfasa.

Keuntungan bersih kami berkemungkinan akan mengalami tekanan daripada inflasi dan perkara-perkara berkaitan pengawalseliaan. Bagi membendung cabaran-cabaran ini, RHB Insurance telah mengenal pasti langkah-langkah baharu termasuk memastikan ketepatan dan kecukupan harga kami dan meluaskan segmen yang menguntungkan.

TINJAUAN DAN PROSPEK

Bagi 2020, sektor insurans dijangka akan mengharungi persaingan sengit berikutan liberalisasi berterusan di pasaran. RHB Insurance akan memberi tumpuan kepada pembangunan mampan melalui pasukan agensi yang lebih besar dan produktiviti yang meningkat melalui keupayaan digital.

Meninjau ke hadapan, kami akan kekal tertumpu kepada memastikan peruntukan sumber mencukupi bagi pemasaran dan jualan insurans perubatan individu. Peningkatan nisbah tuntutan akan didorong oleh perubahan gabungan portfolio Hospital & Pembedahan berikutan pengurangan perniagaan Perubatan Kumpulan dan penambahan perniagaan Perubatan Individu.

Susulan daripada ini, kami akan mengekalkan tumpuan kami kepada meluaskan PKS dan risiko bersaiz sederhana dalam perniagaan insurans Kebakaran yang selanjutnya akan memacu perniagaan pengurusan penaja jamin pada 2020.



## RHB SINGAPURA

RHB Singapura telah beroperasi selama lebih daripada lima dekad dan ia merupakan penyumbang utama kepada Kumpulan Perbankan RHB. Kami telah meneruskan usaha mengukuhkan kedudukan kami dalam segmen pemodal sederhana dengan menyasarkan untuk menjadi bank pemangkin bagi PKS, menasihati kedua-dua keperluan perniagaan dan kewangan peribadi. Perniagaan teras bank diselaraskan kepada tujuh tonggak iaitu Perbankan Runcit, Perbankan Komersial, Perbankan Pelaburan dan Korporat serta Modal Pasaran, Pembrokeran dan Pengurusan Aset.

Kami memberi tumpuan kepada segmen pasaran khusus yang menawarkan produk bagi memenuhi kehendak pelanggan. Kami menawarkan perkhidmatan kepada syarikat-syarikat Malaysia yang mempunyai perancangan meluaskan perniagaan di Singapura dan perusahaan Singapura yang meninjau peluang mengembangkan rangkaian perniagaan mereka di peringkat serantau.

Dari segi liputan korporat dan pelanggan, RHB berhasrat untuk memacu urusan niaga membabitkan aset Singapura dalam kalangan konglomerat luar negara di samping menawarkan penyelesaian hujung-ke-hujung.



### ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

#### Anugerah PR 2019 (Singapura)

- Penglibatan Pekerja Terbaik/Komunikasi Dalaman (Gangsa)

#### Anugerah Kewangan Islamik Aset Triple A 2019

- Transaksi Islamik Terbaik (Singapura)

#### Anugerah Majlis Pemasaran 2019 (Singapura)

- Majlis Terbaik oleh Pasukan Dalaman (Gangsa)

#### Anugerah Inovasi Perbankan Runcit Global 2019

- Inisiatif CSR Terbaik (Paling Disanjung)

#### Anugerah Khidmat Cemerlang 2019


- 28 Perak; 21 Emas; 29 Bintang

#### Anugerah Kecemerlangan HR 2019

- Transformasi Perniagaan Cemerlang (Emas)

Diamanahkan sebagai Penyelaras Global Bersama dan *Bookrunner* untuk ESR-REITs sehingga SGD100 juta- Tawaran Persendirian

## BAGAIMANA KAMI MENCIPTA NILAI



### INISIATIF UTAMA PERNIAGAAN

#### MEMANTAU SECARA DEKAT KEMPEN PEMASARAN

Deposit RHB Singapura meningkat sebanyak 21.2% tahun ke tahun kepada SGD5.4 bilion sementara pinjaman bertambah sebanyak 7.6% kepada SGD4.2 bilion.

#### MENINGKATKAN PENDAPATAN YURAN DAN KOMISYEN

Pendapatan bukan berasaskan dana RHB Singapura meningkat kepada 19.0% tahun ke tahun kepada SGD55.3 juta, didorong oleh transaksi berstruktur berikutan peningkatan kolaborasi antara perniagaan Sekuriti dan Bank, suruhanjaya perdagangan dan pendapatan perdagangan daripada pengambilan keuntungan strategik daripada portfolio bon perbendaharaan.

#### MENETAPKAN KEDUDUKAN RHB SEBAGAI PEMEGANG ASAL UTAMA TRANSAKSI BERSTRUKTUR DI SINGAPURA

Mewujudkan kapasiti untuk menjalankan peluang perniagaan yang lumayan namun beroperasi dalam lingkungan beberapa nisbah dan pemodal kawal selia, justeru mengekalkan kedudukan RHB Singapura sebagai pemain aktif di pasaran. Sebagai contoh, antara 2018 dan 2019, pasukan Perbankan Korporat membuat penjualan hampir SGD200 juta pinjaman hartanah industri untuk menguruskan pendedahan bank kepada sektor berkenaan.

#### MENINGKATKAN PENGOPTIMUMAN MODAL DAN MENINGKATKAN KEDUDUKAN PENDANAAN

RHB Singapura kekal sihat dari segi pendanaan dengan nisbah pinjaman kepada deposit sebanyak 78.7% setakat Disember 2019. Ia juga mencapai kecekapan modal, memulangkan pinjaman Ibu Pejabat kepada Kumpulan Perbankan RHB bernilai SGD209 juta dan mencatat penjimatan SGD2.75 juta dalam perbelanjaan faedah.

#### MENETAPKAN KEDUDUKAN RHB SEBAGAI PENAJA PENUH SGX CATALIST DAN MEMUPUK HUBUNGAN RAPAT DENGAN PEMEGANG BERKEPENTINGAN MODAL PASARAN SINGAPURA

Pasukan Pasaran Modal RHB Singapura mengembangkan jangkauan kepada pelanggan sedia ada dan potensi pelanggan yang lebih meluas di samping berusaha mengambil pelbagai projek dengan mengambil bahagian perbincangan berkaitan IPO dan mempromosikan saham pemodal kecil dalam kalangan pelabur. Ia dapat meningkatkan profil RHB di Singapura sebagai firma pembrokeran.

Sebagai penaja penuh Catalist yang diluluskan SGX, pasukan Pasaran Modal RHB Singapura turut memaksimumkan potensi perkhidmatan penasihat yang menghasilkan transaksi berikut:

- Memainkan peranan agen tawaran bersama bagi IPO Sim Leisure Group Ltd di platform penyenaian Catalist pada SGX-ST pada 2019
- Penasihat kewangan tunggal kepada 8S Capital Holdings Pte Ltd (disokong oleh syarikat-syarikat sekutunya Kohlberg Kravis Roberts & Co. L.P. dan anggota-anggota pengasas 800 Super Holdings Limited ("800 Super") dalam penswastaan 800 Super dengan jayanya
- Diberikan mandat sebagai Koordinator Global Bersama dan Bookrunner bagi Tawaran Persendirian berjumlah SGD100 juta bagi ESR-REITs



# RHB Singapura

## KEMAJUAN KAMI BERDASARKAN FIT22

INISIATIF FIT22

HASIL

Memacu pemulihan pinjaman	Fokus kepada PKS dan pemodal sederhana	Meletakkan kedudukan perniagaan IB luar negara untuk memberi fokus kepada pasaran khusus	Menambahbaik perjalanan pengalaman pengguna
Membendung impak daripada pendedahan RHB Singapura kepada ketidakpastian sektor minyak dan gas. Dengan pengurusan portfolio yang aktif dan strategi mengimbangi semula, peniagaan dan operasi RHB Singapura mampu mengawal kualiti aset sepanjang tahun.	Memperkenalkan Skor Kad Peminjaman Program KPS baharu untuk memperbaiki proses kelulusan kredit kepada pelanggan PKS. Mencatat pertumbuhan dalam buku perolehan aset dan memberi tumpuan kepada pertumbuhan yuran hasil melalui transaksi perdagangan dan pertukaran matawang. Bertindak sebagai agen tawaran bersama bagi IPO Sim Leisure Group Ltd pada Papan Catalist the SGX-ST dan memperoleh dua mandat IPO Catalist baharu bagi syarikat-syarikat pemodal sederhana.	Memanfaatkan kekuatan utama unit Perbankan Pelaburan, menjadi pemain khusus dalam segmen M&A melalui pelanggan-pelanggan modal persendirian, hartanah, REIT & Catalist. Sebagai hasilnya, kami menyempurnakan dua urusan niaga pembiayaan pemerolehan pada 2019 yang meningkatkan bahagian dompet bank bagi permodalan besar korporat-korporat, justeru mempertingkatkan kelayakan RHB Singapura di pasaran.	Skor Net Promoter bertambah baik 20 mata, disebabkan oleh perniagaan Perbankan Runcit yang naik 24 mata dan perniagaan Perbankan Komersial yang naik 8 mata. Ia didorong oleh pelaksanaan 360° proses perjalanan pelanggan. Kekerapan latihan meningkat bagi membimbing dan melatih Pengurus Perhubungan setiap minggu dengan penumpuan terhadap perkara-perkara berkaitan dengan kempen, proses dan produk. Memperbaiki dan memudahkan borang pembukaan akaun korporat kami untuk memasukkan onboarding bagi Platform Perbankan Perniagaan Perbankan Atas Talian, Reflex.

### CABARAN DIHADAPI DAN BAGAIMANA KAMI MENANGANINYA

Persekitaran ekonomi Singapura pada 2019 kekal suram berikutan situasi luaran termasuk perang perdagangan AS-China yang berlanjutan, menjejaskan pelaburan perniagaan dan sektor pembuatan Singapura dengan penurunan perdagangan dalam barangan modal. Keadaan ini seterusnya, mengurangkan potensi perniagaan bagi RHB Singapura.

Akibat daripada itu, RHB Singapura telah beralih tumpuan kepada pemerolehan lebih banyak aset terjamin melalui portfolio Hartanah Komersial di samping memperkukuhkan jalinan perhubungan dengan pelanggan melalui peningkatan penglibatan dan pemegangan produk.

RHB Singapura juga telah membendung impak yang timbul daripada pendedahan kepada sektor minyak dan gas sejak tahun lepas dengan strategi mengimbangi semula portfolio dan pengurusan portfolio yang aktif. Langkah-langkah ini telah menghasilkan kawalan kualiti aset yang lebih baik sepanjang tahun.

Pasaran modal Singapura turut berdepan dengan cabaran luar jangkaan pada 2019 dengan penyahsenaraian saham mengatasi penyenaian baharu, memberikan tekanan kepada sumber utama hasil. Bagi menangani hal ini dan meneruskan usaha mencipta nilai, RHB Singapura memberi tumpuan kepada usaha lain seperti khidmat nasihat penyahsenaraian, pengambilalihan dan projek khidmat nasihat bebas lain untuk mempelbagaikan pendapatan kami.

Sebagai contoh ia termasuk memikul peranan sebagai penasihat kewangan tunggal dan koordinator berkaitan dengan Tawaran Keutamaan ESR-REIT bernilai SGD50.0 juta di mana ESR-REIT menerima penerimaan sah dan aplikasi lebih mewakili dua kali ganda bilangan unit yang ada dan bertindak sebagai penasihat kewangan tunggal kepada 8S Capital Holdings Pte Ltd dalam penswastaaan 8S Capital Holdings Pte Ltd (disokong oleh syarikat-syarikat sekutunya Kohlberg Kravis Roberts & Co. L.P serta anggota pengasas 800 Super).

### TINJAUAN DAN PROSPEK

Melangkah ke persekitaran ekonomi global yang sederhana dan tidak menentu pada 2020, RHB Singapura akan terus melaksanakan langkah-langkah untuk mengekalkan dan memperluaskan perniagaannya.

Kami akan meneruskan usaha menawarkan pengalaman perbankan yang lancar kepada pelanggan kami dengan memperluaskan penawaran produk, memperkenalkan keupayaan digital, menambahbaik platform atas talian dan meningkatkan aktiviti jualan silang. Kami juga akan memberi tumpuan kepada meningkatkan kualiti aset bagi pinjaman dan transaksi terjamin berstruktur dengan penaja yang memberi nilai tambah.


Inisiatif lain termasuk membantu syarikat-syarikat untuk memperoleh pembiayaan bagi pelaburan dan projek luar negara melalui perkongsian risiko tertunggak dengan Enterprise Singapore, agensi kerajaan Singapura yang menyokong pembangunan perusahaan.

RHB Singapura juga berhasrat untuk menyediakan kemudahan insurans untuk menangani risiko kebangkrutan bagi syarikat-syarikat dengan modal kerja yang akan berpotensi melanjutkan pinjaman jangka pendek. Bagi jangka panjang, kami merancang untuk membangunkan ekosistem bersama dengan rakan teknologi untuk mencipta penyelesaian bagi membantu pelanggan PKS mencapai produktiviti yang lebih tinggi.

Bagi perniagaan sekuriti, kami akan melangkah selaras dengan industri untuk menyeragamkan dan meningkatkan kecekapan. Bagaimanapun, RHB Singapura berpandangan bahawa sementara inisiatif mengawal saiz akan diteruskan, kami juga akan meneruskan usaha membangunkan kecekapan melalui pelaburan dalam menambahbaik infrastruktur perdagangan. Dengan perkembangan teknologi melangkaui batasan industri, kami telah mula meninjau sistem alternatif seperti dark pool dan penawaran seperti akses langsung ke pasaran ("DMA") bagi pelanggan kami.



### PRESTASI KESELURUHAN



## PERNIAGAAN ANTARABANGSA

Perniagaan Antarabangsa RHB terdiri daripada portfolio perbankan komersial kami di luar negara, tidak termasuk Singapura. Kami memiliki rangkaian cawangan di Kemboja, Thailand, Lao PDR dan Brunei yang menawarkan pelbagai perkhidmatan merangkumi pinjaman, deposit, kewangan perdagangan dan kiriman wang bagi memenuhi keperluan pelanggan daripada semua segmen. Kami juga mengekalkan pejabat perwakilan di Vietnam dan Myanmar yang menawarkan perkhidmatan nasihat bagi syarikat-syarikat Malaysia yang berhasrat untuk menjalankan perniagaan di negara-negara tersebut.




### ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

Thailand - ISO/IEC 27001 Pengawasan Sistem Pembayaran Bank of Thailand (2019)

Lao PDR - Sijil Pengiktirafan bagi Sumbangan Terbaik dalam Sektor Perbankan - 50<sup>th</sup> Anniversary of Bank of The Lao PDR ("BOL") pada 28 Mac 2019

### BAGAIMANA KAMI MENCIPTA NILAI



# Perniagaan Antarabangsa

INISIATIF UTAMA PERNIAGAAN	HASIL
<b>PERTUMBUHAN STRATEGIK DI SEGMENT BERFOKUS</b>	<p><b>KEMBOJA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kerjasama digital bersama platform tanpa tunai Kemboja Pi Pay untuk menawarkan perkhidmatan pembayaran tanpa tunai secara percuma di Kemboja. Kerjasama ini membolehkan para pemegang akaun RHB Kemboja untuk memindahkan wang secara percuma ke dalam e-wallet Pi Pay melalui aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB untuk membuat pembayaran perkhidmatan dan barangan. Perbankan Internet dan Mudah Alih mencapai pertumbuhan ketara melebihi 63% bagi pendaftaran, 306% bagi jumlah transaksi, 262% bagi amaun dan 136% bagi pendapatan yuran.</li> </ul> <p><b>THAILAND</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Fokus strategik kepada segmen pinjaman untuk margin dan memacu pertumbuhan pendapatan yuran. Pendapatan bukan berasaskan dana mencatat pertumbuhan sebanyak 60% tahun ke tahun.</li> <li>Peningkatan sumbangan perbendaharaan melalui kenaikan pertukaran mata wang asing dan hasil pendapatan tetap dengan pertumbuhan prestasi keseluruhan sebanyak 129% tahun ke tahun.</li> <li>Rujukan silang sempadan dan silang entiti secara aktif bagi menggalakkan kolaborasi kukuh antara Kumpulan Perbankan RHB untuk meningkatkan pendapatan yuran.</li> </ul> <p><b>BRUNEI</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Perubahan dalam strategi untuk memberikan tumpuan kepada 30 pelanggan teratas menyebabkan perluasan bahagian pasaran dengan prestasi kualiti aset yang bertambah baik dalam industri tempatan.</li> <li>Inisiatif penambahbaikan berdasarkan yuran menghasilkan kenaikan pendapatan berasaskan yuran 42.7% sepanjang tiga tahun yang lepas, didorong oleh urus niaga kami dengan syarikat-syarikat kiriman wang.</li> </ul> <p><b>LAO PDR</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menjalin kolaborasi dengan agen hartanah untuk menjana prospek bagi pelanggan yang ingin mendapatkan pinjaman perumahan.</li> </ul>
<b>MENINGKATKAN KUALITI ASET</b>	<p><b>THAILAND</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Peningkatan pengkreditan risiko kredit dengan 72.2% daripada portfolio pinjaman mengatasi purata (daripada 68.2% sebelumnya) melalui pengenalan peminjam bercagar berkualiti tinggi.</li> <li>Kejayaan usaha pemulihan peminjam tertunggak. Kadar pinjaman terjejas kasar, mencatat pertumbuhan positif kepada 1.51% daripada 1.72% pada tahun sebelumnya.</li> </ul> <p><b>BRUNEI</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pemantauan secara rapat dan usaha pemulihan secara aktif membawa perubahan positif kepada nisbah pinjaman terjejas daripada 9.76% pada Disember 2018 kepada 3.84% pada Disember 2019.</li> </ul> <p><b>LAO PDR</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pencapaian positif nisbah pinjaman tidak berbayar kepada 8.60% pada 2019 daripada 10.58% pada 2018.</li> </ul>
<b>MENINGKATKAN KECEKAPAN OPERASI</b>	<p><b>KEMBOJA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Fokus kepada kepuasan pelanggan yang tinggi dengan pencapaian sifar aduan pelanggan secara formal sepanjang 2019.</li> <li>85% daripada pelanggan di kaunter menerima layanan dalam masa lima minit pada 2019 ekoran inisiatif bank dalam menambahbaik masa kitaran perkhidmatan.</li> </ul> <p><b>THAILAND</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kejayaan pelaksanaan Sistem Perbendaharaan Murex dan automasi bagi pelaporan pengawalseliaan bagi meningkatkan kecekapan.</li> <li>Menambahbaik sistem AMK bagi penapisan dan penyaringan pada waktu sebenar untuk pelanggan sedia ada dan memantau transaksi serta menghasilkan peringatan kepada semua pelanggan baru dan sedia ada.</li> <li>Mencapai pensijilan semula ISO/IEC 27001 berkaitan proses keselamatan IT yang menyokong Bank Pusat, Bank Thailand, Bahtnet dan sistem pembayaran dan penjelasan ICAS.</li> </ul> <p><b>BRUNEI</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Antara kitaran masa perkhidmatan terbaik bagi pembiayaan gadai janji di pasaran tempatan, iaitu dalam masa 5 hari bekerja.</li> <li>Penekanan kepada pengurusan perhubungan pelanggan menghasilkan tiada aduan pelanggan secara formal sejak 2017.</li> </ul> <p><b>LAO PDR</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Masa kitaran perkhidmatan kelulusan kredit dikurangkan sebanyak 4 hari.</li> <li>Nisbah kos kepada pendapatan mencatat pencapaian positif sebanyak 48.2% berbanding 57.8% pada 2018.</li> </ul>

## CABARAN DIHADAPI DAN BAGAIMANA KAMI MENANGANINYA

Perniagaan Antarabangsa beriltizam untuk berusaha dengan tekun bagi mengatasi cabaran yang wujud agar dapat mengembangkan perniagaan di kawasan-kawasan terpilih dan membina keupayaan dalam segmen khusus di negara-negara di mana kami beroperasi.

Di Kemboja, kami berdepan dengan cabaran mengekalkan kestabilan komponen CASA dalam komposisi dana oleh sebab sifatnya yang boleh berubah. Bagi menanganinya, kami akan menganjurkan kempen khas untuk mempromosikan penawaran menarik CASA kepada pasaran.

Sementara di Thailand pula kami menghadapi kekangan dari segi pengetahuan dan sumber dari perspektif kredit, undang-undang dan pengawalseliaan apabila mengendalikan urus niaga silang sempadan. Bagi menanganinya, kami memanfaatkan rakan niaga kami, dan berkongsi pengalaman di dalam keseluruhan organisasi.

Di Brunei, berdasarkan rekod sejarah, kami telah terjejas oleh kualiti aset yang rendah, sebagaimana terbukti oleh nisbah pinjaman terjejas yang tinggi. Bagaimanapun, kini kami lebih memahami proses dan keadaan pasaran, dan telah mengadakan mesyuarat bulanan Pasukan Pemantauan Aset untuk memantau prestasi portfolio serta melaksanakan usaha-usaha pemulihan bagi memperbaiki keadaan. Ia telah membuahkan hasil sepertimana ditunjukkan dalam prestasi kewangan kami. Kami akan teruskan usaha-usaha ini dan menyertai secara aktif inisiatif industri dalam menyelesaikan masalah tahap pinjaman terjejas yang tinggi dalam industri tempatan.

## TINJAUAN DAN PROSPEK

Memasuki 2020, operasi di setiap negara akan mengambil langkah untuk memaksimumkan pertumbuhan perniagaan selain memastikan pendekatan berhemah kepada pengurusan risiko dan kualiti aset.

Operasi kami di Kemboja akan terus menjana pertumbuhan mampan dengan memperkenalkan penyelesaian digital seperti RHB Reflex yang merupakan gabungan pengurusan tunai dan penyelesaian pembayaran dan perdagangan yang bersama-sama membentuk penyelesaian atas talian berintegrasi. Dari segi segmen, fokus kami adalah untuk meningkatkan jualan kepada segmen PKS dan Korporat sementara menyasarkan nilai kasar tinggi pangkalan pelanggan individu.

Thailand dijangka menyaksikan sedikit pemulihan dalam pertumbuhan ekonomi dengan dipacu oleh sektor domestik pada 2020. Kami akan memberikan tumpuan kepada pertumbuhan pinjaman dalam segmen komersial dan pertengahan di samping meneruskan usaha meningkatkan kualiti aset melalui nisbah pinjaman bercagar yang lebih tinggi.

Di Brunei pula pertumbuhan pinjaman dijangka disumbang oleh margin tinggi segmen runcit dan PKS. Sehubungan dengan itu, kami akan berusaha ke arah pelaksanaan perbankan digital bersama dengan pemain-pemain industri dan pengawalseliaan tempatan.


Secara keseluruhannya, bank-bank di keempat-empat buah negara ini akan terus memaksimumkan kekuatan masing-masing, memanfaatkan peluang-peluang pertumbuhan baru dan memberi perhatian kepada peningkatan kualiti aset.

# Pendekatan Kami Terhadap Kemampanan

FC IC SRC HC MC NC

RHB sedang melalui perjalanan yang progresif dipandu oleh prinsip kemampanan dalam meneruskan usaha mencipta nilai yang lebih tinggi bagi pemegang berkepentingan. Melalui Rangka kerja Kemampanan Kumpulan Perbankan RHB, kami menggariskan tonggak tematik yang memanfaatkan perkara-perkara penting untuk membawa perubahan positif kepada perniagaan dan pemegang berkepentingan. Rangka kerja ini mengukuhkan komitmen kami dalam mengambil kira konteks yang lebih meluas berhubung dengan keadaan pasaran dalam menjalankan aktiviti perniagaan kami dan memberi respons kepada kebimbangan yang dibangkitkan oleh pemegang berkepentingan dari semasa ke semasa.

Bagi setiap tonggak yang ditetapkan dalam rangka kerja ini - Perbankan Bertanggungjawab dan Mampan, Menyemai Amalan Baik dan Memperkaya dan Memperkasakan Komuniti - kami telah mengenalpasti bahagian tumpuan untuk mencapai kemajuan, memacu inovasi, menggalakkan kolaborasi bersilang fungsi dan berusaha gigih bagi meningkatkan prestasi yang mampan.



Nota: Berpandukan Prinsip Kemampanan kami, Kumpulan Perbankan RHB akan menjajarkan dan menggabungkan komponen VBI merentasi Rangka kerja Kemampanan Kumpulan.

Sila rujuk muka surat 115 laporan ini dan Laporan Kemampanan 2019 untuk butiran lebih lanjut mengenai Tadbir urus Kemampanan.

Sila rujuk muka surat 38 hingga 41 laporan ini dan Laporan Kemampanan 2019 untuk butiran lanjut tentang kebimbangan yang dibangkitkan oleh pemegang berkepentingan dan respons kami.

Sila rujuk muka surat 42 hingga 45 laporan ini dan Laporan Kemampanan 2019 untuk maklumat lanjut mengenai Perkara-Perkara Material kami.



Imbas kod QR untuk butiran lebih lanjut mengenai inisiatif dan kemajuan kemampanan kami

## Sorotan Penting 2019

**Pengurusan Risiko ESG:** Senarai aktiviti berkaitan risiko ESG yang Kumpulan Perbankan RHB tidak akan sokong dan senarai sektor ditakrif sebagai Sektor Sensitif ESG dijalankan

**Akses kewangan kepada PKS:** Jumlah pinjaman sebanyak **RM5 bilion** telah diberikan kepada PKS

Diiktiraf sebagai **Penyumbang Tertinggi** Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan ("SJPP") dengan **RM1.1 bilion** diagihkan kepada PKS pada 2019

**Pembiayaan Mampan:**

- Meluluskan sejumlah **RM246.21 juta** pinjaman bagi projek tenaga boleh diperbaharui
- Program Sukuk Hijau Sri ASEAN Pasukhas Green Assets - Penasihat Utama Tunggal, Pengatur Utama Tunggal dan Pengurus Utama Tunggal bagi pembangunan program bernilai **RM200 juta** dalam nilai nominal

**Penggunaan Digital:** **46.9%** or **1.86 juta** pelanggan menggunakan Perbankan Internet

**Rumah mampu milik:** Membiayai **840** pembeli rumah pertama daripada golongan berpendapatan rendah melalui Dana Perumahan Mampu Milik BNM

**Cawangan yang inklusif dan mudah diakses:**

- **210** cawangan dengan akses yang lebih baik kepada kemudahan termasuk **67** tanjakan laluan pejalan kaki dan **16** lot meletak kenderaan khusus bagi pelanggan dengan keperluan khusus
- **4,425** kakitangan cawangan menerima **latihan kemahiran khas insaniah untuk berkomunikasi dengan golongan** dengan kelainan upaya atau keperluan khusus

\* Untuk dilaksanakan buat julung kalinya bagi operasi Kumpulan Perbankan RHB di pasaran dominan kami, Malaysia.

**Memperoleh pengiktirafan pelabur:**

- **FTSE4Good** Konstituen **Bursa Malaysia**
- **Penarafan MSCI ESG** Dipertingkatkan kepada AA

**Siapsiagakan tenaga kerja untuk masa depan:** **RM43.0 juta** dilaburkan dalam pembangunan pekerja

**Menghasilkan keterlibatan tenaga kerja yang tinggi:** **Skor Keterlibatan Pekerja sebanyak 90%**, mengatasi purata industri sebanyak 89%

**Dibina berlandaskan kepelbagaian dan keterangkuman:**

- Jumlah tenaga kerja: **59.2%** perempuan; **40.8%** lelaki
- Pengurusan Kanan: **27.6%** perempuan
- Pengurusan: **50.2%** perempuan

**Jejak alam sekitar kami:**

- Mengurangkan penggunaan tenaga dengan menyempurnakan pemasangan pencahayaan LED bagi semua cawangan RHB Bank dan RHB Islamic Bank di seluruh Malaysia
- Mengurangkan penggunaan air bagi setiap penghuni (m<sup>3</sup>) sebanyak 11.6% daripada tahun sebelumnya di Pusat RHB dan Kompleks RHB di Lembah Klang
- Jumlah pembebasan GHG adalah 13,688 tCO<sub>2</sub>e bagi Pusat RHB dan Kompleks RHB di Lembah Klang
- Keamatan pelepasan GHG bagi setiap kakitangan di Pusat RHB dan Kompleks RHB di Lembah Klang telah dikurangkan sebanyak 43% daripada 2016 kepada 2019

Nota:

\* Pelepasan GHG adalah bagi Pusat RHB dan Kompleks RHB di Lembah Klang, Malaysia. Skop dan batasan bagi pelepasan GHG pada 2019 mengandungi Skop 1: Peralatan pembakaran mudah alih (kenderaan milik syarikat) dan alat pembakar tetap (set generator); Skop 2: Bekalan Elektrik Berbayar; dan Skop 3: Perjalanan perniagaan melalui darat. Kaedah menggunakan Protokol Gas Rumah Hijau ("GHG Protocol"): Piawaian Pelaporan dan Perakaunan Korporat.

**Memupuk generasi masa depan:**

- Lebih daripada **1,200 pelajar** kurang berkemampuan memperoleh manfaat daripada RHB X-Cel sejak 2018
- **10 pelajar** menerima Biasiswa RHB X-Cel Star pada 2019, dengan perancangan menambah bilangan kepada 15 setahun mulai 2020

**Pameran Art with Heart ("AWH"):** AWH menyediakan platform bagi artis muda dan baru muncul untuk memaparkan kreativiti dan hasil kerja mereka. **66 artis tempatan** telah mendapat manfaat setakat ini dengan **129 karya seni** dijual dalam tempoh 4 tahun

**RHB Touch Hearts:**

- Program komuniti merentasi Kumpulan Perbankan RHB sejak 2016 yang melibatkan **14,500 kakitangan** menjalankan **158** inisiatif sejak 2016 merangkumi 4 bidang fokus - Alam sekitar, Pendidikan, Kesihatan dan Kesejahteraan Komuniti
- Memanfaatkan lebih daripada **100,000** anggota komuniti kurang berkemampuan dan kurang mendapat liputan di kawasan di mana wujudnya kehadiran RHB

**Nilai pelaburan komuniti:** **RM9.5 juta** (2017 - 2019)

**Celik kewangan:** Sejak 2018, Program RHB Money Ma\$ter menarik **penglibatan lebih daripada 22,000 pelajar daripada 120 sekolah**






# Lembaga Pengarah Kami, Sekilas Pandang



Berdiri dari kiri ke kanan: TAN SRI SAW CHOO BOON | DATUK SERI DR GOVINDAN A/L KUNCHAMBOO | ABDUL AZIZ PERU MOHAMED  
Duduk dari kiri ke kanan: SHARIFATU LAILA SYED ALI | TAN SRI DR REBECCA FATIMA STA MARIA



Berdiri dari kiri ke kanan: TAN SRI AZLAN ZAINOL | DATO' KHAIRUSSALEH RAMLI | TAN SRI ONG LEONG HUAT @ WONG JOO HWA | LIM CHENG TECK  
Duduk: ONG AI LIN



# Profil Lembaga Pengarah

## TAN SRI AZLAN ZAINOL

Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Tarikh Pelantikan:  
27 Julai 2005

### Kelayakan

- Felo Institut Akauntan Berkanun, England dan Wales
- Felo Institut Jurubank Berkanun Asia
- Ahli Institut Akauntan Malaysia
- Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia

### Jawatan Pengarah yang Lain

Entiti Tersenarai:

- Malaysian Resources Corporation Berhad (Pengerusi)
- Eco World International Berhad (Pengerusi)
- Kuala Lumpur Kepong Berhad

Syarikat Awam:

- RHB Investment Bank Berhad (Pengerusi)
- Yayasan Astro Kasih (Pengerusi/Pemegang Amanah)
- Yayasan OSK (Pemegang Amanah)
- Financial Reporting Foundation (Pengerusi)
- RHB Capital Berhad (Dalam Pembubaran Sukarela Ahli)
- Rashid Hussain Berhad (Dalam Pembubaran Sukarela Ahli)


### Kemahiran dan Pengalaman

Tan Sri Azlan Zainol merupakan Ketua Pegawai Eksekutif bagi Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sehingga persaraannya pada April 2013. Beliau mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam sektor kewangan, setelah berkhidmat sebagai Pengarah Urusan AmBank Berhad dan sebelum itu sebagai Pengarah Urusan AmFinance Berhad.



## DATO' KHAIRUSSALEH RAMLI

Pengarah Urusan Kumpulan/  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan



Tarikh Pelantikan:  
13 Disember 2013\*

### Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Pentadbiran Perniagaan, Washington University, St. Louis
- Program Pengurusan Lanjutan, Harvard Business School
- Felo Jurubank Berkanun, Institut Jurubank Berkanun Asia

### Jawatan Pengarah yang Lain

Entiti Tersenarai:

- Tiada

Syarikat Awam:

- RHB Capital Berhad (Dalam Pembubaran Sukarela Ahli)
- Yayasan RHB (Pengerusi/Pemegang Amanah)

### Kemahiran dan Pengalaman

Dato' Khairussaleh Ramli mempunyai lebih dari 25 tahun pengalaman dalam industri perkhidmatan kewangan dan pasaran modal, di mana beliau telah memegang pelbagai jawatan kanan dalam institusi kewangan serantau yang terunggul. Beliau juga seorang ahli Majlis di Persatuan Bank-bank di Malaysia dan Institut Bank-Bank Bertauliah Asia.

Pengetahuan dan pengalamannya telah melayakkan beliau dinobatkan sebagai penerima "Anugerah CFO Terbaik di Malaysia" pada 2010 dan 2011 oleh Finance Asia serta "Anugerah CFO Terbaik di Malaysia" pada tahun 2012 oleh Alpha Southeast Asia.

\* Kemudian dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Kumpulan Perbankan RHB pada 5 Mei 2015




## Jawatankuasa Lembaga Pengarah:

Pengerusi
Ahli

## TAN SRI ONG LEONG HUAT @ WONG JOO HWA

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Tarikh Pelantikan:  
20 November 2012

BCC

### Kelayakan

- Senior Cambridge Federation of Malaysia Certificate dianugerahkan oleh Methodist English School
- Lesen Perwakil Perkhidmatan Pasaran Modal diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 untuk berurusan dalam sekuriti

### Jawatan Pengarah yang Lain

Entiti Tersenarai:

- OSK Holdings Berhad (Pengerusi Eksekutif)

Syarikat Awam:

- RHB Investment Bank Berhad
- PJ Development Holdings Berhad (Pengerusi)
- OSK Property Holdings Berhad
- KE-ZAN Holdings Berhad
- Yayasan OSK (Pemegang Amanah)

### Kemahiran dan Pengalaman

Selama dari 17 tahun sejak 1969, Tan Sri Ong Leong Huat telah berkhidmat di sebuah institusi kewangan terkemuka di mana beliau memegang jawatan terakhir sebagai Pengurus Besar Kanan. Beliau telah menyandang jawatan sebagai Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") di OSK Investment Bank Berhad (kini dikenali sebagai OSKIB Sdn Bhd) dari Julai 1985 hingga Januari 2007 dan seterusnya dilantik menjadi Pengarah Urusan Kumpulan/CEO.

Beliau kemudiannya dilantik semula sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif dan akhirnya meletak jawatan pada 30 April 2013. Tan Sri Ong Leong Huat juga merupakan Pengarah MESDAQ dari Julai 1999 hingga Mac 2002 dan ahli Majlis Penasihat Pasaran Modal yang dilantik oleh Suruhanjaya Sekuriti pada 2004 untuk memberi nasihat mengenai isu berkaitan pelaksanaan Rancangan Induk Pasaran Modal. Beliau juga menggalas jawatan Pengarah di Lembaga Bursa Malaysia Berhad dari tahun 2008 hingga 2015 dan sebelum ini merupakan ahli Panel Perundingan Pasaran Sekuriti oleh Bursa Malaysia.



**BNRC** Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan Lembaga Pengarah


**BAC** Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

**BCC** Jawatankuasa Kredit Lembaga Pengarah

**BRC** Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah

## TAN SRI DR REBECCA FATIMA STA MARIA

Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif



Tarikh Pelantikan:  
1 Ogos 2016

BNRC

### Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Kesusasteraan Inggeris, Universiti Malaya
- Diploma dalam Pentadbiran Awam, Institut Pentadbiran Awam Negara ("INTAN")
- Sarjana Sains dalam Kaunseling, Universiti Pertanian Malaysia (kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia)
- Doktor Falsafah, University of Georgia di Athens, Amerika Syarikat

### Jawatan Pengarah yang Lain

Entiti Tersenarai:

- Sunway Berhad
- Hartalega Holdings Berhad
- Eco World International Berhad

Syarikat Awam:

- Yayasan MyKasih (Pemegang Amanah)

### Kemahiran dan Pengalaman

Tan Sri Dr Rebecca Fatima Sta Maria sebelum ini merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian ("MITI"). Beliau memulakan kerjayanya di dalam Servis Pentadbiran dan Diplomati pada tahun 1981 dan berkhidmat dalam pelbagai bidang dalam Kementerian yang dahulunya dikenali sebagai Kementerian Perdagangan dan Industri.

Beliau terlibat dalam menangani isu berkaitan perdagangan Kementerian, termasuklah mentadbir kepentingan Malaysia di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas ("FTAs") dua hala dan serantau, selain memastikan penglibatan Malaysia dalam pelbagai organisasi antarabangsa seperti ASEAN, APEC dan WTO. Setelah 35 tahun terlibat dalam perkhidmatan awam, berkhidmat dengan enam Kementerian perdagangan dan menyelia 12 pakatan perdagangan, beliau bersara sebagai Ketua Setiausaha MITI pada Julai 2016. Kini, beliau merupakan Pengarah Eksekutif Sekretariat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik ("APEC") beribu pejabat di Singapura.



# Profil Lembaga Pengarah

## TAN SRI SAW CHOO BOON

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

73 Umur  
Lelaki Jantina  
12/13 Kehadiran  
Kewarganegaraan

Tarikh Pelantikan:  
15 Jun 2016\*

BNRC BRC BAC

### Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia), Universiti Malaya

### Jawatan Pengarah yang Lain

Entiti Tersenarai:

- Digi.Com Berhad
- Wah Seong Corporation Berhad

Syarikat Awam:

- RHB Capital Berhad (Dalam Pembubaran Sukarela Ahli)
- RHB Insurance Berhad (Pengerusi)

Persatuan:

- Ahli Majlis Persekutuan Pengilang- Pengilang Malaysia ("FMM")
- Pusat Penyelidikan Sosioekonomi ("SERC") Lembaga Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia

### Kemahiran dan Pengalaman

Tan Sri Saw Choo Boon (Tan Sri Saw) menyertai Shell pada tahun 1970 sebagai Juruteknologi Penapisan di Shell Refining Company (Federation of Malaya) Berhad.

Beliau kemudiannya memegang pelbagai jawatan dalam sektor perkilangan, pembekalan, perdagangan dan perancangan di Malaysia, Singapura dan Netherlands. Pada tahun 1996, Tan Sri Saw telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Shell MDS (Malaysia) Sdn Bhd. Sepanjang 1998-1999, beliau menyandang jawatan Pengarah Urusan untuk Produk Minyak (Hilirin) Shell Malaysia dan Pengarah Urusan Shell Refining Company (Federation of Malaya) Berhad. Pada tahun 1999, berlatarkan globalisasi perniagaan Shell Oil Products, beliau telah dilantik sebagai Naib Presiden perniagaan komersial di rantau Asia Pasifik dan pada tahun 2004 beliau menjadi Presiden Shell Oil Product East.

Pada tahun 2005, beliau menyandang jawatan Naib Presiden Global Marine Products. Tan Sri Saw dilantik sebagai Pengerusi Shell Malaysia pada 1 Mac 2006. Beliau juga menggalas jawatan Naib Presiden Pembangunan Perniagaan Asia Pasifik yang bertanggungjawab untuk membangunkan perniagaan komersial dalam pasaran baharu di Asia - China, India, Indonesia dan Vietnam. Pada 1 Januari 2010, Tan Sri Saw dilantik menjadi Penasihat Kanan Shell Malaysia sehingga persaraannya pada 30 Jun 2010.

\* Berkhidmat di Lembaga Pengarah RHB Capital Berhad (bekas syarikat induk) selama lebih dari 6 tahun



## ABDUL AZIZ PERU MOHAMED

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

71 Umur  
Lelaki Jantina  
13/13 Kehadiran  
Kewarganegaraan

Tarikh Pelantikan:  
7 Februari 2011

### Kelayakan

- Harvard Business School
- Program Pacific Bankers Rim di Amerika Syarikat

### Jawatan Pengarah yang Lain

Entiti Tersenarai:

- Tiada

Syarikat Awam:

- RHB Islamic Bank Berhad (Pengerusi)
- As-Salihin Trustee Berhad
- RHB Bank (Cambodia) Plc (dahulu dikenali sebagai RHB Indochina Bank Limited)
- RHB Bank Lao Limited

### Kemahiran dan Pengalaman

Abdul Aziz Peru Mohamed kini bertugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah As-Salihin Trustee Berhad, sebuah syarikat amanah dengan penumpuan dalam bidang pengkhususan perancangan estet Islam. Beliau pernah menyandang pelbagai jawatan kanan dalam industri perbankan dengan pencapaian kerjaya hampir 30 tahun merangkumi pengurusan rangkaian cawangan dan perbankan runcit.

Beliau telah mendedikasikan hampir seluruh kerjayanya di Malayan Banking Berhad, di mana jawatan terakhir beliau merupakan Pengurus Besar, Bahagian Perbankan Pengguna. Beliau turut menggalas jawatan sebagai Pengurus Besar Kanan AmBank dari tahun 2002 hingga 2005. Sepanjang perkhidmatannya dalam industri perbankan, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Peraturan bagi Persatuan Bank-Bank Malaysia dan telah menjawat pelbagai jawatan penting yang lain termasuk Ahli Lembaga Mayban Property Trust dan Mayban Trustees Bhd.



## ONG AI LIN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

64 Umur  
Perempuan Jantina  
13/13 Kehadiran  
Kewarganegaraan

Tarikh Pelantikan:  
1 Julai 2017

BNRC BAC BRC

### Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Ekonomi, University of Leeds, United Kingdom
- Ahli Bersekutu Institut Akauntan Berkanun di England dan Wales
- Ahli Institut Akauntan Malaysia
- Juruaudit Sistem Maklumat Berkanun
- Ahli Profesional Kesenambungan Perniagaan Berkanun

### Jawatan Pengarah yang Lain

Entiti Tersenarai:

- Tenaga Nasional Berhad

Syarikat Awam:

- RHB Islamic Bank Berhad
- FIDE Forum (Pemegang Amanah)

### Kemahiran dan Pengalaman

Ong Ai Lin memulakan kerjayanya dengan Deloitte Haskins & Sells ("DH&S") di London pada tahun 1978 sebelum menyertai PricewaterhouseCoopers ("PwC") pada tahun 1991 sebagai Pengurus Kanan. Di PwC, beliau membangunkan amalan audit IT, yang merupakan sebahagian penting daripada perkhidmatan audit kewangan syarikat. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Rakan Kongsi/Pengarah Eksekutif Kanan PwC pada tahun 1993 dan merupakan Ketua Pengurusan Kesenambungan Perniagaan dan Keselamatan Maklumat untuk PwC Malaysia. Beliau juga pernah memikul tugas Presiden Persatuan Audit dan Kawalan Sistem Maklumat ("ISACA") - Bahagian Malaysia.

Ong Ai Lin mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam menyediakan Pengurusan Kesenambungan Perniagaan, Risiko dan Pematuhan Urus Tadbir, Keselamatan Maklumat, Keselamatan Siber, Risiko dan Tadbir Urus Teknologi dan perkhidmatan Kerahsiaan Data di United Kingdom, Singapura, Indonesia, Thailand, Vietnam, Filipina, Sri Lanka, Kemboja, dan Malaysia.

Pengalaman luasnya termasuk kerjasama dengan pihak pengawalselia, Kementerian dan agensi kerajaan, organisasi dalam pelbagai sektor yang merangkumi perkhidmatan kewangan, telekomunikasi dan multimedia, tenaga, pasaran modal, pengangkutan, penerbangan, pekilangan & perdagangan, keselamatan siber, kumpulan wang simpanan dan dana berdaulat serta pertubuhan bukan kerajaan.

Pengetahuan dan pengalaman beliau telah membawa pengiktirafan Ahli Profesional Kesenambungan Perniagaan Berkanun Terbaik di Malaysia oleh anugerah sulung Institut Pemulihan Bencana Antarabangsa. Beliau juga dianugerahkan Anugerah Cybersecurity Lifetime Achievement pada tahun 2018 oleh CyberSecurity Malaysia.



## LIM CHENG TECK

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

59 Umur  
Lelaki Jantina  
12/13 Kehadiran  
Kewarganegaraan

Tarikh Pelantikan:  
28 November 2018

BCC

### Qualifications

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Brunel University, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Sastera, Universiti Nasional Singapura

### Jawatan Pengarah yang Lain

Entiti Tersenarai:

- Tiada

Syarikat Awam:

- Tiada

### Kemahiran dan Pengalaman

Lim Cheng Teck merupakan mantan Ketua Pegawai Eksekutif Serantau di Standard Chartered Bank bagi ASEAN. Beliau menyertai Standard Chartered Bank pada tahun 1988 dan telah menyandang pelbagai jawatan dalam Bahagian Perbankan Korporat dan Institusi Bank sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi Standard Chartered Bank (China) Ltd pada tahun 2005. Pada tahun 2006, beliau telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Bank (Singapura) Ltd. Beliau kembali ke China pada tahun 2009 untuk menyandang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif dan Naib Pengerusi Eksekutif Standard Chartered Bank (China) Ltd.

Beliau telah berkhidmat di beberapa lembaga pengarah syarikat-syarikat subsidiari Standard Chartered Bank terutamanya sebagai Pengerusi Standard Chartered Bank (Mauritius) Ltd, Standard Chartered Bank (Thailand) Ltd, Standard Chartered Bank (Singapura) Ltd, dan sebagai Timbalan Pengerusi Standard Chartered Bank (Malaysia) Ltd dan Presiden Pesuruhjaya PT Bank Permata, Indonesia. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Standard Chartered Bank (Taiwan) Ltd. Beliau pernah berkhidmat sebagai Lembaga Pengarah Clifford Capital Pte Ltd dan Singapore International Chamber of Commerce, Gabenor bagi Yayasan Antarabangsa Singapura dan Ahli Majlis Institut Perbankan dan Kewangan Singapura dan Persekutuan Majikan Kebangsaan Singapura.

Di samping itu, beliau adalah Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Kewangan Luar Negara, China Chamber of Commerce, Naib Pengerusi Persatuan Bank-bank Singapura dan Ahli Jawatankuasa Lembaga Kewangan Pusat Pembangunan Kewangan Singapura. Setelah berkhidmat di arena perbankan selama lebih dari 28 tahun, Lim Cheng Teck bersama dari Standard Chartered Bank pada bulan April 2016 dan selanjutnya menyandang jawatan penasihat kanan bukan eksekutif sehingga April 2017.

Beliau juga telah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Pontiac Land Group dari Mac 2017 hingga Mei 2018. Kini, beliau berkhidmat di Lembaga Penasihat Institut Ekonomi Kewangan Sim Kee Boon, Singapore Management University serta Lembaga Minerest Holdings Pte Ltd, Syarikat Amanah Keperluan Khas dan Bright Vision Community Hospital di Singapura.



## Profil Lembaga Pengarah

### SHARIFATU LAILA SYED ALI

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Tarikh Pelantikan: 15 Mac 2019 **BNRC** **BAC**

**Kelayakan**

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Malaya, Malaysia
- Sarjana Sains (Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
- Program Pengurusan Lanjutan, Harvard Business School, United States

#### Jawatan Pengarah yang Lain

Entiti Tersenarai:

- Tiada

Syarikat Awam:

- RHB Investment Bank Berhad
- RHB Islamic International Asset Management Berhad

#### Kemahiran dan Pengalaman

Sharifatu Laila Syed Ali (Sharifa) mempunyai pengalaman meluas di dalam bidang pengurusan pelaburan dan pelaburan portfolio setelah berkhidmat dengan pelbagai institusi utama dan dana pelaburan berkaitan kerajaan selama lebih daripada 30 tahun. Beliau telah memainkan peranan utama dalam inisiatif Kerajaan untuk menubuhkan Valuecap Sdn Bhd ("Valuecap") di mana memegang saham dasarnya adalah Khazanah Nasional Berhad, Kumpulan Wang Amanah Pencen dan Permodalan Nasional Berhad ("PNB").

Sharifa memulakan kerjayanya di PNB dan seterusnya memegang pelbagai jawatan kepimpinan kanan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja termasuk sebagai Ketua Perbendaharaan dan Pasaran Ekuiti, di mana beliau telah memperoleh pendedahan yang luas di dalam persekitaran pasaran modal domestik dan serantau sepanjang tempoh 15 tahun. Berikutan tempoh singkat sebagai Ketua Pelaburan di Pilgrims Fund, di mana beliau kemudiannya telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Valuecap pada Oktober 2002. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Valuecap pada tahun 2015.


Di bawah kepimpinannya, Kumpulan Valuecap telah menerajui penjangkauan negara ke dalam pasaran domestik, termasuk melancarkan Dana Dagangan Bursa (Ringgit & USD) dan pelbagai jenis Dana Jenis Alam Sekitar, Sosial & Tadbir Urus ("ESG").

Sepemergiannya dari Valuecap, beliau telah berkhidmat sebagai Penasihat kepada Lembaga Pengarah Valuecap untuk tempoh yang singkat. Sharifa juga merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad.



### DATUK SERI DR GOVINDAN A/L KUNCHAMBOO

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Tarikh Pelantikan: 1 Januari 2020 **BAC**

**Kelayakan**

- Sijil Pengurusan Lanjutan, INSEAD, Fontainebleau
- Doktor Falsafah dalam Ekonomi, University of Lancaster, United Kingdom
- Sijil Amalan Guaman (Kepujian), Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian), University of London
- Sarjana Sastera (Sains Polisi), University of Saitama
- Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi (Kepujian), University of Malaya

#### Jawatan Pengarah yang Lain

Entiti Tersenarai:

- Tiada

Syarikat Awam:

- Tiada

#### Kemahiran dan Pengalaman


Datuk Seri Dr Govindan a/l Kunchambo (Datuk Seri Govindan) telah berkhidmat sepenuhnya sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik dengan Unit Perancangan Ekonomi ("EPU"), Jabatan Perdana Menteri dari awal kerjaya sehingga persaraan beliau daripada sektor awam pada 2011. Jawatan terakhir beliau di EPU adalah sebagai Timbalan Ketua Pengarah dan Ketua Sekretariat Majlis Tindakan Ekonomi Nasional ("NEAC") yang melaksanakan usaha-usaha menangani krisis kewangan Asian pada 1997.

Selepas persaraan beliau dari perkhidmatan awam pada 2011, Datuk Seri Govindan berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RAM Holdings Berhad. Beliau juga merupakan Pengerusi Lembaga Agensi Harga Bon ("BPA") dan Lembaga Perkhidmatan Penarafan RAM.



### DATO' MOHAMAD NASIR AB LATIF

Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Tarikh Pelantikan: 16 Mac 2020

**Kelayakan**

- Sarjana Sains dalam Analisis Pelaburan dari University of Stirling, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) daripada Universiti Sains Malaysia
- Diploma Perakaunan dan Kewangan dari Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun ("ACCA")

#### Jawatan Pengarah yang Lain

Entiti Tersenarai:

- Malaysian Resources Corporation Berhad
- Yinson Holdings Berhad
- United Plantations Berhad

Syarikat Awam:

- PLUS Malaysia Berhad

#### Kemahiran dan Pengalaman

Dato' Mohamad Nasir Ab Latif menyertai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") pada 1982. Sepanjang tempoh kerjaya beliau selama 37 tahun di KWSP beliau telah memegang pelbagai jawatan penting di dalam membuat keputusan. Beliau memulakan perkhidmatan di KWSP sebagai Pegawai Penguatkuasa Negeri (1990 hingga 1995), Pegawai Penyelidik Kanan dan Pengurus Kanan dalam Jabatan Penyelidikan Pelaburan dan Ekonomi (1995 hingga 2003). Kemudiannya beliau memegang jawatan sebagai Pengurus Besar Jabatan Pelaburan Ekuiti Antarabangsa (Julai 2009 hingga 2013). Kali terakhir beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan) pada 2013 dan mengekalkan jawatan tersebut sehingga persaraan beliau pada Disember 2019.



#### Deklarasi:

Selain daripada apa yang telah dinyatakan, para Pengarah mempunyai:

- Tiada percanggahan kepentingan dengan RHB Bank dan/atau hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama kecuali bagi:
  - Tan Sri Ong Leong Huat dan pasangannya Puan Sri Khor Chai Moi, yang dianggap pemegang saham utama RHB Bank menurut Seksyen 8(4) Akta Syarikat 2016, berdasarkan saham yang dipegang melalui OSK Holdings Berhad.
  - Dato' Mohamad Nasir Ab Latif adalah penama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang merupakan pemegang saham utama RHB Bank.
- Tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 5 tahun yang lalu atau telah dikenakan sebarang sekatan atau penalti awam oleh badan pengawalseliaan yang berkaitan pada tahun kewangan yang ditinjau.

## Profil Pengerusi Syarikat Operasi Utama

### PENGERUSI RHB INVESTMENT BANK BERHAD

#### TAN SRI AZLAN ZAINOL

Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Untuk butiran lanjut, sila rujuk muka surat 96.

### PENGERUSI RHB INSURANCE BERHAD

#### TAN SRI SAW CHOO BOON

Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Untuk butiran lanjut, sila rujuk muka surat 98.

### PENGERUSI RHB ISLAMIC BANK BERHAD

#### ABDUL AZIZ PERU MOHAMED

Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif



Untuk butiran lanjut, sila rujuk muka surat 98.

### PENGERUSI RHB ASSET MANAGEMENT SDN BHD

#### YAP CHEE MENG

Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif



Tarikh Pelantikan: 24 April 2018 (bagi RHB Asset Management Sdn Bhd)

#### Keahlian Jawatankuasa Lembaga

- Jawatankuasa Pelaburan RHB Asset Management Sdn Bhd (Pengerusi)
- Jawatankuasa Pelaburan RHB Islamic International Asset Management Berhad (Pengerusi)

#### Kelayakan

- Felo Institut Akauntan Bertauliah, England dan Wales
- Felo Institut Akauntan Bertauliah Singapura

#### Jawatan Pengarah yang Lain

Entiti Tersenarai:

- SATS Ltd (Singapore)
- ARA Trust Management (Suntec) Limited – Suntec REIT (Singapore)

#### Syarikat Awam:

- RHB Investment Bank Berhad (Malaysia)
- The Esplanade Co Ltd (Singapore)
- Keppel Land Limited (Singapore)
- Pavilion Energy Singapore Pte Ltd (Singapore)
- Pavilion Energy Trading & Supply Pte Ltd (Singapore)
- RHB Securities Singapore Pte Ltd (Singapore)
- AXA Insurance Pte Ltd (Singapore)
- Little Tunny Investment Limited (British Virgin Islands (UK))

#### Kumpulan Pengurusan Aset RHB:

- RHB Asset Management Sdn Bhd (Malaysia)
- RHB Islamic International Asset Management Berhad (Malaysia)
- RHB Asset Management Limited (Hong Kong)
- RHB Asset Management Pte Ltd (Singapore)
- RHB International Investments Pte Ltd (Singapore)
- PT RHB Asset Management Indonesia (Indonesia)

#### Kemahiran dan Pengalaman

Encik Yap Chee Meng (Encik Yap) adalah bekas Ketua Pegawai Operasi KPMG Antarabangsa bagi Rantau Asia Pasifik dan ahli Pasukan Eksekutif Globalnya dari 1 Oktober 2010 hingga 30 September 2013.

Sebelum 1 Oktober 2010, beliau adalah rakan kongsi kanan dalam KPMG Singapura dan sebahagian daripada pasukan kepimpinan syarikat. Jawatan-jawatan utama Encik Yap (di dalam KPMG tempatan, serantau dan seluruh dunia) termasuk Ketua Perkhidmatan Kewangan Asia Pasifik, Ketua Perkhidmatan Kewangan Singapura, Ketua Hartanah Singapura dan Kumpulan REIT Khusus, ahli Jawatankuasa Pemandu Insurans Indemniti KPMG Antarabangsa dan Ahli Jawatankuasa Kepimpinan Perkhidmatan Kewangan KPMG Antarabangsa.

Sepanjang lebih 38 tahun pengalaman kerjayanya di dalam bidang kewangan dan perakaunan, beliau juga telah berkhidmat dalam pelbagai jawatankuasa profesional/pengawalseliaan Pihak Berkuasa Perakaunan dan Korporat Singapura dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Singapura.



# Profil Jawatankuasa Syariah

■ Pengerusi  
■ Ahli


**DR. GHAZALI BIN JAAPAR**

**ASSOC. PROF. DR. AMIR BIN SHAHARUDDIN**

**DR. AHMAD BASRI BIN IBRAHIM**

**WAN ABDUL RAHIM KAMIL BIN WAN MOHAMED ALI**

**MOHD FADHLY BIN MD. YUSOFF**

**SHABNAM BINTI MOHAMAD MOKHTAR**

Kewarganegaraan Umur Jantina	Malaysian   49   Lelaki	Malaysian   42   Lelaki	Malaysian   45   Lelaki	Malaysian   71   Lelaki	Malaysian   49   Lelaki	Malaysian   42   Perempuan	Kewarganegaraan Umur Jantina
Tarikh Dilantik/ Tarikh Pelantikan Semula	1 April 2011/1 April 2017	1 April 2011/1 April 2017	2 Februari 2018/Tiada - pelantikan baharu	13 April 2013/1 April 2017	13 April 2013/1 April 2017	1 Mei 2015/1 April 2017	Tarikh Dilantik/ Tarikh Pelantikan Semula
Kehadiran Mesyuarat	12/12	10/12	12/12	9/12	11/12	12/12	Kehadiran Mesyuarat
Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>B.A. Syariah (Kepujian), Universiti Malaya, Kuala Lumpur</li> <li>Sarjana Undang-Undang Perbandingan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur</li> <li>Ph.D. Perundangan Islam, University Birmingham, United Kingdom</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>B.A. Syariah (Kepujian), Universiti Al-Azhar, Mesir</li> <li>Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Perbankan &amp; Kewangan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur</li> <li>Ph.D. dalam Pengajian Islam, University of Exeter, United Kingdom</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>B.A (Kepujian) dalam Jurisprudens dan Perundangan Islam, Universiti Jordan, Amman, Jordan</li> <li>Ijazah Sarjana dalam Pengetahuan dan Warisan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur</li> <li>Ph.D dalam Perundangan Islam, University of Birmingham</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ahli profesional, Institute of Statisticians, United Kingdom</li> <li>Ijazah Sizwazah dalam Perbankan &amp; Ekonomi Islam, Institut Perbankan &amp; Ekonomi Islam Antarabangsa, Turki Cyprus (bersama dengan Universiti Al Azhar, Kaheerah)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ijazah Sarjana Muda Syariah (Kepujian Kelas Pertama) daripada Universiti Malaya</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Putra Malaysia</li> <li>Sarjana Perakaunan, University of Illinois, Urbana-Champaign, Amerika Syarikat</li> <li>Penasihat dan Jurautid Syariah bertauliah oleh ("CSAA"), Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions ("AAOIFI"), Bahrain</li> </ul>	Kelayakan
Bidang Kepakaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sistem Perundangan Islam</li> <li>Prinsip-prinsip Perundangan Islam (Usul al-Fiqh)</li> <li>Undang-undang Transaksi Islam (Fiqh al-Mu'amalat)</li> <li>Maksim Hukum Islam (Qawaid Fiqhiyyah)</li> <li>Dasar berorientasikan-Syariah (Siyasah Shar'iyah)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perbankan &amp; Kewangan Islam</li> <li>Prinsip Perundangan Islam (Usul al-Fiqh)</li> <li>Maksim Perundangan Islam (Fiqh al-Mu'amalat)</li> <li>Siyasah Shar'iyah (dasar Syariah)</li> <li>Zakat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Undang-undang Transaksi Islam</li> <li>Prinsip Perundangan Islam (Usul al-Fiqh)</li> <li>Maksim Perundangan Islam</li> <li>Undang-undang Jenayah Islam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perbankan &amp; Kewangan Islam</li> <li>Pasaran Modal Islam</li> <li>Pasaran Modal Hutang</li> <li>Penasihat Korporat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perbankan &amp; Kewangan Islam</li> <li>Pasaran Modal &amp; Derivatif Islam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kewangan &amp; Kewangan Islam</li> <li>Perakaunan &amp; Perakaunan Islam</li> <li>Pasaran Modal &amp; Derivatif Islam</li> </ul>	Bidang Kepakaran
Keahlian Jawatankuasa Syariah di Institusi Lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>FWD Takaful Berhad (dahulu dikenali sebagai HSBC Amanah Takaful Berhad)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Malaysian Airports Consultancy Services Sdn Bhd</li> <li>Yayasan Waqf Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bank Pembangunan Malaysia Berhad ("BPMB")</li> </ul>	Tiada	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sun Life Malaysia Takaful Berhad</li> <li>Opus Asset Management Sdn Bhd</li> <li>Apex Investment Services Berhad</li> <li>Universiti Tenaga Nasional</li> <li>National Farmers Organisation ("NAFAS")</li> <li>Bank Pembangunan Malaysia Berhad ("BPMB")</li> </ul>	Tiada	Keahlian Jawatankuasa Syariah di Institusi Lain
Pengalaman & Pencapaian	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kini berkhidmat sebagai Penolong Profesor Ahmad Ibrahim Kulliyah Undang-Undang ("AIKOL"), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ("UIAM"). Sebelum itu, beliau memegang jawatan sebagai Pengarah Pusat Undang-Undang Harun M. Hashim UIAM.</li> <li>Ahli Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam ("ASAS").</li> <li>Memulakan kerjayanya sebagai pensyarah di AIKOL UIAM pada tahun 2007 dan masih berkhidmat di universiti tersebut, mengajar beberapa subjek termasuk Sistem Perundangan Islam dan Usul al-Fiqh untuk kursus LLB (Ijazah Sarjana Muda), Siyasah Syar'iyah untuk pelajar LLM (Pentadbiran Undang-undang Islam) dan Maksim Undang-Undang Islam untuk Sijil Undang-undang Islam (Bank Negara Malaysia dan Standard &amp; Chartered).</li> <li>Beliau telah menulis pelbagai jurnal dan artikel serta menyertai pelbagai bengkel, seminar dan persidangan mengenai kewangan Islam di dalam dan di luar negara.</li> <li>Terlibat secara aktif dalam mempromosikan latihan dan pengaturcaraan akademik untuk para eksekutif dan pelajar dewasa merangkumi Sijil Perbankan Islam, Diploma Eksekutif dan Ijazah Sarjana dalam pelbagai bidang undang-undang termasuk Pembetulan dan Kriminologi, Perbankan Islam dan Undang-undang Antarabangsa.</li> <li>Diundang oleh Akademi Keadilan Turki untuk membentangkan kertas kerja mengenai Impak Majallah al-Ahkam al-Adliyyah (Kod Komersial Uthmaniyyah) mengenai Hukum Islam di Malaysia di Bursa Turki.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kini merupakan Dekan Pusat Pendidikan Graduan, Universiti Sains Islam Malaysia ("USIM").</li> <li>Sebelum itu, memegang jawatan sebagai Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM dari Disember 2013 hingga Disember 2018.</li> <li>Penerima pertama "Anugerah Program Sarjana Tamu Kewangan Islam", yang dimulakan bersama oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Pusat Pengajian Islam Oxford ("OCIS").</li> <li>Ahli Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam ("ASAS").</li> <li>Menerbitkan pelbagai artikel dalam jurnal termasuk Journal of Muamalat and Islamic Finance Research, Arab Law Quarterly dan ISRA International Journal of Islamic Finance.</li> <li>Menulis artikel dalam bidang Perbankan &amp; Kewangan Islam, Zakat, Prinsip Perundangan Islam (Usul al-Fiqh), Maksim Perundangan Islam dan Siyasah Shar'iyah (dasar Syariah) untuk forum dan seminar.</li> <li>Membentangkan kertas akademik di pelbagai seminar antarabangsa di Indonesia, Bahrain, United Kingdom dan Itali.</li> <li>Dilantik sebagai Profesor Pelawat di Fakulti Ekonomi dan Pelancongan, Urogench State University, Uzbekistan, dalam bidang perbankan Islam dan industri halal.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kini, Naib Presiden dan Ketua Jabatan Pengurusan Syariah, Permodalan Nasional Berhad ("PNB").</li> <li>Beliau adalah bekas Timbalan Dekan (Hal Ehwal Akademik) di Kulliyah Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, IIUM dan Ahli Lembaga Pengarah Institut Perbankan dan Kewangan Islam IIUM ("IIBF").</li> <li>Terdahulu, beliau telah berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Syariah di OSK Investment Bank Berhad dan Great Eastern Takaful Sdn. Bhd, serta ahli Jawatankuasa Syariah Hong Leong Islamic Bank Berhad dan SME Bank.</li> <li>Memiliki pengalaman luas sebagai tenaga pengajar dan telah menerbitkan pelbagai penerbitan dalam bidang pengkhususan beliau.</li> <li>Membentangkan kuliah Usul al-Fiqh dan Transaksi Undang-undang Islam kepada pelbagai agensi seperti Bank Negara Malaysia ("BNM"), PNB, SIRIM, Great Eastern Takaful Berhad, CIMB dan OCBC Al-Amin.</li> <li>Telah menerima beberapa geran dan anugerah untuk kerja-kerja penyelidikannya.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perintis pembangunan Pasaran Modal Islam di Malaysia dan membangunkan beberapa penanda aras sekuriti pasaran modal dengan pensekuritan kontrak Islam.</li> <li>Penasihat, jurulatih tetap dan penceramah Pasaran Modal Islam untuk pelbagai seminar dan bengkel latihan dalaman yang dianjurkan oleh Bank Dunia, Bank Negara Malaysia ("BNM"), Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti ("SIDC"), Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia ("IBFIM") dan penganjur lain termasuklah tempatan dan antarabangsa.</li> <li>Penasihat Syariah Berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan ahli Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam ("ASAS").</li> <li>Ahli Pasukan Pelbagai Perbankan Islam dan Takaful bagi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara ("LPPKN"), Malaysia.</li> <li>Ahli Jawatankuasa Pelaburan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.</li> <li>Dianugerahkan "Sumbangan Individu yang Paling Cemerlang kepada Kewangan Islam" di Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur 2017.</li> <li>Dianugerahkan "Kepimpinan Cemerlang dalam Kewangan" oleh London Sukuk 2011 yang dianjurkan oleh ICG Events dan Kementerian Perdagangan dan Industri UK, United Kingdom.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merupakan jurulatih untuk Kelayakan Kewangan Islam oleh Institut Berkanun untuk Sekuriti dan Pelaburan ("CISI").</li> <li>Penasihat Syariah Berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan Ahli Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam ("ASAS").</li> <li>Pengurus di Jabatan Pasaran Modal Islam Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di mana beliau terlibat dalam penyeliaan pematuhan Syariah berkaitan dengan penyerahan untuk terbitan Sukuk, produk berstruktur, skim pelaburan kolektif dan Pelaburan Amanah Hartanah Islam ("REITs").</li> <li>Mengambil bahagian dalam penyelidikan mendalam untuk pembangunan instrumen Pasaran Modal Islam baru dan menyediakan input teknikal untuk pembentukan pelbagai garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.</li> <li>Mengambil bahagian secara aktif dalam pelbagai inisiatif pembangunan industri iaitu Pasukan Petugas Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti ("IOSCO") mengenai Pasaran Modal Islam, Tadbir Urus Kumpulan Kerja Dana Pelaburan Islam Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam ("IFSB") sebagai ahli teknikal untuk penerbitan Resolusi Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti dan program pendidikan dan promosi Pasaran Modal Islam.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kini merupakan Naib Presiden Perkhidmatan Pengetahuan SHAPE@; sebuah firma perundingan kewangan Islam yang berpusat di Kuwait.</li> <li>Menerajui aktiviti penyelidikan dan pembangunan termasuk analisis kewangan, pembentukan perancangan strategik dan perniagaan, reka bentuk dan pelaksanaan kajian selidik, penyelidikan dan latihan khusus untuk pelbagai pelanggan yang berlainan di SHAPE@.</li> <li>Ahli Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam ("ASAS").</li> <li>Sebelum ini mengetahui penyelidikan pasaran modal untuk Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa ("ISRA"), sebuah institusi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia.</li> <li>Menjalankan pelbagai program latihan mengenai perbankan Islam, sukuk &amp; produk pasaran modal Islam, pengurusan risiko dan pelaporan kewangan untuk pelanggan di rantau ASEAN, Majlis Kerjasama Teluk ("GCC") dan pasaran Eropah.</li> <li>Menulis beberapa bab dalam Housing the Nation (Cagamas 2013), Managing Fund Flows, Risks and Derivatives: Application in Islamic Institutions (Sweet &amp; Maxwell 2012), Islamic Financial System: Principles &amp; Operations Market (ISRA, 2011), Sukuk (Sweet &amp; Maxwell 2009), dan Partnership Accounting, Principles and Practice (McGraw Hill).</li> <li>2010 - 2014: Ahli Panel Penasihat Syariah Malaysian Ratings Corporation ("MARC").</li> <li>Jawatan-jawatan yang pernah disandang terdahulu termasuk Profesor Adjung Kewangan di kedua-dua Depaul University (Chicago) dan IE Business School (Madrid) serta pensyarah perakaunan, kewangan dan pengurusan bank di Universiti Putra Malaysia.</li> </ul>	Pengalaman & Pencapaian




# Pengurusan Kanan Kumpulan Perbankan RHB



Berdiri dari kiri ke kanan: Danny Quah Boon Leng | Rohan Krishnalingam | Jeffrey Ng Eow Oo | Robert Huray | Rakesh Kaul | Patrick Ho Kwong Hoong | Dato' Adissadikin Ali  
Duduk dari kiri ke kanan: Syed Ahmad Taufik Albar | Dato' Khairussaleh Ramli

Berdiri dari kiri ke kanan: Jamaluddin Bakri | Kong Shu Yin | David Chong Ming Liang | Abdul Sani Abdul Murad | Mohd Rashid Mohamad  
Duduk dari kiri ke kanan: Dr Siew Chan Cheong | Wendy Ting Wei Ling | Norazzah Sulaiman


## UMUR




## ETNIK



## JANTINA



## TEMPOH MASA JAWATAN PENGURUSAN KANAN






# Tadbir Urus bagi Kemampuan Perniagaan

## Pemegang Berkepentingan yang dihormati,

Sebagai Pengerusi Kumpulan Perbankan RHB, saya berbesar hati untuk membentangkan Penyata Gambaran Keseluruhan Tadbir Urus Korporat kami yang memperincikan komitmen berterusan kami untuk memimpin Kumpulan Perbankan RHB dengan mengekalkan piawaian tadbir urus yang tinggi dalam menguruskan tatalaku dan urus niaga.

## AMALAN TADBIR URUS KORPORAT KAMI


Lembaga Pengarah RHB Bank Berhad telah menerima pakai dan menggunakan kesemua cadangan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("MCCG") kecuali Amalan-amalan dan Peningkatan berikut:



Pendedahan ganjaran mengikut nama bagi 5 Pengurusan Kanan paling atas



Pendedahan ganjaran mengikut nama bagi setiap Pengurusan Kanan



Memanfaatkan teknologi bagi memudahkan pengundian ketika pengundi tidak hadir



Jawatankuasa Audit terdiri daripada hanya para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif ("INEDs")



Lembaga Pengarah terus bekerja sebagai satu unit yang padu dalam menentukan pengawasan ke atas pengurusan operasi perniagaan RHB. Pada 2019, komposisi Lembaga Pengarah telah berubah sedikit apabila Encik Mohamed Ali Ismaeil Ali AlFahim bersara daripada Lembaga Pengarah pada 8 Mei 2019. Pemergian Encik Mohamed Ali daripada Lembaga Pengarah adalah sejajar dengan proses pelantikan jangka panjang Lembaga Pengarah untuk memastikan penambahan bilangan Pengarah Bebas dalam Lembaga Pengarah.


Selaras dengan ini, pada 1 Januari 2020, Datuk Seri Dr Govindan A/L Kunchamboo dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Selain daripada Datuk Seri Dr Govindan, satu lagi penambahan baru kepada Lembaga Pengarah adalah Dato' Mohamad Nasir bin Ab Latif yang dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 16 Mac 2020. Dato' Mohamad Nasir dilantik sebagai pengarah penama yang mewakili kepentingan pemegang saham terbesar kami, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP").

Tahun lepas menyaksikan Lembaga Pengarah meneruskan pengawasan melibatkan beberapa bidang fokus utama. Kami terus memantau dan memberi panduan kepada pihak Pengurusan tatkala kami memasuki Tahun ke-2 pelaksanaan strategi FIT22 di mana Kumpulan Perbankan RHB membuat pelaburan secara berhemat dalam sumber-sumber seperti tenaga kerja dan teknologi bagi mengekalkan pertumbuhan organik dalam persekitaran perniagaan yang tidak menentu. Perkara utama dalam keberkesanan Lembaga Pengarah adalah dengan memupuk prinsip tadbir urus yang teguh dikalangan Lembaga Pengarah. Sebagai pelindung bagi institusi kewangan, kami terus berpegang kepada piawaian tinggi yang ditetapkan oleh pengawal selia dan badan kolektif kami.

**AZLAN ZAINOL**  
Pengerusi Bukan Bebas  
Bukan Eksekutif  
16 Mac 2020

## Pengiktirafan luar di atas Ekosistem Tadbir Urus Korporat Kumpulan Perbankan RHB

### ANUGERAH TADBIR URUS KORPORAT ("CG") ASEAN



### ANUGERAH TADBIR URUS KORPORAT GLOBAL THE PINNACLE GROUP INTERNATIONAL

2017 ANUGERAH EMAS

2018 ANUGERAH PLATINUM

2019 ANUGERAH PLATINUM

bagi Tadbir Urus & Ketelusan Syarikat Terbaik

### Konstituen Berterusan bagi



### Penarafan MSCI ESG

dipertingkatkan kepada

**'AA'** PADA 2019

daripada 'A' pada tahun sebelumnya (2018)



Penyata Gambaran Keseluruhan Tadbir Urus Korporat RHB seharusnya dibaca bersama dengan Laporan Tadbir Urus Korporat yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang korporat Kumpulan di [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com) atau halaman pengumuman di laman sesawang Bursa Malaysia.

Bagaimana Kami Memperkukuhkan

## Amalan Tadbir Urus Kami Sepanjang Tahun

### BIDANG FOKUS LEMBAGA PENGARAH BAGI 2019

#### Kekal "FIT" – Pengawasan ke atas Strategi & Prestasi Kewangan

Lembaga Pengarah mengekalkan pengawasan ke atas Pengurusan dikala Pengurusan meneruskan usaha mengemudi Kumpulan Perbankan RHB di dalam persekitaran perniagaan yang mencabar dengan menggunakan pelan strategik Kumpulan Perbankan RHB, FIT22, sebagai rangka kerja kami. Pelan strategik 5-tahun ini dibangunkan dengan teliti oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan untuk memastikan kemampuan perniagaan RHB dalam jangka panjang. Lembaga Pengarah akan memantau rapat prestasi unit-unit perniagaan serta kepimpinannya kerana Lembaga Pengarah menasihatkan untuk memiliki pemimpin inovatif yang mampu menyampaikan pertumbuhan kukuh dan mampan kepada Kumpulan Perbankan RHB.

Kegiatan berikut diusahakan oleh Lembaga Pengarah sepanjang 2019:


Strategi dan Prestasi	Tadbir Urus Risiko dan Pematuhan
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengkaji dan meluluskan pelan perniagaan strategik Kumpulan bagi tahun kewangan</li> <li>Menerima pengemaskinian mengenai kemajuan FIT22</li> <li>Menerima pengemaskinian daripada pelbagai unit perniagaan termasuk cawangan serantau, mengenai keadaan pasaran dan prestasi perniagaan</li> <li>Sesi luaran Lembaga Pengarah dianjurkan untuk membincangkan peluang-peluang dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Kumpulan Perbankan RHB. Pengurusan Kanan membentangkan pengemaskinian dan pembentangan mengenai industri perbankan kepada Lembaga Pengarah</li> <li>GMD mengendalikan sesi lawatan ke cawangan serantau</li> <li>Menerima pengemaskinian mengenai kemajuan Agile@Scale</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meluluskan Piagam Lembaga Pengarah yang telah dikemas kini</li> <li>Mengkaji laporan risiko, pematuhan dan audit</li> <li>Meluluskan Rangka kerja Kemampanan Kumpulan Perbankan RHB</li> <li>Menerima taklimat/latihan mengenai anti-rasuah, keselamatan siber dan mata wang kripto</li> <li>Mengkaji pendedahan tadbir urus korporat Kumpulan Perbankan RHB sebelum penerbitan bagi 2018</li> <li>Membincangkan penemuan dan pertimbangan penambahbaikan dihasilkan daripada BEE</li> <li>Menerima pengemaskinian kerap daripada Jawatankuasa-jawatankuasa sokongan</li> <li>Menerima pengemaskinian mengenai perkara-perkara pemberian maklumat</li> </ul>
Kewangan	Budaya & Golongan
<ul style="list-style-type: none"> <li>Meluluskan bajet operasi bagi 2019</li> <li>Meluluskan kandungan Laporan Tahunan bagi 2018</li> <li>Meluluskan bayaran dividen bagi 2018/2019</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membincang pengurusan bakat dan pelan penggantian</li> <li>Meluluskan pelantikan kakitangan Pengurusan Kanan</li> <li>Menerima pengemaskinian mengenai kepuasan pekerja</li> </ul>

#### Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah ("BEE")

Pada 2019, Lembaga Pengarah terus menjalankan BEE dalaman tahunan. Prestasi Lembaga Pengarah, para Pengarah dan Pengarah Urusan bagi tahun 2018 dinilai dengan sokongan Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran. Penilaian BEE dilaksanakan menggunakan parameter berikut:

Penilaian **Bahagian A** menaksir keseluruhan tingkah laku dan budaya Lembaga Pengarah berdasarkan enam (6) dimensi, iaitu **membuat keputusan, komunikasi, dinamik Lembaga Pengarah, pemikiran, kepimpinan dan tatalaku & budaya**. Nilai-nilai ini telah dikenal pasti sebagai kunci untuk mengenal kefungsi tatalaku dan prestasi Lembaga Pengarah, para Pengarah secara individu dan Jawatankuasa-jawatankuasa sebagai satu unit yang kolektif dan bersatu padu.

**Bahagian B** menilai sumbangan anggota Lembaga Pengarah secara individu kepada Lembaga Pengarah dan aspek-aspek mengenai kualiti dan sifat peribadi. Pengarah dinilai mengikut ciri-ciri khusus seperti **ketangkasan, tenaga, kepimpinan sosial, sumbangan & interaksi, kualiti input, pemahaman berkaitan peranan dan kebebasan**. Kriteria ini digunakan untuk memastikan Pengarah dan Lembaga Pengarah memiliki ciri-ciri yang sesuai untuk mengawasi dan menyokong pelan strategik FIT22 Kumpulan Perbankan RHB.



#### Anti-Sogokan & Rasuah ("ABC")

Pada 2018, satu Polisi Anti-Sogokan dan Rasuah baharu diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Meneruskan pengawasan secara aktif untuk membendung tindakan sogokan & rasuah, Lembaga Pengarah meluaskan fokus terhadap meningkatkan mekanisme kawalan dalaman sedia ada dan kesedaran anti-rasuah di seluruh Kumpulan Perbankan RHB untuk memastikan Kumpulan Perbankan RHB kekal bebas daripada penularan rasuah. Sepanjang 2019, Lembaga Pengarah mengambil bahagian dalam satu ceramah Suruhanjaya Anti-Rasuah Malaysia ("MACC") yang menyediakan gambaran keseluruhan Pelan Anti-Rasuah Nasional 2019-2023, landskap korporat dan prosedur mencukupi untuk ditetapkan bagi melindungi Kumpulan Perbankan RHB daripada tindakan yang tidak bersusila.

#### Bahagian Tadbir Urus & Integriti ("IGD")

Pada 29 Januari 2020, Lembaga Pengarah meluluskan penubuhan Tadbir Urus & Integriti yang diberikan kuasa untuk mengukuhkan kawalan dalaman bagi pencegahan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Peranan IGD adalah untuk memupuk prinsip membenci rasuah menerusi 4 fungsi teras iaitu:

- Pengurusan Aduan
- Pengesanan dan Pengesahan
- Pengukuhan Integriti
- Tadbir Urus

#### Pembangunan Profesional Berterusan

Lembaga Pengarah telah menganjurkan program latihan diperlukan untuk memastikan ahlinya dilengkapi dengan perkembangan kawal selia dan industri sewajarnya. Maklumat terperinci mengenai program latihan yang dihadiri oleh para Pengarah secara individual dinyatakan di dalam Seksyen B, Laporan Tadbir Urus Korporat kami.

Bagaimana Kami Memperkukuhkan

# Amalan Tadbir Urus Kami Sepanjang Tahun

## Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah ("JAL")

JAL bertanggungjawab menjalankan pengawasan bebas terhadap pengurusan laporan kewangan dan sistem kawalan dalaman. Jawatankuasa memastikan sekatan dan imbalan bagi entiti dalam Kumpulan Perbankan RHB dan mengkaji semula kedudukan kewangan dan prestasi Kumpulan Perbankan RHB.

## Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah ("JRL")

JRL menjalankan pengawasan dan tadbir urus risiko bagi Kumpulan Perbankan RHB. Ia menyelia kegiatan Pengurusan Kanan dalam menguruskan risiko dan memastikan proses pengurusan risiko setiap entiti dalam Kumpulan Perbankan RHB dilaksanakan dan berfungsi. JRL juga memastikan pengurusan risiko Kumpulan Perbankan RHB adalah selaras dengan rangka kerja pengurusan prestasi pulangan risiko.

## Jawatankuasa Pencalonan & Imbuan Lembaga Pengarah ("JPGL")

JPGL menyokong Lembaga Pengarah dalam mengkaji dan menilai semula pelantikan, prestasi dan imbuan para Pengarah, ahli Jawatan Lembaga Pengarah dan pegawai Pengurusan Kanan utama termasuk Pengarah Urusan Kumpulan ("PUK"), Ketua Pegawai Eksekutif ("KPE")/Pengarah Urusan ("PU") yang melaporkan terus kepada PUK dan mana-mana individu yang diputuskan oleh Jawatankuasa sebelum mengesyorkannya kepada Lembaga Pengarah.

## Jawatankuasa Kredit Lembaga Pengarah ("JKL")

JKL bertanggungjawab untuk mengesahkan, menolak atau memasukkan syarat-syarat tambahan ke atas semua jenis permohonan kredit (termasuk niaga hadapan) dan semua jenis permohonan pengunderaan bagi jumlah melebihi nilai ambang yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kredit Kumpulan ("JKK") dan Jawatankuasa Pelaburan & Pengunderaan Kumpulan ("JPPK") yang berada di bawah peringkat Pengurusan.

### KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH DAN JAWATANKUASA 2019

	LEMBAGA PENGARAH	JAWATANKUASA AUDIT	JAWATANKUASA RISIKO	JAWATANKUASA KREDIT	JAWATANKUASA PENCALONAN & IMBUHAN
<b>Tan Sri Azlan Zainol</b> <i>Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif/Pengerusi</i>	13/13				2/2
<b>Dato' Khairussaleh Ramli</b> <i>Pengarah Urusan Kumpulan</i>	13/13				
<b>Tan Sri Ong Leong Huat @ Wong Joo Hwa</b> <i>Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif</i>	13/13			31/31	2/2
<b>Tan Sri Dr Rebecca Fatima Sta Maria</b> <i>Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif</i>	13/13	3/3			11/11
<b>Tan Sri Saw Choo Boon</b> <i>Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif</i>	12/13	13/13	12/12		10/11
<b>Abdul Aziz Peru Mohamed</b> <i>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif</i>	13/13				
<b>Ong Ai Lin</b> <i>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif</i>	13/13	13/13	12/12		11/11
<b>Lim Cheng Teck</b> <i>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif</i>	12/13			31/31	
<b>Sharifatu Laila Syed Ali</b> <i>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif</i>	10/10	10/10			9/9
<b>Mohamed Ali Ismaeil Ali AlFahim*</b> <i>Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif</i>	5/5				

\* Bersara daripada Lembaga Pengarah pada 8 Mei 2019.

## PERANAN DAN TANGGUJAWAB LEMBAGA PENGARAH

### Pengerusi

Pengerusi mempengerusikan Mesyuarat Agung dan Lembaga Pengarah bagi Kumpulan Perbankan RHB. Beliau dikehendaki untuk memastikan Lembaga Pengarah adalah bermaklumat dan berkesan serta anggota Lembaga Pengarah secara individu dan kumpulan mempunyai peluang untuk mengutarakan perbezaan pendapat, mengolah cadangan dan menghasilkan pandangan kolektif dan kebijaksanaan yang diperlukan bagi operasi yang sewajarnya bagi Lembaga Pengarah dan Kumpulan Perbankan RHB.

### Pengarah Urusan Kumpulan ("PUK")/ Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ("KPE")

PUK/KPE menggalas tanggungjawab menyeluruh bagi pelaksanaan strategi Kumpulan Perbankan RHB selaras dengan hala tuju Lembaga Pengarah. Beliau mengawasi operasi entiti tersenarai dan memacu perniagaan dan prestasi Kumpulan Perbankan RHB ke arah mencapai visi dan matlamat Kumpulan Perbankan RHB.

### Pengarah Bebas Kanan

Pengarah Bebas Kanan adalah penghubung antara Pengarah Bebas dan Pengerusi Lembaga Pengarah. Beliau memimpin Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dalam mengendalikan sesi eksekutif dengan Pengurusan Kanan tanpa kehadiran Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Beliau juga menjadi penghubung utama antara pemegang saham dan pihak dalaman mengenai isu-isu yang tidak dapat diselesaikan melalui saluran lazim atau yang berkaitan dengan pemberian maklumat.

### Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif mengamalkan pertimbangan bebas apabila membuat keputusan dan bertindak semata-mata demi kepentingan terbaik Kumpulan Perbankan RHB dan pemegang saham dan bukannya untuk kepentingan mana-mana pemegang saham atau kumpulan pemegang saham. Para pengarah digalakkan untuk berterus terang dalam mesyuarat Lembaga Pengarah, untuk mempersoal, meminta maklumat atau membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Lembaga Pengarah dan Pengurusan untuk mengikuti perkembangan tentang keperluan kawal selia dan tadbir urus dan pengetahuan berkaitan dengan industri.

### Setiausaha Syarikat

Encik Azman Shah Md Yaman, memimpin fungsi Perundangan dan Kesetiausahaan Kumpulan. Beliau memberi sokongan kepada Lembaga Pengarah dan mengawasi keseluruhan operasi Perundangan, Kesetiausahaan dan Tadbir Urus. Beliau turut bertanggungjawab secara langsung kepada Lembaga Pengarah melalui Pengerusi mengenai semua perkara berkaitan dengan fungsi Lembaga Pengarah. Beliau mengetuai dan mengekalkan polisi dan prinsip tadbir urus yang baik. Encik Azman merupakan seorang peguam bertauliah di Mahkamah Tinggi Malaya dan memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) ("LLB") dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau juga seorang ahli bersekutu Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia.

Encik Azman turut memikul tanggungjawab sebagai Pegawai Tadbir Urus dan Integriti Kumpulan ("CIGO") bagi Kumpulan Perbankan RHB. Beliau mengetuai Tadbir Urus dan Integriti Kumpulan yang ditubuhkan selaras dengan Arahan Perdana Menteri Siri No.1 1 2018-Penubuhan Unit Integriti dan Tadbir Urus ("IGU") bagi Syarikat Berkaitan Kerajaan ("GLC"), untuk memastikan amalan budaya kerja cemerlang dalam kalangan kakitangan dengan moral dan etika yang tinggi untuk membendung gejala rasuah, salah guna kuasa dan salah laku dalam Kumpulan Perbankan RHB.



Tadbir Urus bagi Perniagaan Mampan

# Kemajuan dan Pencapaian Penting Tadbir Urus

## MANUAL TADBIR URUS LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah mewujudkan Manual Tadbir Urus Lembaga Pengarah yang memberi panduan mengenai perkara-perkara berikut:

- ✓ Kelulusan Rangka kerja mengenai Perbelanjaan Pengarah
- ✓ Polisi Kepelbagaian Lembaga Pengarah
- ✓ Rangka kerja Pencalonan
- ✓ Dasar *Fit & Proper* (Padan dan Wajar)
- ✓ Garis panduan mengenai Tempoh Pelantikan/ Pelantikan Semula Pengarah Bukan Eksekutif
- ✓ Prosedur bagi Nasihat Profesional Bebas
- ✓ Prosedur mengenai Program Pendidikan Berterusan dan Orientasi Dalaman Pengarah

Semua rangka kerja, polisi, prosedur dan proses ditafsir sebagai panduan bagi ahli Lembaga Pengarah untuk menjalankan tugas secara berkesan, cekap dan bertanggungjawab. Lembaga Pengarah mengkaji semula dokumen ini secara berkala untuk memastikan setiap dokumen menggambarkan pengumuman undang-undang dan kawal selia terkini. Satu kajian komprehensif mengenai kesemua dokumen ini akan dimuktamadkan pada awal 2020.

## PIAGAM LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah mengadakan kajian semula Piagam Lembaga Pengarah dan meluluskan perubahan yang disyorkan selaras dengan pengemaskinian keperluan pengawal seliaan yang mentadbir operasi dan tanggungjawab Lembaga Pengarah.

## BEE (DIBANTU OLEH PIHAK LUAR PADA 2021)

Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah ("BEE") bagi 2020 (yang akan dilakukan pada 2021) akan dibantu oleh pihak luar yang bebas. Amalan penilaian secara luaran ini akan berperanan sebagai mekanisme bagi mengawasi dan mengimbangi kajian yang dijalankan secara dalaman bagi memastikan keberkesanan, ketelusan dan kesahihan proses tersebut.

## MEMUDAHKAN PENGUNDIAN TANPA HADIR DAN PENGLIBATAN DARI LOKASI TERPENCIL

Buat julung kalinya pada tahun lalu, Kumpulan Perbankan RHB telah menggunakan teknologi pengundian mudah alih ketika Mesyuarat Agung Tahunan ("MAT") Kumpulan Perbankan RHB. Dengan sokongan daripada pendaftar saham kami, e-pengundian mudah alih diperkenalkan dengan jayanya semasa MAT tersebut. Lembaga Pengarah akan meneruskan amalan ini di masa hadapan untuk memastikan pemegang saham diberikan peluang terbaik untuk menunaikan hak mereka sebagai pengundi. Lembaga Pengarah berpuas hati dengan amalan sedia ada dengan membolehkan penglibatan pemegang saham secara sendiri atau melalui proksi semasa MAT kerana ia memberi peluang kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan untuk berkomunikasi secara terus dengan pemegang saham. Pemegang saham juga diberikan peluang yang seadilnya oleh Pengerusi untuk mengutarakan pandangan dan persoalan yang relevan berkaitan prestasi Kumpulan Perbankan RHB. Lembaga Pengarah akan berusaha untuk mencari penyedia perkhidmatan yang sesuai untuk membolehkan penggunaan **Panduan 12.3** Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("MCCG").

### Penubuhan Unit Tadbir Urus dan Integriti

Lembaga Pengarah telah menjalankan satu kajian daya maju mengenai penubuhan Unit Integriti dan Tadbir Urus ("IGU") khusus seperti yang dinyatakan dalam pekeliling perkhimatan awam berhubung Arahan Perdana Menteri No.1 yang diedarkan pada 1 Oktober 2018. Arahan tersebut memaklumkan keputusan kerajaan mewajibkan semua syarikat penerima pelaburan kerajaan untuk menubuhkan IGU khusus untuk mengawasi perkara berkaitan dengan rasuah dan integriti. Dengan penubuhan IGU di dalam Kumpulan Perbankan RHB sepertimana diluluskan Lembaga Pengarah pada 29 Januari 2020, isu integriti dan anti rasuah akan menjadi agenda utama bagi 2020. Risiko rasuah telah dimasukkan sebagai sebahagian daripada penilaian risiko Kumpulan Perbankan RHB di masa hadapan. Unit ini melaporkan secara terus kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah mengenai fungsi terasnya serta perkara berkaitan pentadbiran kepada Pengarah Urusan Kumpulan.

### Kajian Berterusan bagi Polisi Anti-Rasuah dan Sogokan dan Polisi Pemberi Maklumat Kumpulan

Lembaga Pengarah akan mengendalikan satu kajian bagi polisi-polisi yang dinyatakan di atas selaras dengan pindaan kepada Keperluan Penyenaraian di Papan Utama Bursa Malaysia berhubung langkah-langkah mencegah rasuah. Pindaan tersebut diperkenalkan melalui **Perenggan 15.29**, khusus mengenai **anti-rasuah dan pemberi maklumat**. Kami akan memastikan polisi Kumpulan Perbankan RHB adalah sejajar dengan pindaan yang baru diperkenalkan berkuat kuasa 1 Jun 2020.

2019

JANGKA PENDEK-KE-SEDERHANA

2020

JANGKA PANJANG

2023

## PENGLIBATAN, PENAMBAHBAIKAN & PELAPORAN BERTERUSAN

### PELAPORAN BERSEPADU

Seperti yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan 2018, Kumpulan Perbankan RHB mengambil usaha prihatin untuk menerima pakai rangka kerja pelaporan bersepadu bagi pelaporan tahunan korporat di masa hadapan. Saranan rangka kerja oleh pengawal selia melalui Panduan 11.2 MCCG adalah untuk memastikan pelaporan yang tepat dan komunikasi yang jelas mengenai strategi, prestasi, tadbir urus dan prospek syarikat dalam mencipta nilai bagi para pemegang berkepentingan. Selaras dengan ini, Pengarah menghadiri program dalaman khusus mengenai Pelaporan Bersepadu dengan penekanan kepada "pemikiran bersepadu", "mencipta nilai bagi Pemegang Berkepentingan" dan "pemikiran jangka panjang". Program ini juga memberikan "analisis ruang" yang mendalam mengenai Laporan Tahunan RHB 2018 berbanding saranan bagi rangka kerja. Disokong oleh usaha pihak Pengurusan, kami berbesar hati untuk mengumumkan bahawa kami telah mencapai objektif kami dengan penerbitan Laporan Bersepadu pertama kami pada julung kalinya pada tahun 2019.

Tadbir Urus bagi Perniagaan Mampan

# Rangka kerja Tadbir Urus


Lembaga Pengarah menjadi titik tumpuan dan penyelia bagi sistem tadbir urus korporat Kumpulan Perbankan RHB. Lembaga Pengarah menjalankan perniagaan Kumpulan Perbankan RHB dengan integriti dan menerapkan amalan serta polisi tadbir urus korporat yang sewajarnya dalam Kumpulan Perbankan RHB.

Kumpulan Perbankan RHB beroperasi dalam lingkungan model tadbir urus yang jelas seperti yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Model ini memberi Kumpulan Perbankan RHB struktur tadbir urus yang jelas sebagai panduan amalan tadbir urus dan kuasa membuat keputusan merentasi Kumpulan Perbankan RHB. Perwakilan kuasa jelas digariskan dalam Terma Rujukan ("ToR") Jawatankuasa Lembaga Pengarah masing-masing. ToR dikaji semula secara berkala oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa berkaitan untuk memastikan mandat mereka dilaksanakan selaras dengan amalan terbaik dan keperluan pengawalseliaan. Komposisi Jawatankuasa Lembaga Pengarah juga turut dikaji semula secara berkala apabila perlu, dan ditambah baik ekoran sokongan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah mentadbir rangka kerja kemampanan melalui pertimbangan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") yang menjadi sebahagian strategi perniagaan Kumpulan Perbankan RHB. Lembaga Pengarah juga mentadbir kemajuan perjalanan kemampanan Kumpulan Perbankan RHB serta pelaksanaannya, memastikan akauntabiliti dan ketelusan jejak tanggungjawab sosial and etikanya. Lembaga Pengarah menerima pengemaskinian mengenai isu-isu material, perkembangan baharu dan laporan kemajuan serta membincangkan isu-isu kemampanan sekurang-kurangnya setiap enam bulan.

Lembaga Pengarah RHB Bank telah mengagihkan kuasa kepada Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan ("JPK") mengenai perkara-perkara berkaitan keputusan dan pelaksanaan kemampanan. Dipengerusikan oleh Pengarah Urusan ("PUK"), JPK terdiri daripada Pengurusan dan berperanan untuk menampung tanggungjawab Lembaga Pengarah. JPK bermesyuarat setiap suku tahun untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan kemampanan dan memastikan inisiatif-inisiatif tertentu dilaksanakan untuk mempromosikan kemampanan dan merangkumkan pertimbangan ESG di dalam perniagaan serta operasi RHB Bank selaras dengan strategi korporat bank dan Rangka kerja Kemampanan.

Unit Kemampanan Kumpulan ("KK") melapor kepada Ketua Pegawai Komunikasi Kumpulan ("KPKK") sebagai pengemudi Rangka kerja Kemampanan Kumpulan Perbankan RHB. Unit KK turut memberi sokongan strategik dan bekerjasama dengan Penaja Kemampanan, Juara Kemampanan serta pihak lain merentasi Kumpulan Perbankan RHB untuk melaksanakan pelbagai inisiatif kemampanan. Sebahagian daripada peranan dan tanggungjawab KK adalah untuk meningkatkan kesedaran di kalangan kakitangan mengenai inisiatif Kemampanan Kumpulan Perbankan RHB.



**Laporan bagi memastikan akauntabiliti dalam bidang tadbir urus:**

*Sila baca lebih lanjut berkaitan*

Model Perniagaan Penciptaan Nilai Kami

Prestasi berbanding strategi (kewangan dan bukan kewangan: enam modal) **muka surat 46-47**

Integriti Korporat & Tatalaku Perniagaan Beretika **muka surat 119**

Etika perniagaan

Pendekatan Kami ke arah Kemampanan **muka surat 92-93**

Kemampanan

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam **muka surat 132-140**

Tadbir urus risiko

Penglibatan dengan Pemegang Berkepentingan **muka surat 38-41**

Tadbir urus perhubungan pemegang berkepentingan

## KEPIMPINAN

### Peranan dan Operasi Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah berperanan untuk menggalakkan kejayaan kemampanan jangka panjang bagi Kumpulan Perbankan RHB, terutamanya dalam menjana nilai bagi kesemua pemegang berkepentingan termasuk pemegang saham, kakitangan, pelanggan, pembekal dan komuniti di mana Kumpulan Perbankan RHB beroperasi di samping mengamalkan pertimbangan perniagaan yang baik mengenai pembangunan strategi, memenuhi objektif dan menguruskan risiko yang dihadapi oleh organisasi. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab dalam memupuk budaya, nilai dan tingkah laku yang bersesuaian bagi keseluruhan organisasi. Lembaga Pengarah mempunyai jadual formal bagi perkara-perkara khusus yang diperuntukkan untuk diputuskan seperti berikut serta menyerahkan tanggungjawab operasi harian kepada pihak Pengurusan.

### Perkara-perkara yang diperuntukkan untuk Lembaga Pengarah

- i. Strategi operasi dan perniagaan
- ii. Perancangan perniagaan baharu atau perubahan kepada perancangan sedia ada
- iii. Pelaburan baharu/penjualan
- iv. Penggabungan dan pemerolehan
- v. Perluasan/penembusan ke dalam pasaran baharu mengikut rantau geografi
- vi. Penstrukturan/penyusunan semula korporat
- vii. Membangunkan syarikat-syarikat subsidiari baharu
- viii. Usaha sama
- ix. Kerjasama/sekutu strategik
- x. Pengambilalihan/pelupusan aset ketara
- xi. Kemajuan FIT2

### Komposisi dan Keahlian Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab bagi memastikan kejayaan jangka panjang kemampanan Kumpulan Perbankan RHB melalui kepimpinan yang berpengalaman dan dengan mewujudkan pengawasan dan kawalan yang berkesan ke atas aktiviti-aktiviti Kumpulan Perbankan RHB. Terdapat 11 orang ahli Lembaga Pengarah yang terdiri dari Pengerusi Bukan Eksekutif, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perbankan RHB dan sembilan Pengarah Bukan Eksekutif.

Para Pengarah berpandangan bahawa komposisi Lembaga Pengarah sedia ada memberikan gabungan pengalaman perniagaan relevan luas yang diperlukan untuk menyelia keberkesanan operasi berkaitan aktiviti Kumpulan Perbankan RHB. Setiap Pengarah mempunyai pelbagai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman (termasuk pengalaman kewangan, industri dan antarabangsa) yang penting bagi keberkesanan tadbir urus dan pengawasan Kumpulan Perbankan RHB.

### Imbuan Lembaga Pengarah & Pengurusan Kanan

Pakej imbuan yang menarik dan saksama adalah kritikal untuk menarik, mengekalkan dan memberi motivasi kepada Pengarah dan Pengurusan Kanan dengan pengalaman dan kepakaran yang relevan untuk memimpin RHB. Lembaga Pengarah memastikan pakej imbuan yang ditawarkan menggalakkan pencapaian objektif strategik dalam lingkungan selera risiko RHB. Jawatankuasa Pencalonan & Imbuan Lembaga Pengarah ("JPI") telah diamanahkan dengan menghasilkan strategi ganjaran sebagaimana digariskan dalam Terma Rujukan yang boleh dirujuk dalam laman sesawang korporat kami. Maklumat terperinci mengenai amalan imbuan RHB boleh didapati di dalam Laporan CG di bawah Amalan 6.1, Amalan 6.2, Amalan 7.1 dan Bahagian B.

## Tadbir Urus untuk Kemampanan Perniagaan

## Akauntabiliti

## PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab bagi pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan Perbankan RHB, yang dirangka untuk memudahkan operasi yang berkesan dan cekap serta memastikan kualiti pelaporan dalaman dan luaran selaras dengan pematuan kepada undang-undang terpakai serta peraturan. Pengarah dan pihak Pengurusan Kanan komited untuk mengekalkan rangka kerja kawalan yang kukuh sebagai asas bagi penyampaian pengurusan risiko yang berkesan. Pihak Pengarah mengiktiraf tanggungjawab mereka berkaitan dengan pengurusan risiko Kumpulan Perbankan RHB dan sistem kawalan dalaman, termasuk mengkaji keberkesanan sistem berkenaan.


Dalam mewujudkan dan mengkaji sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman, pihak Pengarah menjalankan penilaian yang kukuh terhadap risiko utama yang dihadapi Kumpulan Perbankan RHB, termasuk risiko yang akan mengancam model perniagaan, pencapaian masa depan, kemampuan membayar atau kecairan, kemungkinan berlakunya kejadian risiko dan kawalan kos. Proses pengenalanpastian, penilaian dan pengurusan risiko-risiko utama yang dihadapi Kumpulan Perbankan RHB digabung ke dalam rangka kerja keseluruhan Kumpulan Perbankan RHB untuk tadbir urus risiko. Pihak Kumpulan Perbankan RHB memandang ke hadapan dalam proses-proses pengenalanpastian risiko untuk memastikan risiko baru, dapat dikenal pasti. Proses pengenalanpastian, penilaian dan pengurusan risiko juga dapat menentukan sama ada kawalan sedia ada menghasilkan tahap risiko yang boleh diterima.

Pada peringkat Kumpulan Perbankan RHB, laporan risiko yang digabungkan dan papan pemuka selera risiko selalu disemak dan dibahaskan oleh Jawatankuasa Eksekutif Modal dan Risiko Kumpulan, Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah untuk memastikan mereka berpuashati dengan keseluruhan profil risiko, kebertanggungjawapan ke atas pengurusan risiko dan tindakan-tindakan pengurangan risiko. Laporan dan papan pemuka memberi paparan bulanan mengenai profil risiko keseluruhan Kumpulan Perbankan RHB, risiko utama dan tindakan pengurusan,

bersama dengan pencapaian terhadap selera risiko dan penilaian risiko baru muncul yang boleh mempengaruhi prestasi Kumpulan Perbankan RHB sepanjang hayat pelan operasi. Maklumat berkenaan ciri-ciri utama kawalan dalaman dan sistem pengurusan risiko berkaitan proses pelaporan kewangan disediakan dalam penyata mengenai pengurusan risiko dan kawalan dalaman di halaman 132 hingga 140. Pihak Lembaga Pengarah menyimpulkan bahawa pengaturan pengurusan risiko adalah mencukupi untuk memberi jaminan bahawa pengurusan risiko yang dilaksanakan oleh Kumpulan Perbankan RHB adalah bersesuaian dengan profil dan strategi Kumpulan Perbankan RHB.

Keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman sentiasa dikaji oleh pihak Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah, yang mana turut menerima laporan kajian yang dilakukan oleh Pengurusan Risiko & Kredit Kumpulan dan Audit Dalaman Kumpulan. Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah menerima laporan daripada juruadit luaran Kumpulan, PricewaterhouseCoopers PLT (yang merangkumi perincian perkara penting audit dan perakaunan yang telah mereka kenal pasti), dan mengadakan pertemuan dengan juruadit luaran sekurang-kurangnya dua kali setahun tanpa kehadiran pihak Pengurusan dan Pengarah Eksekutif untuk perbincangan peribadi dan untuk memastikan kesemua masalah diselesaikan.

Sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan Perbankan RHB dikaji secara kerap oleh pihak Lembaga Pengarah, sejajar dengan panduan Bursa Malaysia mengenai Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman, dan Pelaporan Berkaitan Kewangan dan Perniagaan yang diterbitkan oleh Majlis Pelaporan Kewangan Malaysia serta patuh dengan keperluan Bank Negara Malaysia. Sistem berkenaan dilaksanakan dalam tahun kewangan semasa serta dikaji dan dikemaskini secara berkala.

 Sila rujuk halaman 132 hingga 140 untuk perincian mengenai Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman.

## Pematuhan Kumpulan

**Persekitaran kawal selia bagi badan kewangan semakin rumit dan sentiasa berubah. Undang-undang dan peraturan baharu terus berkembang yang seterusnya meningkatkan jangkaan pengawalselia. Sebarang kegagalan untuk memastikan pematuhan boleh mengakibatkan kerugian kewangan yang ketara, denda berat dan memberi kesan kepada reputasi.**

Sebagai penyedia kewangan yang berhemah, Kumpulan Perbankan RHB komited untuk menegakkan prinsip tadbir urus yang baik dan keperluan pengawalseliaan. Prinsip-prinsip ini dijelaskan dengan lebih lanjut dalam Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Pematuhan Kumpulan Perbankan RHB yang berfungsi sebagai panduan penting untuk Kumpulan Perbankan RHB bagi membolehkan amalan pematuhan terbaik disertakan dalam seluruh perniagaan Kumpulan Perbankan RHB.

**Ketua Pegawai Pematuhan Kumpulan**

Puan Fazlina Mohamed Ghazalli mengetuai dan menjalankan rancangan strategik pematuhan seluruh Kumpulan yang membolehkan Kumpulan Perbankan RHB patuh kepada keperluan-keperluan kawal selia. Beliau melapor kepada Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah.

Puan Fazlina memiliki pengalaman dalam perbankan mejangkau 18 tahun dan merupakan pengamal undang-undang sebelum memulakan kerjaya dalam perbankan pada tahun 2001. Puan Fazlina memiliki Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti of East Anglia, UK. Beliau merupakan Ahli Perbankan Berkanun dan Profesional Bertauliah dalam Anti Pengubahan Wang Haram/Memerangi Pembiayaan Keganasan.

Fungsi pematuhan Kumpulan, berfungsi sebagai barisan pertahanan kedua, dan digunakan untuk seluruh Kumpulan Perbankan RHB. Ketua Pegawai Pematuhan Kumpulan dilantik mengawasi pematuhan pengurusan risiko Kumpulan Perbankan RHB yang merangkumi semua entiti di Malaysia serta cawangan-cawangan luar negara dan/atau anak syarikat.

## RISIKO MATERIAL

## TINDAKAN YANG DIAMBIL

**Keselamatan Siber**

Jenayah siber terus meningkat dan menjadi lebih canggih, lebih kerap dan meluas. Memandangkan penggodam menggunakan peralatan/kaedah dan teknik-teknik yang lebih inovatif untuk melancarkan serangan, ancaman kepada maklumat keselamatan menjadi lebih ketara kerana Kumpulan Perbankan RHB semakin bergantung kepada saluran-saluran dalam talian.

**Perlindungan Maklumat**

Kumpulan Perbankan RHB mempunyai kewajipan untuk memastikan maklumat berkaitan perniagaan dan pelanggannya serta semua kegiatan berkaitan dengannya kekal selamat dan sulit.

Pemantauan berterusan dan penglibatan berterusan dengan unit-unit perniagaan/pasukan IT Kumpulan Perbankan RHB untuk memastikan kesedaran mengenai keperluan pengawalseliaan berkaitan teknologi.

- Pelaksanaan Dasar Perdagangan Tembok Cina dan Perdagangan Orang Dalam ("Dasar Tembok Cina") untuk memastikan bahawa terdapat halangan maklumat antara jabatan untuk mencegah dan/atau mengawal aliran maklumat penting berkenaan perkara-perkara bukan awam dan peka harga.
- Pelaksanaan Kerangka Perlindungan Kerahsiaan dan Perlindungan Maklumat yang menetapkan, antara lain, piawaian minima dan keperluan pematuan menerusi pengurusan kerahsiaan dan perlindungan maklumat.
- Pelbagai penglibatan dengan kakitangan Kumpulan Perbankan RHB telah dilaksanakan di mana latihan-latihan dalaman dan program e-pembelajaran telah dibangunkan berhubung dengan Dasar Tembok Cina dan/atau peruntukan kerahsiaan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("FSA") dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA").
- Mematuhi secara ketat kepada pembangunan Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 untuk mengawal selia dan/atau melindungi data peribadi pelanggan daripada penyalahgunaan.

**Pematuhan Peraturan**

Memandangkan keperluan pengawalseliaan sentiasa berkembang dan berubah, penyesuaian terhadap peraturan pematuhan telah menjadi tumpuan harian bagi Kumpulan Perbankan RHB.

Memupuk budaya pematuan yang kukuh kepada semua fungsi Kumpulan Perbankan RHB melalui rangka kerja pemantauan berikut:

- Pelaksanaan dasar-dasar pematuan, pekeliling dan garis panduan yang menyeluruh dan jelas di seluruh Kumpulan Perbankan RHB/Bank.
- Semakan/Penilaian pematuan secara berkala terhadap bidang-bidang terpilih atau terhadap kegiatan pematuan khusus tertentu.
- Sesi penglibatan yang kerap dengan unit perniagaan/unit berfungsi untuk memahami isu pematuan dalam menjalankan fungsi-fungsi mereka dan menyediakan penyelesaian untuk menangani isu tersebut.
- Penilaian risiko pematuan tahunan yang membolehkan Kumpulan Perbankan RHB mengenal pasti/fungsi perniagaan yang berisiko tinggi dan memperuntukan sumber secara berkesan untuk mengurangkan risiko berkenaan.
- Pelaksanaan Program Pegawai Pematuan Risiko Perniagaan ("BRCO") untuk memupuk barisan pemilikan pertama pematuan risiko dalam unit perniagaan masing-masing.

Dalam industri perkhidmatan kewangan yang sentiasa berkembang dan kemajuannya dalam teknologi, penjenayah siber sentiasa mencari cara baharu untuk menyalahgunakan institusi pelapor secara berterusan. Mereka menyesuaikan diri dan membangunkan kaedah yang lebih canggih untuk mengelakkan penguatkuasa undang-undang dan menyalahgunakan sistem kewangan.

Sementara pengawal selia terus mengemaskini dan meningkatkan peraturan sebagai sebahagian daripada usaha mereka untuk mengekalkan ketelusan dan kestabilan industri kewangan, institusi pelapor dalam pada itu, dijangka terus melaksanakan penambahbaikan, menilai potensi risiko dan melaksanakan langkah-langkah baharu untuk meningkatkan tadbir urus risiko pematuan.



## Tadbir Urus untuk Kemampanan Perniagaan

# Pematuhan Kumpulan

Berikut adalah beberapa inisiatif utama oleh Unit Pematuhan Kumpulan pada tahun 2019 dalam usaha untuk terus berwaspada:

INISIATIF	HASIL
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelaburan dalam pemeraksanaan pengetahuan melalui latihan pematuhan dan program kesedaran berfokus dan khas kepada kakitangan dalam bidang utama seperti Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing, ("FEA"), keperluan pendedahan, konflik kepentingan, urus niaga pihak berkaitan, Penggubahan Wang-Haram dan Memerangi Pembiayaan Keganasan ("AML/CFT"), Dasar Tembok Cina dan peruntukan kerahsiaan FSA 2013 dan IFSA 2013.</li> <li>Mendidik kakitangan berkenaan isu-isu pematuhan menerusi penerbitan buletin pematuhan dan amaran kawal selia sepanjang tahun.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemahaman yang lebih baik oleh kakitangan mengenai keperluan pengawalseliaan dan apa yang diharapkan daripada mereka, seterusnya mengakibatkan tingkah laku pematuhan yang lebih baik.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengukuhan proses pemantauan AML/CFT menerusi pelaksanaan pengautomasian proses robotik dan pemusatan pemantauan transaksi AML, peningkatan sistem dan penambahbaikan dasar-dasar AML.</li> <li>Pengukuhan pematuhan, AML, penilaian risiko kerahsiaan untuk mengenal pasti bidang risiko utama.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemantauan transaksi AML yang produktif dan cekap serta pengurusan notifikasi.</li> <li>Pengenalpastian/penilaian risiko pematuhan yang tepat pada masanya dan penyelesaian untuk menanganinya.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan semakan dan penilaian pematuhan mengenai kebimbangan berisiko tinggi atau kegiatan pematuhan khusus oleh Unit Pematuhan Kumpulan dan BRCO yang dilantik.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tanggungjawab pengawasan yang dipertingkatkan yang seterusnya akan mengurangkan risiko pematuhan peraturan.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Penambahbaikan Matriks Kecekapan Pematuhan dan juga modul penilaian untuk unit perniagaan yang berkaitan bagi mengukur tahap kecekapan kakitangan berbanding keperluan pengawalseliaan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hasilnya telah membantu Kumpulan Perbankan RHB untuk membangunkan program latihan yang disesuaikan untuk setiap jurang kecekapan yang telah dikenal pasti.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Penambahbaikan proses dan sistem.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Automasi pemantauan had untuk memudahkan pematuhan Kumpulan terhadap peraturan-peraturan FEA.</li> <li>Pengautomasian proses perdagangan sekuriti peribadi kakitangan yang menjadikan pemantauan dagangan kakitangan Bank yang lebih ringan dan berkesan.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelancaran Program Budaya Pematuhan untuk menggalakkan tingkah laku patuh menerusi aktiviti-aktiviti penglibatan.</li> <li>Beberapa inisiatif untuk 2019 termasuklah "Program Hari Pematuhan Setiap Cawangan ("Program ABCD") untuk memupuk kesedaran mengenai pematuhan ke atas 42 cawangan Bank yang terpilih. Tambahan pula, aktiviti <i>bootcamp</i> mengenai pematuhan turut dianjurkan untuk kakitangan barisan hadapan dan pihak pengurusan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemahaman yang lebih baik di antara pasukan pematuhan dan kakitangan, khususnya mengenai cabaran-cabaran dihadapi wakil cawangan dalam memastikan pematuhan dalam melaksanakan fungsi harian.</li> <li>Peningkatan kesedaran di kalangan kakitangan terhadap aktiviti pematuhan dan keperluan suatu budaya pematuhan yang berkesan di seluruh Kumpulan Perbankan RHB.</li> </ul>

### KEUTAMAAN PENTING UNTUK 2020

Memupuk budaya pematuhan adalah lebih dari hanya menyampaikan betapa pentingnya untuk mematuhi keperluan peraturan kepada kakitangan. Ia memerlukan kewaspadaan yang berterusan dan usaha untuk mempengaruhi perubahan secara meluas. Kumpulan Perbankan RHB sedar dan bersedia merangka strategi baru untuk memastikan pematuhan diterapkan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab semua dalam organisasi.

Kumpulan Perbankan RHB mengambil serius terhadap pelanggaran pematuhan dan ianya ditunjukkan dalam struktur penilaian prestasi Kumpulan Perbankan RHB yang mengambil kira risiko tingkah laku dengan memasukkan denda dalam penarafan akhir prestasi kakitangan untuk ketidakpatuhan terhadap keperluan undang-undang dan peraturan. Denda ini adalah untuk menggalakkan komitmen yang lebih mendalam terhadap pematuhan dan dalam membuat keputusan yang bertanggungjawab.

Berikut ialah keutamaan kami untuk tahun 2020:

- Ujian dan kajian pematuhan yang berterusan (termasuk audit secara rawak) di pelbagai fungsi Kumpulan Perbankan RHB untuk menilai pematuhan keseluruhan Bank kepada keperluan peraturan;
- Penambahan sesi penglibatan dengan anak-anak syarikat serantau untuk mengenal pasti risiko pematuhan dalam rantau masing-masing dan memberi sokongan dalam menangani mana-mana jurang atau cabaran-cabaran dalam rangka kerja semasa pemantauan pematuhan serantau.
- Peningkatan proses termasuk penerokaan yang lebih mendalam bagi penggunaan robotik dan teknologi untuk mengurangkan proses manual yang cenderung kepada kesilapan dan menggalakkan pengurusan pematuhan risiko yang lebih cekap; dan
- Usaha berterusan untuk membina budaya pematuhan yang positif dalam Kumpulan Perbankan RHB termasuk meningkatkan penglibatan di cawangan-cawangan menerusi program ABCD dan *bootcamp* pematuhan untuk pengurus cawangan. Seterusnya, Kaji Selidik Budaya Pematuhan dan Penilaian Tingkah Laku juga akan dilancarkan untuk mengukur dan memahami persepsi kakitangan terhadap keadaan pematuhan Bank dan mengenal pasti bidang yang perlu diperbaiki dengan lebih baik.

Tadbir Urus untuk Kemampanan Perniagaan

# Integriti Korporat & Tatasusila Perniagaan Beretika

**RHB meneruskan usaha untuk mendukung kepercayaan teguh bahawa penyampaian kewangan positif sahaja tidak mencukupi untuk memastikan kekuatan reputasi atau kelangsungan perniagaan kami. Cara bagi kami mencapai objektif strategik juga penting. Oleh itu, kami terus komited untuk memperjuangkan dan menyemai tingkah laku jujur, beretika dan berintegriti tinggi dalam menjalankan perniagaan kami di mana-mana rantau kami beroperasi.**

Sejajar dengan komitmen yang dinyatakan di atas, pihak Lembaga Pengarah berterusan memastikan dasar dan rangka kerja Anti-Suapan & Rasuah ("ABC") RHB dipelihara dan dikemaskini dengan sewajarnya. Sebagai kayu pengukur untuk mengukur tahap pematuhan, pihak Bank dipandu oleh keperluan undang-undang & peraturan yang berkaitan dengan ABC seperti:

- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ("MACC") 2009;
- Garis Panduan mengenai Prosedur Kecukupan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri;
- Garis Panduan untuk Pengurusan Integriti dan Unit Tadbir Urus yang diterbitkan oleh MACC; dan
- Arahan YAB Perdana Menteri Siri 1 No.1 Oktober 2018.

Bagi tahun 2019, pihak Kumpulan Perbankan RHB melaksanakan perkara berikut untuk meningkatkan langkah dan usaha ABC RHB:

- Sesi latihan yang dilaksanakan oleh pegawai-pegawai MACC khususnya untuk Pengarah Kumpulan Perbankan RHB dan sesi lain untuk pegawai-pegawai perniagaan serta fungsi utama daripada pengurusan kanan dan pengurusan pertengahan RHB;
- Jurang analisis mengenai amalan sedia ada ABC RHB menerusi rangka kerja prinsip T.R.U.S.T.;
- Memulakan penerbitan buletin mengenai Tadbir Urus, Keterbukaan dan Ketelusan pada setiap suku tahun untuk berkomunikasi dengan kakitangan mengenai topik seperti anti-suapan dan rasuah, memaklumkan mengenai kesan terhadap tingkah laku yang

tidak beretika dan tanggungjawab yang dipikul oleh kakitangan Kumpulan Perbankan RHB kepada RHB;

- Penyata Integriti Korporat Kumpulan Perbankan RHB telah dikemaskini dan diterbitkan di laman web untuk menjelaskan pendirian RHB terhadap rasuah dan juga dasar dalaman terhadap penerimaan dan pemberian serta hospitaliti; dan
- Keupayaan dan pembinaan kapasiti ke arah pembentukan Bahagian Integriti dan Tadbir Urus yang berdedikasi.

Dalam melangkah ke hadapan, RHB akan mengadakan aktiviti berikut untuk memastikan Kumpulan Perbankan RHB terus mendukung piawai tinggi bagi integriti dan amalan-amalan terbaik berkaitan perkara-perkara anti-suapan dan rasuah:

- memulakan penilaian risiko anti-suapan dan rasuah secara berkala dan laporan penilaian akan diserahkan kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah masing-masing dan sekiranya diperlukan, kepada Lembaga Pengarah;
- berkomunikasi secara kerap dengan pemegang berkepentingan dalaman dan luaran mengenai pendirian ABC RHB serta dasar dan tatacara sedia ada;
- terus membina keupayaan kapasiti untuk pembangunan Bahagian Integriti & Tadbir Urus termasuk kecekapan dan kredibiliti kakitangan unit; dan
- mengurus semua hal-hal ABC dan integriti dalam Kumpulan Perbankan RHB, dan dibantu oleh Bahagian Integriti dan Tadbir Urus.

RHB mempunyai langkah-langkah kawalan dalaman sedia ada bagi membendung rasuah dan aktiviti suapan seperti berikut:

Polisi Anti-Rasuah & Suapan Kumpulan	Garis Panduan Pemberian Hadiah & Hospitaliti	Maklumat Kumpulan
Nilai Teras Bersama ("P.R.I.D.E")		Komitmen Integriti Perolehan
Kod Etika dan Tatalaku	Polisi Fit & Proper Kumpulan (Padan & Wajar)	Polisi Penajaan dan Sumbangan Korporat Kumpulan
Polisi mengenai Transaksi Pihak Ketiga		Polisi Pengurusan Risiko Penipuan
Saluran dan ruang Pemberi Maklumat atau "Speak Up"	Portal Sumber Integriti & Etika	Sesi perkongsian pengetahuan dan kesedaran berterusan

## Tadbir Urus bagi Perniagaan Mampan

# Komunikasi Pemegang Berkepentingan

## PERHUBUNGAN PELABUR

Kumpulan Perbankan RHB komited untuk menyediakan maklumat yang telus dan tepat pada waktunya mengenai strategi korporat dan data kewangan kepada komuniti pelaburan. Kumpulan Perbankan RHB mengambil kira komunikasi dan penglibatan berterusan dengan pemegang berkepentingan sebagai kunci utama dalam membina kepercayaan dan pemahaman antara Syarikat serta pemegang berkepentingan.

Kumpulan Perbankan RHB menguruskan komunikasi dengan pihak berkepentingan dalam sektor kewangan termasuk pemegang saham institusi dan penganalisis kewangan, pengurus dana dan agensi penarafan kredit melalui unit hubungan pelabur yang khusus. Kumpulan Perbankan RHB berkomunikasi dengan sektor berikut melalui mesyuarat perseorangan, mesyuarat berkumpulan, persidangan dan jerayawara, panggilan persidangan dan laman sesawang korporat kami.

Selain daripada itu, pembentangan dan panggilan persidangan diadakan selepas penerbitan prestasi kewangan diumumkan di Bursa Malaysia. Saluran komunikasi awam yang meluas (termasuk perkhidmatan berita bursa saham, laman sesawang korporat, agensi berita dan penyedia perkhidmatan penyebaran berita) digunakan untuk menghebahkan siaran akhbar.)

Laman sesawang Kumpulan Perbankan RHB menyediakan maklumat terkini dan sejarah kewangan serta maklumat lain termasuk laporan kewangan.

### IR meneruskan usaha sesi penglibatan dengan komuniti pelaburan melalui komunikasi yang konsisten

Cabaran berlanjutan pada 2019 namun harga saham mengatasi indeks KLCI dan KLFIN, berada di kedudukan no. 1 dalam pergerakan harga saham dan 1-tahun TSR dalam kalangan rakan setera di Bursa Malaysia

### IR menganjurkan:


4 pengumuman keputusan suku tahunan - 2 panggilan persidangan dan 2 taklimat bersemuka	Hari Digital & Agile RHB	Hari Perbankan Runcit Kumpulan
--	--------------------------	--------------------------------

Laman sesawang korporat: [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com)

### Perjumpaan dengan komuniti pelabur secara kerap

## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Lembaga menggalakkan pemegang saham untuk menghadiri mesyuarat agung tahunan, dan notis mengenainya dinyatakan dalam laporan bersepadu ini, di mana pemegang saham mempunyai peluang untuk mengemukakan soalan-soalan kepada Lembaga, pengurusan dan pengerusi pelbagai jawatankuasa.



### Pengumuman Keputusan Suku Tahunan

Taklimat Penganalisis		
27 Februari	RHB Bank Keputusan 4S18	Taklimat Bersemuka
27 Mei	RHB Bank 1S19	Tele-Persidangan Keputusan
26 Ogos	RHB Bank Bersemuka 2S19	Taklimat Bersemuka
25 November	RHB Bank Keputusan 3S19	Tele-Persidangan Keputusan

### Strategi Perniagaan, Persidangan & Jerayawara

Tarikh Majlis	Deskripsi Majlis	Lokasi Majlis (Negara)
19 Mac	Invest Malaysia	Malaysia
25 Mac	Persidangan Pelaburan Credit Suisse Asia Ke-22	Hong Kong
25 April	Hari Digital dan Agile RHB	Malaysia
2 & 3 Mei	Jerayawara Singapura	Singapura
18 Jun	Lawatan Bank-Bank Asean Macquarie	Malaysia
24 & 25 September	Jerayawara London	United Kingdom
8 November	Hari Perbankan Runcit RHB	Malaysia
2 Disember	Jerayawara Singapura	Singapura

## SENARAI LIPUTAN PENGANALISIS

1 Affin Hwang Investment Bank	2 AmResearch	3 CIMB Investment Bank	4 Citi Investment Research
5 CLSA Securities	6 Credit Suisse Securities	7 DBS Vickers Securities	8 Hong Leong Investment Bank
9 HSBC Research	10 JP Morgan Securities	11 KAF-Seagroatt & Campbell Securities	12 Kenanga Investment Bank
13 Macquarie Research	14 Maybank Investment Bank	15 MIDF Amanah Investment Bank	16 Nomura Research
17 TA Securities	18 UBS Securities	19 UOB Kay Hian	

## BIDANG FOKUS

Strategi Keseluruhan	Inovasi	Pinjaman	Pengurusan Kos	Kualiti Aset	Pelan Pengurusan Modal	Kecairan & Pendanaan
Kemas kini kemajuan FIT22	Strategi transformasi digital dan kemajuan	Pertumbuhan Pinjaman	Mengurus perbelanjaan Pendigitalan	Kos kredit	Nisbah pembayaran dividen	Pertumbuhan CASA
Peluang M&A dan pelupusan bagi RHB dan penggabungan industri perbankan	Cara kerja Agile dan kemajuan penerimaan pakai	Gadai Janji	Penambahbaikan dalam CIR	Mengurus pinjaman rosot nilai	Nisbah modal sasaran	Tinjauan Deposit
Strategi untuk mencapai ROE	Ekosistem PKS	PKS		Menstruktur dan menjadual semula akaun		Tinjauan margin faedah bersih
Kesan penurunan OPR dan kebarangkalian penurunan selanjutnya		Operasi Singapura				
Tinjauan makroekonomi dan perbankan						

## Tadbir Urus bagi Perniagaan Mampan Komunikasi Pemegang Berkepentingan

### PENARAFAN KREDIT

RHB Bank Berhad			
Agensi Penarafan	RAM Rating Services Berhad	Institusi Kewangan Jangka Panjang	AA2
		Institusi Kewangan Jangka Pendek	P1
		Prospek	Positif
	Standard & Poor's Rating Services	Institusi Kewangan Jangka Panjang	BBB+
		Institusi Kewangan Jangka Pendek	A-2
		Prospek	Stabil
	Moody's Investors Service	Deposit Bank Jangka Panjang	A3
		Deposit Bank Jangka Pendek	P-2
		Penilaian Kredit Garis Dasar	baa2
	Prospek	Stabil	

RHB Investment Bank Berhad			
Agensi Penarafan	RAM Rating Services Berhad	Institusi Kewangan Jangka Panjang	AA2
		Institusi Kewangan Jangka Pendek	P1
		Prospek	Positif

RHB Islamic Bank Berhad			
Agensi Penarafan	RAM Rating Services Berhad	Institusi Kewangan Jangka Panjang	AA2
		Institusi Kewangan Jangka Pendek	P1
		Prospek	Positif

## Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah ("JAL") RHB Bank Berhad ("RHB Bank" atau "Bank") dengan sukacitanya membentangkan Laporan JAL bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 ("tahun") menurut Keperluan Penyenaiaan Pasaran Utama Perenggan 15.15 (1) Bursa Malaysia Securities Berhad.

### KOMPOSISI DAN KEHADIRAN MESYUARAT

Sepanjang tahun ini, sebanyak tiga belas (13) mesyuarat JAL diadakan. JAL terdiri daripada ahli berikut dan butiran kehadiran setiap ahli dalam mesyuarat JAL yang diadakan sepanjang tahun adalah seperti berikut:

KOMPOSISI JAL	Bilangan Kehadiran Mesyuarat
<p><b>Ms Ong Ai Lin</b> Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Dinamakan semula sebagai Pengerusi JAL pada 31 Mac 2019</p>	13/13
<p><b>Tan Sri Saw Choo Boon</b> Ahli/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Dinamakan semula sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 31 Mac 2019</p>	13/13
<p><b>Puan Sharifatu Laila Syed Ali</b> Ahli/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Dilantik sebagai ahli JAL pada 31 Mac 2019</p>	10/10
<p><b>Tan Sri Rebecca Fatima Sta Maria</b> Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan Meletak jawatan sebagai Pengerusi dan ahli JAL pada 31 Mac 2019</p>	3/3

Nota: Datuk Seri Dr Govindan Kunchamboob telah dilantik sebagai Ahli/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif JAL berkuatkuasa daripada 1 Februari 2020.

Mesyuarat JAL juga dihadiri oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit Pengurusan ("MAC") RHB Bank dan Ketua Audit Dalaman Kumpulan ("CIA Kumpulan") manakala kehadiran Pengurusan Kanan yang lain adalah dengan jemputan, bergantung kepada perkara-perkara yang dibincangkan oleh JAL.

JAL menjalankan fungsi Jawatankuasa Audit entiti operasi utama dalam Kumpulan Perbankan RHB yang merangkumi RHB Bank, RHB Investment Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad dan RHB Insurance Berhad.

Perkara-perkara utama yang dibincangkan dalam mesyuarat JAL bersama-sama dengan cadangan dan keputusan JAL dirumus dan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah yang berkaitan, pada bulan yang sama, oleh Pengerusi atau wakil JAL. Ini membolehkan Lembaga

Pengarah masing-masing dimaklumkan tepat pada masanya mengenai perkara-perkara penting yang dibincangkan oleh JAL dan bagi Lembaga Pengarah untuk memberikan arahan, jika perlu. Intipati minit mesyuarat JAL diberikan kepada Lembaga Pengarah masing-masing untuk makluman mereka.

### KUASA

JAL diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk, antara lain, mengkaji semula dan menyiasat sebarang perkara dalam Syarat Rujukannya; mempunyai saluran perhubungan langsung dengan juruaudit luaran dan dalaman serta pengawal selia; mendapatkan nasihat profesional bebas, jika perlu, dengan perbelanjaan Syarikat; dan akses kepada Pengurusan dan sumber untuk membolehkan pelaksanaannya berfungsi dengan berkesan. Syarat Rujukan lengkap, termasuk kuasa, tugas dan tanggungjawab JAL diterbitkan di laman sesawang Bank.

# Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

## RINGKASAN KEGIATAN JAL PADA 2019

Kerja yang dijalankan oleh JAL dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya semasa tahun kewangan diringkaskan seperti berikut:

### PELAPORAN KEWANGAN

- a) Mengkaji keputusan kewangan suku tahun yang tidak diaudit dan penyata kewangan tahunan yang telah diaudit oleh RHB Bank dan Kumpulan Perbankan RHB serta rangka pengumuman sebelum mencadangkannya untuk kelulusan Lembaga. Proses semakan meliputi perkara berikut:
- Mengkaji perubahan dalam dasar perakaunan dan menerima pakai piawaian perakaunan baru atau dikemas kini, dan kesannya terhadap penyata kewangan.
  - Mengkaji penyata kewangan dan mendapatkan penjelasan daripada Pengurusan Kanan termasuk Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan mengenai sebarang perubahan ketara antara tempoh semasa dan suku/masa sepadan untuk menilai kemunasabahan mereka.
- b) Membincangkan dengan juruaudit luar mengenai perkara-perkara berikut yang dikenal pasti semasa audit berkanun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 seperti yang dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit mereka:
- Audit dan perkara perakaunan ketara termasuk kredit dan penilaian rosot nilai;
  - Perkara berkaitan IT;
  - Perkara berkaitan cukai;
  - Keperluan komunikasi lain; dan
  - Ringkasan salah nyata yang tidak diperbetulkan

### AUDIT DALAMAN

- a) Mengkaji semula dan meluluskan rancangan audit tahunan Audit Dalaman Kumpulan ("GIA") untuk tahun kewangan 2020 pada 9 Disember 2019 untuk memastikan kecukupan lingkungan, liputan dan sumber untuk bidang diaudit yang boleh dikenal pasti.
- b) Mengkaji kaedah penilaian risiko GIA yang telah diperhalusi untuk Rancangan Audit 2020 yang dilaksanakan untuk menilai tahap risiko pelbagai unit perniagaan dan fungsi Kumpulan Perbankan RHB.
- c) Mengkaji semula keperluan kakitangan GIA termasuk kemahiran dan kecekapan teras juruaudit dalaman untuk memastikan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab GIA yang berkesan.
- d) Mengkaji kegiatan audit GIA yang dijalankan untuk tahun kewangan yang merangkumi tugas audit yang dirancang, projek ad-hoc, kajian dasar, proses dan tatacara, dan penyertaan projek IT.
- e) Menilai prestasi Juruaudit Dalaman Bertauliah Kumpulan ("CIA") dan mengkaji penilaian ganjaran prestasi untuk GIA, serta meluluskan ganjaran prestasi untuk CIA Kumpulan selaras dengan matriks pengedaran yang diluluskan Lembaga.
- f) Mengkaji semula dan membincangkan semua minit mesyuarat MAC, laporan audit dalaman, cadangan audit dan maklum balas Pengurusan terhadap cadangan ini serta tindakan mitigasi yang diambil oleh Pengurusan untuk memperbaiki sistem kawalan dalaman dan prosesnya pada bidang-bidang yang diberi penekanan/disorot.
- g) Mengkaji semula dan membincangkan laporan siasatan yang dibentangkan kepada JAL dan menyediakan arahan, di mana perlu, untuk menangani dan memperbaiki kelemahan kawalan dalaman yang diberi penekanan/disorot.
- h) Mengkaji laporan penyeliaan dan pemeriksaan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pengawalseliaan dan maklum balas pihak Pengurusan serta tindakan pemulihan yang diambil oleh Pengurusan berhubung dengan penemuan yang dilaporkan untuk memastikan semua perkara yang diketengahkan dalam laporan ini telah ditangani dengan secukupnya dan segera ditangani oleh Pengurusan.
- i) Mengkaji minit mesyuarat Jawatankuasa Audit anak-anak syarikat luar negara setakat yang dibenarkan oleh pihak berkuasa pengawalseliaan yang berkaitan untuk memastikan bahawa semua isu yang timbul telah ditangani dengan sewajarnya oleh Jawatankuasa Audit ini.

### AUDIT LUARAN

- a) Mengkaji pelan audit 2019 oleh juruaudit luar untuk Kumpulan Perbankan RHB pada mesyuarat JAL yang diadakan pada 20 September 2019 yang meliputi strategi audit, penilaian risiko dan bidang penekanan audit untuk tahun ini.
- b) Mengkaji semula dengan juruaudit luar, keputusan audit bersama-sama dengan saranan dan tindak balas Pengurusan terhadap penemuan mereka seperti yang diperincikan dalam laporan-laporan berikut, serta menyediakan pandangan dan arahan JAL mengenai perkara-perkara yang memerlukan perhatian:

Laporan yang dikeluarkan oleh Juruaudit Luaran pada 2019	Tarikh dibentangkan kepada JAL
Laporan Jawatankuasa Audit bagi tahun Kewangan 2018	22 Januari 2019
Laporan Kawalan Dalaman untuk tahun kewangan 2018	20 Jun 2019
Kajian terhad mengenai penyata kewangan tidak diaudit RHB Bank dan RHB Islamic Bank untuk tempoh kewangan berakhir 30 Jun 2019	18 Julai 2019

JAL selanjutnya mengarahkan MAC masing-masing untuk mengenalpasti penemuan audit yang disorot oleh juruaudit luar dalam Laporan Kawalan Dalaman mereka untuk memastikan penyelesaian semua perkara tepat pada masanya oleh Pengurusan.

- c) Bertemu dengan juruaudit luar pada 22 Januari 2019, 20 Jun 2019 dan 13 September 2019 tanpa kehadiran Pengarah dan Pengarah Eksekutif untuk membolehkan juruaudit luar membincangkan perkara-perkara dengan JAL secara peribadi.
- d) Mengkaji pelantikan juruaudit luar bagi penyediaan perkhidmatan bukan audit sebelum mencadangkannya untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Bidang yang dipertimbangkan termasuk kepakaran juruaudit luaran, kecukupan pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan untuk perkhidmatan yang diberikan, daya saing sebut harga dan sama ada kebebasan dan matlamatnya akan terjejas.

Diulas setiap suku tahun, perkhidmatan bukan audit yang diberikan oleh juruaudit luar dan fi berkaitan dengan mengambil kira ambang fi yang diwujudkan di bawah polisi Kumpulan Perbankan RHB untuk memastikan bahawa kebebasan dan pengecualian juruaudit luar tidak boleh dicurigai.

- e) Mengkaji prestasi dan kebebasan juruaudit luaran sebelum mengesyorkannya kepada Lembaga Pengarah untuk dilantik semula sebagai juruaudit luaran untuk Kumpulan Perbankan RHB:
- Juruaudit luar telah mengisytiharkan dalam rancangan audit 2019 mereka, yang dibentangkan kepada JAL pada September 2019, bahawa mereka telah mengekalkan kebebasan mereka untuk mengaudit penyata kewangan Kumpulan Perbankan RHB mengikut keperluan firma dan dengan peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil mengenai Kebebasan Profesional Institut Akauntan Malaysia. Mereka telah mengisytiharkan lagi bahawa perkhidmatan bukan audit yang diberikan kepada Kumpulan Perbankan RHB pada tahun ini tidak menjejaskan kebebasan mereka sebagai juruaudit luar Kumpulan Perbankan RHB.
  - Penilaian tahunan juruaudit luaran yang meliputi bidang utama prestasi, kebebasan dan pengecualian mengikut Garis Panduan BNM pada Juruaudit Luar.
  - Prestasi juruaudit luar juga dinilai melalui tinjauan yang disiapkan oleh kakitangan Pengurusan Kumpulan Perbankan RHB berdasarkan urusan mereka dengan juruaudit luaran yang meliputi bidang seperti mutu kerja audit, penyelarasan semasa perancangan dan pelaksanaan kerja audit, perakaunan teknikal dan pengetahuan perniagaan, ketepatan masa dan kesinambungan kakitangan.
  - Semakan menyeluruh juga telah dijalankan pada Disember 2019 sebelum pelantikan semula juruaudit luar untuk menilai kebebasannya dan potensi risiko ancaman kebiasaan pada semua entiti perbankan dalam Kumpulan Perbankan RHB. Tinjauan komprehensif meliputi tiga kategori utama, iaitu tadbir urus dan kebebasan, perhubungan dan pergaulan, dan mutu perkhidmatan dan sumber.

Kajian menyeluruh telah dijalankan oleh Kumpulan Kewangan dan disahkan secara bebas oleh GIA sebelum dibentangkan kepada JAL untuk perbincangan.

# Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

## URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

- a) Mengkaji laporan urus niaga pihak berkaitan ("RPTs") secara suku tahunan yang meliputi sifat dan jumlah urus niaga, termasuk sebarang keadaan pertelingkahan kepentingan ("COI") dalam memastikan bahawa terma dan syarat urusniaga adalah berdasarkan pertimbangan komersial dan mengikut prinsip kewajaran dan kelaziman.
- b) Semakan ini meliputi pertimbangan agregat RPT Berulang ("RRPTs") yang dikesan dan dipantau satu persatu terhadap had siling yang ditetapkan untuk memastikan pelaporan dan pendedahan yang betul dibuat mengikut keperluan pengawalseliaan.
- c) Kumpulan Perbankan RHB mempunyai dasar yang diluluskan mengenai RPT yang mentadbir proses mengenal pasti, menilai, meluluskan, melaporkan dan memantau RPT, RRPT dan potensi keadaan COI serta menggariskan tugas dan tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat dalam proses RPT.

## LATIHAN

Semasa tahun ini, ahli-ahli JAL telah menghadiri pelbagai program latihan, persidangan dan seminar untuk mengikuti perkembangan terkini dalam industri perbankan serta meningkatkan pengetahuan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.

Maklumat terperinci mengenai program pembangunan wajib dan profesional yang dihadiri oleh ahli-ahli JAL dinyatakan dalam Bahagian B Laporan Tadbir Urus Korporat di [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com)

## FUNGSI AUDIT DALAMAN

Kumpulan Perbankan RHB mempunyai fungsi audit dalaman yang dipandu oleh Piagam Audit Dalaman yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, Garis Panduan Bank Negara Malaysia ("BNM") mengenai Fungsi Audit Dalaman Institusi Berlesen (BNM/RH/GL013-4) dan Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa Institut Juruaudit Dalaman terkini. Tanggungjawab utama GIA ialah menyediakan penilaian bebas mengenai kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko, proses kawalan dalaman dan tadbir urus Kumpulan Perbankan RHB yang dilaksanakan oleh Pengurusan.

CIA Kumpulan melaporkan secara berfungsi kepada JAL dan secara pentadbiran kepada Pengarah Urusan Kumpulan. Untuk terus memelihara kebebasan fungsi GIA, pelantikan dan penilaian prestasi CIA Kumpulan, serta lingkungan kerja dan sumber GIA, diluluskan oleh JAL.



### Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan

En. Alex Tan Aun mengetuai Fungsi Audit Dalaman Kumpulan yang memberi Lembaga Pengarah jaminan bebas bahawa sistem pengurusan risiko, kawalan dalaman dan proses tadbir urus Bank beroperasi dengan berkesan. Beliau melapor kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah.

En. Tan memiliki pelbagai pengalaman lebih 25 tahun dalam perniagaan perbankan dengan lebih 10 tahun pengalaman dalam pengauditan dalaman. Beliau memiliki ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Kewangan) dari University of Toronto dan merupakan ahli Institut Juruaudit Dalaman Malaysia.

## Piagam Audit Dalaman

Piagam Audit Dalaman ("Piagam Audit") mentakrifkan tujuan, kuasa dan tanggungjawab fungsi audit dalaman dan ia diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Piagam Audit yang diluluskan diterbitkan dalam portal intranet Kumpulan, yang boleh dicapai oleh semua kakitangan Kumpulan Perbankan RHB.

Piagam Audit dikaji semula oleh CIA Kumpulan setiap dua tahun atau bila perlu untuk menilai sama ada tujuan, kuasa dan tanggungjawab GIA, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Piagam Audit, adalah masih memuaskan dan relevan untuk membolehkan fungsi audit mencapai matlamatnya.

## Ringkasan Kegiatan GIA

Kegiatan utama yang dilakukan oleh GIA dalam tahun kewangan diringkaskan seperti berikut:

- Menyediakan rancangan audit berasaskan risiko tahunan untuk Kumpulan Perbankan RHB yang merangkumi matlamat dan lingkungan audit, dan keperluan tenaga kerja bagi setiap unit yang dirancang dan boleh diaudit.
- Melaksanakan audit seperti rancangan audit yang diluluskan serta ulasan ad-hoc dan penyiasatan yang diminta oleh Pengurusan, Lembaga Pengarah atau pengawal selia pada tahun kewangan tersebut.
- Bidang utama yang telah diaudit pada tahun kewangan termasuk Cawangan, Pengunderaitan Kredit, Pusat Perniagaan, Operasi Perbendaharaan, Keselamatan IT, fungsi Ketua Pejabat, Perniagaan Syariah, Perniagaan Perbankan Pelaburan, Pengurusan Harta, Perniagaan Insurans dan Operasi Luar Negara.
- Menjalankan audit mengikut keperluan pengawalseliaan seperti pematuhan kepada Garis Panduan Penggubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan BNM, Pendedahan Dokumen atau Maklumat Pelanggan, Had Pendedahan Rakan Niaga Tunggal, Penyumberan Luar, Ketelusan & Keterbukaan Produk dan undang-undang terpakai PayNet, tatacara dan buku panduan untuk pembayaran dan sistem sekuriti hutang.

- Melaksanakan ulasan pematuhan dan pengesahan ad-hoc seperti yang diminta oleh pengawal selia.
- Memantau dan membuat pembetulan yang tepat susulan sebarang penemuan audit yang dilaporkan oleh MAC masing-masing dan punca-punca asas yang diketengahkan oleh juruaudit dalaman dan luaran, dan pengawal selia. Status sebarang penemuan audit yang tertunggak, diringkaskan dan dilaporkan kepada JAL secara bulanan.
- Mengkaji dasar, prosedur dan proses baru atau dikemas kini seperti yang diminta oleh pihak Pengurusan untuk memberikan maklum balas mengenai kecukupan kawalan dalaman untuk menangani risiko yang berkaitan.
- Mengambil bahagian dalam sistem atau aktiviti pembangunan produk untuk memberikan cadangan mengenai ciri kawalan yang relevan untuk dipertimbangkan oleh Pengurusan.
- Membantu JAL dalam pelaksanaan tahunan mengenai pelantikan semula juruaudit luar dengan menilai kebebasannya dan potensi risiko ancaman kebiasaan terhadap semua entiti perbankan dalam Kumpulan Perbankan RHB.
- Menghadiri mesyuarat Pengurusan sebagai jemputan tetap di atas kapasiti perundingan dan penasihat untuk memberikan maklum balas bebas jika perlu mengenai perkara berkaitan kawalan dalaman.
- Mengadakan mesyuarat MAC, menyediakan bahan-bahan mesyuarat serta menyediakan minit mesyuarat untuk dikemukakan kepada JAL.
- Menyediakan Laporan JAL dan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk Laporan Tahunan Bank untuk tahun 2019.

## Sumber Audit Dalaman

CIA Kumpulan, dalam rundingan dengan JAL dan Pengarah Urusan Kumpulan, memutuskan mengenai sumber sesuai yang diperlukan untuk GIA dengan mengambil kira saiz dan kerumitan operasi Kumpulan Perbankan RHB. Carta organisasi/rangka asas utama GIA dikaji semula dan diluluskan oleh JAL setiap tahun.

Pada 31 Disember 2019, GIA mempunyai 146 juruaudit dalaman dengan kelayakan dan pengalaman akademik/profesional berkaitan untuk melaksanakan aktiviti fungsi audit dalaman. Kos yang ditanggung untuk mengekalkan fungsi audit dalaman bagi tahun kewangan 2019 berjumlah RM26.3 juta.

## Kecekapan Profesional

CIA Kumpulan memastikan bahawa juruaudit dalaman adalah berkelayakan dan disediakan dengan latihan yang diperlukan dan pembangunan profesional yang berterusan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran teknikal audit yang berkaitan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.

Juruaudit dalaman akan dibimbing oleh Rangka Kerja Pembangunan Pembelajaran GIA untuk meneruskan program pensijilan yang berkaitan seperti yang ditawarkan oleh Institut Juruaudit Dalaman ("IIA") dan Institut Berkanun Bank Asia supaya mereka mahir dan cekap dalam bidang-bidang yang berkaitan.

Berdasarkan Rancangan Pembangunan Individu kakitangan bagi tahun 2019, juruaudit dalaman telah menghadiri program teknikal serta kepimpinan dan pengurusan berkaitan yang ditawarkan Akademi RHB, Pusat Pembelajaran dan Pembangunan Kumpulan, serta program luaran. Untuk tahun 2019, juruaudit dalaman telah menghadiri sejumlah 1,197 hari latihan, yang diterjemahkan kepada kira-kira 8 hari bagi setiap juruaudit.

## Semakan Jaminan Kualiti Audit Dalaman

Untuk memastikan keberkesanan fungsi audit dalaman, CIA Kumpulan telah membangun dan mengekalkan program jaminan dan peningkatan berkualiti meliputi semua perkara berkaitan dengan audit dalaman. Program jaminan kualiti menilai keberkesanan proses dalam fungsi audit dalaman dan mengenal pasti peluang untuk penambahbaikan melalui penilaian dalaman dan luaran.

Penilaian dalaman dilaksanakan mengikut rancangan Semakan Jaminan Kualiti ("QAR") tahunan yang dirancang oleh pasukan QAR dalam GIA. Ketua fungsi QAR melaporkan terus kepada CIA Kumpulan untuk mengekalkan kebebasan aktiviti audit dalaman di dalam GIA.

Sebagai tambahan kepada penilaian dalaman, penilaian kualiti luaran dilakukan setiap tiga tahun oleh kumpulan profesional yang berkelayakan. Pelantikan penilai bebas adalah tertakluk kepada proses perolehan yang ditubuhkan dan disahkan oleh JAL.

Penilaian kualiti luaran meliputi skop luas yang meliputi pematuhan dengan Definisi Pengauditan Dalaman, Piawaian dan Kod Tatasusila dan piagam audit dalaman, rancangan audit, dasar dan tatacara selaras dengan keperluan Piawaian Antarabangsa untuk Amalan Pengawasan Dalaman Profesional Institut Juruaudit Dalaman ("IIA"), garis panduan BNM dan amalan terbaik industri. Hasil kajian oleh pengkaji bebas didokumentasikan dalam laporan yang dibentangkan kepada JAL.

# Laporan Jawatankuasa Syariah

## PENGENALAN

Jawatankuasa Syariah ditubuhkan di bawah RHB Islamic Bank Berhad ("Bank" atau "RHB Islamic") dengan objektif utama berikut:

1. Memberi nasihat yang objektif dan berwibawa kepada Bank bagi memastikan matlamat, operasi, perniagaan, hal ehwal semasa dan kegiatan-kegiatan Patuh-Syariah.
2. Memastikan pengaturan kerja yang berkesan diwujudkan di antara Jawatankuasa Syariah, Majlis Penasihat Syariah ("MPS") Bank Negara Malaysia serta Suruhanjaya Sekuriti ("SC").
3. Memastikan penubuhan tatacara-tacacara yang sesuai dalam membawa kepada pematuhan segera dengan prinsip Syariah.

## KANDUNGAN DAN KEHADIRAN MESYUARAT

Sejumlah sembilan (9) mesyuarat lazim dan tiga (3) mesyuarat khas telah diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019. Semua anggota sedia ada telah memenuhi keperluan kehadiran minima di bawah Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah BNM yang memperuntukkan bahawa ahli Jawatankuasa Syariah dikehendaki menghadiri sekurang-kurangnya 75% mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang diadakan pada setiap tahun kewangan. Butiran kehadiran setiap ahli adalah seperti berikut:

AHLI JAWATANKUASA SYARIAH	Bilangan Kehadiran Mesyuarat
Dr. Ghazali Jaapar	12/12
Assoc. Prof. Dr. Amir Shahrudin	10/12
Dr. Ahmad Basri Ibrahim	12/12
En. Wan Abdul Rahim Kamil Wan Mohamed Ali	9/12
En. Mohd Fadhly Md. Yusoff	11/12
Pn. Shabnam Mohamad Mokhtar	12/12

## SESI PENGLIBATAN & LATIHAN YANG DIHADIRI

SESI & LATIHAN	
Sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk mengekalkan komunikasi yang berkesan di antara Jawatankuasa Syariah, Pengurusan dan Lembaga Pengarah RHB Islamic Bank, program latihan khas dalaman telah diadakan seperti berikut:	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Pengurusan Risiko dalam Perbankan Islam: Satu Perspektif Syariah</i> oleh Prof Dr Mohamad Akram Laldin pada 6 Mei 2019</li> <li>2. <i>Perbankan &amp; Kewangan Islam – Kajian Kes atas Keputusan Mahkamah Terkini</i> oleh En. Megat Hizaini Hassan pada 3 Oktober 2019</li> </ol>
Latihan dalaman khas yang lain juga diadakan untuk Jawatankuasa Syariah dan Fungsi Kawalan Syariah RHB	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sesi latihan bertajuk <i>Ke Arah Hub Kewangan Islam 2.0- Gelombang Kedua/FinTech</i> oleh En. Othman Abdullah pada 6 November 2019.</li> </ol>
Di samping itu, Jawatankuasa Syariah juga telah menyumbang kepada usaha menyebarkan ilmu dan kesedaran Syariah dalam kalangan kakitangan Kumpulan Perbankan RHB dengan berkongsi pandangan, kepakaran dan pengalaman melalui sidang "Siri Perkongsian Jawatankuasa Syariah" seperti berikut:	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Mencungkil Potensi Waqf</i> oleh Assoc. Prof Dr Amir bin Shahrudin pada 22 Februari 2019</li> <li>2. <i>Status Pelaburan ASB/ASNB Berdasarkan Maqasid Syariah</i> oleh Dr. Ahmad Basri Ibrahim pada 30 April 2019</li> <li>3. <i>Menganalisis Sukuk dan Produk Islam Berstruktur</i> oleh Pn. Shabnam Mokhtar pada 10 Disember 2019</li> </ol>
Tambahan pula, ahli Jawatankuasa Syariah juga aktif mengambil bahagian dalam persidangan dan kursus yang diadakan di dalam dan luar negara seperti berikut:	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Dialog Islam Fintech ke 2 2019</i>, Kuala Lumpur, 19 &amp; 20 Februari 2019</li> <li>2. <i>Liqq' ASAS 2019: "Smart Contract: Disruptive or Constructive?"</i>, Kuala Lumpur, 18 Mac 2019</li> <li>3. <i>Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara</i>, Brunei Darussalam ke 13, 23 &amp; 24 Julai 2019</li> <li>4. <i>Blockchain – Enabling Change For A Better Society</i>, Kuala Lumpur, 6 &amp; 7 Ogos 2019</li> <li>5. <i>Meja Bulat Ulama Syariah Antarabangsa ("iSHAR") 2019</i>, Putrajaya, 29 &amp; 30 Oktober 2019</li> <li>6. <i>Forum Ulama Syariah Antarabangsa ("ISSF") ke 14</i>, Kuala Lumpur, 31 Oktober 2019</li> </ol>

Ahli-ahli Jawatankuasa Syariah juga telah mendaftar dalam Program Penasihat Syariah Disahkan ("CSA") dan program Pengamal Syariah Disahkan ("CSP") yang dianjurkan oleh Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam ("ASAS").

## PENILAIAN KEBERKESANAN JAWATANKUASA SYARIAH

Selaras dengan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah BNM, Jawatankuasa Syariah menjalani proses menilai keberkesanan ahli dan Jawatankuasa secara keseluruhannya setiap tahun. Penilaian tahunan Jawatankuasa Syariah adalah berdasarkan soal selidik terperinci yang diedarkan kepada ahli Jawatankuasa masing-masing dan jempunan tetap ke mesyuarat Jawatankuasa Syariah. Soal selidik ini merangkumi pertimbangan ke atas keberkesanan Jawatankuasa dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya serta tahap kemahiran dan kecekapan setiap anggota dalam bidang kepakaran yang dijangka oleh ahli Jawatankuasa Syariah.

Keputusan penilaian dibentangkan kepada Lembaga Pengarah RHB Islamic untuk pengesahan.

# Pendedahan Maklumat Pematuhan Tambahan

## 1. Penggunaan Hasil yang Diperolehi Daripada Cadangan Korporat

Sepanjang tahun kewangan 2019, terbitan berikut telah dibuat oleh Kumpulan Perbankan RHB:

- Pada 19 Februari 2019, RHB Bank telah mengeluarkan wang kertas bernilai USD300 juta dengan nilai USD5 bilion (atau setara dengan mata wang lain) Program Nota Jangka Sederhana Euro.
- Pada 21 Mei 2019, RHB Islamic Bank telah menerbitkan Sukuk Murabahah Subordinat bernilai RM500 juta dibawah program Sukuk bernilai RM5 bilion.

Penerimaan dikumpul daripada Sukuk Murabahah dan Nota Kanan digunakan untuk modal kerja dan kegunaan perbankan umum, dan/atau kegunaan patuh Syariah di mana terpakai.

## 2. Kontrak-Kontrak Penting

- RHB Investment Bank, sebuah syarikat subsidiari milik penuh RHB Bank telah melaksanakan penstrukturan semula operasi penyelidikan ekuiti dan ekonomi, ditempatkan di bawah RHB Research Institute Sdn Bhd ("RHBRI"), ke dalam RHB Investment Bank, sementara fungsi penyelidikan pendapatan tetap dan mata wang akan diserap oleh Bank, dan tertakluk kepada kesemua kelulusan yang sewajarnya ('Cadangan Penstrukturan Semula'). RHBRI kini merupakan sebuah syarikat subsidiari milik penuh RHB Investment Bank.

Cadangan Penstrukturan Semula dilaksanakan melalui Perjanjian Pembelian Aset ("APA") yang akan dimeterai di antara RHB Investment Bank dan RHBRI dan akan merangkumi pembaharuan kontrak yang telah dimeterai oleh RHBRI dan pemindahan sumber tenaga. Demikian juga Bank dan RHBRI mencadangkan untuk memeterai APA berhubung dengan pemindahan aset.

Setelah selesainya Penstrukturan Semula yang dicadangkan, operasi penyelidikan ekuiti dan ekonomi di bawah RHBRI akan menjadi sebahagian daripada RHB Investment Bank, manakala fungsi penyelidikan pendapatan tetap dan mata wang akan diserap oleh Bank. RHBRI akan kemudiannya menyerahkan CMSLnya dan seterusnya dibubarkan.

Pada 15 April 2019, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") telah meluluskan Cadangan Penstrukturan Semula tersebut, termasuk variasi di dalam Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal RHB Investment Bank bagi merangkumi aktiviti Nasihat Pelaburan yang terkawal selia.

Susulan daripada kelulusan SC, APA telah dimeterai antara RHB Investment Bank dan RHBRI, serta antara RHB Bank dan RHBRI berkaitan dengan pemindahan operasi penyelidikan yang disempurnakan pada 2 Mei 2019.

Tiada mana-mana pengarah atau pemegang saham utama RHB Bank atau individu yang mempunyai hubungan dengan mereka mempunyai sebarang kepentingan, langsung atau tidak langsung dalam Cadangan Penstrukturan Semula.

- RHB Bank dan syarikat-syarikat subsidiarinya tidak mempunyai sebarang kontrak-kontrak penting melibatkan kepentingan para Pengarah dan pemegang saham utama dalam tempoh kewangan 12-bulan mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018. Kontrak-kontrak penting dalam hal ini tidak termasuk pembiayaan kepada pihak yang mempunyai hubungan dengan para Pengarah, yang dikendalikan selaras dengan pengumuman undang-undang dan kawal selia berkaitan.

Bagaimanapun, berhubung dengan Vietnam Securities Corporation, RHB Investment Bank telah menandatangani perjanjian pembelian saham bersyarat dengan vendor-vendor (butiran di bawah) dan petikan pengumuman awal kepada Bursa serta maklumat yang telah dikemaskini dilampirkan di bawah:

*"RHB Investment Bank, anak syarikat milik penuh Bank, pada 9 Februari 2018 telah menandatangani perjanjian pembelian saham bersyarat ('CSPA') dengan Chu Thi Phuong Dung, Truong Lan Anh dan Viet Quoc Broker Insurans bersama Syarikat Saham pemerolehan kepentingan ekuiti 51% dalam VSEC, yang terdiri daripada 6,885,000 saham biasa sedia pada VND10,000 setiap satu dalam VSEC untuk pertimbangan pembelian VND121,629,915,000 (bersamaan dengan kira-kira USD5.365 juta atau RM21.285 juta) untuk dipenuhi sepenuhnya secara tunai.*

*Cadangan Perolehan, antara lain, tertakluk kepada kelulusan BNM dan Suruhanjaya Sekuriti Negeri Vietnam ('Vietnam SSC'). Bank dan RHB Investment Bank telah mengemukakan permohonan kepada BNM untuk kelulusan Pengambilalihan yang dicadangkan dan VSEC juga telah mengemukakan permohonan kepada Vietnam SSC untuk kelulusan Pengambilan Cadangan dan penukaran status VSEC dari sebuah syarikat saham bersama ke dalam syarikat bebanan terhad tunggal ('Penukaran').*

*Pada 17 Oktober 2018 dan 12 Disember 2018, Vietnam SSC dan BNM masing-masing memberikan kelulusan mereka kepada VSEC untuk Cadangan Pengambilalihan.*

*RHB Investment Bank, Chu Thi Phuong Dung, Truong Lan Anh dan Syarikat Saham Bersama Broker Insurans Viet Quoc telah pada 27 Disember 2018, melalui pertukaran surat, bersetuju untuk melanjutkan tempoh untuk memenuhi atau mengetepikan syarat-syarat terdahulu CSPA hingga 28 Februari 2019.*

*Pada 29 Januari 2019, Vietnam SCC telah memberi kelulusannya untuk Penukaran dan pengeluaran lesen yang dipinda sebagai satu syarikat bebanan terhad tunggal. VSEC telah menjadi anak syarikat milik penuh RHB Investment Bank berkuatkuasa 19 Februari 2019.*

*Pemerolehan telah selesai pada 19 Februari 2019"*

## 3. Urus Niaga Pihak Berkaitan

Kumpulan Perbankan RHB telah melaksanakan Proses Kajian Semula Dasar Urus Niaga Pihak Berkaitan ("Dasar") sejak 2004 (disemak semula dan dikemas kini pada tahun 2015), yang membimbing peninjauan dan pelaporan semua urus niaga pihak berkaitan. Di bawah Dasar ini, urus niaga pihak berkaitan dikaji semula oleh Kumpulan Perundangan sebelum penilaian semula oleh Kumpulan Audit Dalaman dan sebelum penyerahan dibuat kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah untuk perbincangan.

Lembaga Pengarah tidak memasuki dan tidak memohon mandat daripada para pemegang sahamnya kepada mana-mana urus niaga pihak berkaitan ("RPT") pada tahun kewangan yang lepas.

# Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya ingin melaporkan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman (“Penyata”) menurut keperluan penyenaian Bursa Malaysia Securities Berhad. Penyata ini telah disediakan mengikut garis panduan yang dinyatakan dalam “Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan untuk Pengarah Penerbit Tersenarai” yang disahkan oleh Bursa Malaysia.

Penyata ini menggariskan ciri-ciri utama pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan Perbankan RHB pada tahun yang ditinjau.

## TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah amat komited terhadap tanggungjawab keseluruhan dalam mewujudkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh di dalam Kumpulan Perbankan RHB. Tanggungjawab Lembaga Pengarah termasuk mengkaji kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman dalam melindungi pelaburan pemegang saham dan harta Kumpulan Perbankan RHB. Walaupun penyingkiran risiko secara menyeluruh tidak mungkin dilakukan, sistem ini telah direka untuk mengurus selera risiko Kumpulan Perbankan RHB dalam toleransi risiko yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan untuk menyokong pencapaian matlamat perniagaan Kumpulan Perbankan RHB. Oleh itu, sistem itu hanya boleh memberi jaminan yang munasabah dan tidak mutlak terhadap terjadinya salah nyata, kerugian atau penipuan.

Dalam mengakui bahawa mempunyai pengurusan risiko yang berwibawa dan sistem kawalan dalaman adalah mustahak, Lembaga Pengarah telah mewujudkan rangka tadbir urus untuk memastikan pengawasan risiko dan kawalan dalaman yang berkesan dalam Kumpulan Perbankan RHB di semua peringkat. Untuk tujuan ini, Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (“JRL”) dan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (“JAL”) yang telah ditugaskan dengan tanggungjawab pengawasan utama ke atas pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan Perbankan RHB. Lembaga Pengarah tetap bertanggungjawab terhadap tadbir urus risiko dan untuk semua tindakan Jawatankuasa Lembaga Pengarah berhubung pelaksanaan tanggungjawab pengawasan yang ditugaskan.

Lembaga Pengarah juga mendapat jaminan daripada Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan berjalan dengan secukupnya dan berkesan.

## TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN


Pihak Pengurusan bertanggungjawab secara keseluruhan untuk melaksanakan dasar dan proses-proses Kumpulan Perbankan RHB untuk mengenal pasti, menilai, mengukur, memantau dan melaporkan risiko serta keberkesanan sistem kawalan dalaman, mengambil tindakan pemulihan yang sesuai dan tepat pada masanya. Perannya termasuk:

- Mengetahui dan menilai risiko yang berkaitan dengan perniagaan Kumpulan Perbankan RHB dan pencapaian matlamat dan strategi perniagaannya;
- Merangka dasar dan tatacara yang berkaitan untuk menguruskan risiko dan tatacara menjalankan perniagaan;
- Mereka bentuk dan melaksanakan rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman, dan memantau keberkesanannya;
- Melaksanakan dasar-dasar yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- Melaksanakan tindakan pemulihan untuk menangani kekurangan pematuhan seperti yang diarahkan oleh Lembaga Pengarah; dan
- Membuat laporan kepada Lembaga Pengarah dengan cepat tentang sebarang perubahan kepada risiko dan tindakan pemulihan yang diambil.

Sehubungan itu, pihak Pengurusan telah memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah bahawa pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan berjalan dengan secukupnya dan berkesan dengan proses-proses yang perlu telah dilaksanakan.

## RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Kumpulan Perbankan RHB telah menyediakan rangka kerja pengurusan risiko yang diluluskan oleh Lembaga untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan melaporkan risiko ketara yang dihadapi oleh Kumpulan Perbankan RHB dalam mencapai matlamat dan strategi perniagaan Kumpulan Perbankan RHB. Rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan bertujuan memastikan terdapat proses yang berterusan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko di seluruh Kumpulan Perbankan RHB dan diwakili dalam rajah berikut:



### Tadbir Urus dan Pengawasan Risiko

Pihak Lembaga, menerusi Jawatankuasa Lembaga dan Pengurusan Kanan entiti yang berkaitan serta fungsi Pengurusan Risiko & Kredit Kumpulan, mewujudkan selera risiko dan dasar-dasar risiko untuk pihak Bank dan entiti yang berkaitan. JRL merupakan Jawatankuasa Lembaga utama yang memberikan pengawasan terhadap kegiatan pengurusan risiko untuk Kumpulan Perbankan RHB bagi memastikan proses pengurusan risiko Kumpulan dapat dilaksanakan dan boleh berfungsi. JRL juga membantu pihak Lembaga Pengarah untuk mengkaji falsafah, rangka kerja, dasar dan model pengurusan risiko keseluruhan Kumpulan Perbankan RHB.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Islam (“IRMC”) dan Jawatankuasa Risiko Lembaga Pelaburan Bank (“IBBRC”) membantu Lembaga RHB Islamic Bank dan RHB Investment Bank masing-masing mengenai isu-isu risiko yang berkaitan dan unik kepada perniagaannya.

Tanggungjawab untuk pengurusan harian perkara-perkara risiko perniagaan dan modal diserahkan kepada Jawatankuasa Permodalan dan Risiko Kumpulan (“GCRC”) yang terdiri daripada pengurusan kanan Kumpulan Perbankan RHB yang melapor kepada jawatankuasa lembaga berkaitan dan Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan.



# Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Bank Pelaburan ("IBRMC") bertanggungjawab untuk mengawasi perkara-perkara pengurusan risiko yang berkaitan dengan perniagaan Kumpulan RHB Investment Bank sementara Jawatankuasa Aset dan Liabiliti Kumpulan ("ALCO Kumpulan") mengawasi risiko pasaran, risiko kecairan dan pengurusan kunci kira-kira. Gambaran rangka kerja tadbir urus di peringkat Kumpulan Perbankan RHB adalah seperti di bawah:



## Selera Risiko

Selera risiko untuk Kumpulan Perbankan RHB ditakrifkan sebagai jumlah dan jenis risiko yang bersedia diterima oleh Kumpulan Perbankan RHB untuk mencapai matlamat strategik dan perniagaannya. Sebaliknya, toleransi risiko adalah tahap variasi yang boleh diterima berbanding dengan pencapaian matlamat strategik dan perniagaan Kumpulan Perbankan RHB. Ia diukur dalam unit yang sama seperti matlamat Kumpulan Perbankan RHB. Ia menterjemahkan selera risiko ke dalam metrik operasi, dan ia boleh ditakrifkan di mana-mana peringkat Kumpulan Perbankan RHB.

Penakrifan selera risiko dan toleransi risiko disemak semula secara berkala oleh Pengurusan dan Lembaga sejajar dengan strategi perniagaan dan persekitaran operasi Kumpulan Perbankan RHB. Kajian ini termasuk mengenalpasti dan menetapkan metrik selera risiko baru untuk entiti perniagaan atau penyingkiran metrik selera risiko yang tidak lagi terpakai serta maklumat mengenai ambang selera risiko yang dikemaskini supaya ianya sejajar dengan strategi perniagaan dan kedudukan risiko Kumpulan Perbankan RHB.

Risiko semulajadi perniagaan dan operasi utama yang dianggap sebagai semakan selera risiko termasuk risiko pematuhan peraturan, risiko kredit, risiko pasaran dan risiko kecairan, risiko operasi, risiko teknologi dan siber, dan risiko ketidakpatuhan Syariah.

## Proses Pengurusan Risiko

Proses pengurusan risiko di dalam Kumpulan Perbankan RHB berusaha untuk mengenal pasti, menilai, mengukur, mengawasi dan mengawal risiko supaya pendedahan risiko dikendalikan dengan secukupnya dan pulangan yang diharapkan mencukupi untuk menampung/mengimbangi risiko tersebut.

- Pengenalpastian: Pengenalpastian dan analisis risiko sedia ada dan potensi risiko adalah proses yang berterusan, untuk memudahkan dan memastikan bahawa risiko boleh diuruskan dan dikawal dalam selera risiko Kumpulan Perbankan RHB dan entiti tertentu, jika perlu.
- Pengukuran: Risiko diukur, dinilai dan dijumlahkan menggunakan kaedah pengukuran risiko kualitatif dan kuantitatif dan proses itu juga berfungsi sebagai alat penting kerana ia memberikan penilaian kecukupan modal dan penyelesaian hutang.
- Kawalan dan Pemantauan: Kawalan, pencetus dan had digunakan untuk menguruskan pendedahan risiko serta memudahkan pengenalan awal potensi masalah dengan cepat.
- Analisis terperinci dan Pelaporan: Analisis risiko dan laporan disediakan pada entiti masing-masing dan tahap penggabungan serta tahap perniagaan diserahkan secara tetap kepada Pengurusan Kanan dan Lembaga Pengarah berkaitan entiti-entiti Kumpulan Perbankan RHB untuk memastikan risiko yang dikenal pasti kekal dalam selera risiko yang ditetapkan dan untuk memudahkan proses membuat keputusan.

## Dokumentasi dan Infrastruktur Risiko

Kumpulan Perbankan RHB mengambil maklum bahawa pelaksanaan proses dan sistem pengurusan risiko mesti disokong oleh set dokumentasi dan infrastruktur yang mantap. Bagi tujuan tersebut, Kumpulan Perbankan RHB telah mewujudkan rangka kerja, polisi dan dokumen kawalan lain yang berkaitan untuk memastikan pelaksanaan amalan dan proses yang jelas dan konsisten ditentukan merentasi Kumpulan Perbankan RHB.

Dari segi infrastruktur risiko, Kumpulan Perbankan RHB telah mengatur sumber tenaga dan bakat di dalam fungsi pengurusan risiko yang khusus, dan melabur ke dalam bidang teknologi termasuk pengurusan data, untuk menyokong aktiviti-aktiviti pengurusan risiko Kumpulan Perbankan RHB.

## Budaya Risiko

Pengurusan risiko adalah penting kepada semua aspek perniagaan dan operasi Kumpulan Perbankan RHB serta merupakan tanggungjawab semua kakitangan merentasi Kumpulan Perbankan RHB. Selaras dengan keperluan pengawalseliaan dan amalan terbaik industri,

Kumpulan Perbankan RHB memegang kepada prinsip "Risiko dan Pematuhan adalah Tanggungjawab Semua" dan justeru, pengurusan risiko adalah tanggungjawab teras bagi unit perniagaan dan operasi masing-masing. Ini telah dinyatakan dan didokumentasikan dalam rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan Perbankan RHB.

Dipandu oleh prinsip tersebut, Kumpulan Perbankan RHB telah melancarkan program Kesedaran Budaya Risiko yang merangkumi latihan, kempen kesedaran dan jerayawara di dalam Kumpulan Perbankan RHB (termasuk cawangan luar negara dan syarikat subsidiari) untuk mempromosikan budaya risiko yang sihat. Budaya risiko yang kukuh meminimumkan pendedahan Kumpulan Perbankan RHB kepada risiko kewangan dan bukan kewangan termasuk impak reputasi, dari semasa ke semasa.

Di samping itu, Kumpulan Perbankan RHB telah melaksanakan program Ketua Risiko & Pematuhan Perniagaan ("BRCO") yang bertujuan untuk memupuk pengurusan risiko dan pematuhan yang proaktif dan mewujudkan budaya risiko yang mantap. Program BRCO melibatkan pelantikan BRCO di unit perniagaan dan unit-unit fungsi untuk memberikan nasihat mengenai perkara-perkara berkaitan risiko dan pematuhan pada masa sebenar.



# Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman


## Penilaian Risiko

Kumpulan Perbankan RHB telah mewujudkan satu proses yang mantap dan menyeluruh untuk mengenalpasti risiko pada setiap peringkat aktiviti pengambilan risiko, iaitu transaksi, produk bahkan pada peringkat entiti dan peringkat Kumpulan Perbankan RHB masing-masing. Risiko juga dikenalpasti melalui pelaporan Peristiwa Kerugian Risiko Operasi dan analisa Portfolio bertema. Sebagai sebahagian daripada penilaian berkala risiko material Kumpulan, Kumpulan Perbankan RHB telah mengkaji semula jenis dan komponen risiko material, menentukan kuantum berkepentingan dan penghalusan proses dengan mengambil kira maklum balas yang diterima, termasuk ulasan bebas.

Penilaian risiko material diukur dari ruang ukuran kebarangkalian kejadian dan kadar impaknya. Di samping itu, penilaian risiko turut mempertimbangkan antara lain, keberkesanan kawalan yang ada, dan kesan kepada indikator kewangan dan bukan kewangan seperti risiko reputasi. Ini diterjemahkan ke dalam matriks Heat Map untuk mendapatkan material risiko seperti yang ditunjukkan dalam jadual di sebelah kanan.

## Penilaian Kendiri Risiko dan Kawalan

Untuk terus menyokong dan menggalakkan kebertanggungjawaban dan pemilikan pengurusan risiko, satu rangka kerja Penilaian Risiko dan Kawalan Sendiri ("RCSA") telah dilaksanakan dalam unit perniagaan dan unit berfungsi di dalam Kumpulan Perbankan RHB sebagai sebahagian daripada proses pengurusan risiko. Unit perniagaan dan unit berfungsi ini dikehendaki mengenal pasti dan mendokumentasi kawalan dan proses-proses untuk mengurus risiko yang timbul daripada aktiviti dan operasi perniagaan mereka, serta menilai keberkesanannya untuk memastikan bahawa risiko yang dikenal pasti dapat diuruskan dan dikurangkan dengan secukupnya. Setelah selesai menjalankan RCSA, semua unit perniagaan dan berfungsi dalam Kumpulan Perbankan RHB dikehendaki mengemukakan keputusan masing-masing kepada Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan Perbankan RHB untuk semakan sebelum keputusan RCSA dibentangkan kepada GCRC untuk perbincangan dan tindakan selanjutnya jika perlu.



## PROSES KAWALAN DALAMAN UTAMA

Sistem kawalan dalaman Kumpulan Perbankan RHB direka untuk mengurus dan mengurangkan risiko yang boleh menghalang Kumpulan Perbankan RHB daripada mencapai matlamatnya. Ia merangkumi dasar, tatacara, proses, rangka asas pertubuhan dan perkara kawalan lain yang dilaksanakan untuk menjamin pencapaian matlamat Kumpulan Perbankan RHB dalam keberkesanan dan kecekapan operasi, laporan kewangan yang boleh dipercayai dan patuh terhadap undang-undang, peraturan dan dasar dalaman.

Proses-proses utama yang ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah bagi menyediakan tadbir urus dan pengawasan yang berkesan terhadap sistem kawalan dalaman termasuk:

### Kawalan Persekitaran dan Kawalan Aktiviti

#### Struktur Organisasi


Kumpulan Perbankan RHB mempunyai struktur organisasi rasmi yang menggariskan dengan jelas akauntabiliti dan tanggungjawab, had kuasa dan pelaporan Kumpulan Perbankan RHB. Struktur organisasi ini menyediakan rangka asas untuk memastikan operasi Kumpulan Perbankan RHB berjalan dengan lancar dan berfungsi serta menggambarkan jangka masa kawalan dalam memastikan pengawasan yang berkesan dalam tata susila perniagaan dan kebertanggungjawaban harian.

## Pengurusan Kemampunan

Pihak Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menggalakkan kemampunan menerusi pertimbangan Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") yang sewajarnya ke dalam strategi perniagaan Kumpulan Perbankan RHB.

Pihak Bank mempunyai Rangka Kerja Kemampunan Kumpulan Perbankan RHB yang telah diluluskan Lembaga Pengarah dan menetapkan pendekatan dalam mengurus perkara-perkara material, mengurangkan kesan negatif dan menyumbang ke arah pembangunan yang lestari/mampun. Rangka Kerja berkenaan mengandungi tiga (3) tonggak bertema, iaitu Perbankan Mampun dan Bertanggungjawab, Menerapkan/Menyemai Amalan Baik serta Memperkaya dan Memperkasa Komuniti.

Kumpulan Perbankan RHB bercita-cita untuk membina masa depan yang mampun dengan menyemai amalan kemampunan/kelestarian ke dalam perniagaan dan operasi kami.

 Sila rujuk Laporan Kemampunan 2019 untuk butiran lanjut Rangka Kerja dan inisiatif Kemampunan Kumpulan Perbankan RHB.

## Dasar dan Tatacara

Dasar-dasar, tatacara dan proses mentadbir perniagaan dan operasi Kumpulan Perbankan RHB didokumentasi dan disebarluaskan ke seluruh Kumpulan Perbankan RHB termasuk semua kakitangan menerusi portal intranet Kumpulan Perbankan RHB untuk memudahkan rujukan dan pematuhan. Dasar, tatacara dan proses ini dikaji dan dikemas kini oleh unit perniagaan dan unit berfungsi melalui proses kajian semula dan kelulusan berstruktur untuk memenuhi perubahan undang-undang dan peraturan serta perubahan kepada persekitaran perniagaan dan operasi.

## Had Pihak Berkuasa

Lembaga Pengarah telah meluluskan Buku Panduan Kumpulan Perbankan RHB Pihak Berkuasa ("MOA") yang mentakrifkan pihak berkuasa yang meluluskan dengan had kelulusan untuk pelbagai peringkat Pengurusan dalam Kumpulan Perbankan RHB. Oleh yang demikian, pihak Pengurusan diberi kuasa untuk melaksanakan tanggungjawab dan bertanggungjawab ke atas keputusan dan tindakan mereka. MOA Kumpulan Perbankan RHB ini dikaji secara berkala dan dikemaskini seiring dengan struktur organisasi, persekitaran perniagaan atau keperluan operasi.

## Keselamatan Teknologi Maklumat ("IT")

Kumpulan Perbankan RHB menganggap keselamatan IT sebagai keutamaan tinggi untuk memastikan kerahsiaan, integriti dan ketersediaan aset maklumat dan infrastruktur IT.

Keselamatan IT dalam Kumpulan Perbankan RHB dicapai melalui pelaksanaan pendekatan kawalan berasaskan risiko yang mengandungi dasar, piawaian, tatacara dan garis panduan serta struktur organisasi dan kawalan perisian dan perkakasan.

Dengan peningkatan ancaman siber di peringkat global dan juga tempatan, Kumpulan Perbankan RHB telah menubuhkan Pusat

Penyelarasan dan Arahan Siber untuk memastikan ada proses berstruktur terhadap pemantauan segera serta tindak balas tepat pada masa ancaman dan insiden siber berlaku.

Untuk mengukuh dan mempertingkatkan tahap pengurusan maklumat sekuriti, Kumpulan Perbankan RHB telah memperoleh pensijilan ISO/IEC27001: 2013 – Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat dan ISO/IEC 20000: 2011 – Pengurusan Perkhidmatan Teknologi Maklumat, sebagai tambahan kepada mematuhi pelbagai keperluan pengawalseliaan untuk mengurus risiko teknologi maklumat secara menyeluruh.

## Proses Belanjawan

Proses belanjawan yang mantap ditubuhkan yang memerlukan semua entiti operasi utama dalam Kumpulan Perbankan RHB menyediakan belanjawan dan rancangan perniagaan setiap tahun untuk kelulusan Lembaga Pengarah masing-masing. Rancangan belanjawan dan perniagaan Kumpulan Perbankan RHB serta inisiatif strategik, dengan mengambil kira selera risiko yang ditetapkan, dibincangkan bersama Pengurusan terlebih dahulu sebelum belanjawan Kumpulan Perbankan RHB dibentangkan kepada Lembaga Pengarah.

## Pengurusan Modal Insan

Salah satu komponen utama dalam mana-mana sistem kawalan dalaman adalah tenaga kerja dan bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman kami bergantung pada tanggungjawab, integriti dan pertimbangan wajar yang diguna pakai kakitangan untuk kerja mereka. Oleh itu, Kumpulan Perbankan RHB mempunyai dasar dan tatacara yang mengawal pengambilan, pelantikan, pengurusan prestasi dan ganjaran serta hal berkaitan dengan disiplin, penamatan dan pemecatan.

Untuk pertumbuhan yang mampun, Kumpulan Perbankan RHB memberi penekanan kepada pembangunan modal insan, pengurusan bakat dan perancangan penggantian. Untuk meningkatkan kecekapan pekerja, latihan berstruktur dan teknikal serta bengkel pengurusan dan kepimpinan disediakan kepada kakitangan berdasarkan keperluan mereka yang telah dikenal pasti semasa penilaian prestasi tahunan. Bagi pengurusan bakat, inisiatif seperti Program Pembangunan Kepimpinan, Rancangan Pembangunan Individu dan bimbingan dilaksanakan untuk membangunkan bakat yang dikenalpasti dalam Kumpulan Perbankan RHB untuk memudahkan penawaran keupayaan yang tinggi dan pengganti yang sesuai untuk peranan kepimpinan masa depan.

## Kod Etika dan Tingkah Laku Kumpulan Perbankan RHB

Kod Etika dan Tingkah Laku Kumpulan Perbankan RHB ("Kod") menetapkan piawaian amalan perbankan yang baik dan beretika, serta bertujuan untuk mengekalkan keyakinan terhadap keselamatan dan integriti amalan perniagaan Kumpulan Perbankan RHB. Adalah satu keperluan bahawa semua kakitangan Kumpulan Perbankan RHB memahami dan mematuhi Kod berkenaan. Pekerja baru diberi taklimat mengenai Kod itu dan dikehendaki menandatangani Borang Pengisytiharan Pematuhan Kakitangan apabila menyertai Kumpulan Perbankan RHB.

# Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Kumpulan Perbankan RHB juga telah menubuhkan Garis Panduan Hadiah dan Hospitaliti untuk menggalakkan ketelusan dan integriti dalam pemberian dan penerimaan hadiah. Garis Panduan ini melengkapi Kod Tatakelakuan dan direka untuk membantu Kumpulan Perbankan RHB dan kakitangannya memahami kewajipan pihak masing-masing dalam menegakkan ketelusan korporat mengenai hadiah.

## Dasar Anti-Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Pencegahan Keganasan Kumpulan

Dasar Anti-Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Pencegahan Keganasan Kumpulan ("AML/CFT") dirangka mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, dan piawaian Bank Negara Malaysia mengenai AML/CFT. Ia menetapkan piawaian tahap tinggi ke arah membina rejim pematuhan AML/CFT yang kukuh dan mantap dalam Kumpulan Perbankan RHB, memudahkan ketekalan dalam menguruskan risiko pematuhan AML/CFT merentasi entiti tempatan dan serantau dalam Kumpulan Perbankan RHB, dan menetapkan nyata dasar Kumpulan Perbankan RHB dengan prinsip umum dan langkah-langkah utama yang Kumpulan Perbankan RHB perlu patuhi.

Selaras dengan Dasar AML/CFT Kumpulan, entiti dan/atau kakitangan dalam Kumpulan Perbankan RHB dikehendaki mengguna pakai Pendekatan Berasaskan Risiko ("RBA") kepada penerimaan pelanggan dan melaksanakan rangka kerja Program Pematuhan AML/CFT. Ini termasuk keperluan ketekunan wajar pelanggan ("CDD"), pemantauan kegiatan/transaksi pelanggan, melaporkan transaksi mencurigakan, penyimpanan rekod, latihan AML/CFT, perlindungan maklumat pelanggan, dan tindakan penguatkuasaan untuk ketidakpatuhan terhadap keperluan.

Dasar AML/CFT Kumpulan juga menggariskan peranan dan tanggungjawab serta mewujudkan kebertanggungjawaban yang jelas bagi Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dan semua kakitangan dalam Kumpulan Perbankan RHB.

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab pengawasan untuk mewujudkan dasar/tatacara/CFT dan piawaian minima sementara Pengurusan Kanan bertanggungjawab untuk pelaksanaan dan pengurusan program pematuhan AML CFT mengikut dasar dan tatacara yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

## Dasar Pengurusan Risiko Penipuan Kumpulan

Dasar Pengurusan Risiko Penipuan Kumpulan Perbankan RHB direka untuk menggalakkan tingkah laku organisasi yang konsisten melalui pembangunan, pelaksanaan dan semakan tetap terhadap strategi pencegahan, pengesanan dan tindak balas penipuan. Dasar ini mentakrifkan prinsip pentadbiran teras bagi pengurusan penipuan dalam Kumpulan Perbankan RHB termasuk kepimpinan dan budaya beretika, kesedaran dan pencegahan penipuan, pengawalan dan pengesanan penipuan, pelaporan penipuan dan penyampaian serta tindak balas penipuan dengan tindakan pembetulan yang sesuai.

## Pengurusan Kesinambungan Perniagaan

Kumpulan Perbankan RHB menyedari dan komited sepenuhnya kepada keperluan untuk menyediakan perkhidmatan kritikal tanpa gangguan kepada pelanggannya, memastikan keselamatan kakitangan, melindungi aset termasuk data dan menjaga kepentingan pemegang berkepentingan utamanya yang secara kolektif bagi memastikan organisasi berdaya maju. Oleh itu, Kumpulan Perbankan RHB menyedari betapa pentingnya Rangka Kerja dan Program Pengurusan Kesinambungan Pengurusan ("BCM") yang kukuh untuk membina daya tahan organisasi dan tindak balas yang berkesan untuk melindungi kepentingan pihak berkepentingan utama, reputasi dan jenama Bank. Program BCM Kumpulan adalah berdasarkan amalan kesinambungan perniagaan yang baik, Bank Negara Malaysia dan garis panduan pengawalseliaan yang lain serta piawaian antarabangsa.

Lembaga Pengarah mempunyai fungsi pengawasan terhadap kesediaan BCM Kumpulan Perbankan RHB melalui BRC dan Pengurusan Modal & Risiko Kumpulan ("GCRC"). Jawatankuasa Kesinambungan Perniagaan Kumpulan adalah jawatankuasa pengurusan yang ditubuhkan untuk mengawasi rangka kerja, dasar, belanjawan dan rancangan kesinambungan perniagaan, dan melapor kepada GCRC.

Kumpulan Perbankan RHB melaksanakan program BCM yang kukuh untuk memastikan fungsi perniagaan kritikal dapat dipulihkan tepat pada masanya jika berlaku sebarang gangguan. Kajian semula, penilaian, pengemaskinian dan pengujian rancangan BCM diadakan secara kerap untuk memastikan kecukupan, keberkesanan dan kesediaan pemulihan perniagaan. Latihan simulasi dan latihan tubi dilakukan untuk membiasakan dan membekalkan kakitangan dengan kemahiran dan proses yang diperlukan untuk memastikan bahawa sekiranya berlaku gangguan, proses perniagaan kritikal dapat diteruskan atau dipulihkan tepat pada waktunya.

Kumpulan Perbankan RHB terus menambahbaik Program dan aktiviti-aktiviti BCM dan pada tahun 2019, RHB telah menjalankan Latihan Simulasi Krisis komprehensif yang menggabungkan latihan pada semua elemen utama Pengurusan Krisis dan BCM untuk menguji kesediaan kakitangan dalam menjalankan Rancangan Kesinambungan Perniagaan mereka, dan tahap kesediaan infrastruktur di pusat arahan dan lokasi alternatif. Kumpulan Perbankan RHB juga mengambil bahagian dalam simulasi latihan siber pasaran modal anjuran Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Latihan simulasi itu membolehkan penilaian terhadap keupayaan dan kesediaan Kumpulan Perbankan RHB dalam mengurus insiden serangan-siber sambil menerima pandangan ke atas amalan terbaik seluruh industri perkhidmatan kewangan dalam mengurus risiko keselamatan siber.

## Maklumat dan Komunikasi

### Penilaian Prestasi

Maklumat yang kerap dan menyeluruh disediakan oleh Pengurusan untuk memantau prestasinya terhadap rancangan perniagaan strategik dan belanjawan tahunan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Maklumat ini merangkumi semua petunjuk utama kewangan dan operasi serta inisiatif strategik utama yang dilaksanakan oleh Kumpulan Perbankan RHB sepanjang tahun.

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan ("GMC") menerima dan menyemak laporan kewangan mengenai prestasi kewangan bulanan dan suku tahunan Kumpulan Perbankan RHB daripada sasaran yang diluluskan dan alasan bagi sebarang perbezaan ketara serta langkah-langkah yang diambil bagi memenuhi sasaran tersebut.

Ketua-ketua perniagaan teras dan fungsi dalam Kumpulan Perbankan RHB membentangkan laporan pengurusan masing-masing kepada GMC pada mesyuarat bulanan, meliputi bidang-bidang seperti prestasi kewangan, hasil aktiviti utama serta cadangan perniagaan baru atau proses untuk maklumat dan pertimbangan oleh GMC.

## Dasar Pemberi Maklumat Kumpulan Perbankan RHB

Dasar Pemberi Maklumat Kumpulan ("GWBP") telah ditubuhkan oleh Kumpulan Perbankan RHB pada tahun 2007 dan kali terakhir dikemas kini pada tahun 2018. GWBP menyediakan mekanisma yang betul dan menetapkan piawaian minima yang perlu dipatuhi oleh Kumpulan Perbankan RHB dalam menangani pendedahan tindakan yang boleh dipersoalkan atau salah laku oleh kakitangan dalam Kumpulan Perbankan RHB. Butiran GWBP boleh didapati di bawah Amalan 3.2 Laporan Tadbir Urus Korporat ("TU") RHB Bank Berhad, di [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com).

## Pelaporan Kejadian Pengurusan

Untuk melengkapi sistem kawalan dalaman Kumpulan Perbankan RHB, satu sistem pelaporan komprehensif pengurusan insiden telah dilaksanakan untuk memastikan penyampaian dan pengurusan insiden yang betul berdasarkan tahap keparahan. Sistem pelaporan pengurusan kejadian juga memastikan semua kejadian dengan risiko material dan kerugian akan dilapor dengan segera kepada Pengurusan Kanan dan Lembaga Pengarah dengan langkah-langkah perlu untuk mengurangkan sebarang potensi risiko yang mungkin timbul. Ini membolehkan para pembuat keputusan membuat keputusan yang tepat dan sentiasa dikemas kini dalam setiap keadaan serta mengurus risiko dengan berkesan.

## Pemantauan

### Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah mempunyai Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang ditubuhkan untuk menyokong Lembaga Pengarah dalam fungsi pengawasannya. Jawatankuasa Lembaga Pengarah termasuk BRC, BAC, Jawatankuasa Pencalonan & Imbuan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Kredit Lembaga Pengarah, IBBRC dan IRMC. Jawatankuasa Lembaga Pengarah ini telah diamanahkan dengan tugas khusus untuk mengkaji semula dan mempertimbangkan semua perkara dalam skop tanggungjawab seperti yang ditakrifkan dalam Terma Rujukan ("ToR") masing-masing. Butiran terperinci tanggungjawab Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah ini boleh didapati di bawah Laporan Tadbir Urus Korporat RHB Bank Berhad, Piagam Lembaga Pengarah dan ToR masing-masing di [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com)

## Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan

Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan ("GMC") terdiri daripada Pengarah Urusan Kumpulan Perbankan RHB sebagai Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan bagi anak syarikat operasi utama yang berkaitan dan Pengurusan Kanan utama Kumpulan Perbankan RHB. GMC menyediakan kepimpinan dan hala tuju dalam pelaksanaan strategi dan dasar yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan bermesyuarat setiap bulan untuk membincangkan dan mempertimbangkan perkara-perkara strategik yang memberi kesan kepada operasi Kumpulan Perbankan RHB.

## Jawatankuasa Audit Pengurusan

Jawatankuasa Audit Pengurusan ("MAC") ditubuhkan pada entiti operasi utama dalam Kumpulan Perbankan RHB untuk memastikan pembetulan dilakukan pada masanya mengenai sebarang penemuan audit dan punca disebaliknya yang diketengahkan oleh juruaudit dalaman dan luaran, dan pengawal selia. Status pembetulan semua penemuan audit dan tindakan mitigasi yang diambil oleh Pengurusan dalam menangani punca masalah yang timbul dipantau rapat oleh MAC pada setiap mesyuarat.

MAC yang terdiri daripada wakil peringkat kanan dari kumpulan perniagaan/fungsi yang berbeza dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Perbankan RHB/Pengarah Urusan entiti yang berkenaan. MAC bermesyuarat setiap bulan/dua bulan dan minit mesyuarat bersama-sama laporan audit yang berkaitan kemudiannya dibentangkan kepada BAC untuk maklumat, pertimbangan dan arahan untuk tindakan selanjutnya jika diperlukan.

## Pematuhan Kumpulan

Pematuhan adalah tanggungjawab bersama Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dan setiap kakitangan Kumpulan Perbankan RHB. Fungsi pematuhan merupakan bahagian penting dalam pengurusan risiko dan rangka kerja kawalan dalaman Kumpulan Perbankan RHB. Memandangkan budaya pematuhan yang mantap mencerminkan budaya korporat berintegriti dan beretika tinggi, setiap orang diharapkan dapat menggalakkan peraturan-kendiri dan bertanggungjawab terhadap aktiviti mereka sendiri sambil mengekalkan prinsip dan tingkah laku beretika.

Sebagai tambahan kepada pemantauan harian, komitmen Pematuhan Kumpulan Perbankan RHB dalam meyakini budaya pematuhan yang kuat di seluruh Kumpulan Perbankan RHB ditunjukkan melalui penubuhan rangka kerja pemantauan pematuhan mantap yang antara lain, termasuk pelaksanaan dasar pematuhan yang menyeluruh, penilaian/semakan risiko pematuhan secara berkala, sesi penglibatan secara tetap dengan perniagaan, unit berfungsi serta pejabat serantau dan menjalankan program latihan/kesedaran yang berterusan di seluruh Kumpulan Perbankan RHB untuk memastikan semua kakitangan mendapat maklumat tentang keperluan dan jangkaan pengawalseliaan terkini.

Selanjutnya, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan juga dimaklumkan mengenai keadaan pematuhan Kumpulan Perbankan RHB melalui penyerahan laporan Pematuhan Kumpulan secara berkala.

# Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

## Pematuhan Syariah

Selaras dengan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, satu Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah yang menyeluruh juga telah disediakan oleh Kumpulan Perbankan RHB yang mengandungi struktur tadbir urus Syariah Kumpulan Perbankan RHB, prinsip-prinsip dan komponen-komponen utama yang menyokong dasar sama, struktur pelaporan serta peranan dan tanggungjawabnya.

Pelbagai aktiviti yang melibatkan kajian semula, penilaian, latihan dan taklimat yang bertujuan untuk mewujudkan kesedaran Syariah serta program pembelajaran berterusan telah dijalankan sepanjang tahun untuk mendidik kakitangan tentang kepentingan keperluan Syariah dan pengawasan pematuhan.

## AUDIT DALAMAN

Audit Dalaman Kumpulan ("GIA") melaporkan secara berfungsi kepada BAC dan bebas daripada operasi dan aktiviti yang diaudit. Tanggungjawab utama GIA adalah untuk memberikan penilaian bebas mengenai kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dalaman dan proses tadbir urus Kumpulan Perbankan RHB yang dilaksanakan oleh Pengurusan.

Skop audit dalaman merangkumi semua aktiviti utama Kumpulan Perbankan RHB, termasuk cawangan, pusat perniagaan, operasi luar negara, pejabat perwakilan, anak syarikat serta aktiviti penyumberan luar. GIA mengguna pakai pendekatan berasaskan risiko dalam menentukan unit yang boleh diaudit dan kekerapan audit sejajar dengan risiko utama, strategi dan bidang tumpuan Kumpulan Perbankan RHB, yang mana dikenalpasti berdasarkan kaedah penilaian risiko GIA.

Bidang yang akan diaudit didokumentasikan dalam rancangan audit dalaman yang dibangunkan berdasarkan pendekatan berasaskan risiko dan diluluskan oleh BAC pada setiap tahun. Laporan audit yang termasuk penemuan audit terperinci, ulasan dan saranan GIA, dan tindak balas Pengurusan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Pengurusan ("MAC") dan BAC setiap bulan. Selain itu, laporan Audit Syariah juga dibentangkan kepada Jawatankuasa Syariah untuk makluman dan pertimbangan.

MAC yang ditubuhkan ditugaskan untuk memastikan bahawa isu-isu yang dibangkitkan oleh GIA, juruaudit luar dan pengawal selia ditangani dalam tempoh masa yang sesuai dan dipersetujui. Pengesahan kepada kesan ini mesti disediakan oleh pihak Pengurusan kepada GIA untuk pengesahan sebelum isu-isu yang berkenaan boleh ditutup di MAC.

Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan melaporkan secara berfungsi kepada BAC dan secara pentadbiran kepada Pengarah Urusan Kumpulan untuk memastikan kebebasan GIA dari Pengurusan.

Maklumat lanjut mengenai fungsi GIA disediakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Laporan Bersepadu ini.

## KESIMPULAN

Lembaga Pengarah, melalui BAC, BRC, IRMC and IBBRC, mengesahkan bahawa ia telah mengkaji kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan Perbankan RHB.

Berdasarkan kemas kini bulanan dari Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan jaminan yang diterima daripada Pengurusan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan Perbankan RHB beroperasi dengan secukupnya dan berkesan untuk tahun kewangan yang sedang dikaji dan sehingga tarikh kelulusan Pernyataan ini.

## SEMAKAN PENYATA OLEH JURUAUDIT LUAR

Seperti yang diperlukan oleh perenggan 15.23 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, juruaudit luar telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini. Ulasan jaminan terhadap mereka dilakukan mengikut Panduan Amalan Audit dan Jaminan ("AAPG") 3 yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia.

AAPG 3 tidak memerlukan juruaudit luar untuk memberi pendapat mengenai kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan Perbankan RHB.

# Analisis Pemegang Saham

setakat 28 Februari 2020

Bilangan Saham Diterbit : 4,010,045,621 saham biasa

Kelas Saham : Saham biasa

Hak Mengundi : Setiap pemegang saham yang hadir sendiri atau melalui proksi pada mana-mana Mesyuarat Pemegang Saham layak mendapat satu undian bagi setiap saham biasa yang dipegang

Bilangan Pemegang Saham : 17,482

Kategori	Bil. Pemegang Saham	% Pemegangan	Bil. Pemegang Saham	% Pemegangan
Kurang dari 100 saham	1,872	10.71	41,973	0.00
100 – 1,000 saham	2,721	15.56	1,424,381	0.04
1,001 – 10,000 saham	9,731	55.66	33,468,890	0.83
10,001 – 100,000 saham	2,211	12.65	65,259,987	1.63
100,001 dan kurang daripada 5% daripada saham terbitan	946	5.41	2,236,718,986	55.78
5% ke atas bagi saham terbitan	1	0.01	1,673,131,404	41.72
<b>Jumlah</b>	<b>17,482</b>	<b>100.00</b>	<b>4,010,045,621</b>	<b>100.00</b>

## PEMEGANG SAHAM UTAMA

Bil.	Nama Pemegang Saham Utama	Bilangan Saham			
		Langsung	%	Tidak Langsung	%
1.	Employees Provident Fund Board ("EPF") <sup>1</sup>	1,673,131,404	41.72	-	-
2.	OSK Holdings Berhad	406,171,518	10.13	-	-
3.	Tan Sri Ong Leong Huat @ Wong Joo Hwa <sup>2</sup>	-	-	406,171,518	10.13
4.	OSK Equity Holdings Sdn Bhd <sup>2</sup>	-	-	406,171,518	10.13
5.	Puan Sri Khor Chai Moi	29,997	*	406,171,518 <sup>2</sup>	10.13

### Nota:

\* Peratusan diabaikan.

<sup>1</sup> Kepentingan KWSP dipegang melalui beberapa pengurus dana.

<sup>2</sup> Dianggap berkepentingan menurut Seksyen 8 (4) Akta Syarikat 2016, menurut saham yang dipegang melalui OSK Holdings Berhad.

## KEPENTINGAN PARA PENGARAH DALAM SEKURITI SYARIKAT DAN PERBADANAN YANG BERKAITAN DENGANNYA

Syarikat	Pemegangan	
	Bil. Pemegang Saham	%
Tan Sri Ong Leong Huat @ Wong Joo Hwa - Tidak Langsung <sup>1</sup>	406,202,949	10.13
Tan Sri Saw Choo Boon - Langsung	30,000	*
Ong Ai Lin - Langsung	25,000	*

### Nota:

\* Peratusan diabaikan.

<sup>1</sup> Dianggap berkepentingan menurut Seksyen 8 (4) dan 59 Akta Syarikat 2016, menurut saham yang dipegang melalui OSK Holdings Berhad dan ahli keluarganya.

## Klasifikasi Pemegang Saham

setakat 28 Februari 2020

Kategori	Bil. Pemegang Saham		Pemegangan		% Jumlah Pemegangan	
	Malaysia	Asing	Malaysia	Asing	Malaysia	Asing
<b>Individu</b>						
Bumiputera	557	0	2,787,439	0	0.07	0.00
Cina	12,228	0	71,133,288	0	1.77	0.00
India	445	0	1,701,059	0	0.04	0.00
Lain-lain	56	428	240,127	5,182,727	0.01	0.13
<b>Badan Korporat</b>						
Bank/Syarikat Kewangan	32	0	436,078,032	0	10.87	0.00
Amanah Pelaburan/ Yayasan/Badan Amal	5	0	383,473	0	0.01	0.00
Syarikat-Syarikat Lain	293	20	228,155,023	25,068,715	5.69	0.63
<b>Agensi Kerajaan/Institusi</b>						
	2	0	876,790	0	0.02	0.00
<b>Calon-calon</b>						
	2,165	1,251	2,244,772,360	993,666,588	55.98	24.78
<b>Lain-lain</b>						
	0	0	0	0	0.00	0.00
<b>Jumlah</b>	<b>15,783</b>	<b>1,699</b>	<b>2,986,127,591</b>	<b>1,023,918,030</b>	<b>74.46</b>	<b>25.54</b>

## Perubahan Modal Saham

setakat 28 Februari 2020

Bilangan saham terbitan Syarikat setakat 28 Februari 2020 adalah 4,010,045,621 saham biasa.

Perubahan kepada bilangan saham yang diterbitkan sejak tahun 1999 adalah seperti berikut:

Tarikh	Bilangan Saham Diperuntukkan	Deskripsi	Bilangan Terkumpul Saham Terbitan	
			Saham Keutamaan	Saham Biasa
03/06/1999	308,500,000 (saham keutamaan)	Dikeluarkan menurut Perjanjian Penjualan Saham antara RHB Bank Berhad (RHB Bank), Rashid Hussain Berhad (sebagai penganjur), Perkhidmatan Kewangan Sime Darby Holdings Sdn Bhd dan KUB Malaysia Berhad untuk pengambilalihan 90.36% kepentingan ekuiti dalam Sime Bank Berhad.	308,500,000	3,899,971,952
03/06/1999	1,000,000,000 (saham keutamaan)	Dikeluarkan menurut Perjanjian Langganan bertarikh 30 November 1998 di antara Danamodal Nasional Berhad, RHB Capital Berhad (RHB Capital) dan RHB Bank.	1,308,500,000	3,899,971,952
01/09/1999	4,469,561 (saham keutamaan)	Diterbitkan selaras dengan pengambilan wajib 9.64% kepentingan ekuiti dalam Sime Bank Berhad.	1,312,969,561	3,899,971,952
23/09/1999	55,129,584 (saham keutamaan)	Diterbitkan selaras dengan pengambilan wajib 9.64% kepentingan ekuiti dalam Sime Bank Berhad.	1,368,099,145	3,899,971,952
27/03/2008	2,736,198,290 (saham biasa bernilai RM0.50 sesaham)	Dikeluarkan menurut Notis Penukaran yang diterima oleh RHB Bank berkenaan dengan pemegang Saham Keutamaan Boleh Tukar Tidak Kumulatif Boleh Tebus ("INCPS"), hasrat RHB Capital untuk menukar keseluruhan 1,368,099,145 INCPS yang berharga RM1.00 sesaham kepada saham biasa baharu bernilai RM0.50 setiap satu dalam RHB Bank.	-	6,636,170,242
31/10/2014	94,802,428 (saham biasa (RM0.50 sesaham))	Diterbitkan selaras dengan Terbitan Hak atas dasar 1 saham biasa baharu bagi setiap 70 saham biasa sedia ada yang dipegang.	-	6,730,972,670
03/04/2015	190,197,391 (saham biasa bernilai RM0.50 sesaham)	Diterbitkan selaras dengan Terbitan Hak atas dasar 28.26 saham biasa baharu bagi setiap 1,000 saham biasa sedia ada yang dipegang.	-	6,921,170,061
18/02/2016	Tidak berkenaan	Penyatuan setiap 2 saham biasa sedia ada bernilai RM0.50 sesaham kepada 1 saham biasa baharu bernilai RM1.00 sesaham.	-	3,460,585,030
07/04/2016	101,618,705 (saham biasa bernilai RM1.00 sesaham)	Diterbitkan selaras dengan Terbitan Hak atas dasar 29,3646 saham biasa baharu bagi setiap 1,000 saham biasa sedia ada yang dipegang.	-	3,562,203,735
14/04/2016	447,841,886 (saham biasa RM1.00 setiap satu)	Tunai.	-	4,010,045,621

# Senarai Tiga Puluh (30) Pemegang Saham Utama

setakat 28 Februari 2020

Bil.	Nama	Pemegangan	
		Bilangan Saham	%
1	<b>CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD</b> EMPLOYEES PROVIDENT FUND BOARD	1,673,131,404	41.72
2	<b>OSK HOLDINGS BERHAD</b>	190,271,518	4.74
3	<b>RHB NOMINEES (ASING) SDN BHD</b> AABAR INVESTMENTS PJS	169,524,060	4.23
4	<b>AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD</b> AMANAH SAHAM BUMIPUTERA	166,502,400	4.15
5	<b>KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)</b>	141,748,191	3.53
6	<b>RHB NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD</b> MALAYSIAN TRUSTEES BERHAD IKRAR SEKURITI UNTUK OSK HOLDINGS BHD (OSK I CM T1)	84,500,000	2.11
7	<b>RHB NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD</b> MALAYSIAN TRUSTEES BERHAD PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR OSK HOLDINGS BHD (OSK I CM MTN T2)	72,900,000	1.82
8	<b>CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD</b> GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (PAR 1)	66,731,404	1.66
9	<b>CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD</b> DIKECUALIKAN UNTUK AIA BHD	60,710,700	1.51
10	<b>PUBLIC INVEST NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD</b> UNTUK OSK HOLDINGS BERHAD	58,500,000	1.46
11	<b>AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD</b> AMANAH SAHAM MALAYSIA 3	36,876,760	0.92
12	<b>PERMODALAN NASIONAL BERHAD</b>	35,570,800	0.89
13	<b>CARTABAN NOMINEES (ASING) SDN BHD</b> DIKECUALIKAN UNTUK STATE STREET BANK & TRUST COMPANY (WEST CLT OD67)	35,394,217	0.88
14	<b>HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD</b> JPMCB NA FOR VANGUARD TOTAL INTERNATIONAL STOCK INDEX FUND	28,395,769	0.71
15	<b>CARTABAN NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD</b> PAMB UNTUK PRULINK EQUITY FUND	26,153,407	0.65
16	<b>HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD</b> JPMCB NA FOR VANGUARD EMERGING MARKETS STOCK INDEX FUND	23,939,400	0.60

Bil.	Nama	Pemegangan	
		Bilangan Saham	%
17	<b>CITIGROUP NOMINEES (ASING) SDN BHD</b> CBNY UNTUK NORGE BANK (FI 17)	19,901,488	0.50
18	<b>CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD</b> GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (PAR 3)	19,821,100	0.49
19	<b>GUOLINE (SINGAPORE) PTE LTD</b>	19,595,400	0.49
20	<b>HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD</b> JPMBL SA UNTUK STICHTING DEPOSITARY APG EMERGING MARKETS EQUITY POOL	15,044,995	0.38
21	<b>CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD</b> GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (LSF)	14,879,600	0.37
22	<b>HONG LEONG ASSURANCE BERHAD</b> AS BENEFICIAL OWNER (LIFE PAR)	14,444,500	0.36
23	<b>AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD</b> AMANAH SAHAM MALAYSIA 2 - WAWASAN	14,197,900	0.35
24	<b>CITIGROUP NOMINEES (ASING) SDN BHD</b> UBS AG	13,995,327	0.35
25	<b>MAYBANK SECURITIES NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD</b> PLEDGED SECURITIES ACCOUNT UNTUK CHUA MA YU	13,200,000	0.33
26	<b>CITIGROUP NOMINEES (ASING) SDN BHD</b> CBNY UNTUK DIMENSIONAL EMERGING MARKETS VALUE FUND	13,176,700	0.33
27	<b>CARTABAN NOMINEES (ASING) SDN BHD</b> GIC PRIVATE LIMITED UNTUK KERAJAAN SINGAPURA (C)	12,855,149	0.32
28	<b>CITIGROUP NOMINEES (ASING) SDN BHD</b> MACQUARIE BANK LIMITED (LONDON BRANCH)	11,782,431	0.29
29	<b>CITIGROUP NOMINEES (ASING) SDN BHD</b> DIKECUALIKAN UNTUK CITIBANK NEW YORK (NORGES BANK 14)	10,701,600	0.27
30	<b>DB (MALAYSIA) NOMINEE (ASING) SDN BHD</b> BNYM SA/NV UNTUK PEOPLE'S BANK OF CHINA (SICL ASIA EM)	10,546,300	0.26

## Senarai Sepuluh (10) Hartanah Utama

Lokasi	Pemilik	Deskripsi hartanah	Keluasan tanah (meter persegi)	Kegunaan	Usia bangunan (Tahun)	Tempoh	Tahun tamat tempoh pajakan	Nilai buku bersih 31.12.2019 (RM' 000)	Tahun pemerolehan atau penilaian semula
<b>MALAYSIA</b>									
<b>Kuala Lumpur</b>									
1. Menara 1, Menara 2 & 3, RHB Centre 424 & 426 Jalan Tun Razak	RHB Bank Berhad	Bangunan pejabat 12 tingkat & 16 tingkat	10,270	Ruang Pejabat	30 & 24	Pegangan Bebas	-	193,931	2016
<b>Pulau Pinang</b>									
2. 44 Lebuhraya Pantai Georgetown	RHB Bank Berhad	1 unit bangunan komersial 6 1/2 tingkat	896	Cawangan Bank	60	Pegangan Bebas	-	3,319	1968
3. Unit 11 & 12 Jalan Chain Ferry Tmn Inderawasih Seberang Prai	RHB Bank Berhad	2 unit bangunan komersial 3 tingkat	603	Cawangan Bank	25	Pegangan Bebas	-	3,415	1998
<b>Selangor</b>									
4. Lot No. 8 Jalan Institusi Bandar Baru Bangi	RHB Bank Berhad	Bangunan pejabat 6 tingkat, blok Latihan 5 tingkat, Blok IT 7 tingkat & blok tempat letak kereta 5 tingkat	55,713	Pusat Latihan	19	Pegangan Pajak	2090	63,900	1992
<b>Perak</b>									
5. No. 2,4,6 & 8 Jalan Tun Sambanthan Ipoh	RHB Bank Berhad	Bangunan pejabat 4 tingkat	890	Cawangan Bank	22	Pegangan Bebas	-	4,555	1991
<b>SINGAPURA</b>									
6. 90 Cecil Street	Banfora Pte Ltd	2 bangunan komersial	796	Bangunan Komersial	40	Pegangan Pajak	2980	145,342	1997
7. 10, Jalan Besar 01-03 Sim Lim Tower	RHB Bank Berhad	Tingkat bawah bangunan pejabat	543	Cawangan Bank	41	Pegangan Bebas	-	25,738	1999
8. 14A/B, 16A/B & 18A/B East Coast Road	RHB Bank Berhad	3 unit rumah kedai 3 tingkat Cawangan	442	Cawangan Bank	61	Pegangan Bebas	-	13,587	1999
9. 1/1A/1B Yio Chu Kang Road	RHB Bank Berhad	Tingkat pertama bangunan pejabat	101	Cawangan Bank	39	Pegangan Bebas	-	9,888	1999
10. No. 537/539 Geylang Road	RHB Bank Berhad	Rumah kedai 3 tingkat	374	Cawangan Bank	96	Pegangan Bebas	-	8,878	1999

Sumber maklumat untuk Nilai Buku Bersih ("NBV") setakat 31/12/2019 oleh Kumpulan Kewangan.

## Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kelima Puluh Empat (Ke-54)

**NOTIS DIBERI UNTUK TUJUAN** Mesyuarat Agung Tahunan ("MAT") yang Kelima Puluh Empat (ke-54) bagi Syarikat akan diadakan di Bilik Mesyuarat 3, Tingkat 16, Menara Tiga, Pusat RHB, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur pada hari Jumaat, 29 Mei 2020, jam 10.00 pagi untuk melaksanakan urusan-urusan berikut:

### AGENDA

#### SEBAGAI URUSAN BIASA:

- Untuk menerima Penyata Kewangan Diaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 dan Laporan Juruaudit ke atasnya. (Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 1)
- Untuk meluluskan dividen akhir satu peringkat sebanyak 18.5 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019. Resolusi Biasa 1
- Untuk memilih semula Pengarah-pengarah berikut yang akan bersara secara bergilir-gilir mengikut Perkara 94 Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan siapa yang layak tampil bagi pemilihan semula:
  - Tan Sri Dr Rebecca Fatima Sta Maria Resolusi Biasa 2
  - Dato' Khairussaleh Bin Ramli Resolusi Biasa 3

Encik Abdul Aziz Bin Peru Mohamed yang akan bersara secara bergilir-gilir mengikut Perkara 94 Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan Garis Panduan mengenai Tempoh Pemilihan/Pemilihan Semula Pengarah Bukan Eksekutif bagi Kumpulan Perbankan RHB (Garis Panduan Dalaman), telah menyatakan hasrat beliau untuk tidak dipilih semula. Justeru itu, beliau akan memegang jawatan tersebut sehingga tamatnya MAT ke-54 Syarikat.
- Untuk memilih semula para Pengarah berikut yang bersara mengikut Perkara 98 Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan siapa yang layak untuk tampil bagi pemilihan semula:
  - Datuk Seri Dr Govindan A/L Kunchambo Resolusi Biasa 4
  - Dato' Mohamad Nasir Bin Ab Latif Resolusi Biasa 5
- Untuk meluluskan bayaran yuran para Pengarah dan elaun Jawatankuasa Lembaga sebanyak RM1,690,547.97 kepada Pengarah Bukan Eksekutif bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019. Resolusi Biasa 6
- Untuk meluluskan bayaran yuran para Pengarah dan elaun Jawatankuasa Lembaga kepada para Pengarah Bukan Eksekutif dari 1 Januari 2020 sehingga MAT ke-55 Syarikat. Resolusi Biasa 7
- Untuk meluluskan bayaran imbuhan para Pengarah (tidak termasuk yuran para Pengarah dan elaun Jawatankuasa Lembaga) berjumlah RM1.79 juta kepada para Pengarah Bukan Eksekutif dari 30 Mei 2020 sehingga MAT ke-55 Syarikat. Resolusi Biasa 8
- Untuk melantik semula Tetuan PricewaterhouseCoopers PLT sebagai Juruaudit Syarikat untuk memegang jawatan sehingga tamatnya MAT ke-55 Syarikat, dengan imbuhan yang akan ditetapkan oleh para Pengarah. Resolusi Biasa 9

#### SEBAGAI URUSAN KHAS:

Untuk mempertimbangkan dan sekiranya wajar, meluluskan resolusi-resolusi berikut:

- Kuasa Pengarah untuk menerbitkan saham Resolusi Biasa 10
 

"BAHAWA tertakluk kepada Akta Syarikat 2016, Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan kelulusan pihak berkuasa pengawalselia/kerajaan berkaitan, para Pengarah adalah dengan itu diberi kuasa menurut Seksyen 75 dan 76 Akta Syarikat 2016, untuk menerbit dan memperuntukkan saham dalam Syarikat pada bila-bila masa dan atas apa-apa terma untuk tujuan sedemikian mengikut budi bicara mutlak para Pengarah sewajarnya, dengan syarat jumlah agregat saham yang diterbitkan tidak melebihi 10% daripada jumlah saham yang diterbitkan oleh Syarikat buat masa ini, DAN BAHAWA para Pengarah adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk mendapatkan kelulusan untuk penyenaiaan dan sebut harga saham tambahan yang diterbitkan di Bursa Malaysia Securities Berhad dan bahawa kuasa itu akan terus berkuatkuasa sehingga tamatnya MAT Syarikat yang berikutnya."
- Untuk melaksanakan sebarang urusan lain yang mana notis mengenainya akan diberi selaras dengan Akta Syarikat 2016.

# Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kelima Puluh Empat (Ke-54)

## NOTIS KELAYAKAN DAN PEMBAYARAN DIVIDEN

**NOTIS INI DENGAN INI DIBERIKAN BAHAWA** tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham bagi pembayaran dividen akhir satu peringkat sebanyak 18.5 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 ("Dividen Akhir") di bawah Resolusi 1 pada MAT ke-54 yang akan diadakan pada hari Jumaat, 29 Mei 2020, Dividen Akhir akan dibayar pada 26 Jun 2020 kepada para Pendeposit yang namanya dipaparkan dalam Rekod Pendeposit Syarikat pada 11 Jun 2020.

Seorang Pendeposit akan layak untuk hak kepada Dividen Akhir hanya berkaitan dengan:

- Sekuriti dipindahkan ke dalam akaun sekuriti Pendeposit sebelum pukul 4.30 petang pada 11 Jun 2020 bagi pindahan;
- Sekuriti yang didepositkan ke dalam akaun sekuriti Pendeposit sebelum pukul 12.30 tengahari pada 9 Jun bagi sekuriti yang dikecualikan daripada deposit mandatori; dan
- Sekuriti yang dibeli di Bursa Malaysia Securities Berhad atas dasar kelayakan menurut Peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah,

**Azman Shah Md Yaman (LS 0006901)**  
**Lai Su Ming (MAICSA No. 7046164)**  
Setiausaha-setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur  
30 April 2020

### NOTA:

#### Pelantikan Proksi

- Berhubung dengan sekuriti deposit, hanya ahli yang namanya tertera di dalam Rekod Pendeposit pada 21 Mei 2020 (Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung) berhak untuk menghadiri, bersuara dan mengundi pada MAT ke-54.
- Seorang ahli Syarikat yang berhak hadir dan mengundi pada mesyuarat agung berhak untuk melantik satu (1) orang atau lebih proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Seorang proksi boleh, tetapi tidak semestinya menjadi seorang ahli Syarikat.
- Borang Proksi mestilah ditandatangani oleh pelantik atau wakilnya yang telah diberi kuasa secara bertulis atau dalam kes sebuah perbadanan, hendaklah dilaksanakan dengan meterai syarikat atau dibuat secara bertulis oleh wakil yang telah diberi kuasa secara bertulis.
- Jika Borang Proksi dikembalikan tanpa sebarang petunjuk bagaimana proksi akan mengundi, proksi akan mengundi atau mengecualikan diri sebagaimana difikirkannya wajar.
- Di mana seorang ahli melantik dua (2) orang proksi, pelantikan adalah tidak sah kecuali beliau menyatakan bahagian pegangannya untuk diwakili oleh setiap proksi. Di mana seorang ahli Syarikat adalah seorang penama yang diberi kuasa sebagaimana ditakrif di bawah Akta Industri Sekuriti (Pendeposit Pusat) 1991 ("SICDA"), ia boleh melantik sekurang-kurangnya satu (1) orang proksi bagi setiap Akaun Sekuriti yang masih berbaki kredit saham-saham biasa Syarikat.
- Di mana seorang ahli Syarikat merupakan penama yang diberi kuasa dikecualikan, yang memegang saham-saham biasa dalam Syarikat untuk beberapa pemilik bermanfaat dalam satu (1) akaun sekuriti ("akaun omnibus"), tidak ada sebarang had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh penama yang diberikan kuasa dikecualikan bagi setiap akaun omnibus yang dipegang. Seorang penama yang diberi kuasa dikecualikan merujuk kepada seorang penama diberi hak yang ditakrif di bawah SICDA yang dikecualikan daripada pematuhan peruntukan subseksyen 25A(1) SICDA.
- Borang Proksi atau dokumen pelantikan lain hendaklah diserahkan ke Pejabat Pendaftar Syarikat, Boardroom Share Registrars Sdn Bhd, Tingkat 11, Menara Symphony, No. 5, Jalan Professor Khoo Kay Kim, Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor atau dikemukakan secara elektronik menerusi "Boardroom Smart Investor Portal" pada www.boardroomlimited.my tidak lewat daripada 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat atau sebarang penangguhannya.

### Nota Penjelasan

#### 1. Perkara 1 dalam Agenda – Penyata Kewangan yang telah Diaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

Perkara 1 dalam Agenda adalah bermaksud untuk perbincangan sahaja memandangkan peruntukan Seksyen 340(1)(a) Akta Syarikat 2016 tidak memerlukan kelulusan rasmi pemegang saham bagi Penyata Kewangan yang telah Diaudit. Oleh itu, Agenda ini tidak dikemukakan untuk pengundian.

#### 2. Resolusi Biasa 2, 3, 4 dan 5 – Pemilihan Semula Para Pengarah yang Bersara

2.1 Perkara 94 Tataurus Pertubuhan Syarikat menyatakan bahawa satu pertiga (1/3) daripada para Pengarah buat masa ini, atau sekiranya angka bukannya gandaan tiga (3), maka nombor yang terdekat kepada satu pertiga (1/3), akan bersara secara bergilir-gilir pada MAT Syarikat dan akan layak bagi pemilihan semula. Dengan saiz Lembaga Pengarah semasa sebanyak sebelas (11) orang, tiga (3) orang Pengarah akan bersara selaras dengan Perkara 94 Tataurus Pertubuhan Syarikat.

(a) Bagi tujuan menetapkan kelayakan para Pengarah untuk dipilih semula pada MAT ke-54, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan Lembaga Pengarah ("JPIL") telah menilai setiap Pengarah yang akan bersara, dan mempertimbangkan perkara berikut:

- Ciri-ciri, kecekapan dan sumbangan para Lembaga Pengarah berhubung dengan membuat keputusan, peranan yang dimainkan dan sumbangan kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, kecukupan latihan serta Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah ("BEE");
- Para Pengarah yang bersara adalah tertakluk kepada kajian semula dalaman bagi pemilihan semula setiap dua (2) tahun menurut Garis panduan Dalaman; dan
- Tahap penilaian bebas dibanding dengan penanda aras amalan terbaik dan peruntukan pengawalseliaan.

(b) Selaras dengan Lampiran 4 (Pendedahan Tadbir Urus Korporat) Dokumen Polisi mengenai Tadbir Urus Korporat diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") pada 3 Ogos 2016, Lembaga Pengarah telah menjalankan penilaian tahunan terhadap para Pengarah Syarikat berdasarkan kriteria prestasi yang relevan termasuk seperti berikut:

#### • Bahagian A: Penilaian Lembaga Pengarah

Bahagian A menilai keseluruhan perilaku dan budaya Lembaga Pengarah berdasarkan enam (6) dimensi yang dikenalpasti, iaitu membuat keputusan, berkomunikasi, dinamik Lembaga Pengarah, pemikiran, kepimpinan dan peri laku & budaya Lembaga Pengarah secara unit kolektif dan juga secara spesifik mengenai ciri-ciri, tatalaku dan prestasi Jawatankuasa Lembaga Pengarah secara individu.

Setiap soalan disertakan dengan ruangan komen untuk penjelasan mengenai penarafan yang dipilih. Responden digalakkan untuk memberi contoh-contoh yang akan menerangkan amalan yang relevan, situasi atau insiden sebenar yang dihadapi dalam memberi justifikasi penarafan.

#### • Bahagian B: Penilaian Diri & Rakan Lembaga Pengarah

Bahagian B menilai sumbangan individu ahli Lembaga Pengarah dan aspek mengenai ciri-ciri dan kualiti peribadi. Soal selidik dirangka untuk menilai para Pengarah mengenai ciri-ciri khusus seperti Ketangkasan, kekuatan, Kepimpinan Sosial, Sumbangan & Interaksi, Kualiti Input, Pemahaman tentang Peranan dan Kebebasan.

Berdasarkan keputusan BEE, Pengarah secara individu memenuhi kriteria prestasi yang diperlukan bagi Lembaga Pengarah yang berkesan dan berprestasi tinggi. Tambahan lagi, Lembaga Pengarah juga melantik pihak luar yang bebas secara berkala selaras dengan cadangan-cadangan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

- Berdasarkan perkara di atas, Lembaga Pengarah meluluskan cadangan Jawatankuasa Lembaga Pengarah Pencalonan dan Imbuan bahawa Tan Sri Dr Rebecca Fatima Sta Maria dan Dato' Khairussaleh Bin Ramli yang bersara selaras dengan Perkara 94 Tataurus Pertubuhan Syarikat layak bagi pemilihan semula. Dua (2) orang Pengarah yang akan bersara ini telah mengecualikan diri daripada perbincangan dan membuat keputusan mengenai kelayakan masing-masing untuk tampil bagi pemilihan semula di mesyuarat Lembaga Pengarah yang relevan.

Seksyen 54(2)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("FSA") menyatakan bahawa pelantikan, pemilihan, pemilihan semula dan pelantikan semula sebagai Pengerusi, Pengarah atau Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat adalah tertakluk kepada kelulusan bertulis BNM terlebih dahulu. Sehubungan dengan ini, kelulusan BNM mengenai cadangan pemilihan semula Tan Sri Dr Rebecca Fatima Sta Maria dan Dato' Khairussaleh Bin Ramli sebagai Pengarah di bawah Resolusi Biasa 2 dan 3 telah diperolehi.

Encik Abdul Aziz Bin Peru Mohamed yang bersara secara bergilir-gilir menurut Perkara 94 Tataurus Pertubuhan Syarikat dan Garis panduan Dalaman, telah menyatakan hasrat beliau untuk tidak tampil bagi pemilihan semula. Dengan itu, beliau akan terus memegang jawatan sehingga tamatnya MAT ke-54 Syarikat.

2.2 Perkara 98 Tataurus Pertubuhan Syarikat menyatakan bahawa mana-mana Pengarah dilantik akan memegang jawatan hanya sehingga MAT yang berikutnya, dan tidak layak bagi pemilihan semula tetapi tidak diambil kira dalam menentukan persaraan Pengarah secara bergilir-gilir pada mesyuarat demikian.

(a) Datuk Seri Dr Govindan A/L Kunchamboi telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Syarikat pada 1 Januari 2020. BNM telah pada 18 Disember 2019 memberikan kelulusan terhadap pelantikan beliau sebagai Pengarah (di bawah Resolusi Biasa 4) menurut Seksyen 54(2)(a) FSA.

(b) Dato' Mohamad Nasir Bin Ab Latif telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Syarikat pada 16 Mac 2020. BNM telah pada 10 Mac 2020 memberikan kelulusan terhadap pelantikan beliau sebagai Pengarah (di bawah Resolusi Biasa 5) menurut Seksyen 54(2)(a) FSA.

2.3 Tan Sri Saw Choo Boon, seorang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Syarikat yang akan bersara menurut Garis panduan Dalaman telah menyatakan hasrat untuk bersara sebagai Pengarah pada MAT ke-54 Syarikat. Oleh itu, beliau akan kekal memegang jawatan sehingga tamatnya MAT ke-54 Syarikat.



# Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kelima Puluh Empat (Ke-54)

## 3. Resolusi Biasa 6 dan 7 – Pembayaran Yuran Pengarah dan Elaun Jawatankuasa Lembaga Pengarah kepada Pengarah Bukan Eksekutif

Pengerusi Bukan Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif berhak menerima yuran Pengarah tahunan dan elaun Jawatankuasa Lembaga Pengarah tahunan. Yuran Pengarah semasa dan elaun Jawatankuasa Pengarah adalah seperti berikut:

Bil.	Penerangan	Pengerusi Bukan Eksekutif (RM)	Pengarah Bukan Eksekutif/Ahli (RM)
1	Yuran Tahunan Pengarah	200,000.00	175,000.00
<b>Elaun Jawatankuasa Lembaga Pengarah Tahunan</b>			
2	Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah	40,000.00	30,000.00
3	Jawatankuasa Pencalonan & Imbuan Lembaga Pengarah	40,000.00	30,000.00
4	Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah	40,000.00	30,000.00
5	Jawatankuasa Kredit Lembaga Pengarah	50,000.00	40,000.00

## 4. Resolusi Biasa 8 – Bayaran Imbuan Pengarah (tidak termasuk Yuran Pengarah dan Elaun Jawatankuasa Lembaga Pengarah) kepada Pengarah Bukan Eksekutif

Cadangan Imbuan Pengarah (tidak termasuk yuran Pengarah dan elaun Jawatankuasa Lembaga Pengarah) terdiri daripada elaun dan emolumen yang boleh dibayar kepada Pengarah Bukan Eksekutif. Dasar imbuan adalah seperti berikut:

Bil.	Penerangan	Pengerusi Bukan Eksekutif (RM)	Pengarah Bukan Eksekutif/Ahli (RM)
1	Elaun Bulanan Tetap <sup>(a)</sup>	25,000.00	Not Applicable
2	Elaun Mesyuarat (setiap mesyuarat):		
	(a) Lembaga Pengarah Syarikat	1,500.00	1,500.00
	(b) Jawatankuasa Lembaga Pengarah <sup>(b)</sup>	1,500.00	1,500.00
3	Skim Pengumpulan Perpisahan <sup>(c)</sup> (tahunan) (Ditubuhkan mulai 1 Januari 2017)	2,000.00	2,000.00
4	Manfaat lain: Keahlian kelab, Perlindungan insurans tanggungjawab Para Pengarah & Pegawai, pemandu, kereta dan elaun petrol, lain-lain.		

Nota:

- Elaun bulanan tetap diberikan kepada Pengerusi Syarikat sebagai Elaun Khas, bagi mengiktiraf peranan penting dalam kepimpinan dan pengawasan, dan skop tanggungjawab yang meluas yang dijangka daripada beliau.
- Jawatankuasa Pengarah yang disebut di atas adalah Jawatankuasa Berpusat yang dikongsi oleh Syarikat dan subsidiarinya yang berkaitan dalam Kumpulan Perbankan RHB.
- Selaras dengan "Skim Pengumpulan Perpisahan", jumlah sebanyak RM2,000 disalurkan setiap tahun untuk setiap Pengarah Bukan Eksekutif sepanjang tempoh tahun kalendar beliau berkhidmat dalam Kumpulan Perbankan RHB. Hadiah perpisahan akan diberikan kepada Pengarah Bukan Eksekutif sebaik sahaja beliau meninggalkan Kumpulan Perbankan RHB, sama ada melalui persaraan ataupun peletakan jawatan. Nilai hadiah tersebut ditentukan berdasarkan kelayakan beliau bagi nilai wang yang terkumpul.

Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan tidak menerima sebarang imbuan Pengarah.

Dalam menentukan anggaran jumlah imbuan (tidak termasuk yuran para Pengarah dan elaun Jawatankuasa Lembaga Pengarah) untuk Pengarah Bukan Eksekutif termasuk Pengerusi Bukan Eksekutif Lembaga Pengarah Syarikat, Lembaga Pengarah mempertimbangkan pelbagai faktor termasuk bilangan mesyuarat yang dijadualkan untuk Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah serta bilangan Pengarah Bukan Eksekutif yang terlibat dalam mesyuarat-mesyuarat ini.

Bayaran imbuan Pengarah Bukan Eksekutif akan dibuat oleh Syarikat secara bulanan dan/atau, bila-bila dianggap wajar, jika Resolusi Biasa 7 dan 8 yang dicadangkan telah diluluskan semasa MAT ke-54 Syarikat. Jawatankuasa Lembaga Pengarah berpandangan bahawa adalah adil dan saksama untuk Pengarah Bukan Eksekutif dibayar imbuan Pengarah secara bulanan dan/atau bila-bila dianggap wajar, khususnya selepas mereka telah melepaskan tanggungjawab mereka menjalankan tugas dan memberikan khidmat kepada Kumpulan Perbankan RHB sepanjang tempoh berkenaan tersebut.

## 5. Resolusi Biasa 9 – Pelantikan Juruaudit

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah ("JAL"), pada mesyuarat yang diadakan pada 23 Januari 2020, mengendalikan penilaian tahunan terhadap juruaudit luar Syarikat, Tetuan PricewaterhouseCoopers PLT ("PricewaterhouseCoopers") selaras dengan Garis panduan BNM mengenai Juruaudit Luar. Penilaian terbabit merangkumi perkara-perkara meluas seperti prestasi, kesesuaian, kebebasan dan objektif juruaudit luar berdasarkan kriteria kelayakan bagi pelantikan/pelantikan semula juruaudit dan terma penglibatan audit.

Berpuas hati dengan kriteria prestasi dan pencapaian mereka sebagaimana dinyatakan dalam Garispanduan BNM mengenai Juruaudit Luar, JAL mengesyorkan pelantikan semula PricewaterhouseCoopers sebagai juruaudit luar Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020. Jawatankuasa Lembaga Pengarah, pada mesyuarat yang diadakan pada 29 Januari 2020, meluluskan cadangan terbabit untuk kelulusan para pemegang saham untuk diperolehi pada MAT ke-54 Syarikat mengenai pelantikan semula PricewaterhouseCoopers sebagai juruaudit luar Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, di bawah Resolusi Biasa 9.

## 6. Resolusi Biasa 10 – Memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menerbitkan saham

Resolusi Biasa 10 yang dicadangkan adalah mandat am baharu kepada para Pengarah Syarikat untuk menerbitkan saham biasa Syarikat dari semasa ke semasa menurut seksyen 75 dan 76 Akta Syarikat 2016. Resolusi tersebut, sekiranya diluluskan, akan memberi kuasa kepada para Pengarah Syarikat untuk menerbitkan saham biasa dalam modal Syarikat dengan syarat bilangan agregat saham tidak melebihi 10% saham terbitan Syarikat pada masa itu (Mandat Am), tanpa perlu mengadakan mesyuarat agung. Mandat ini, kecuali ditarik balik atau diubah pada satu mesyuarat agung yang lain, akan luput pada pengakhiran MAT yang berikutnya.

Mandat Am tersebut akan membolehkan para Pengarah mengambil tindakan segera dalam, antara lainnya, perlunya latihan korporat atau wujudnya peluang perniagaan atau keadaan lain yang timbul, yang memerlukan penerbitan saham baru dan untuk mengelakkan penanguhan dan kos dalam menganjurkan mesyuarat agung untuk meluluskan isu saham tersebut. Walau bagaimanapun, mandat ini hanya akan dilaksanakan sekiranya Jawatankuasa Lembaga Pengarah menganggapnya sebagai suatu kepentingan yang terbaik untuk syarikat.

### Penyata Mengiringi Notis bagi MAT ke-54 Syarikat

Maklumat tambahan menurut Perenggan 8.27(2) Keperluan Penyenaian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dikemukakan dalam Lampiran A kepada Notis MAT ke-54 Syarikat.

## LAMPIRAN A

# Penyata Mengiringi Notis MAT Ke-54 Syarikat

(Selaras dengan Perenggan 8.27(2) Keperluan Penyenaraian Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad)

- (i) Butiran lanjut bagi individu-individu yang akan tampil untuk pemilihan sebagai Pengarah (tidak termasuk Pengarah yang tampil untuk pemilihan semula)

Tiada individu yang tampil untuk pemilihan sebagai Pengarah pada MAT ke-54 Syarikat.

- (ii) Pernyataan berhubung dengan mandat am bagi penerbitan sekuriti adalah selaras dengan Perenggan 6.03(3) keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad

Cadangan Resolusi Biasa 10 bagi adalah mandat am untuk menerbit sekuriti adalah mandat pembaharuan. Pada tarikh notis ini, tiada saham baru diterbitkan menurut mandat am yang diberikan kepada para Pengarah pada MAT yang lepas yang telah diadakan pada 24 April 2019.



[www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com)

**RHB Bank Berhad** 196501000373 (6171-M)  
Tingkat 10, Tower Satu, RHB Centre, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel : 603-9287 8888 Faks : 603-9281 9314  
[facebook.com/RHBGroup](https://www.facebook.com/RHBGroup)  
[twitter.com/RHBGroup](https://twitter.com/RHBGroup)